




KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



LAPORAN

TAHUNAN

KEMENTERIAN
KESIHATAN
MALAYSIA



2020

LAPORAN

TAHUNAN

KEMENTERIAN
KESIHATAN
MALAYSIA

2020

KANDUNGAN

SIDANG PENGARANG	4
PENYUMBANG	5
CARTA ORGANISASI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA	6
VISI & MISI	7
BAB 1 STATUS KESIHATAN	9
BAB 2 PENGURUSAN	17
BAB 3 KEWANGAN	47
BAB 4 KESIHATAN AWAM	59
BAB 5 PERUBATAN	119
BAB 6 PENYELIDIKAN & SOKONGAN TEKNIKAL	177
BAB 7 KESIHATAN PERGIGIAN	239
BAB 8 FARMASI	251
BAB 9 KESELAMATAN & KUALITI MAKANAN	263
BAB 10 PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN	275
BAB 11 PEMBANGUNAN	281
BAB 12 AUDIT DALAM	287
BAB 13 UNIT KOMUNIKASI KORPORAT	291
BAB 14 INTEGRITI	303
BAB 15 DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA	307
BAB 16 PROTECTHEALTH	319
BAB 17 PENYELIDIKAN KLINIKAL MALAYSIA	323
PENGHARGAAN	329

SIDANG PENGARANG

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
(PENGERUSI)
Ketua Pengarah Kesihatan, Malaysia

DATO' MOHD SHAFIQ BIN ABDULLAH
Ketua Setiausaha

DR. MOHD MOKHTAR BIN TAHAR
Timbalan Ketua Setiausaha
(Kewangan)

DATO' DR. CHONG CHEE KHEONG
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)

DATUK DR. NORHIZAN BIN ISMAIL
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Perubatan)

DATUK DR. HISHAMSHAH BIN MOHD IBRAHIM
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)

DR. NOORMI BINTI OTHMAN
Pengarah Kanan, Kesihatan Pergigian

PN. NORHALIZA BINTI A. HALIM
Pengarah Kanan, Perkhidmatan Farmasi

EN. MOHD SALIM BIN DULATTI
Pengarah Kanan, Keselamatan dan Kualiti Makanan

DR. ROZITA HALINA BINTI TUN HUSSEIN
Pengarah, Bahagian Perancangan

DR. NURAIDAH BINTI MARZUKI
(SEKRETARIAT)
Timbalan Pengarah, Pusat Informatik Kesihatan

PENYUMBANG

PENYELARAS

01 STATUS KESIHATAN

Pn. Suhaya binti Komari

02 PENGURUSAN

Pn. Nurul Huda binti Hassan @ Asan

En. Barshah bin Abu Bakar

En. Mohd Hadzrik bin Nor Osman

Pn. Nurul Hidayah binti Mohd Nor

En. Jesudian Arul Raj a/l Chelliah

Pn. Norhaslin binti Abd Halim

Pn. Lily Anak Matut

Pn. Siti Noor Aishah binti Abdullah

03 KEWANGAN

Pn. Janet Wan

Pn. Salmiah binti Selaman

Pn. Mawar Suhaila binti Sulaiman

Pn. Marina binti Maaris

04 KESIHATAN AWAM

Dr. Nur Alwani binti Suhaimi

Dr. Mohammad Syahir bin Shahrudin

Dr. Shazimah binti Abdul Samad

Dr. Normaslina binti Mustaza

Pn. Noreena Anak Kimi

Pn. Norfahimah binti Mohd Norddin

05 PERUBATAN

Dr. Noor Amelia binti Abd Rasid

Dr. Surenthiran a/l Panjanathan

Pn. Syuhairah binti Hamzah

Pn. L. Mageswary a/p Lapchmanan

Pn. Saibiah @ Salbiah binti Sindot

Dr. Muhammad Zubair bin Zain Al-Aabideen

06 PENYELIDIKAN & SOKONGAN TEKNIKAL

En. Md. Nor bin Mohamad

Ir. Sabariah binti Abdullah

En. Syarul Iman bin Saufi

Pn. Noral Elissa binti Ahmad Latffi

En. Mohd Idris bin Omar

07 KESIHATAN PERGIGIAN

Dr. Norashikin binti Mustapa Yahya

08 FARMASI

Pn. Bibi Faridha binti Mohd Salleh

Pn. Lau Ling Wei

09 KESELAMATAN & KUALITI MAKANAN

Pn. Ani Fadhlina binti Mustaffa

10 PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN

En. Muhammad Izzudin bin Abdul Jalil

En. Ahmad Farhan bin Mohd Yunus

11 PEMBANGUNAN

Pn. Tg Tijan Marjani binti Tg. Abdullah

12 AUDIT DALAM

Pn. Nor Asma binti Abdullah Sani

13 KOMUNIKASI KORPORAT

Pn. Nurul Ridzwani binti Ali Noor Radzi

Pn. Mona Ang

14 INTEGRITI

Pn. Siti Hamira binti Mohd Noh

15 DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA

Pn. Wan Nur Asyikin binti Mohd Yusof

16 PROTECTHEALTH

Dr. Muhammad Fairuz bin Abdullah

17 PENYELIDIKAN KLINIKAL MALAYSIA

En. Sathivani a/l Arirkishnan

PENGULAS

Dr. Sunita a/p Shanmugam

Dr. Affendi bin Isa

Pn. Nur Baizura binti Januri

Pn. Habsah binti Salleh

Dr. Shahidah Adilah binti Shith

Dr. Mohamed Fadli bin Kharie

Dr. Zulhairi bin Mohamad

Pn. Zaitun binti Mohd Taha

Pn. Haina Norwizana binti Isa

Pn. Suhaya binti Komari

Dr. Lew Kian Nian

Dr. Nafisah binti Mazlan

Dr. Naufal bin Nordin

Dr. Erwyn Ooi Chin Wei

Dr. Muhamad Hafizuddin bin Hamdan

En. Mohd Sabarudin bin Jaafar

En. Rushdi bin Mohamad Khir

Pn. Maimunah binti A. Rahman

En. Mohd Rosli bin Mahmood

PENYUNTING

Dr. Noriza binti Abdullah

Dr. Ahmad Aqram bin Rusli

Dr. Lew Kian Nian



VISI

Negara menggembelng tenaga ke arah kesihatan yang lebih baik

MISI

Misi Kementerian Kesihatan Malaysia adalah untuk menerajui dan berusaha bersama-sama:

- Untuk memudahkan dan membolehkan rakyat:
 - mencapai sepenuhnya potensi mereka dalam kesihatan
 - menghargai kesihatan sebagai aset paling berharga
 - mengambil tanggungjawab dan tindakan positif demi kesihatan mereka
- Untuk memastikan sistem kesihatan berkualiti tinggi, iaitu:
 - mengutamakan pelanggan
 - saksama
 - tidak membebankan
 - cekap
 - wajar mengikut teknologi
 - boleh disesuaikan mengikut persekitaran
 - inovatif
- dengan menekankan:
 - sifat penyayang, profesionalisme dan kerja berpasukan
 - sifat menghormati maruah insan
 - penglibatan masyarakat



01

STATUS KESIHATAN

PENGENALAN

Rakyat Malaysia hari ini secara umumnya adalah lebih sihat dan lebih produktif. Tahap kesihatan menyeluruh yang tercapai merupakan salah satu petunjuk kejayaan negara. Kesihatan yang baik membolehkan rakyat Malaysia mengecapi kehidupan yang produktif dan lebih bermakna. Tambahan pula, kesihatan yang baik menyumbang kepada kemakmuran dan kestabilan sosial secara keseluruhan.

STRUKTUR PENDUDUK

Jumlah penduduk Malaysia pada tahun 2020 adalah 32.66 juta orang dengan kadar pertumbuhan tahunan 2019 kepada 2020 sebanyak 0.41 peratus. Jumlah penduduk pada tahun 2020 meningkat sebanyak 0.14 juta berbanding 32.52 juta pada 2019. Taburan penduduk menunjukkan Selangor mempunyai jumlah penduduk paling ramai iaitu sebanyak 6.54 juta, manakala Wilayah Persekutuan Labuan merekodkan jumlah penduduk paling rendah sebanyak 0.10 juta. Wilayah Persekutuan Putrajaya merekodkan kadar pertumbuhan tahunan tertinggi sebanyak 6.08 peratus, sementara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merekodkan kadar pertumbuhan tahunan yang menurun sebanyak 0.49 peratus (**Jadual 1.1**).

Jadual 1.1
Bilangan Penduduk dan Kadar Pertumbuhan Penduduk Tahunan mengikut Negeri, Malaysia, 2019 dan 2020

Bil.	Negeri	Penduduk ('000)		Kadar Pertumbuhan Penduduk Tahunan (%)
		2019	2020 ^a	
1.	Johor	3,761.2	3,781.1	0.53
2.	Kedah	2,173.7	2,185.2	0.53
3.	Kelantan	1,883.8	1,906.7	1.22
4.	Melaka	928.4	932.7	0.46
5.	Negeri Sembilan	1,126.2	1,128.8	0.23
6.	Pahang	1,671.4	1,678.6	0.43
7.	Pulau Pinang	1,768.8	1,773.6	0.27
8.	Perak	2,508.8	2,510.3	0.06
9.	Perlis	254.0	254.9	0.35
10.	Selangor	6,506.1	6,538.1	0.49
11.	Terengganu	1,244.5	1,259.2	1.18
12.	Sabah	3,904.4	3,908.5	0.11
13.	Sarawak	2,806.0	2,816.5	0.37
14.	W.P. Kuala Lumpur	1,782.5	1,773.7	-0.49
15.	W.P. Labuan	99.3	99.6	0.30
16.	W.P. Putrajaya	103.7	110.0	6.08
	MALAYSIA	32,523.0	32,657.3	0.41

Nota:

1. Anggaran penduduk semasa 2019 dan 2020

2. Jumlah mungkin berbeza disebabkan pembundaran angka

3. ^a - anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (www.dosm.gov.my/PopulationQuickInfo)

Secara keseluruhan, Malaysia sebahagian besarnya adalah bandar dengan 76.7 peratus penduduk tinggal di kawasan bandar, manakala 23.3 peratus penduduk tinggal di kawasan luar bandar (**Jadual 1.2**). Pada tahun 2020, penduduk ekonomi-aktif (penduduk dalam kumpulan umur bekerja) iaitu penduduk yang berumur 15 hingga 64 tahun adalah seramai 22.8 juta atau 69.7 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk. Manakala penduduk umur muda dan tua masing-masing adalah 7.6 juta (23.3%) dan 2.3 juta (7.0%).

Jadual 1.2
Statistik Berkaitan Penduduk, 2020

Bil.	Penduduk	2020 ^a	
		Bilangan ('000)	% Daripada Jumlah Penduduk
1.	Lelaki	16,805.6	51.5
2.	Perempuan	15,851.7	48.5
3.	Bandar	25,048.2	76.7
4.	Luar bandar	7,609.1	23.3
5.	Kumpulan umur bekerja (15-64 tahun)	22,763.7	69.7
6.	Kumpulan umur muda (bawah 15 tahun)	7,600.3	23.3
7.	Kumpulan umur tua (65 tahun & ke atas)	2,293.2	7.0

Nota:

1. Anggaran penduduk semasa 2019 dan 2020

2. Jumlah mungkin berbeza disebabkan pembundaran angka

3. ^a - anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia ([www.dosm.gov.my/Population Quick Info](http://www.dosm.gov.my/PopulationQuickInfo))

Nisbah tanggungan adalah bilangan penduduk dalam kumpulan umur muda dan umur tua yang perlu ditanggung bagi setiap 100 orang dalam kumpulan umur bekerja. Nisbah tersebut terbahagi kepada nisbah tanggungan jumlah, nisbah tanggungan umur muda dan nisbah tanggungan umur tua. Nisbah tanggungan jumlah meningkat daripada 43.4 pada tahun 2019 kepada 43.5 pada tahun 2020. Nisbah tanggungan umur tua juga menunjukkan trend yang meningkat pada tahun 2020 kepada 10.1 berbanding 9.7 pada tahun 2019. Manakala nisbah tanggungan umur muda didapati menurun daripada 33.7 pada tahun 2019 kepada 33.4 pada tahun 2020.


STATUS KESIHATAN

Status kesihatan diukur melalui keadaan kesihatan individu dan penduduk secara keseluruhannya. Ianya boleh diukur melalui beberapa petunjuk kesihatan seperti status jangkaan hayat ketika lahir, kematian dan morbiditi.

JANGKAAN HAYAT KETIKA LAHIR

Jangkaan hayat merupakan umur (tahun) seorang dijangka akan dapat hidup pada permulaan umur tertentu. Jangkaan hayat ketika lahir merupakan bilangan tahun bayi yang baru lahir akan hidup jika corak kematian pada masa kelahirannya tetap sama sepanjang hayat. Pada tahun 2020, jangkaan hayat ketika lahir penduduk Malaysia telah meningkat 0.8 tahun kepada 74.9 tahun berbanding 74.1 tahun pada tahun 2010. Jangkaan hayat bagi lelaki meningkat 0.7 tahun kepada 72.6 tahun pada tahun 2020 berbanding 71.9 tahun pada tahun 2010, manakala bagi perempuan meningkat 1.0 tahun kepada 77.6 tahun pada 2020 berbanding 76.6 tahun pada tahun 2010 (**Rajah 1.1**).

Rajah 1.1
Jangkaan Hayat Ketika Lahir, Malaysia, 2010-2020



Nota:

p = Data permulaan

e = Data anggaran


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

KEMATIAN

Data kematian merupakan sumber yang berguna dalam pengukuran tahap kesihatan. Data ini menunjukkan tahap kesihatan komuniti secara komprehensif kerana ia melibatkan setiap individu.

Trend kadar kematian kasar (CDR), kadar kematian neonatal (NMR), kadar kematian bayi (IMR) dan nisbah kematian ibu bersalin (MMR) di Malaysia bagi tempoh 1990 hingga 2019 adalah seperti di [Rajah 1.2](#). Bagi tempoh 1990 hingga 2019, kadar kematian kasar di Malaysia telah meningkat daripada 4.6 bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 1990 kepada 5.3 bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2019. Peningkatan juga ditunjukkan dalam nisbah kematian ibu bersalin daripada 18.6 bagi setiap 100,000 kelahiran hidup pada tahun 1990 kepada 21.1 bagi setiap 100,000 kelahiran hidup pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, kadar kematian neonatal dan kadar kematian bayi menunjukkan penurunan masing-masing daripada 8.5 kepada 4.1 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup dan 13.1 kepada 6.4 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup. Trend bagi kadar kematian yang lain dari ditunjukkan dalam [Jadual 1.3](#).

Rajah 1.2
Kadar Kematian di Malaysia, 1990 hingga 2019



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 1.3
Kadar Kematian di Malaysia, 2012 hingga 2019

Bil.	Petunjuk	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019
1.	Kadar kematian kasar (setiap 1,000 penduduk)	4.7	4.7	4.9	5.0	5.1	5.3	5.3	5.3
2.	Kadar kelahiran mati (setiap 1,000 kelahiran)	4.3	4.3	4.3	4.4	5.2	5.4	5.5	5.4
3.	Kadar mortaliti perinatal (setiap 1,000 kelahiran)	7.3	7.3	7.4	7.7	8.3	8.7	8.9	8.4
4.	Kadar mortaliti neonatal (setiap 1,000 kelahiran hidup)	4.0	4.0	4.2	4.3	4.2	4.4	4.6	4.1
5.	Kadar mortaliti bayi (setiap 1,000 kelahiran hidup)	6.2	6.3	6.7	6.9	6.7	6.9	7.2	6.4
6.	Kadar mortaliti kanak-kanak 1-4 tahun (setiap 1,000 penduduk berumur 1-4 tahun)	0.4	0.4	0.4	0.4	0.4	0.4	0.4	0.3
7.	Kadar mortaliti kurang daripada 5 tahun (setiap 1,000 kelahiran hidup)	7.6	7.9	8.3	8.4	8.1	8.4	8.8	7.7
8.	Nisbah mortaliti ibu bersalin (setiap 100,000 kelahiran hidup)	23.2	21.4	22.3	23.8	29.1	25.0	23.5	21.1

Sumber: *Perangkaan Penting Malaysia, 2020, Jabatan Perangkaan Malaysia*

MORBIDITI

Status kesihatan sesebuah komuniti diukur berdasarkan kepada morbiditi yang memfokuskan kepada insiden atau penularan penyakit.

Kemasukan ke hospital menunjukkan tahap keseriusan penyakit yang memerlukan rawatan lanjut, penstabilan pesakit atau keperluan pengasingan pesakit untuk mencegah penularan penyakit. Jumlah kemasukan ke hospital KKM pada tahun 2020 menunjukkan penurunan sebanyak 13.5 peratus kepada 2,386,818 berbanding 2,759,533 pada 2019. 10 punca utama kemasukan ke hospital KKM untuk tahun 2020 adalah seperti di **Jadual 1.4**. Senarai penyakit diklasifikasikan mengikut *International Statistical Classification of Disease 10th Revision* (ICD-10). Pada tahun 2020, punca utama kemasukan ke hospital KKM paling tinggi adalah bagi kehamilan dan kelahiran (22.24%) diikuti oleh *certain conditions originating in the perinatal period* (10.67%) dan penyakit sistem pernafasan (9.01%).

Jadual 1.4
10 Punca Utama Kemasukan ke Hospital KKM, 2020^P

Bil.	Punca Utama	ICD-10	Peratus Daripada Jumlah Discaj (%)
1.	<i>Chapter XV: Pregnancy, childbirth and the puerperium</i>	O00-O99	22.14
2.	<i>Chapter XVI: Certain conditions originating in the perinatal period</i>	P00-P96	10.61
3.	<i>Chapter X: Diseases of the respiratory system</i>	J00-J99	8.97
4.	<i>Chapter IX: Diseases of the circulatory system</i>	I00-I99	8.82
5.	<i>Chapter XIX: Injury, poisoning and certain other consequences of external causes</i>	S00-T98	6.88
6.	<i>Chapter I: Certain infectious and parasitic diseases</i>	A00-B99	6.76
7.	<i>Chapter II: Neoplasms</i>	C00-D48	5.15
8.	<i>Chapter XI: Diseases of the digestive system</i>	K00-K93	4.65
9.	<i>Chapter XIV: Diseases of the genitourinary system</i>	N00-N99	4.20
10.	<i>Chapter XXII: Codes for special purposes</i>	U00-U89	3.36

Nota: Berdasarkan 3-digit code grouping, ICD-10

^P - data permulaan

Sumber: MyHDW Fixed Format Report 2020 (seperti pada 31 Mei 2021).

Jumlah kematian (bagi semua punca) yang direkodkan di hospital KKM menunjukkan pengurangan sebanyak 9.7 peratus daripada 64,395 kematian pada 2019 kepada 58,144 kematian pada 2020. Mulai tahun 2014, penentuan penyebab kematian di hospital KKM adalah berdasarkan kepada *underlying cause of death* seperti yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Penyakit sistem peredaran darah merupakan punca kematian yang tertinggi di hospital KKM yang dicatatkan pada 2020 (23.22%), diikuti oleh penyakit sistem pernafasan (19.69%) dan penyakit berjangkit (13.02%). 10 punca utama kematian di hospital KKM pada 2020 adalah seperti **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5
10 Punca Utama Kematian* di Hospital KKM, 2020^P

Bil.	Punca Utama	ICD-10	Peratus Daripada Jumlah Kematian (%)
1.	<i>Chapter IX: Diseases of the circulatory system</i>	I00-I99	22.64
2.	<i>Chapter X: Diseases of the respiratory system</i>	J00-J99	19.52
3.	<i>Chapter I: Certain infectious and parasitic diseases</i>	A00-B99	11.83
4.	<i>Chapter II: Neoplasms</i>	C00-D48	11.61
5.	<i>Chapter XVIII: Symptoms, signs and abnormal clinical and laboratory findings, not elsewhere classified</i>	R00-R99	6.58
6.	<i>Chapter XIV: Diseases of the genitourinary system</i>	N00-N99	6.12
7.	<i>Chapter IV: Endocrine, nutritional and metabolic diseases</i>	E00-E90	5.79
8.	<i>Chapter XI: Diseases of the digestive system</i>	K00-K93	4.75
9.	<i>Chapter XVI: Certain conditions originating in the perinatal period</i>	P00-P96	2.21
10.	<i>Chapter VI: Diseases of the nervous system</i>	G00-G99	2.07

*Nota: * berdasarkan underlying cause of death*

berdasarkan 3-digit code grouping, ICD-10

^P - permulaan

Sumber: MyHDW Fixed Format Report, 2020 (seperti pada 31 Mei 2021).

FASILITI KESIHATAN DAN PENGGUNAAN FASILITI

Bilangan hospital KKM pada tahun 2020 adalah 146 buah hospital yang terdiri daripada 135 buah hospital dan 11 buah institusi perubatan khas dengan bilangan katil masing-masing sebanyak 38,543 dan 5,574 katil. Kadar penggunaan katil (*Bed Occupancy Rate*, BOR) untuk hospital dan institusi perubatan khas KKM pada 2020 adalah 64.72 peratus ([Jadual 1.6](#)).

Terdapat sebanyak 1,051 Klinik Kesihatan, 1,752 Klinik Desa dan 87 Klinik Kesihatan Ibu dan Anak pada tahun 2020. Mulai 1 Januari 2019, nama Klinik 1Malaysia (K1M) telah ditukar kepada Klinik Komuniti (KKom) dan sehingga 31 Disember 2020, terdapat sebanyak 257 buah KKom di seluruh negara telah beroperasi dan memberikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk. Perkhidmatan yang disediakan oleh KKom adalah sama seperti K1M yang telah diperkenalkan pada tahun 2010 yang menyediakan perkhidmatan perubatan asas bagi masalah kesihatan dan kecederaan ringan yang sering dihadapi oleh komuniti.

Jadual 1.6

Fasiliti Kesihatan mengikut Jenis, Bilangan Katil dan BOR, Kementerian Kesihatan Malaysia, 2015 hingga 2020

FASILITI	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Bilangan Hospital	143	144	144	144	144	146
- Hospital	134	135	135	135	135	136
- Institusi Perubatan Khas	9	9	9	9	9	10
Bilangan Katil Rasmi¹	41,389	41,995	42,302	42,434^R	42,936	44,117
- Hospital	36,447	37,293	37,470	37,619	38,131	38,671
- Institusi Perubatan Khas	4,942	4,702	4,832	4,815	4,805	5,446
Kadar Penggunaan Katil, BOR (%)¹	71.06	70.13	60.75	68.75^R	70.01	64.72
Bilangan Klinik Kesihatan	958	969	994	1,000	1,027	1,051
Bilangan Klinik Desa	1,808	1,803	1,798	1,791	1,771	1,753
Bilangan Klinik Kesihatan Ibu dan Anak	103	91	91	90	87	87
Bilangan Klinik 1Malaysia/ Klinik Komuniti²	334	357	342	343	286	260

Nota: ¹ merujuk kepada bilangan katil dan BOR di hospital dan institusi perubatan khas KKM

² Mulai 1 Januari 2019, K1M dikenali sebagai Klinik Komuniti (KKom)

^R - kemaskini

Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, KKM



02

PENGURUSAN

PENGENALAN

Program Pengurusan terdiri daripada lapan (8) bahagian/unit yang bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha, iaitu lima (5) bahagian di bawah Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) dan tiga (3) bahagian di bawah Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan). Objektif utama program ini adalah untuk memudahkan dan menyokong pencapaian dasar dan objektif Kementerian Kesihatan Malaysia dengan menyokong program lain menerusi sistem perkhidmatan yang cekap dan berkesan, pengurusan sumber manusia, pengurusan teknologi maklumat, pembangunan latihan dan kemahiran serta pengurusan kewangan.

Bahagian-bahagian di bawah Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) adalah seperti berikut:

- i. Bahagian Sumber Manusia (BSM);
- ii. Bahagian Pengurusan Latihan (BPL);
- iii. Bahagian Pembangunan Kompetensi (BPK);
- iv. Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP); dan
- v. Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM).

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA (BSM)


Pada tahun 2020, negara kita telah menghadapi cabaran pandemik COVID-19 yang memberi implikasi kepada sektor kesihatan termasuk sumber manusia. KKM telah melaksanakan pelbagai pendekatan strategik dan inklusif dalam pengurusan sumber manusia bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat tidak terjejas. Justeru, pengurusan sumber manusia merupakan elemen penting bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program pembangunan sektor kesihatan negara. Bahagian Sumber Manusia (BSM) berperanan untuk merancang dan memastikan KKM mempunyai struktur perjawatan dan organisasi yang mantap.

PERJAWATAN DAN PENGISIAN DI KKM

Sehingga 31 Disember 2020, pengisian di KKM adalah sebanyak 94.4 peratus (255,003) daripada 270,177 perjawatan. [Rajah 2.1](#) menerangkan perincian pengisian di KKM mengikut kumpulan perkhidmatan.


Sehingga 31 Disember 2020, jumlah keseluruhan pengisian lima (5) skim perkhidmatan utama di KKM adalah seramai 125,085 orang seperti [Rajah 2.2](#). Daripada jumlah tersebut, seramai 32,630 orang Pegawai Perubatan tetap di KKM merangkumi 5,664 orang Pegawai Perubatan Pakar, 22,148 orang Pegawai Perubatan bukan pakar, 131 orang Pegawai Perubatan Siswazah dan 4,687 Pegawai Perubatan di Jawatan Simpanan Latihan (JSL) dan Kumpulan.

Rajah 2.1
Kedudukan Pengisian Perjawatan di KKM Sehingga 31 Disember 2020 Mengikut Kumpulan Perkhidmatan



*Nota: Pengurusan dan Profesional adalah termasuk Pengurusan Tinggi, Pakar dan JUSA serta Skim Bersepadu. Jumlah pengisian mengambil kira pengisian kader seramai 2,694.
 Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM*

Rajah 2.2
Pengisian Bagi Skim Perkhidmatan Utama di KKM Sehingga 31 Disember 2020



Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

PELANTIKAN KONTRAK TIGA SKIM UTAMA DAN SKIM PERKHIDMATAN PARAMEDIK DAN AUKSILIARI

Sehingga 31 Disember 2020, seramai 37,350 pegawai lantikan secara kontrak yang terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan termasuk tiga (3) skim utama dan skim perkhidmatan Paramedik dan Aukiliari. Perincian pelantikan kontrak ini adalah seperti [Jadual 2.1](#).

Jadual 2.1
Pelantikan Kontrak Tiga Skim Utama Dan Skim Perkhidmatan Paramedik Dan Aukiliari

Bil.	Skim Perkhidmatan	Bilangan
Pelantikan kerana keperluan perkhidmatan kepakaran		
1.	Pakar Perubatan	17
Pelantikan atas keperluan Akta untuk latihan siswazah dan khidmat wajib		
2.	Pegawai Perubatan Gred UD41	22,334
3.	Pegawai Pergigian Gred UG41	4,491
4.	Pegawai Farmasi Gred UF41	5,509
Pelantikan kerana membantu penyampaian perkhidmatan kesihatan		
5.	Jururawat Gred U29	1,155
6.	Penolong Pegawai Perubatan Gred U29	2,933
7.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29	345
8.	Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U19	396
9.	Jurupulih Perubatan Fisioterapi Gred U29	84
Jumlah Keseluruhan		37,350

Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

URUSAN KENAIKAN PANGKAT

Urusan kenaikan pangkat merupakan elemen penting dalam pengurusan sumber manusia yang merupakan pemangkin kepada penghasilan pegawai yang berkaliber dan menjadi faktor motivasi kepada pegawai berkenaan. Urusan kenaikan pangkat di KKM pada tahun 2020 adalah seperti [Rajah 2.3](#).

Rajah 2.3
Bilangan Pegawai Yang Terlibat Dalam Urusan Kenaikan Pangkat Bagi Tahun 2020



Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM


Imej 2.1 Majlis Pengiktirafan Pegawai SME KKM



Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

HUMAN RESOURCE MANAGEMENT INFORMATION SYSTEM (HRMIS)

HRMIS merupakan instrumen yang penting dalam memastikan ketepatan dan integriti data pengurusan sumber manusia. Sistem ini mengandungi maklumat pengurusan data personel, profil perkhidmatan, maklumat peribadi dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT). Pencapaian pelaksanaan HRMIS di KKM merupakan salah satu KPI bagi Ketua Setiausaha Kementerian. Pada tahun 2020, pencapaian pelaksanaan HRMIS oleh Kementerian adalah sebanyak 100 peratus. Perincian pencapaian HRMIS KKM bagi tahun 2020 adalah seperti [Rajah 2.4](#).



Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

PENAMBAHBAIKAN PROSES KERJA MELALUI OFFICE AUTOMATION

KKM telah menambah baik proses kerja melalui *office automation* melibatkan pelaksanaan berikut:

- i. Penggunaan submodul pertukaran HRMIS bagi urusan pertukaran 95 skim perkhidmatan di KKM
- ii. Penjenamaan semula Sistem Maklumat Pengurusan Profesional 2.0 (MySYMPP) kepada *Human Resource Information System* (HRIS) - dengan kejayaan pembangunan Modul Perjawatan dan Pengisian bagi memastikan urusan perjawatan dan pengisian pegawai telus dan cekap.

PENAMBAHBAIKAN ELAUN KEMUDAHAN DAN SKIM PERKHIDMATAN ANGGOTA KKM

KKM melalui BSM telah melaksanakan arahan untuk menambah baik elaun dan kemudahan kepada anggota KKM bagi mengekalkan mereka dalam perkhidmatan awam dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan. Elaun dan kemudahan yang ditambah baik adalah seperti berikut:

- i. Pengekalan Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) kepada skim perkhidmatan kritikal di KKM;
- ii. Kajian pengukuhan pemberian elaun dalam perkhidmatan awam melibatkan 18 jenis di bawah klasifikasi perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan. Kajian ini melibatkan pengekalan 16 jenis elaun dan pemansuhan dua (2) elaun dan pindaan nama bagi enam (6) jenis elaun; dan
- iii. Kajian semula 48 skim perkhidmatan tertutup di KKM melibatkan pewujudan skim perkhidmatan baharu, pindaan perbekalan skim perkhidmatan, tukar lantik, tukar Ketua Perkhidmatan dan penjumudan skim perkhidmatan.


MEMPERKASAKAN KAPASITI PENTADBIRAN DAN MENINGKATKAN TADBIR URUS

Pemeriksaan kapasiti pentadbiran dan peningkatan tadbir urus melalui pelaksanaan strategik berikut:

- i. Pembangunan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Sumber Manusia (IASM) bagi memastikan pematuhan dalam pengurusan sumber manusia perkhidmatan teras dan bukan teras mengikut dasar semasa kerajaan dan dijadikan sebagai *Management Tool*. Pelaksanaan IASM melibatkan Pengurusan Sumber Manusia di KKM meliputi Jabatan Kesihatan Negeri (JKN)/Pejabat Kesihatan Daerah (PKD)/hospital/institusi dan fasiliti kesihatan. Bagi tahun 2020, pelaksanaan IASM telah melibatkan 50 fasiliti kesihatan di seluruh JKN di Malaysia. Daripada 50 fasiliti kesihatan yang terlibat, sebanyak 15 fasiliti (30%) berjaya mendapat penilaian lima (5) bintang (markah 95%-100%), manakala 29 fasiliti (58%) telah mendapat penilaian empat (4) bintang (markah 80%-95%) dan tiga (3) fasiliti mendapat penilaian tiga (3) bintang. Cadangan penambahbaikan telah diberikan kepada fasiliti yang berkenaan bagi menambah baik pengurusan sumber manusia.
- ii. Garis Panduan Bagi Pengurusan Emolumen di KKM bagi memantapkan tadbir urus KKM serta kecekapan dalam melaksanakan urusan sumber manusia dan kewangan di seluruh Pusat Tanggungjawab (PTJ) terlibat.

Imej 2.2

Garis Panduan Pengurusan Emolumen KKM



Garis Panduan Pengurusan Emolumen KKM



QR kod Garis Panduan Pengurusan Emolumen KKM

Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DALAM MENANGANI PANDEMIK COVID-19

PEMBERIAN ELAUN BAYARAN ELAUN KHAS KEPADA DOKTOR DAN ANGGOTA KESIHATAN DALAM MENANGANI DAN MEMBENDUNG PENULARAN PANDEMIK COVID-19

Kerajaan telah memberikan Elaun Khas COVID-19 kepada petugas kesihatan sebanyak RM400 sebulan mulai Mac 2020 dan telah dinaikkan kepada RM600 sebulan mulai April 2020. Pemberian Elaun Khas COVID-19 merupakan elaun tambahan yang diberi oleh Kerajaan bagi menghargai petugas barisan hadapan yang secara langsung terdedah kepada risiko jangkitan semasa melaksanakan tugas dalam usaha menangani dan membendung pandemik COVID-19. Sehingga 31 Disember 2020, sebanyak RM367 juta tuntutan telah dibayar bagi berjumlah 793,716 tuntutan yang diluluskan. Surat pekeliling dan garis panduan juga disediakan sebagai panduan kepada ketua jabatan dan pegawai yang menjelaskan tatacara bagi memastikan pengurusan elaun tersebut teratur dan mematuhi peraturan kewangan.

PELANTIKAN KONTRAK PETUGAS KESIHATAN

Sehingga 31 Disember 2020, seramai 8,330 petugas kesihatan daripada pelbagai skim perkhidmatan telah dilantik secara kontrak untuk membantu dalam pengurusan wabak COVID-19 bagi tempoh tiga (3) hingga 12 bulan. Ini termasuk pembelian perkhidmatan daripada 200 kauselor berdaftar untuk memberi khidmat kauceling dan sokongan psikososial kepada pelanggan di Klinik Kesihatan di seluruh negara. Perincian lantikan mengikut skim perkhidmatan adalah seperti [Jadual 2.2](#). Dalam pada itu, seramai 3,622 pegawai lantikan kontrak yang terdiri daripada 585 Pegawai Perubatan, 1,071 Pegawai Pergigian dan 1,966 Pegawai Farmasi dilantik semula melalui kontrak secara *one-off* bagi tempoh 12 bulan untuk membantu menangani pandemik COVID-19.

Jadual 2.2
Lantikan Kontrak Khas Bagi Menangani Pandemik COVID-19

Bil.	Peruntukan	Jumlah Pelantikan
1.	Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) PRIHATIN	2,376 Petugas Kesihatan a) Jururawat b) Jururawat Pesara/ Swasta c) Penolong Pegawai Perubatan (PPP) d) Juruteknologi Makmal Perubatan (JTMP) e) Pegawai Sains
2.	Kumpulan Wang COVID-19	44 Contract For Service (CFS) Doktor Swasta/ Pakar Swasta 200 CFS Pembelian Khidmat Kaunselor 1,634 Anggota Paramedik a) Jururawat b) Penolong Pegawai Perubatan c) Juruteknologi Makmal Perubatan d) Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran 485 Petugas Kesihatan a) Juruteknologi Makmal Perubatan b) Pegawai Sains c) Juru X-Ray
3.	Peruntukan sedia ada KKM	3,591 Petugas Kesihatan a) Juruteknologi Makmal Perubatan b) Pegawai Sains c) Juru X-Ray d) Penolong Pegawai Perubatan e) Jururawat
Jumlah Keseluruhan		8,330

Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

PENGURUSAN PENEMPATAN DAN MOBILISASI ANGGOTA KKM

Bagi menampung keperluan perkhidmatan dalam menangani penularan pandemik COVID-19, KKM juga melaksanakan mobilisasi petugas kesihatan bagi membantu skop tugas di lapangan dan rawatan perubatan di fasiliti kesihatan.

Imej 2.3
Mobilisasi Petugas Kesihatan



Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

HALA TUJU

KKM sentiasa meningkatkan usaha bagi memperkukuhkan dan menambah baik perkhidmatan kesihatan dan pengurusan sumber manusia bagi meningkatkan lagi ketelusan dan kecekapan perkhidmatan kesihatan selaras dengan visi dan objektif KKM.


BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN

Bahagian Pengurusan Latihan (BPL) berperanan untuk memastikan peluang latihan ke atas setiap anggota KKM melalui proses pembelajaran yang berkualiti. Sejalan dengan objektif Bahagian ini untuk membangunkan modal Insan KKM yang cemerlang melalui pelan latihan yang strategik, pelbagai aktiviti dilaksanakan melalui program-program latihan bertujuan untuk melahirkan tenaga kerja yang berpengetahuan, kompeten, berdisiplin, dan didokong dengan etika kerja yang kukuh serta komitmen untuk mencapai kecemerlangan.

PERANCANGAN TENAGA MANUSIA


Unjuran permintaan dan bekalan Pegawai Perubatan mendapati peningkatan bekalan bagi profesion tersebut dalam tahun 2020 adalah masih tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan negara seperti ditunjukkan dalam [Rajah 2.5](#). Walau bagaimanapun, jurang antara permintaan dan bekalan profesion ini semakin mengecil dengan kapasiti latihan yang diperluas oleh Universiti Awam, Institusi Pengajian Tinggi Swasta serta graduan dari luar negara.

Rajah 2.5
Keperluan dan Bekalan Pegawai Perubatan Semasa dan Unjuran, Dengan Nisbah 1 : 400 Terhadap Populasi Penduduk



Sumber: Bahagian Pengurusan Latihan, KKM


Rajah 2.6
Keperluan dan Bekalan Pegawai Pergigian Semasa dan Unjuran, Dengan Nisbah 1 : 3,000 Terhadap Populasi Penduduk



Sumber: Bahagian Pengurusan Latihan, KKM

Rajah 2.7

Keperluan dan Bekalan Pegawai Farmasi Semasa dan Unjuran, Dengan Nisbah 1 : 2,000 Terhadap Populasi Penduduk



Sumber: Bahagian Pengurusan Latihan, KKM


PROGRAM LATIHAN

Latihan Pra-Perkhidmatan

Pada tahun 2020, sejumlah 1,452 tempat telah ditawarkan bagi 12 program Latihan Separa Perubatan di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM). Daripada jumlah penawaran tersebut, pelatih yang melapor diri adalah seramai 1,342. Jumlah pengambilan pelatih (data lapor diri) bagi tahun 2020 adalah lebih rendah berbanding tahun 2019 kerana pengambilan hanya dapat dilaksanakan sekali sahaja sepanjang tahun tersebut. Pengambilan sesi Julai 2020 tidak dapat dilaksanakan sebagai langkah untuk membendung penularan pandemik Covid-19. Perbandingan pengambilan pelatih bagi tahun 2019 dan 2020 mengikut program adalah seperti dalam [Rajah 2.8](#).

Rajah 2.8

Perbandingan Pengambilan Pelatih Mengikuti Latihan Separa Perubatan, 2019 hingga 2020



Sumber: Bahagian Pengurusan Latihan, KKM


Kursus Pengkhususan (Post-Basic) dan Diploma Lanjutan

Seramai 1,996 orang pelatih telah menyertai Kursus Lanjutan pada tahun 2020 yang melibatkan seramai 959 orang pelatih Diploma Lanjutan dan 1,037 orang pelatih bagi kursus Pengkhususan (Post-Basic). Daripada jumlah ini, terdapat seramai 1,594 orang pelatih merupakan Anggota Sains Kesihatan Bersekutu (ASKB) dari KKM dan lain-lain agensi kerajaan, 63 orang dari Badan Berkanun serta 339 orang dari Institusi Kesihatan Swasta. Sebanyak 29 bidang telah ditawarkan bagi penyertaan

pelatih dalam Kursus Lanjutan pada tahun 2020 seperti yang ditunjukkan dalam [Rajah 2.9](#) dan [Rajah 2.10](#). Diploma Lanjutan Kebidanan merupakan program yang mendapat permintaan tertinggi dalam kalangan pelatih iaitu seramai 497 penyertaan (pada kadar 24.9%), diikuti oleh Diploma Lanjutan Penjagaan Kecemasan dengan seramai 189 penyertaan (pada kadar 9.5%).


Penurunan yang ketara penyertaan pelatih dalam Kursus Lanjutan pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 (4,430 orang) adalah disebabkan pengambilan pelatih baharu pada tahun tersebut hanya dibuat sekali sahaja iaitu bagi ambilan Mac/Mei 2020 berbanding dua kali pada tahun-tahun sebelumnya. Ini kerana kekangan yang dihadapi oleh Institusi Kesihatan Negara dalam pengurusan pandemik COVID-19 yang memerlukan kakitangan terlatih di lapangan. Di samping itu, jumlah kapasiti pengambilan pelatih juga dikurangkan memandangkan Institut Latihan KKM (ILKKM) tertakluk kepada SOP pelaksanaan sesi akademik semasa pandemik COVID-19 di samping terdapat 11 buah ILKKM yang telah diwartakan sebagai Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC).

Rajah 2.9
Pengambilan Pelatih Kursus Lanjutan (Diploma Lanjutan), 2019 hingga 2020



Nota: Perbandingan adalah bagi Program Diploma Lanjutan sahaja
Sumber: Bahagian Pengurusan Latihan, KKM

Rajah 2.10
Pengambilan Pelatih Kursus Lanjutan (Pos Basic/Pengkhususan), 2019 hingga 2020



Nota: Perbandingan adalah bagi Program/Post Basic/Pengkhususan sahaja
Sumber: Bahagian Pengurusan Latihan, KKM

Program Ijazah Sarjana untuk Pegawai Perubatan

Sejumlah 1,214 Pegawai Perubatan telah ditawarkan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi mengikuti Program Kepakaran Sarjana Perubatan dengan pengkhususan dalam pelbagai bidang pada tahun 2020, seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 2.3**. Bilangan Pegawai Perubatan yang ditawarkan biasiswa pada tahun 2020 meningkat sebanyak 7.8 peratus berbanding 2019.

Jadual 2.3
Pengambilan Pegawai Perubatan Untuk Program Sarjana, 2019 hingga 2020

Bil.	Disiplin	2019	2020
1.	Anestesiologi	116	75
2.	Kesihatan Awam/Masyarakat	94	116
3.	Klinikal Onkologi	14	67
4.	Neurosurgeri	14	111
5.	Obstetrik & Ginekologi	72	60
6.	Oftalmologi	54	69
7.	Ortopedik	74	69
8.	Otorinolaringologi	48	56
9.	Patologi	71	75
10.	Pediatrik	72	47
11.	Perubatan Dalaman	92	58
12.	Perubatan Kecemasan	69	100
13.	Perubatan Keluarga	89	135
14.	Perubatan Nuklear	6	11
15.	Perubatan Pemulihan	8	11
16.	Perubatan Sukan	7	85
17.	Perubatan Transfusi	8	18
18.	Pembedahan Plastik	5	8
19.	Psikiatri	56	12
20.	Radiologi	74	6
21.	Pembedahan Am	68	12
22.	Pembedahan Pediatrik	8	5
23.	Forensik	7	8
JUMLAH		1,126	1,214

Sumber: Bahagian Pengurusan Latihan, KKM

Program Sarjana dan Doktor Falsafah

Pada tahun 2020, sejumlah 136 pegawai KKM dari pelbagai skim perkhidmatan kesihatan telah ditawarkan biasiswa untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana manakala 29 pegawai di peringkat Doktor Falsafah dalam bidang yang berkaitan dengan sektor kesihatan. Bilangan biasiswa bagi pengajian di peringkat Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah yang ditawarkan pada tahun 2020 mencatatkan peningkatan sebanyak 10% berbanding tahun 2019. Biasiswa di peringkat Sarjana/ Doktor Falsafah tersebut ditawarkan kepada 56 orang Pegawai Pergigian dan 38 orang Pegawai Farmasi, manakala selebihnya kepada lain-lain profesion kesihatan di KKM.

Program Cuti Belajar Separuh Gaji atau Cuti Belajar Tanpa Gaji Tanpa HLP bagi Pegawai Kumpulan Pelaksana KKM

Pada tahun 2020, sebanyak 32 permohonan pegawai diterima, namun selepas melalui tapisan pertama dan kelulusan pihak tertinggi KKM, hanya 22 orang pegawai layak untuk meneruskan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda sepenuh masa tanpa biasiswa. Permohonan yang berjaya kepada Penolong Pegawai Perubatan (16), Penolong Pegawai Farmasi (2), Jururawat (3) dan Juruteknologi Makmal Perubatan (1).

Pembangunan dan Perkembangan Program Latihan

Pada tahun 2020, Bahagian Pengurusan Latihan telah berjaya membangunkan dua (2) program lanjutan baharu iaitu Diploma Lanjutan Pengimejan Perubatan dan Trauma serta Sijil Pos Basik Penjagaan Stoma dan *Continence*. Program ini akan mula ditawarkan pada tahun 2022 setelah mendapat kelulusan Lembaga Pendidikan, KKM. Di samping itu, satu program telah dinaik taraf iaitu Sijil Pos Basik Perawatan Otorinolaringologi kepada Diploma Lanjutan Penjagaan Otorinolaringologi dan akan dilaksanakan pada tahun 2022. Bahagian ini juga telah menyemak dan membuat penambahbaikan kepada tiga (3) program Diploma Lanjutan sedia ada berdasarkan Kerangka Kelayakan Malaysia versi 2.0 iaitu:

- (i) Diploma Lanjutan Perawatan Gerontologi;
- (ii) Diploma Lanjutan Penjagaan Paliatif; dan
- (iii) Diploma Lanjutan Perawatan Perioperatif.

Pada tahun 2020, BPL juga telah memperkenalkan pendekatan pembelajaran hibrid secara dalam talian di semua Institut Latihan, KKM. Pembelajaran hybrid ini akan menjadi sebahagian daripada pendekatan pengajaran dan pembelajaran pada masa-masa akan datang dengan pembangunan Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS) di BPL dan ILKKM.

Pembangunan Pengajar

Tahun 2020, Perjawatan Pengajar (Pelbagai Bidang) secara keseluruhan adalah 1,203 dengan pengisian Pengajar adalah 968 bagi 24 Institut Latihan KKM dan Bahagian Pengurusan Latihan. Bilangan perjawatan Instruktur Klinikal di bawah ILKKM adalah 445 dan pengisian 391 orang Klinikal Instruktur. Kemas kini perjawatan pengajar dan instruktur klinikal ini adalah sehingga Disember 2020.

Di sepanjang tahun 2020 Unit Pembangunan Pengajar (UG) di bawah Bahagian Pengurusan Latihan, Kementerian Kesihatan Malaysia, telah berjaya menganjurkan sebanyak empat (4) bengkel/kursus fungsional dan satu (1) kursus generik. Kursus/bengkel yang dianjurkan adalah bertujuan memberi pendedahan teknik pengajaran dan pembelajaran serta membentuk anjakan paradigma kepimpinan dalam memacu ILKKM sebagai pusat kecemerlangan latihan. Selain daripada itu, kursus kepada Kinikal Instruktur ILKKM telah dilaksanakan bagi tujuan memantapkan pengetahuan dan kefahaman pengajaran serta pembelajaran di lapangan klinikal.

Pertandingan video pendek sempena sambutan Hari Pengajar Tahun 2020 yang bertemakan *New Norms: Evolution In Us*. Pertandingan ini disertai oleh pelatih-pelatih daripada 24 buah ILKKM. Video pendek terbaik dimenangi oleh pelatih-pelatih Kursus Pengkhususan Pendakwaan dan Undang-Undang dari ILKKM Sungai Buloh manakala *viewers* terbanyak dimenangi oleh ILKKM Seremban (Pembantu Perubatan).

HALA TUJU

BPL akan terus memainkan peranan penting dalam merealisasikan pencapaian visi, misi dan pelan strategik berkaitan latihan KKM yang telah ditetapkan.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMPETENSI (BPK)

Selaras dengan komitmen Kerajaan untuk memperkasa transformasi digital dan menjadikan Malaysia sebagai Hub Industri 4.0 di rantau Asia Tenggara, BPK terus komited dalam meletakkan kompetensi warga kerja KKM sebagai salah satu agenda di peringkat arus perdana KKM.

Pada tahun 2020, berikutan penularan wabak COVID-19, BPK telah melaksanakan perubahan dalam pelaksanaan program, acara rasmi, kursus, persidangan, seminar, bengkel, yang diadakan dalam norma baharu dengan mematuhi prosedur keselamatan dan protokol kesihatan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan KKM.

LATIHAN BERASASKAN KOMPETENSI - KURSUS GENERIK & FUNGSIONAL (TADBIR URUS)

Bagi memastikan program pembangunan kompetensi sumber manusia terancang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran secara berterusan dalam kalangan pegawai KKM, BPK melaksanakan pelbagai kursus berasaskan kompetensi generik dan fungsional seperti [Rajah 2.11](#):



Sumber: Bahagian Pembangunan Kompetensi, KKM

Pada tahun 2020, seramai 1,334 orang warga KKM mengikuti kursus-kursus berasaskan kompetensi generik dan fungsional anjuran BPK. Peningkatan pemahaman dan *knowledge transfer* yang diperolehi peserta kursus adalah 92.1 peratus. Analisis tersebut diperolehi melalui pelaksanaan *Pre & Post Assessment* dalam setiap kursus yang dilaksanakan oleh BPK.

NAZIRAN MyPORTFOLIO DAN DESKRIPSI TUGAS

Fokus utama BPK pada tahun 2020 adalah memantapkan MyPortfolio dan *job description* (JD) bagi warga KKM. BPK telah dipertanggungjawabkan untuk memastikan seluruh warga kerja KKM diberikan taklimat, bengkel dan penerangan mengenai tatacara pelaksanaan penyediaan MyPortfolio berdasarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil. 4 Tahun 2018 - MyPortfolio: Panduan Kerja Sektor Awam, dan seterusnya menjalankan audit/naziran ke atas MyPortfolio yang telah disediakan bagi setiap jawatan di KKM. Sebanyak 3,398 MyPortfolio dan JD warga KKM telah diaudit sepanjang tahun 2020.

PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT

Program Pembangunan Bakat/*Talent Development Programme* (TDP) yang dikhususkan untuk Pegawai Perkhidmatan Gunasama Persekutuan dan Pegawai Kader Program Pengurusan KKM diteruskan pada tahun 2020 untuk Kohort Ke-2. Lima (5) ciri kompetensi pemimpin masa hadapan iaitu strategik, transformatif, adaptif, autentik dan keterampilan eksekutif diberi penekanan dalam program TDP.

KURSUS KHAS BAGI TUJUAN PENGESAHAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI-PEGAWAI GRED KHAS C KKM

Pegawai KKM yang sedang memegang Gred Khas C diwajibkan mengikuti kursus tersebut bagi tujuan pengesahan pangkat tersebut. Kursus berkenaan dilaksanakan dengan tujuan memperkasakan kemahiran dan ilmu para peserta kursus dengan memantapkan ilmu tadbir urus, kenegaraan serta mengukuhkan kepimpinan para peserta kursus agar mereka dapat menjalankan tugas secara kompeten sebagai seorang pegawai Gred Khas C di KKM.

Imej 2.4

Kursus Khas Bagi Tujuan Pengesahan Kenaikan Pangkat Pegawai-Pegawai Gred Khas C Di Kementerian Kesihatan Malaysia



Sumber: Bahagian Pembangunan Kompetensi, KKM

PEMBANGUNAN MODUL KURSUS PEMANDUAN AMBULANS KKM

Pembangunan Modul Kursus Pemanduan Ambulans KKM telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2020 dengan kerjasama pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan Jabatan Kecemasan KKM. Sebanyak 14 modul telah dibangunkan bagi pelaksanaan Kursus Pemanduan Ambulans pada masa akan datang dengan mensasarkan seramai 2,600 orang pemandu ambulans seluruh Malaysia.

Imej 2.5


Bengkel Pembangunan Modul Kursus Pemanduan Ambulans KKM



Sumber: Bahagian Pembangunan Kompetensi, KKM

Rajah 2.12

Ringkasan Aktiviti Sepanjang Tahun 2020




Sumber: Bahagian Pembangunan Kompetensi, KKM

HALA TUJU

Rajah 2.13

Pelaksanaan Program Dan Kursus Yang Dilaksanakan Oleh BPK



Sumber: Bahagian Pembangunan Kompetensi, KKM

Pelaksanaan program dan kursus yang dilaksanakan oleh BPK amat signifikan bagi memastikan tahap kompetensi dan potensi warga kerja KKM berada pada tahap yang tinggi selaras dengan hasrat KKM untuk meningkatkan kecekapan dan kemahiran penjawat awam.

BPK menfokuskan pendekatan secara digital atau dalam talian bagi memastikan peningkatan kompetensi semua warga KKM dapat terus dilaksanakan demi menjamin penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan.

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN (BKP)

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) bertanggungjawab menguruskan hal ehwal kewangan dan pengurusan aset, pentadbiran am, pengurusan sumber maklumat dan rekod serta penyelarasan urusan parlimen dan kualiti di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM). BKP bertindak menyediakan perkhidmatan sokongan termasuk memberikan khidmat nasihat agar pelaksanaan urusan pentadbiran dan perkhidmatan di IPKKM dapat dilaksanakan dengan cekap dan profesional serta meningkatkan mutu sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan.

BKP terdiri daripada empat (4) cawangan utama iaitu Cawangan Kewangan dan Pengurusan Aset; Cawangan Pengurusan Am; Cawangan Sumber Maklumat dan Rekod serta Cawangan Parlimen dan Kualiti.

CAWANGAN KEWANGAN DAN PENGURUSAN ASET

Cawangan Kewangan dan Pengurusan Aset menguruskan hal-hal berkaitan kewangan di IPKKM termasuk belanjawan; pembayaran gaji, elaun, ganjaran dan bonus; pembayaran bil dan tuntutan; kutipan hasil; permohonan ke luar negara serta sewaan ruang pejabat. Selain daripada itu, cawangan ini turut menguruskan perihal kerja berkaitan aset, penyewaan premis, penyelenggaraan dan perolehan di samping turut bertanggungjawab merancang, mereka bentuk, mengurus, menyelaraskan dan melaksanakan Sistem Keselamatan Perlindungan di KKM. Pelaksanaan urusan di bawah cawangan ini dilaksanakan melalui tiga (3) unit iaitu Unit Kewangan, Unit Pengurusan Aset dan Unit Keselamatan.

UNIT KEWANGAN

Bagi tahun 2020, Unit ini bertanggungjawab mengawal selia peruntukan mengurus bagi Program Pengurusan IPKKM berjumlah RM1.34 billion. Prestasi perbelanjaan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 adalah 100.64 peratus. Jumlah peruntukan dan perbelanjaan mengikut aktiviti adalah seperti di [Jadual 2.5](#).

Jadual 2.5

Jumlah Peruntukan dan Perbelanjaan Mengikut Aktiviti di bawah Program Pengurusan bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020

Aktiviti	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)
Pengurusan Ibu Pejabat	540,001,569.84	575,174,909.65
Sumber Manusia	14,069,600.00	13,569,856.38
Kewangan	368,142,850.45	367,086,849.99
Latihan	377,751,065.25	359,073,572.28
Teknologi Maklumat	38,817,877.36	32,896,619.83
Pembangunan Kompetensi	4,295,690.00	3,936,747.82
JUMLAH	1,343,078,652.90	1,351,738,555.95

Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

UNIT PENGURUSAN ASET

Unit Pengurusan Aset bertanggungjawab menguruskan perihal kerja berkaitan aset, penyewaan premis, penyelenggaraan dan perolehan. Aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan bagi tahun 2020 adalah seperti di [Rajah 2.14](#).

Rajah 2.14

Ringkasan Aktiviti di bawah Unit Pengurusan Aset bagi Tahun 2020

- ① Penyelenggaraan bangunan IPKKM di Kompleks E Putrajaya; dan
- ② Pembersihan dan Pest Control bangunan pejabat di Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu (BSKB) di Presint Diplomatik, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) dan Bahagian Pengurusan Latihan (BPL) di Presint 2 serta Bangunan Cenderasari (TCM, BPK dan MMC)
 - Satu (1) mesyuarat penyelenggaraan diadakan (mesyuarat ditangguh sepanjang (PKP)
 - 9,360 aduan dan kerosakan dibaiki
 - Pelantikan syarikat penyelenggaraan dan pembersihan
 - Menepati standard pembersihan dan Pest Control berdasarkan sebut harga yang diputuskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga
- ③ Pendaftaran Aset
 - Harta modal: 64 unit
 - Aset bernilai rendah: 216 unit
- ④ Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) Peringkat IPKKM
 - 4 kali mesyuarat setiap tahun

Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

UNIT KESELAMATAN

Unit Keselamatan bertanggungjawab merancang, mereka bentuk, mengurus, menyelaraskan dan melaksanakan Sistem Keselamatan Perlindungan di KKM dan memberikan nasihat, memantau dan menguatkuasakan undang-undang, peraturan dan arahan berkaitan keselamatan perlindungan kepada agensi dan jabatan di bawah bidang kuasa KKM. Unit ini juga turut menjadi pusat rujukan berkenaan dokumen rahsia dan nasihat teknikal di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. Antara program dan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Unit Keselamatan bagi Tahun 2020 adalah:

- i) Bengkel Pemantapan Pengurusan Dokumen Rahsia Rasmi Pegawai Pengurusan Dan Profesional KKM 2020; 26 hingga 28 Februari 2020; Hotel MITC, Melaka.
- ii) Kursus Keselamatan Kebakaran dan Kecemasan; 20 Mac 2020; IPKKM.
- iii) Bengkel Pemantapan Pengurusan Dokumen Rahsia Rasmi Pegawai Kumpulan Pelaksana KKM 2020; 16 hingga 18 Ogos 2020; Bayou Lagoon Park Resort, Melaka.
- iv) Kursus Pemantapan Pengurusan Keselamatan Perlindungan Kader Skim Keselamatan dan Pertahanan Kumpulan Pelaksana di bawah KKM 2020; 26-28 Ogos 2020; The Regency Hotel, Kuala Lumpur.

Imej 2.6

Program Unit Keselamatan KKM, 2020



Bengkel Pemantapan Pengurusan Dokumen Rahsia Rasmi Pegawai Pengurusan Dan Profesional KKM



Kursus Keselamatan Kebakaran dan Kecemasan di IPKKM



Bengkel Pemantapan Pengurusan Dokumen Rahsia Rasmi Pegawai Kumpulan Pelaksana KKM



Kursus Pemantapan Pengurusan Keselamatan Perlindungan Kader Skim Keselamatan dan Pertahanan Kumpulan Pelaksana

Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

CAWANGAN PENGURUSAN AM

Cawangan Pengurusan Am menguruskan hal ehwal perkhidmatan dan pentadbiran di IPKKM bagi memastikan semua urusan/program/aktiviti KKM dilaksanakan secara teratur dan efisien serta mematuhi garis panduan dan arahan semasa. Selain daripada itu, cawangan ini turut bertindak menyediakan khidmat nasihat dari aspek protokol dan psikologi berdasarkan kepada keperluan semasa. Unit-unit di bawah cawangan ini ialah Unit Pengurusan Sumber Manusia, Unit Pentadbiran,

Unit Pengurusan Psikologi dan Unit Hal Ehwal Islam. Ringkasan program/aktiviti dan pencapaian yang telah dilaksanakan oleh Cawangan Pengurusan Am sepanjang tahun 2020 adalah seperti di [Rajah 2.16](#).

Rajah 2.16

Ringkasan Program/ Aktiviti dan Pencapaian Cawangan Pengurusan Am bagi Tahun 2020

Unit Pengurusan Sumber Manusia

Pemilihan seramai 524 penerima Anugerah Khidmat Cemerlang 2020 KKM
354 urusan pengesahan pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpenyen
80 pengurusan pesaraan (wajib/ pilihan/ terbitan)
582 urusan kenaikan pangkat
7542 urusan penyediaan dan perekodan Kew.8

Unit Pentadbiran

97.69% penyelesaian isu dalam Majlis Bersama Jabatan (MBJ)
Pelantikan 1,475 orang Ahli Lembaga Pelawat Hospital (ALPH) bagi tempoh lantikan 1 Jun 2020-31 Mei 2022
Pelantikan 205 orang Ahli Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri (ALPHP) bagi tempoh lantikan 1 Ogos 2020-31 Ogos 2023
Pelaksanaan sepuluh (10) Majlis Penyampaian Sumbangan COVID-19
Pelaksanaan Majlis Perasmian Fasilitas Hospital Wanita dan Kanak-kanak Kuala Lumpur oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong pada 20 Januari 2020

Unit Pengurusan Psikologi

Pelaksanaan satu (1) Program Pendidikan Kewangan melalui EPSA dengan 135 penyertaan
Pelaksanaan tiga (3) Program Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) dengan 50 penyertaan
Pelaksanaan tiga (3) Program 'Training of Trainers' (TOT) Pementoran IPKKM Tahun 2020 dengan 42 penyertaan
Penyelarasan Program 'Duit for Baby' bersama Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Pelaksanaan satu (1) Program 'Training of Trainers' (TOT Modul "Intensive Intervention for Average Performer" (IIAP) kepada Pegawai Psikologi KKM dengan 35 penyertaan

Unit Hal Ehwal Islam

Khidmat nasihat berkaitan pengurusan hal ehwal Islam di KKM berkaitan:

- Program Hospital Mesra Ibadah (HMI)
- Lajnah Pengawalseliaan Pengamal Perubatan Islam (LAJPPI)
- Program Penjagaan Spiritual Pesakit di semua hospital/fasilitas kesihatan
- Pelan Tindakan Sosial Islam (PTSI) peringkat KKM
- Edaran naskah terbitan KKM dan JAKIM
- Garis Panduan & Doa COVID-19; Buku Doa Wabak YBMK; Buku Inilah Doaku; Buku Soal Jawab Fiqh COVID-19 (Edisi Kemaskini)

Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

CAWANGAN SUMBER MAKLUMAT DAN REKOD

Cawangan Sumber Maklumat dan Rekod bertanggungjawab dalam menyediakan perkhidmatan perpustakaan kepada warga Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta pengurusan rekod di KKM. Dua (2) Unit di bawah Cawangan ini seperti berikut:

UNIT SUMBER MAKLUMAT

Unit Sumber Maklumat berperanan menyediakan perkhidmatan perpustakaan dan menyediakan kemudahan akses maklumat ke pangkalan data dan jurnal dalam talian kepada semua warga KKM di seluruh negara melalui Portal Virtual Library. Ringkasan pencapaian Cawangan Sumber Maklumat dalam tahun 2020 adalah seperti di [Jadual 2.6](#).

Jadual 2.6
Ringkasan Pencapaian dan Aktiviti Unit Sumber Maklumat

Bil.	Aktiviti	Pencapaian
1.	Perkhidmatan Pembangunan Perpustakaan, Khidmat Nasihat & Pengurusan Maklumat	- Menyelaras 84 perpustakaan perubatan di bawah KKM. - Mengadakan Bengkel 'Biblioterapi : Peranan perpustakaan kepada staf perpustakaan perubatan di bawah KKM'. 500 judul koleksi buku dan tesis telah didokumentasikan. - Langganan lima (5) pangkalan data untuk Portal <i>Virtual Library: Access Medicine, Clinical Key for Nursing (termasuk eBuku BiblioTech & Wiley), Emerald Insight, LawNet dan OVID</i>. - Akses <i>Virtual Library</i> – 86,496.
2.	Program Galakan Membaca	- Pameran mengikut Tema: Empat (4) kali & Kuiz Kemerdekaan "MALAYSIA PRIHATIN" - Pinjaman Kelompok dari Perpustakaan Negara Malaysia: empat (4) kali - Sayembara Bahasa 2020 peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) secara dalam talian - Pertandingan Mencipta Pantun Bertemakan "Covid-19", Pertandingan Silang Kata & Pertandingan Bercerita Si Cilik

Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

UNIT PENGURUSAN REKOD

Unit Pengurusan Rekod bertanggungjawab dalam pengurusan rekod di KKM, termasuk memberikan perkhidmatan khidmat nasihat, melaksanakan program pengurusan rekod, menguruskan surat menyurat dan pendaftaran, memantau pelaksanaan Sistem Pengurusan Dokumen Digital (Digital Document Management System) dan menguruskan fail peribadi kakitangan. Pencapaian unit ini adalah seperti [Jadual 2.7](#).

Jadual 2.7
Ringkasan Aktiviti dan Pencapaian Unit Pengurusan Rekod

Bil.	Aktiviti	Pencapaian
1.	Sistem Pengurusan Dokumen Digital (DDMS)	Pelaksanaan sistem DDMS ke atas 5,293 pegawai/ kakitangan dan 37 bahagian di IPKKM
2.	Pengurusan Fail Peribadi KKM	- Pengurusan pinjaman fail peribadi sebanyak 30,817 fail kepada Bahagian Sumber Manusia, IPKKM - Pendaftaran fail peribadi sebanyak 6,851 fail dengan menggunakan Sistem Pengurusan Fail Peribadi
3.	Pelaksanaan Program Pengurusan Rekod	- Pelaksanaan enam (6) kursus dan lapan (8) taklimat pengurusan rekod kepada PTJ - Khidmat nasihat bagi pengurusan fail dan surat menyurat kepada 37 Bahagian di IPKKM - Naziran Pengurusan Rekod di empat (4) Bahagian di IPKKM - Pelupusan rekod di Kementerian seperti berikut: 17,701 fail telah dimusnahkan 612 fail telah dihantar ke Arkib Negara Malaysia 2,057 buah buku rekod perkhidmatan telah dihantar ke Arkib Negara
4.	Pengurusan Surat Menyurat dan Registri IPKKM	- Pengurusan 130,977 surat - Penghantaran 138,917 surat

Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

CAWANGAN PARLIMEN DAN KUALITI

Cawangan Parlimen dan Kualiti merupakan cawangan baru di bawah BKP berkuatkuasa pada 1 September 2019. Cawangan ini berasal daripada Unit KPI dan PEB di bawah Program Pengurusan KKM. Cawangan ini bertindak sebagai penyelarasan urusan-urusan berkaitan Parlimen, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) di peringkat menteri dan Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam KKM serta 'focal point' KKM bagi menyelaraskan pelaksanaan inisiatif strategik inovasi serta kreativiti bagi KKM. Cawangan ini terdiri daripada tiga (3) unit iaitu Unit Parlimen, Unit KPI dan Unit Inovasi dan Kualiti.

UNIT PARLIMEN

Pada 2020, Unit Parlimen telah menyelaraskan pergerakan YB Menteri/Timbalan Menteri dan pegawai ke Parlimen termasuk menjalani ujian RT-PCR berdasarkan kepada SOP Pelaksanaan Persidangan Parlimen yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Lima (5) siri sesi ujian swab RT-PCR telah diselenggarakan bagi sekurang-kurangnya 150 orang pegawai KKM termasuk pihak Pengurusan Tertinggi KKM dengan kerjasama Pusat Kesihatan Daerah (PKD) Putrajaya, Presint 11.

Sejumlah 440 pertanyaan telah diterima daripada Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang terdiri daripada kategori berikut:

- i. Pertanyaan Lisan (165) dan Bukan Lisan (81);
- ii. Waktu Pertanyaan Menteri (6);
- iii. Isu Berbangkit semasa Perbahasan Titah Diraja (58);
- iv. Isu Berbangkit semasa Belanjawan 2021 (118); dan
- v. Peraturan Mesyuarat (PM) 17 serta 18 (1) (12)

Jadual 2.8
Jumlah Pertanyaan yang Dijawab oleh Bahagian Sepanjang Tahun 2020

Bil.	Bahagian	Jumlah Pertanyaan
1.	Kawalan Penyakit	127
2.	Perancangan	47
3.	Perkembangan Perubatan	45
4.	Sumber Manusia	42
5.	Pembangunan	34
6.	Kewangan	15
7.	Pembangunan Kesihatan Keluarga	13
8.	Perkembangan Kesihatan Awam	8
9.	Perkhidmatan Kejuruteraan	7
10.	Perkhidmatan Farmasi	6
11.	Dasar dan Hubungan Antarabangsa	4
12.	Pemakanan	3
13.	Kualiti dan Keselamatan Makanan	2
14.	Perolehan dan Penswastaan	2
15.	Amalan Perubatan	2
16.	Kejururawatan	2
17.	Pengurusan Latihan	1
18.	Sains Kesihatan Bersekutu	1
19.	Pergigian	1
20.	Majlis Perubatan Malaysia (MMC)	1
21.	Pusat Darah Negara (PDN)	1

Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

UNIT KPI

Bagi tahun 2020, Unit KPI telah melaksanakan:

- i. *Ministerial Performance Indicator* (MPI) YB Menteri Kesihatan; dan
- ii. Petunjuk Prestasi Utama Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA).

Senarai PPTPA Tier 1 dan Tier 2 di bawah Program Pengurusan yang dinilai sepenuhnya melalui KPI bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:

Jadual 2.9
PPTA Tier 1 dan Tier 2

Tier 1	Tier 2
Ketua Setiausaha	- Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) - Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) - Setiausaha Bahagian Kanan (Pembangunan) - Setiausaha Bahagian (Dasar dan Hubungan Antarabangsa) - Penasihat Undang-undang - Ketua Audit Dalam

Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

Selain itu, Unit KPI bertanggungjawab dalam melaksanakan projek rintis penilaian prestasi berasaskan KPI bagi PPTPA Tier 3 seperti berikut:

Jadual 2.10
PPTA Tier 3

Tier 3	
• Setiausaha Bahagian (Sumber Manusia) • Setiausaha Bahagian (Khidmat Pengurusan) • Setiausaha Bahagian (Pengurusan Latihan) • Setiausaha Bahagian (Pengurusan Maklumat) • Setiausaha Bahagian (Pembangunan Kompetensi)	• Setiausaha Bahagian (Kewangan) • Setiausaha Bahagian (Perolehan dan Penswastaaan) • Setiausaha Bahagian (Akaun) • Timbalan Setiausaha Bahagian Kanan (Pembangunan) • Timbalan Pengarah (Pengurusan) Hospital Kuala Lumpur

Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

Bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan penilaian prestasi berasaskan KPI, peluasan kepada PPTPA Tier 3, Tier 4 dan ke atas iaitu melibatkan pegawai-pegawai kanan bergred jawatan JUSA C ke atas akan diteruskan bagi penilaian prestasi tahun 2021.

UNIT INOVASI DAN KUALITI

Unit Inovasi merupakan *focal point* KKM bagi menyelaraskan pelaksanaan inisiatif strategik inovasi serta kreativiti yang memberi tumpuan kepada peningkatan kualiti, produktiviti, kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam di KKM. Projek inovasi yang berimpak tinggi sering diberikan pengiktirafan sewajarnya oleh KKM.

Anugerah Inovasi Kementerian Kesihatan Malaysia

Pada tahun 2020, KKM telah melaksanakan Anugerah Inovasi Kementerian Kesihatan Malaysia. Sebanyak empat (4) kategori telah dipertandingkan iaitu kategori produk, perkhidmatan, proses dan teknologi. Pemenang anugerah ini telah menerima hadiah berupa piala, sijil penghargaan dan wang tunai.

Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

Sebanyak tiga (3) agensi di bawah KKM iaitu Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Melaka, JKN Selangor dan Pusat Pergigian Kanak-Kanak & Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia, Georgetown Pulau Pinang telah berjaya memperolehi Pensijilan Amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) *Do-It Yourself* (DIY) daripada MAMPU.

Persijilan MS ISO 9001:2015

KKM telah memohon persijilan MS ISO 9001:2015 dengan menggabungkan sepuluh (10) bahagian pengurusan di KKM pada tahun 2020. Pelaksanaan audit peringkat pertama pada 26 dan 27 November 2020 dan audit peringkat kedua pada 15 hingga 17 Disember 2020 telah diadakan secara atas talian (online) berikutan situasi pandemik COVID-19. KKM telah berjaya melepasi kedua-dua peringkat audit ini tanpa sebarang penemuan ketidakakuran.

Imej 2.7

Sekitar Sesi Audit Peringkat Kedua untuk Pensijilan MS ISO 9001:2015



Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT (BPM)

Bahagian Pengurusan Maklumat memainkan peranan penting dalam menyediakan perkhidmatan ICT di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Teknologi Maklumat dan Komunikasi digunakan secara meluas bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan digital bersepadu, berkualiti dan mampan dengan memantapkan penyampaian perkhidmatan kesihatan melalui ekosistem digital yang kondusif.

PEMANTAPAN HIS@KKM

Projek ini merangkumi pembangunan *Modul Clinical Documentation (CD)*, *Operating Theater Management System (OTMS)*, *Laboratory Information System (LIS)*, *Central Sterile Supply Services Information System (CenSSIS)*, *Radiology Information System (RIS)* dan *Picture Archiving and Communication System (PACS)*.

Modul CD telah dilaksanakan secara berperingkat di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) Ipoh, Perak bermula 23 November 2019 dan telah dilaksanakan sepenuhnya pada 30 November 2020. Pelaksanaan Modul CD di HRPB memudahkan hospital untuk menguruskan rekod rawatan pesakit dengan lebih berkesan melalui pewujudan *Electronic Medical Record (EMR)*.

Modul RIS dan PACS telah siap sepenuhnya dan diguna pakai di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), Kota Bharu Kelantan bermula pada 18 Julai 2019. Pelaksanaan modul ini memudahkan hospital mengurus pengimejan diagnostik bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan klinikal di HRPZ II.

Modul CenSSIS telah dilaksanakan di Hospital Tuanku Ja'afar Seremban (HTJS) pada 12 Oktober 2020 dan sedang dalam tempoh *Provisional Acceptance Test (PAT)*. Sementara itu, Modul OTMS dan LIS masih dalam fasa *User Acceptance Test (UAT)*.

PEMBANGUNAN APLIKASI DALAMAN BAGI KKM

Pada tahun 2020 BPM telah melaksanakan naik taraf aplikasi sedia ada dan meneruskan pembangunan aplikasi yang telah mula dibangunkan pada tahun 2019 dengan menggunakan kepakaran dalaman BPM sepenuhnya.

Naik Taraf Aplikasi

Sistem Tabung Bantuan Perubatan (STBP) telah dibangunkan semula berdasarkan aliran proses kerja terkini bagi modul permohonan dan modul semakan permohonan. Objektif Tabung Bantuan Perubatan (TBP) adalah bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk membiayai sebahagian atau sepenuhnya kos rawatan, peralatan perubatan, peralatan rehabilitasi dan ubat-ubatan. Sistem ini akan digunakan oleh Bahagian Kewangan, Bahagian Perkembangan Perubatan, hospital di bawah KKM dan hospital pengajar serta hospital universiti dalam pengurusan permohonan Tabung Bantuan Perubatan secara atas talian.

Sambungan Pembangunan Aplikasi

Berikut adalah empat (4) aplikasi yang telah mula dibangun secara *in-house* pada tahun 2019 dan disiapkan pada tahun 2020:

- i. **Sistem EHRI** bertujuan untuk menyokong pelaksanaan Program Perlindungan Kesihatan Alam Sekitar (PEKA) dengan menyediakan sistem pangkalan data yang cekap dan mudah serta berupaya membantu dalam menganalisa risiko kesihatan alam sekitar. Empat (4) modul telah dibangunkan pada tahun 2020 iaitu Modul *Rating Hazard*, Modul Rating Pendedahan, Modul Informasi dan Modul Laporan.
- ii. **Sistem VeDa** dibangunkan selaras dengan “Panduan dan Prosedur Verifikasi Data Penyebab Kematian yang Tidak Disahkan Secara Perubatan di Malaysia” bagi memastikan proses kerja lebih efisien, pemantauan lebih berkesan dan menjamin keselamatan serta kerahsiaan maklumat *Verbal Autopsy* (VA) di peringkat kebangsaan. Pada tahun 2020, pembangunan sistem diteruskan dengan Fasa 2: Modul Tugasan, Fasa 3: Laporan dan Fasa 4: Borang Soal Selidik bagi 12 Tahun dan ke atas.
- iii. **Sistem MyMaHTAS v2.0** merupakan satu aplikasi capaian mudah dan pantas ke atas produk-produk keluaran Cawangan Penilaian Teknologi Kesihatan seperti *Clinical Practice Guidelines* (CPG), *Health Technology Assessment* (HTA), *Technology Review* (TR) dan *Horizon Scanning* (HS) yang bertunjangkan kepada *evidence-based medicine* dan *value-based medicine* untuk meningkatkan kualiti kesihatan di Malaysia. Tumpuan pembangunan MyMaHTAS bagi tahun 2020 adalah pembangunan Aplikasi Mudah Alih sebagai medium alternatif untuk pengguna mendapatkan maklumat.
- iv. **Sistem myEntopest** merupakan satu sistem pengurusan data surveilan dan pemantauan aktiviti entomologi dan pest sebagai input kepada pelaksanaan aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit berjangkit agar dapat dilaksanakan secara cekap dan berkesan. Pada tahun 2020, dua (2) modul telah dibangunkan iaitu Modul Larva Sample dan Modul Dewasa bagi skop Malaria.

Imej 2.8 Aplikasi Yang Telah Dibangunkan Secara In-House



Sistem EHRI

Sistem VeDa

Sistem MyMaHTAS v2.0

Sistem myEntopest

Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat, KKM


PELANCARAN PORTAL BAHARU

Paparan portal KKM yang baharu telahpun *go live* dengan jayanya pada 10 September 2020. Portal versi baharu ini menyediakan kemudahan paparan versi *desktop* dan *mobile* bagi membolehkan portal dipaparkan mengikut skrin peranti capaian, paparan muka hadapan portal yang lebih teratur berkonsepkan *minimalist* dengan tiga (3) *frames news highlight* dan turut mengimplementasikan sokongan media sosial rasmi KKM (Facebook dan Twitter) serta mematuhi kriteria pemantauan laman web yang ditetapkan oleh MAMPU.

Reka bentuk paparan portal baharu KKM merupakan hasil kerjasama Pasukan Portal KKM iaitu Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) dan Unit Komunikasi Korporat (UKK) ini turut mendapat konsultasi daripada *Chief Information Officer* (CIO) dan Pejabat Menteri KKM. Manakala kandungan portal adalah sumbangan daripada semua Bahagian/Unit IPKKM melalui Pegawai Pembekal Kandungan yang dilantik di setiap Bahagian/Unit masing-masing.

Imej 2.9

Portal Baharu Kementerian Kesihatan Malaysia



Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat, KKM

PENGURUSAN KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT KKM yang dipengerusikan bersama oleh Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah Kesihatan telah diadakan sebanyak empat (4) kali iaitu pada 17 Februari 2020, 15 Mei 2020, 26 Ogos 2020 dan 17 Disember 2020.

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Projek ICT (JTI) pula telah diadakan sebanyak tujuh (7) kali iaitu pada 4 Februari 2020, 17 April 2020, 29 Jun 2020, 4 Ogos 2020, 1 September 2020, 23 September 2020 dan 12 November 2020. Sebanyak 95 projek ICT telah diberi pertimbangan untuk kelulusan teknikal sepanjang tahun 2020.

PERKHIDMATAN SOKONGAN TEKNIKAL ICT

BPM menerima aduan Teknikal ICT KKM melalui panggilan telefon atau emel rasmi dan direkod dalam Sistem Pengurusan Aduan ICT (SPAI). Aduan Teknikal ICT yang diterima mesti diambil tindakan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja. Tindakan yang diambil termasuk memberikan khidmat sokongan teknikal kepada pengadu oleh juruteknik BPM dan mengagihkan aduan teknikal ICT yang diterima untuk tindakan pembekal bagi khidmat sokongan teknikal yang dalam kontrak.

Pada tahun 2020, BPM menerima sebanyak 9,364 aduan teknikal ICT. Sebanyak 97.96 peratus aduan teknikal ICT yang diterima telah diambil tindakan dan diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.

NAZIRAN PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT

Naziran Pengurusan Keselamatan Maklumat KKM adalah bertujuan untuk menyemak dan memantau pematuhan fasiliti KKM ke atas pekeliling, dasar, akta serta surat arahan yang berkaitan dengan keselamatan ICT. Selain daripada itu, naziran ini juga bertujuan untuk melihat ketersediaan terhadap pelaksanaan *Standard Information Security Management System (ISMS) ISO/IEC 27001:2013*.

Pada tahun 2020, sebanyak tiga (3) fasiliti telah dipilih untuk melaksanakan naziran iaitu Hospital Kajang, Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Port Dickson.

Imej 2.10

Pelaksanaan Naziran Pengurusan Keselamatan Maklumat Di Fasiliti



Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat, KKM

LATIHAN

Pada tahun 2020 sebanyak tiga (3) kursus telah dianjurkan oleh BPM iaitu:

Kursus Pengiraan Saiz Sistem Aplikasi Menggunakan Kaedah *Function Point Analysis* (FPA)

Kursus telah diadakan pada 8 hingga 10 September 2020 di Kompleks Setia Perdana Putrajaya yang dihadiri oleh 27 orang pegawai BPM dan taklimat disampaikan oleh penceramah jemputan daripada MAMPU. Tujuan kursus adalah bagi memberi pendedahan dan latihan kepada pegawai untuk membuat anggaran saiz projek pembangunan sistem aplikasi menggunakan kaedah FPA supaya pengetahuan dapat diaplikasikan dalam membuat anggaran saiz projek pembangunan dan penyelenggaraan sistem aplikasi yang lebih berkesan.

Kursus MyPortfolio

Kursus telah diadakan pada 23 hingga 25 September 2020 di Glory Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan yang dihadiri oleh 33 orang pegawai BPM dan taklimat disampaikan oleh penceramah jemputan daripada Jabatan Kesihatan Negeri Melaka dan Bahagian Perancangan, KKM. Tujuan bengkel adalah bagi memberikan kefahaman dan meningkatkan kemahiran pegawai untuk menyediakan MyPortfolio serta membina keupayaan pegawai-pegawai penyelaras sebagai pakar rujuk dan membangunkan golongan pelapis bagi melancarkan pelaksanaan MyPortfolio di BPM.

Kursus Kaedah Perolehan Kerajaan Dan Pengurusan Pentadbiran Kontrak (Bekalan Dan Perkhidmatan)

Kursus Kaedah Perolehan Kerajaan dan Pengurusan Pentadbiran Kontrak (Bekalan dan Perkhidmatan) di Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah diadakan pada 25 hingga 26 Ogos 2020 di Dewan Serbaguna IPKKM, Aras 8, Blok E7, Kompleks E, Putrajaya. Tujuan kursus diadakan adalah untuk memberi kefahaman dan meningkatkan serta menambah baik proses perolehan dan pentadbiran kontrak bagi Pegawai Teknologi Maklumat. Seramai 28 peserta telah menghadiri kursus meliputi pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional dan kumpulan Pelaksana daripada Bahagian Pengurusan Maklumat, KKM. Taklimat disampaikan oleh penceramah jemputan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Bahagian Perolehan dan Penswastan KKM.

HALA TUJU

BPM akan terus memainkan peranan penting dalam merealisasikan pencapaian visi, misi dan pelan strategik ICT KKM yang telah ditetapkan.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, objektif utama Program Pengurusan adalah untuk membolehkan pencapaian visi dan misi KKM dengan menyediakan perkhidmatan sokongan seperti pembangunan sumber manusia, pentadbiran am, pengurusan kewangan, pengurusan sistem maklumat dan pembangunan infrastruktur ICT. Pada masa akan datang, penambahbaikan secara berterusan dan inovasi akan dilaksanakan untuk keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan digital di KKM.



03

KEWANGAN

BAHAGIAN KEWANGAN

PENGURUSAN BELANJAWAN

KKM telah diperuntukan sebanyak RM30.6 bilion pada tahun 2020, di mana RM27.94 bilion adalah untuk Bajet Mengurus (B42) dan RM2.66 bilion untuk Bajet Pembangunan (P42). Walau bagaimanapun, anggaran Bajet Mengurus telah dipinda kepada RM26.05 bilion iaitu berkurangan sebanyak RM1.89 bilion (6.76%) disebabkan oleh Waran Sekatan daripada Kementerian Kewangan Malaysia dan reklasifikasi Perbelanjaan Mengurus ke Perbelanjaan Pembangunan yang melibatkan perbelanjaan Perkhidmatan Sokongan Hospital dan Perkhidmatan Sokongan Klinik.

PRESTASI PERBELANJAAN BAJET MENGURUS

Pada tahun 2020, KKM telah membelanjakan sebanyak RM27.01 bilion (103.68%) daripada jumlah yang telah diperuntukkan. Bajet Mengurus bagi program Perubatan merupakan peruntukan yang paling tinggi iaitu sebanyak RM14.23 bilion (54.61%) dan diikuti oleh peruntukan bagi Program Kesihatan Awam iaitu sebanyak RM5.75 bilion (22.06%). **Jadual 3.1** menunjukkan peruntukan dan perbelanjaan Bajet Mengurus mengikut program pada tahun 2020.

Jadual 3.1
Peruntukan, Perbelanjaan dan Peratusan Perbelanjaan Bajet Mengurus 2020 Mengikut Program

PROGRAM	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN PERBELANJAAN
Pengurusan	1,932,770,800	1,918,203,399	99.25
Perubatan	14,229,062,747	14,751,856,537	103.67
Kesihatan Awam	5,747,911,239	6,158,221,536	107.14
Kesihatan Pergigian	979,350,458	1,003,537,403	102.47
Perkhidmatan Farmasi	210,417,616	212,487,238	100.98
Penyelidikan dan Sokongan Teknikal	334,113,153	329,894,992	98.74
Keselamatan dan Kualiti Makanan	93,039,587	99,491,543	106.93
Program Khusus	2,525,865,300	2,536,901,868	100.44
JUMLAH KESELURUHAN	26,052,530,900	27,010,594,516	103.68

Nota: Perbelanjaan sebenar melebihi 100 peratus kerana peruntukan tambahan untuk pembayaran emolumen. Penyelarasan ke atas perbelanjaan dibuat pada tahun berikutnya. (Data setakat 31.12.2020 – belum muktamad)
Sumber: Bahagian Kewangan, KKM

PENGURUSAN HASIL


KKM mencatatkan jumlah kutipan hasil berjumlah RM964.09 juta pada tahun 2020 dimana kutipan hasil fi perubatan merupakan kutipan tertinggi iaitu RM465.44 juta atau 48.28 peratus daripada jumlah keseluruhan kutipan hasil KKM. **Jadual 3.2** menunjukkan pecahan kutipan hasil mengikut klasifikasi kod hasil bagi tahun 2020. Manakala, **Rajah 3.1** pula menunjukkan jumlah kutipan hasil dan tunggakan keseluruhan KKM daripada tahun 2016 hingga 2020.

Jadual 3.2
Kutipan Hasil 2020 Mengikut Klasifikasi

KOD	KLASIFIKASI KOD	HASIL (RM)	PERATUS
71000	Lesen Bayaran Pendaftaran dan Permit	115,544,357.94	11.98
72000	(i) Kutipan Fi Perubatan	465,436,254.08	48.28
	(ii) Lain-lain (Fi bukan perubatan)	49,908,923.36	5.18
73000	Perolehan daripada Jualan Barang	3,424,552.01	0.36
74000	Sewaan	29,131,581.98	3.02
75000	Faedah dan Perolehan daripada Pelaburan	297,275.33	0.03
76000	Denda dan Hukuman	75,556,220.51	7.84
77000	Sumbangan dan Bayaran Ganti daripada Luar Negeri dan Sumbangan Tempatan	38,626,605.11	4.01
80000	Terimaan Bukan Hasil	186,162,559.48	19.31
JUMLAH HASIL KKM		964,088,329.80	100.00

Sumber: Bahagian Kewangan, KKM

Rajah 3.1
Kutipan dan Tunggakan Hasil Keseluruhan KKM, 2016 hingga 2020



Sumber: Bahagian Kewangan, KKM

Pada tahun 2020, jumlah keseluruhan tunggakan hasil caj fi perubatan KKM adalah RM53.98 juta. RM43.29 juta (80.20%) daripada jumlah tersebut adalah tunggakan caj fi pesakit bukan warganegara. Pecahan rekod kutipan dan tunggakan hasil mengikut taraf kewarganegaraan adalah seperti di [Jadual 3.3](#).

Jadual 3.3

Pecahan Kutipan dan Tunggakan Hasil di Bawah Perintah Fi (Perubatan) Bagi Tahun 2020 Mengikut Taraf Kewarganegaraan

KEWARGANEGARAAN	KUTIPAN FI (RM)	PERATUS KUTIPAN FI	TUNGGAKAN FI (RM)	PERATUS TUNGGAKAN FI
Warganegara Malaysia	254,414,662.82	54.66	10,690,606.80	19.80
Bukan Warganegara	211,021,591.26	45.34	43,292,457.24	80.20
Jumlah	465,436,254.08	100.00	53,983,064.04	100.00

Sumber: Bahagian Kewangan, KKM

Bagi memastikan pengurusan kutipan hasil Kerajaan yang berkesan, KKM sentiasa mengemas kini dan menambah baik garis panduan berkaitan pengurusan hasil serta memastikan semua pegawai yang terlibat dengan pengurusan hasil di KKM diberi latihan untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan kompetensi pegawai dalam melaksanakan kutipan fi sebagaimana yang digariskan dalam Perintah Fi (Perubatan). Selaras dengan peredaran teknologi semasa, KKM juga telah melaksanakan kaedah bayaran secara digital dan memperluaskan kaedah *e-payment* di fasiliti KKM untuk memudahkan pembayaran bil perubatan. Bagi menggalakkan pembayaran menggunakan kaedah *e-payment* di kaunter bayaran fasiliti KKM, Kempen Pembayaran dengan Kad ATM MyDebit di Hospital dan Klinik Kesihatan KKM telah dilaksanakan. Kempen ini telah dilancarkan oleh YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, Menteri Kesihatan Malaysia pada 14 Ogos 2020.

Imej 3.1

Pelancaran Kempen Pembayaran dengan Kad ATM MyDebit di Hospital dan Klinik Kesihatan KKM



Sumber: Bahagian Kewangan, KKM

SUMBANGAN TUNAI COVID-19

Berikutan penularan kes COVID-19 di Malaysia pada tahun 2020, terdapat syarikat, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan individu yang prihatin ingin memberi sumbangan tunai bagi kegunaan barisan hadapan KKM semasa berlakunya pandemik ini. Justeru, KKM pada 23 Mac 2020 telah menubuhkan Akaun Amanah Pembelian Alat Kelengkapan, Keperluan Perubatan, Kemudahan dan Perkhidmatan di Fasiliti KKM selaras dengan Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957. Sehingga 31 Disember

2020, sebanyak RM34,831,601.40 telah disumbangkan oleh pelbagai pihak kepada KKM melalui Akaun Amanah ini dan KKM telah meluluskan RM31,134,620.53 untuk pembelian peralatan perubatan seperti *ventilator*, *infrared thermometer*, mesin *ultrasound*, *manual crank bed* dan *reagen* ujian COVID-19. Perbelanjaan ini adalah selaras dengan tujuan utama Akaun Amanah ini iaitu untuk pembelian keperluan perubatan dan peralatan untuk menangani COVID-19.

BANTUAN KEWANGAN DAN SUBSIDI

TABUNG BANTUAN PERUBATAN (TBP)

TBP mula beroperasi pada 15 Januari 2005 dan ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Acara Kewangan 1957 serta ditadbir urus berdasarkan Surat Ikatan Amanah, Garis Panduan TBP dan peraturan semasa yang berkuat kuasa. Objektif TBP adalah untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk membiayai sebahagian atau sepenuhnya kos rawatan, peralatan perubatan, peralatan rehabilitasi dan ubat-ubatan di Hospital Kerajaan atau Pusat Perubatan Universiti Awam. Sejak tahun 2005 hingga 2020, sebanyak RM457 juta telah diterima oleh KKM dan lebih 64 ribu orang pesakit telah mendapat bantuan di bawah Tabung ini. Pada tahun 2020, sebanyak RM40 juta diperuntukkan untuk TBP dan RM39.59 juta perbelanjaan telah diluluskan yang melibatkan 3,271 orang pesakit.

SUBSIDI KOS RAWATAN HEMODIALISIS DAN SUNTIKAN *ERYTHROPOIETIN* (EPO)

Subsidi kos rawatan hemodialisis dan suntikan EPO untuk pesakit buah pinggang di Pusat Hemodialisis NGO telah diperkenalkan pada 1 April 2001. Bantuan kewangan ini berbentuk subsidi kos rawatan sebanyak RM100.00 bagi setiap rawatan hemodialisis dan RM18.50 bagi suntikan EPO untuk pesakit kurang berkemampuan yang mendapatkan rawatan di Pusat Hemodialisis Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang diiktiraf oleh KKM. Sebanyak RM35.50 juta telah diperuntukkan pada tahun 2020 bagi program ini di mana RM33.38 juta telah dibelanjakan. Pembayaran subsidi ini melibatkan 64 NGO yang merangkumi 126 pusat dialisis dan 2,657 orang pesakit yang masih aktif.

BANTUAN KEWANGAN KEPADA NGO

Bermula tahun 2002, KKM memberikan bantuan kewangan kepada NGO bagi pelaksanaan aktiviti kesihatan seperti kaunseling, kempen kesedaran, rawatan dan aktiviti lain yang berkaitan dengan pesakit dan komuniti secara amnya. Pada tahun 2020, sebanyak RM3.43 juta telah dibelanjakan oleh 40 NGO termasuk Majlis Hospis Malaysia yang melaksanakan program khidmat paliatif di rumah kepada pesakit kanser, Persatuan Bagi Mencegah Penyakit Tibi Malaysia dan Pertubuhan Pencegahan Obesiti Kanak-Kanak dan Dewasa.

KEMUDAHAN RAWATAN BAGI PESAKIT TANGGUNGAN KERAJAAN DAN SUBSIDI BAGI PESAKIT KURANG MAMPU DI INSTITUT JANTUNG NEGARA SDN. BHD. (IJNSB)

Kerajaan melalui KKM telah menyalurkan peruntukan bagi tujuan perbelanjaan pesakit tanggungan Kerajaan iaitu Pegawai Awam Persekutuan dan Pesara Awam Persekutuan serta orang awam kurang mampu yang mendapatkan rawatan di IJNSB. Pada tahun 2020, KKM telah membayar sejumlah RM527.73 juta kepada IJNSB yang mana RM498.23 juta (94.41%) daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan adalah bagi perbelanjaan subsidi pesakit tanggungan Kerajaan. Selain itu, Kerajaan juga telah membelanjakan sebanyak RM28.44 juta untuk perbelanjaan rawatan pesakit di bawah Kelulusan Khas Bayaran Penuh Pesakit Jantung di Hospital KKM Yang Dirujuk Ke IJNSB Dalam Tempoh Wabak Covid-19 dan RM1.06 juta bagi perbelanjaan untuk pesakit di bawah Program Pemindahan Jantung dan Paru-Paru Serta Jantung Mekanikal di IJNSB.

BAHAGIAN PEROLEHAN DAN PENSWASTAAN

Bahagian Perolehan dan Penswastaan bertanggungjawab menguruskan perolehan, program penswastaan dan pengurusan aset serta stor Kementerian. Bahagian ini perlu memastikan kesemua perolehan bekalan dan perkhidmatan yang dibuat adalah yang terbaik, telus, adil, menjimatkan dan menguntungkan Kerajaan. Selain itu, Bahagian ini turut bertanggungjawab untuk menguruskan semua program penswastaan yang melibatkan makmal ubat dan stor, perolehan dan penyelenggaraan peralatan perubatan di klinik KKM, Perkhidmatan Sokongan Hospital dan juga Perkhidmatan Penyeliaan dan Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Asing. Pelaksanaan program tersebut perlulah selaras dengan Dasar Penswastaan Negara dan dipantau rapi serta sentiasa ditambah baik dari segi standard, keberkesanan dan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai. Bahagian ini juga mengawal selia pengurusan stor, inventori dan aset KKM supaya kesemua peraturan yang berkuat kuasa dipatuhi.

PRESTASI PEROLEHAN KEMENTERIAN

Perolehan melalui tender yang dilaksanakan di peringkat KKM meliputi perolehan farmaseutikal, peralatan perubatan, perkhidmatan, ICT, kenderaan dan *Approved Products Purchase List* (APPL). Selaras dengan dasar pengoptimuman sumber yang diamalkan oleh Kerajaan, KKM telah melaksanakan penjimatan dalam urusan perbelanjaan perolehan Kerajaan bagi memastikan peruntukan yang diluluskan mencukupi untuk memenuhi keperluan perkhidmatan teras dan rawatan pesakit supaya penjagaan kesihatan tidak terjejas. Penjimatan yang diperolehi adalah berdasarkan kepada perbandingan antara anggaran harga jabatan dengan harga kontrak yang ditawarkan serta mekanisme rundingan harga yang diadakan dengan syarikat yang dilantik susulan daripada kelulusan khas oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). **Jadual 3.4** menunjukkan pencapaian perolehan dan penjimatan KKM tahun 2020 mengikut kategori item perolehan yang telah diuruskan oleh Bahagian Perolehan dan Penswastaan.

Jadual 3.4
Pencapaian Perolehan dan Penjimatan KKM 2020

BIL	KATEGORI PEROLEHAN	NILAI PEROLEHAN (RM)	PENJIMATAN (RM)
1.	ICT	185,670,055.84	17,131,680.34
2.	Peralatan Perubatan	117,605,624.00	17,762,906.47
3.	Farmaseutikal	1,964,946,101.82	436,431,595.90
4.	Toner/MTO	12,630,867.33	959,535.21
5.	Perkhidmatan	650,168,507.83	40,448,032.48
6.	Percetakan	4,776,471.13	1,584,216.87
7.	Gas Perubatan	285,630,772.20	20,345,000.00
8.	Pakaian Seragam	90,413,569.08	18,780,071.87
JUMLAH		3,311,841,969.23	553,443,039.14

Sumber: Bahagian Perolehan dan Penswastaan, KKM

PENGURUSAN ASET ALIH KERAJAAN

Jumlah keseluruhan aset alih KKM hingga 31 Disember 2020 adalah sebanyak 2,738,425 unit aset dengan nilai perolehan berjumlah RM12,125,875,778.50. Setiap PTJ harus melaksanakan pemeriksaan ke atas semua Aset Alih Kerajaan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun. Tindakan ini adalah bagi memastikan aset alih yang digunakan adalah selamat dan masih berfungsi pada tahap optimum.

PELAKSANAAN SISTEM ePEROLEHAN (eP)

Sistem ePerolehan dibangunkan mulai tahun 2000 bagi membolehkan agensi Kerajaan melakukan perolehan bekalan dan perkhidmatan secara dalam talian dengan pembekal Kerajaan. Sistem ePerolehan adalah salah satu pasaran maya *Government-to-Business* (G2B) yang terbesar di ASEAN dengan 2 juta katalog dalam talian. Mulai Januari 2018, MOF telah memperkenalkan serta mewajibkan pelaksanaan Sistem ePerolehan baharu. Berdasarkan rekod, KKM merupakan pengguna sistem ePerolehan yang terbesar dan telah menggunakan sistem ePerolehan secara optimum. **Jadual 3.5** menunjukkan pencapaian Kementerian dalam penggunaan Sistem ePerolehan bagi tahun 2020.

Jadual 3.5
Pencapaian KKM dalam Penggunaan Sistem ePerolehan, 2020

TAHUN	JUMLAH TRANSAKSI	NILAI TRANSAKSI (RM)	PERUNTUKAN (RM)	PENCAPAIAN (%)
2020	715,345	5,731,877,322.29	7,000,000.00	81.9

Nota: Data adalah sehingga Disember 2020

Sumber: Sistem ePerolehan, KKM

PENGURUSAN SUMBANGAN BUKAN TUNAI COVID-19

Bahagian Perolehan dan Penswastaan telah menyediakan Garis Panduan Permohonan Untuk Memberi Sumbangan Kepada Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Menangani Penularan Wabak COVID-19. Kelulusan sumbangan berbentuk bukan tunai (barangan) adalah terletak di bawah Kuasa Melulus Ketua Setiausaha KKM. Semua sumbangan hendaklah diberikan secara percuma tanpa sebarang syarat dan ikatan. Sumbangan sehingga 31 Disember 2020 mengikut pecahan adalah seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Sumbangan Bukan Tunai COVID-19

Sumbangan <i>Ventilator</i>	1,075 Unit
Peralatan (Peralatan/Mesin perubatan termasuk <i>patient monitor</i> , <i>ultrasound</i> , dialisis, termometer)	1,583 Unit
Konsumabel	159,788,345 Unit
Sumbangan Lain (Peralatan bukan perubatan seperti katil, kiosk, penapis/pendingin udara, kenderaan, telefon bimbit, televisyen, mesin pencetak dan lain-lain)	13,824 Unit
Bilangan Keseluruhan Penyumbang	609

Sumber: Bahagian Perolehan dan Penswastaan, KKM

PENGURUSAN PEROLEHAN DARURAT (AP173.2) DALAM MENANGANI WABAK COVID-19

Bahagian Perolehan dan Penswastan telah menyelaraskan 989 permohonan perolehan darurat bagi menangani wabak COVID-19 daripada 30 Bahagian/Jabatan/Agensi di bawah KKM dari bulan Mac 2020 hingga 31 Disember 2020 dengan nilai berjumlah RM1,088,252,837.08. Perolehan darurat ini melibatkan perolehan aset (perubatan dan bukan perubatan), ubat, reagen, konsumabel serta *Personal Protective Equipment* (PPE). Pelaksanaan perolehan darurat ini adalah bagi memastikan keperluan perubatan dan bukan perubatan di fasiliti Kesihatan KKM mencukupi bagi menangani wabak COVID-19.

PERJANJIAN KONSESI

Terdapat empat (4) Perjanjian Konsesi yang berkuat kuasa dan ditadbir urus oleh Bahagian Perolehan dan Penswastan iaitu:

- i. Perjanjian Konsesi Perolehan dan Penyelenggaraan Peralatan Perubatan di Klinik-klinik Kementerian Kesihatan Malaysia (*Medical Equipment Enhancement Tenure – MEET*);
- ii. Perjanjian Konsesi Perkhidmatan Penyeliaan dan Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Asing (FOMEMA);
- iii. Perjanjian Konsesi Penswastan Makmal Ubat dan Stor dengan Pharmaniaga; dan
- iv. Perjanjian Konsesi Perkhidmatan Sokongan Hospital.

Projek-projek penswastan yang dilaksanakan di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memberikan pelbagai manfaat kepada Kerajaan. Antaranya membolehkan penyelenggaraan peralatan perubatan yang komprehensif yang seterusnya akan memanjangkan tempoh *life-cycle* peralatan-peralatan tersebut. Di samping itu, ia juga memberikan penjimatan kewangan jangka panjang kepada Kerajaan. Manfaat ini membolehkan KKM memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada rakyat.

BAHAGIAN AKAUN

Bahagian Akaun (BA) bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan perakaunan dan kewangan Kerajaan yang komprehensif bagi mempertingkatkan akauntabiliti di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ). Sebagai sebuah Pejabat Perakaunan, BA bertanggungjawab memastikan semua urusan niaga PTJ KKM diperakaunkan dengan tepat dan lengkap mengikut tempoh yang ditetapkan serta memastikan pelaksanaan kawalan dalaman yang mencukupi. Fungsi utama BA meliputi pengurusan perakaunan, perundingan, latihan serta naziran dan pemantauan. Pengurusan perakaunan termasuk memperakaun terimaan, bayaran, akaun amanah, aset dan inventori yang mematuhi piawaian dan dasar perakaunan Kerajaan Persekutuan.

Pada tahun 2020, BA telah menguruskan perakaunan yang melibatkan pengurusan pandemik COVID-19 meliputi perakaunan bayaran elaun pegawai petugas barisan hadapan KKM, bayaran pelbagai peralatan perubatan, reagen, ubat-ubatan dan konsumabel serta Akaun Amanah Pembelian Alat Kelengkapan, Kemudahan dan Perkhidmatan Hospital Kerajaan. BA juga telah menyediakan dua (2) garis panduan khusus bagi urusan niaga pengurusan pandemik COVID-19 iaitu Tatacara Memperakaunkan Aset Secara Perolehan Darurat & Sumbangan Diterima Dalam Tempoh Wabak COVID-19 Di iGFMS dan Tatacara Pengurusan Perakaunan Terimaan Sumbangan Kemudahan Perubatan KKM.

PENGURUSAN KEWANGAN

PEMBAYARAN



Pembayaran bil KKM bagi tahun 2020 adalah berjumlah RM12.31 bilion (2,085,549 baucar) berbanding RM8.5 bilion (1,611,531 baucar) pada tahun 2019. Terdapat peningkatan amaun bayaran sebanyak 44.82 peratus manakala bilangan baucar yang diproses meningkat sebanyak 29.41 peratus bagi semua PTJ KKM.

BA telah menguruskan pembayaran bil bagi PTJ Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM) berjumlah RM3.44 bilion (336,175 baucar) berbanding RM2.68 bilion (309,472 baucar) pada tahun 2019.

PENGURUSAN BAYARAN EMOLUMEN

Jumlah keseluruhan emolumen KKM pada tahun 2020 bagi pegawai berjawatan tetap berjumlah RM16.86 bilion berbanding RM15.88 bilion pada tahun 2019 iaitu peningkatan sebanyak 6.17 peratus. Manakala pembayaran emolumen dan ganjaran bagi pegawai tidak berjawatan tetap berjumlah RM15.50 juta berbanding RM4.82 juta pada tahun 2019. Pembayaran emolumen penjawat awam di Ibu Pejabat KKM berjumlah RM2.20 bilion yang melibatkan 32,935 orang pegawai.

PENGURUSAN AKAUN AMANAH

Akaun Amanah Seksyen 10, Akta Acara Kewangan 1957

Kumpulan Wang Amanah Tabung Bantuan Perubatan (KWATBP) ditubuhkan bertujuan membantu golongan yang tidak berkemampuan membiayai kos rawatan perubatan. Baki KWATBP pada 31 Disember 2020 adalah berjumlah RM85.02 juta.

Akaun Amanah di bawah Seksyen 9, Akta Acara Kewangan 1957

Baki untuk 21 Akaun Amanah di bawah Seksyen 9 sehingga 31 Disember 2020 adalah berjumlah RM44.30 juta.

PENGURUSAN AKAUN DEPOSIT

Baki bagi 14 Akaun Deposit KKM hingga 31 Disember 2020 adalah berjumlah RM102.18 juta. Sebanyak lima (5) Akaun Deposit melibatkan deposit khusus hospital KKM berjumlah RM32.17 juta manakala sembilan (9) Akaun Deposit Am berjumlah RM70.01 juta.


Perakaunan Aset

Rajah 3.2 menunjukkan Data Terkumpul Aset Bukan Kewangan KKM pada 31 Disember 2020 yang merangkumi baki awal aset serta perolehan semasa aset dari 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2020 mengikut kelas aset.

Perakaunan Aset dilaksanakan selaras dengan piawaian dan dasar perakaunan akrual sepanjang tempoh kitaran hayat aset:

- Pengukuran awal semasa perolehan (elemen kos, komponen kos dan kos tambahan);
- Pengukuran berikutnya (susut nilai, penilaian semula atau penjejasan; dan
- Penyahiktirafan (proses pelupusan atau hapus kira).

Rajah 3.2
Data Terkumpul Aset Bukan Kewangan Pada 31 Disember 2020




Sumber: Bahagian Akaun, KKM

PENGURUSAN PRESTASI BIL

Pada tahun 2020, sebanyak 2,085,549 baucar pembayaran bil berjumlah RM12.31 bilion telah diproses oleh PTJ KKM. Prestasi pembayaran bil KKM dalam tempoh 14 hari adalah 99.97 peratus (2,084,974 bil) berjumlah RM12.29 bilion, peningkatan sebanyak 0.17 peratus berbanding 99.80 peratus pada tahun 2019. Pada tahun 2020, 64.09 peratus PTJ KKM (291 daripada 454 PTJ) telah berjaya melaksanakan pembayaran dalam tempoh 14 hari berbanding tahun 2019 sebanyak 41.67 peratus iaitu peningkatan sebanyak 22.49 peratus.

Rajah 3.3
Prestasi Pembayaran Bil dalam Tempoh 14 hari bagi Tahun 2019 & 2020




Sumber: Bahagian Akaun, KKM

TADBIR URUS DAN PEMATUHAN PERAKAUNAN

BA dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah melaksanakan naziran pematuhan perakaunan akruan untuk skop aset dan belanja ke atas 196 PTJ KKM. BA juga melaksanakan semakan dokumen akaun terimaan bulanan ke atas 432 buah Pejabat Pemungut Utama KKM di seluruh Malaysia. Fungsi pemantauan ini dilaksanakan melalui pengesahan pematuhan dasar dan piawaian perakaunan serta memastikan kawalan dalaman yang mencukupi bagi mengukuhkan tadbir urus dan pengurusan perakaunan di PTJ KKM. Laporan Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan dan surat pemerhatian pengurusan terimaan telah dikemukakan kepada PTJ untuk tindakan pembetulan dan penambahbaikan.

Rajah 3.4


Bilangan Penemuan untuk Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan 2020 di PTJ KKM



Sumber: Bahagian Akaun, KKM

Rajah 3.5

Bilangan penemuan semakan dokumen Akaun Terimaan di Pejabat Pemungut KKM Pada Tahun 2019 & 2020



Sumber: Bahagian Akaun, KKM

PERUNDINGAN DAN LATIHAN

Sebanyak 20 siri latihan, kursus dan program yang melibatkan perakaunan akruan, pengurusan perakaunan dan sistem iGFMAS telah diadakan sepanjang tahun 2020 bagi memantapkan kecekapan dan kemahiran pegawai kewangan di PTJ.

Empat (4) kursus juga diadakan secara dalam talian bersesuaian dengan norma baharu termasuk Taklimat Penutupan Akaun 2020 dan Taklimat Data Migrasi Akaun Belum Terima yang melibatkan semua PTJ KKM.

Rajah 3.6
Senarai Kursus yang Dilaksanakan Sepanjang Tahun 2020



Sumber: Bahagian Akaun, KKM



04

KESIHATAN AWAM



KESIHATAN AWAM

PENGENALAN

Peranan utama Program Kesihatan Awam (KA) adalah untuk membantu individu dan komuniti mencapai serta mengekalkan tahap kesihatan yang optima melalui penyediaan perkhidmatan kesihatan berasaskan visi dan misi KKM. Perkhidmatan kesihatan yang disediakan berkonsepkan integrasi pencegahan dan kawalan penyakit, pengesanan dan rawatan awal, penjagaan rehabilitasi serta promosi cara hidup sihat agar individu dan komuniti boleh menjalani kehidupan yang produktif.

BAHAGIAN PERKEMBANGAN KESIHATAN AWAM

CAWANGAN DASAR DAN PERKHIDMATAN KESIHATAN AWAM

Cawangan Dasar dan Perkhidmatan Kesihatan Awam bertanggungjawab dalam memastikan dasar, polisi dan perundangan Kesihatan Awam selari dengan keperluan tadbir urus Kesihatan Awam. Antara aktiviti yang dijalankan adalah:

- i. Perancangan keperluan sumber Program Kesihatan Awam
- ii. Menyelaraskan serta menganalisa program peningkatan kualiti dalam Perkhidmatan Kesihatan Awam
- iii. Penyelarasan perancangan dasar Program Kesihatan Awam
- iv. Merancang, menyelaraskan dan memantau serta menganalisa Program Kesihatan Khas
- v. Pembentukan polisi tadbir urus dan koordinasi projek ICT di Program Kesihatan Awam

SEKTOR PROGRAM KHAS

Fungsi utama Sektor Program Khas (Kesihatan Orang Asli) adalah menggubal polisi, memantau pelaksanaan serta mengenal pasti langkah-langkah penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan dan perubatan kepada masyarakat Orang Asli Semenanjung Malaysia supaya ianya lebih komprehensif, efektif dan holistik.

PERKHIDMATAN KESIHATAN MASYARAKAT ORANG ASLI

Kemudahan capaian perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat Orang Asli di kawasan bandar, pinggir dan pedalaman terus dilaksanakan pada tahun 2020 selaras dengan Teras Strategik Tonggak II di bawah RMK-11, iaitu Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat. Petunjuk Prestasi Utama (PPU) atau KPI yang digunakan adalah memastikan lawatan Perkhidmatan Kesihatan ke perkampungan Orang Asli di kawasan pedalaman oleh Pasukan Bergerak Orang Asli (PBOA) setiap empat (4) minggu dengan sasaran ditetapkan sebanyak 80 peratus. Pencapaian KPI pada tahun 2020 adalah 81.4 peratus.

Pada tahun 2020 Kementerian Kewangan telah menyediakan peruntukan khas (B11) berjumlah RM2 juta untuk memperkasakan Pasukan Bergerak Orang Asli (PBOA) melalui perolehan kenderaan Pacuan Empat Roda (4X4), Peralatan Perubatan serta Peralatan Bukan Perubatan. Sejumlah 13 kenderaan Pacuan Empat Roda dan dua (2) motosikal telah diperolehi melibatkan negeri Pahang (5), Kelantan (4) dan Perak (4), kenderaan Pacuan Empat Roda dan 2 motosikal. Peruntukan ini juga telah digunakan untuk perolehan peralatan perubatan dan peralatan bukan perubatan bagi PBOA Hospital Orang Asli Gombak.

Pasukan Doktor Udara (PDU) yang berpangkalan di Hospital Bahagia Ulu Kinta dan Pejabat Kesihatan Daerah Kinta juga terus membekalkan perkhidmatan ke 10 perkampungan Orang Asli pedalaman yang sukar dicapai sama ada melalui jalan darat atau air. Pencapaian lawatan PDU bagi tahun 2020 adalah sebanyak 96.4 peratus daripada jumlah penerbangan yang dirancang. Pada tahun 2020, kedatangan pesakit Orang Asli bagi mendapatkan pelbagai perkhidmatan kesihatan KKM yang ditawarkan di bawah Penjagaan Kesihatan Primer dilaporkan berjumlah 532,889 lawatan (**Jadual 4.1**).

Jadual 4.1

Jumlah Kedatangan Pesakit Orang Asli Menggunakan Perkhidmatan Kesihatan di Bawah Penjagaan Kesihatan Primer KKM, 2020

SKOP PERKHIDMATAN KESIHATAN	JUMLAH KEDATANGAN
Pesakit Luar	115,328
Antenatal	61,435
Postnatal	4,798
Perancang Keluarga	80,639
Kesihatan Kanak-kanak	168,399
Lawatan Rumah	102,290
JUMLAH	532,889

Sumber: Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam. KKM

Dua (2) kajian kesihatan yang melibatkan masyarakat Orang Asli telah selesai dilaksanakan pada tahun 2020, iaitu kajian diabetes anjuran Institut Diabetes Negara (NADI) dan *World Diabetes Foundation* (WDF) – Projek Orang Asli dengan kerjasama Program Kesihatan Awam; dan Kajian Etnografi Orang Asli Kuala Koh, Gua Musang, Kelantan oleh Bahagian Pendidikan Kesihatan. Walau bagaimanapun, hasil kajian NADI–WDF belum lagi dimuktamadkan, manakala Tinjauan Kesihatan Orang Asli 2020 oleh Institut Kesihatan Umum pula terpaksa ditangguhkan disebabkan pandemik COVID–19.

Mesyuarat Teknikal Perkhidmatan Kesihatan Orang Asli telah diadakan pada 10 Ogos 2020 di Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam yang melibatkan seramai 64 orang pegawai daripada Pejabat Kesihatan Daerah, Jabatan Kesihatan Negeri serta Pegawai–Pegawai Teknikal daripada Program Kesihatan Awam Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia bagi membincangkan isu–isu berkaitan perkhidmatan kesihatan masyarakat Orang Asli. Selain itu, Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Perkhidmatan Kesihatan Orang Asli yang dianggotai oleh wakil daripada KKM dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), dan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAKOA telah diadakan pada 18 September 2020. Mesyuarat ini adalah medan utama dalam membincangkan isu–isu kesihatan dan kesejahteraan Orang Asli untuk mencari jalan penyelesaian dan penyelarasan dalam usaha meningkatkan taraf kesihatan masyarakat Orang Asli Semenanjung Malaysia.

Imej 4.1

Kenderaan Pacuan Empat Roda (4x4) Yang Digunakan Untuk Bawa Pasukan Bergerak Kesihatan Orang Asli (PBOA)



Kenderaan PBOA Bera, Pahang



Kenderaan PBOA Kuala Kangsar, Perak



Kenderaan PBOA Tanah Merah, Kelantan



Pasukan Doktor Udara (PDU), JKN Perak

Sumber: Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam.KKM

CAWANGAN PEMBANGUNAN PROFESION KESIHATAN AWAM

Cawangan Pembangunan Profesion Kesihatan Awam berperanan dalam pembangunan dan perkembangan profesion untuk Program Kesihatan Awam. Cawangan ini perlu memastikan setiap anggota Program Kesihatan Awam mencapai taraf kompetensi yang telah ditetapkan dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Cawangan ini melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- Pembangunan Perkhidmatan Kepakaran Perubatan Kesihatan Awam
- Perkembangan Profesion Dalam Program Kesihatan Awam
- Modal Insan dan Continuous Professional Development (CPD)
- Pemantauan Penggunaan Fasiliti Kesihatan Awam bagi Tujuan Latihan

Cawangan ini memantau perancangan latihan dan pelaksanaan bagi anggota Program Kesihatan Awam. Pada tahun 2020, sebanyak 3,148 kursus telah dijalankan di seluruh negara dengan perbelanjaan RM3,582,438.89 berbanding 6,940 kursus dengan perbelanjaan RM11,678,818.28 pada tahun 2019. Tiada anggota dihantar untuk mengikuti Latihan Jangka Pendek Luar Negara sepanjang tahun 2020 susulan pandemik COVID-19. Prestasi keseluruhan Program Latihan Dalam Perkhidmatan adalah seperti di [Jadual 4.2](#).

Jadual 4.2
Prestasi Program Latihan Dalam Perkhidmatan Program Kesihatan Awam
bagi tahun 2019 dan 2020.

	PRESTASI			
	2019		2020	
	Bil. Kursus yang Dihadiri	Perbelanjaan (Peratus daripada peruntukan tahunan)	Bil. Kursus yang Dihadiri	Perbelanjaan (Peratus daripada peruntukan tahunan)
Luar Negara	3	RM66,000.00 (100 peratus)	0	RM0.00 (0 peratus)
Dalam negara	6940	RM11,678,818.28 (98.80 peratus)	3148	RM3,582,438.89 (98.99 peratus)

Sumber: Cawangan Pembangunan Profesion, Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM

Cawangan ini turut memproses permohonan dan memantau penggunaan fasiliti kesihatan di Program Kesihatan Awam seperti Pejabat Kesihatan Daerah, Klinik Kesihatan dan Makmal Kesihatan Awam bagi tujuan latihan. Pada tahun 2020, sebanyak 27 permohonan penggunaan fasiliti telah diluluskan samada permohonan pembaharuan *Memorandum of Agreement* (MoA) atau permohonan penambahan fasiliti yang melibatkan tujuh (7) Program Perubatan, 16 Program Sains Kesihatan Bersekutu dan empat (4) Program Kejururawatan.

CAWANGAN KESIHATAN GLOBAL (GLOBAL HEALTH)

Cawangan *Global Health* memainkan peranan yang amat penting dalam bidang *global health diplomacy* di persada antarabangsa. Berikut adalah senarai aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh Cawangan ini sepanjang tahun 2020.

PEMANTAUAN PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA (WHO) PROGRAM BAJET 2020 DAN 2021

Malaysia telah bersetuju dengan Belanjawan Program Bajet Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) 2020 dan 2021 semasa Mesyuarat Pertubuhan Kesihatan Sedunia ke-72 pada bulan Mei 2019. Pelbagai bahagian dari ibu pejabat KKM telah mengemukakan cadangan projek dan kemudiannya dalam Mesyuarat *Review Board* pada bulan Ogos 2019 yang dipengerusikan oleh mantan *WHO Focal Point*/Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (P&ST), Datuk Dr. Christopher Lee; mesyuarat telah memberi kelulusan agar sejumlah 32 projek dilaksanakan dalam dwitahunan itu.

SAMBUTAN HARI KESIHATAN SEDUNIA 2020 (WHD2020) SECARA MAYA

Bersempena dengan Hari Kesihatan Sedunia yang bertemakan, *International Year of Nurses and Midwifery* pada 7 April 2020, sebagai menghargai jasa dan peranan pekerja kesihatan serta petugas barisan hadapan menghadapi pandemik COVID-19, Kementerian Kesihatan Malaysia bersama *WHO Country Office*, telah menganugerahkan surat penghargaan yang ditandatangani oleh Menteri Kesihatan Malaysia dan Wakil Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) ke Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura kepada semua pekerja kesihatan dan petugas barisan hadapan yang terlibat dalam sambutan yang diadakan secara maya.

73rd WORLD HEALTH ASSEMBLY VIRTUAL SESSION, 2020

Sesi Perhimpunan Kesihatan Sedunia Kali Ke-73, 2020 telah diadakan pada 18 sehingga 19 Mei 2020 secara maya berikutan ketidakpastian pandemik COVID-19. Perhimpunan ini memberi fokus pada kesiapsiagaan dan respons global terhadap wabak COVID-19. Delegasi Malaysia yang diketuai oleh YBMK telah menekankan kepentingan berkongsi maklumat dan pengalaman mengenai koordinasi, kerjasama dan hala tuju yang sama dalam menangani pandemik COVID-19 di peringkat global. Sambungan sesi ini telah diadakan semula dari 9 hingga 14 November 2020 juga secara maya. Pegawai Teknikal dari Bahagian Kawalan Penyakit, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Bahagian Pemakanan, Bahagian Perkembangan Perubatan, Bahagian Keselamatan & Kualiti Makanan dan Sektor Kesihatan Global dari Bahagian Pembangunan Kesihatan Awam telah mewakili delegasi Malaysia. Kementerian Kesihatan Malaysia turut berkesempatan untuk membuat intervensi dalam beberapa agenda teknikal seperti; *Primary Healthcare, Global Action Vaccine Plan, Eliminating Cervical cancer, Health Emergencies & IHR 2005, Poliomyelitis, Maternal & Infant Nutrition, Healthy Ageing and Food Safety*.

23rd BRUNEI DARUSSALAM-INDONESIA-MALAYSIA-SINGAPORE-THAILAND (BIMST) PUBLIC HEALTH CONFERENCE

Kerajaan Negara Indonesia telah menganjurkan Mesyuarat Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Singapore-Thailand (BIMST) *Public Health Conference* ke-23 secara maya pada 18 Ogos 2020. Mesyuarat ini telah memberi peluang bagi negara-negara merentas sempadan untuk berkongsi pendapat mengenai tindak balas pandemik yang berterusan serta meningkatkan kerjasama serantau dalam sektor kesihatan. Pegawai teknikal dari Bahagian Kawalan Penyakit dan Sektor Kesihatan Global, Bahagian Pembangunan Kesihatan Awam mewakili Malaysia. Delegasi Malaysia berkongsi maklumat mengenai kerjasama dan langkah-langkah keselamatan kesihatan strategik (*surveillance & public health intervention, test & diagnostic, evidence-based approach, risk communication, control movement of people, isolation and treatment*) bagi membendung pandemik ini.

71st REGIONAL COMMITTEE MEETING WESTERN PACIFIC REGIONAL OFFICE WHO

Bagi tahun 2020, mesyuarat ini telah berlangsung secara maya dari 6 hingga 9 Oktober. Sebagai Ketua Delegasi Malaysia, YBMK Dato' Sri Dr. Adham Baba menitikberatkan kepentingan untuk membangunkan vaksin yang selamat untuk digunakan di seluruh dunia secara sejajar, dalam ucapan beliau. Pegawai Teknikal dari Program Kesihatan Awam dan Program Perubatan serta pegawai tadbir diplomat dari Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa juga mewakili mesyuarat ini. Dalam sesi tersebut, Malaysia telah memberi cadangan tentang beberapa intervensi, antaranya ialah; *Vaccine Preventable Diseases, Safe & Affordable Surgery, Ageing & Health, Special Programme of Research on Human Reproduction and WHO Programme Bajet*.

ASEAN HEALTH MINISTERS MEETING (AHMM) AND ASEAN PLUS THREE HEALTH MINISTERS MEETING (APTHMM)

Satu Persidangan Khas Atas Talian Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN dan Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN (AHMM) Bersama tiga (3) Negara Tambahan (APTHMM) telah diadakan pada 7 April. Mesyuarat ini adalah berkenaan pengukuhan kerjasama antara negara-negara ahli terhadap respons menghadapi COVID-19. Kedua-dua mesyuarat ini berlangsung pada hari yang sama dan Malaysia menyertainya di bilik CPRC secara maya bersama-sama sembilan (9) lagi negara ASEAN dan tiga (3) negara tambahan iaitu Jepun, Korea dan China. Mesyuarat pertama AHMM telah diketuai oleh SOMHD Malaysia iaitu Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Dato' Dr Chong Chee Kheong. Manakala mesyuarat APTHMM pula telah diketuai oleh YB Menteri Kesihatan, Dato' Sri Dr. Adham Baba.

ASEAN SENIOR OFFICIALS MEETING ON HEALTH DEVELOPMENT (SOMHD) MEETING

Mesyyarat ASEAN SOMHD yang ke-15 ini merupakan mesyyarat tahunan yang telah dihadiri oleh delegasi Malaysia diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) Dato' Dr. Chong Chee Kheong, bermula dari 24 hingga 28 Ogos 2020. Mesyyarat ini banyak menfokuskan tentang COVID-19 dan juga menjadi wadah bagi membincangkan tentang kertas kerja bagi Kluster Kesihatan Asean 1,2 3 dan 4. Seiring dengan tema *Accelerating Health for all in ASEAN*, Malaysia telah membentangkan informasi terkini tentang perkembangan *ASEAN Risk Assessment Centre on Food and ASEAN Food Safety Regulatory Framework*.

5th ASEAN HEALTH CLUSTER 3: STRENGTHENING HEALTH SYSTEMS & ACCESS TO CARE

Mesyyarat Kesihatan ASEAN Kluster 3 yang kelima telah berlangsung secara maya dari 13 hingga 14 Ogos. Mesyyarat ini telah dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Awam, Dr. Nik Jasmin Nik Mahir yang juga merupakan Koordinator Negara Malaysia bagi Kluster 3. Malaysia telah berkesempatan untuk membentangkan perkembangan terkini bagi Bahagian Farmasi dan Kualiti Penjagaan Kesihatan. Mesyyarat ini telah dipengerusikan oleh negara Thailand dan disertai oleh 10 ahli negara ASEAN. Perbincangan tentang aktiviti bagi program dalam tempoh 2021 hingga 2025 menjadi agenda utama bagi mesyyarat ini.

EXTRAORDINARY MEETING OF THE ORGANISATION OF ISLAMIC COORPERATION (OIC) STEERING COMMITTEE ON HEALTH ON COVID-19 PANDEMIC

Cawangan Global Health daripada Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam telah berpeluang untuk menyertai sesi khas atas talian yang telah berlangsung pada 9 April. Penglibatan Malaysia telah diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Dato' Sri Dr. Adham Baba.

SEKTOR FARMASI KESIHATAN AWAM

LAWATAN PENYELIAAN FARMASI DI KESIHATAN AWAM

Sejak tahun 2019, prestasi penyampaian perkhidmatan farmasi di KA dipantau melalui pelaporan *Key Performance Indicator* (KPI) Pengarah Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam (BPBKA). KPI BPBKA ini mensasarkan 90 peratus Klinik Kesihatan (KK) dengan anggota farmasi mencapai prestasi keseluruhan Gred A (80 hingga 100%) bagi penyeliaan perkhidmatan farmasi. Indikator ini bertujuan untuk memantau prestasi pencapaian keseluruhan perkhidmatan farmasi di fasiliti kesihatan awam dan memantau isu-isu dalam pelaksanaan serta pematuhan kepada polisi serta pekeliling-pekeliling semasa. Pencapaian KPI pda tahun 2020 meningkat 8.1 peratus kepada 96 peratus berbanding tahun 2019 (87.9%). Sebanyak 645 KK daripada 672 KK yang terlibat mencapai prestasi keseluruhan Gred A ([Jadual 4.3](#)).

Jadual 4.3

Pencapaian Prestasi Penyampaian Perkhidmatan Farmasi di Fasiliti Kesihatan Awam

Prestasi keseluruhan	2019		2020	
	Bil KK	Peratus (%)	Bil KK	Peratus (%)
Gred A (80-100%)	398	87.9	645	96.0
Gred B (65-79.9%)	46	10.2	24	3.6
Gred C (50- 64.9%)	8	1.8	3	0.4
Gred D (< 50%)	1	0.2	0	0.0
Jumlah	453	100.0	672	100.0

Sumber: Sektor Farmasi Kesihatan Awam, BPBKA

BEBAN KERJA DI KAUNTER FARMASI KESIHATAN AWAM DALAM NORMA BAHARU

Pada tahun 2020, disebabkan oleh penularan wabak COVID-19, KKM telah menekankan agar semua fasiliti mengamalkan norma baharu dalam perkhidmatan termasuk di Klinik Kesihatan. Oleh itu, pesakit digalakkan untuk mendapatkan ubat susulan melalui perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi (*Value Added Services- VAS*) atau secara temujanji. Terdapat peningkatan jumlah preskripsi yang menggunakan perkhidmatan nilai tambah farmasi sebanyak 30 peratus (2,627,312 preskripsi) berbanding tahun 2019 (1,848,342 preskripsi). Sehubungan itu, terdapat pengurangan sebanyak 20.4 peratus bagi jumlah preskripsi yang diterima di kaunter farmasi klinik kesihatan pada tahun 2020 berbanding jumlah yang diterima pada tahun sebelumnya ([Rajah 4.1](#)).

Rajah 4.1
Bilangan Preskripsi yang diterima di Kaunter Farmasi Klinik Kesihatan, 2017-2020



Sumber: Program Perkhidmatan Farmasi, KKM


PEROLEHAN DAN PEMBEKALAN *PERSONAL PROTECTIVE EQUIPMENT (PPE)*

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik pada 11 Mac 2020. Peningkatan kes di seluruh dunia mengakibatkan peningkatan ketara penggunaan PPE sehingga menimbulkan isu kekurangan bekalan PPE di peringkat global.

Bagi memastikan ketersediaan bekalan PPE di seluruh negara, perolehan PPE telah dilaksanakan melalui perolehan darurat melibatkan peruntukan berjumlah RM115 juta di bawah Program Kesihatan Awam. Selain itu, Sektor Farmasi Kesihatan Awam juga terlibat untuk agihan sumbangan PPE yang diterima daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta bagi menampung kegunaan di fasiliti kesihatan dan hospital. Sehingga Disember 2020, anggaran 70.5 juta keping PPE pelbagai jenis telah diterima oleh KKM melalui sumbangan.

Rajah 4.2

Data Perolehan dan Penggunaan PPE di Hospital dan Kesihatan Awam



Sumber:

- 1) Pharmacy PPE Tracker dari 18 Mac 2020 sehingga 31 Disember 2020, Program Perkhidmatan Farmasi, KKM
- 2) Laporan Perolehan Darurat PPE, Bahagian Perkembangan Perubatan dan Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM
- 3) Laporan Kelulusan Penerimaan Hadiah Di Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Tahun 2020, Bahagian Perolehan & Penswastan, KKM

SEKTOR INSPEKTORAT DAN PERUNDANGAN

Sektor Inspektorat dan Perundangan bertanggungjawab dalam penggubalan polisi, perancangan, pelaksanaan dan penilaian semua aktiviti berkaitan penguatkuasaan Undang-Undang Kesihatan Awam iaitu Akta Pencegahan dan Pengawalan Berjangkit 1988 [Akta 342], Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 [Akta 154], Akta Makanan 1983 [Akta 281], Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 dan Akta Hidrogen Sianid 1953 [Akta 260].

PINDAAN PERUNDANGAN DAN PEMBANGUNAN PROSEDUR OPERASI STANDARD

Bagi tahun 2020, terdapat tiga (3) pindaan perundangan iaitu pindaan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342], penggubalan Rang Undang-Undang Akta Kawalan Hasil Tembakau dan penggubalan Rang Undang-Undang Akta Hidrogen Sianid (Pewasapan) 1953. Terdapat empat (4) peraturan diwartakan dan lapan (8) Prosedur Operasi Standard juga telah dibangunkan melibatkan Sektor Inspektorat dan Perundangan secara teknikal.

PELANTIKAN PEGAWAI DIBERI KUASA & PENURUNAN KUASA

Pelantikan Pegawai Diberikuasa di bawah Undang-Undang Kesihatan Awam adalah bagi memastikan aktiviti penguatkuasaan dijalankan mengikut Prosedur Operasi Standard. Bilangan pelantikan bagi pegawai diberi kuasa secara keseluruhan pada 2020 adalah seperti di **Jadual 4.4**. Bagi membantu Kementerian Kesihatan Malaysia dalam pencegahan dan pengawalan pandemik COVID-19, sebanyak 28 agensi juga telah diberi kuasa dan dari jumlah itu, empat (4) agensi iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Jabatan Imigresen Malaysia telah diturun kuasa untuk mengkompaun di bawah Akta 342.

Jadual 4.4
Pelantikan Pegawai Diberi Kuasa, 2018 hingga 2020

Pegawai Diberi Kuasa	2018	2019	2020
Pegawai Diberi Kuasa Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988	293	327	793
Kuasa Mengkompaun Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988	47	46	247
Pegawai Diberi Kuasa Akta Makanan 1983	348	547	651
Kuasa mengkompaun Akta Makanan 1983	269	391	380
Kuasa Penutupan Premis Makanan di bawah Akta Makanan 1983	111	114	80
Kad Pengenalan Penguatkuasa	268	324	291
JUMLAH	1,336	1,749	2, 442

Sumber: Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM

PENGUATKUASAAN AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988

Bermula 1 April 2020, aktiviti penguatkuasaan melalui Akta 342 dan Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) telah dijalankan secara meluas bagi tujuan pencegahan dan pengawalan pandemik COVID-19 seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Penguatkuasaan Akta 342 dan Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan), 2020

Tempoh (PKP/PKPB/ PKPP)	Bil Premis Diperiksa	Bil Premis Ditutup	Bil Kompaun Dikeluarkan	Bil Kompaun Dibayar	Bil Kes Daftar Mahkamah	Jumlah Denda Oleh Mahkamah (RM)
1 April – 31 Dis 2020	465, 267	2, 599	51, 124	41, 805	1, 033	118, 300

Sumber: Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM

Secara keseluruhan, aktiviti penguatkuasaan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] menunjukkan peningkatan ketara pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya seperti dalam [Jadual 4.6](#).

Jadual 4.6

Penguatkuasaan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), 2018 hingga 2020

Tahun	Bil. Premis Diperiksa Di Bawah Seksyen 18(1)	Bil. Premis Ditutup Di Bawah Seksyen 18(1)	Bil. Kompaun Dikeluarkan	Jumlah Amaun Kompaun Yang Dibayar (RM)
2018	5,573	1,201	35	19,950
2019	2,619	731	34	15,100
2020	471,449	2,907	54, 021	2,180,500

Sumber: Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam. KKM

PENGUATKUASAAN AKTA PEMUSNAHAN SERANGGA PEMBAWA PENYAKIT 1975

Sebanyak tujuh (7) siri Ops Gempur Aedes telah dijalankan sepanjang tahun 2020. Pencapaian Aktiviti penguatkuasaan APSPP 1975 adalah seperti di [Jadual 4.7](#).

Jadual 4.7

Penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975, 2018 hingga 2020

Tahun	Bil. Premis Yang Diperiksa	Bil. Premis Yang Positif Pembiakan	Bil. Kompaun Dikeluarkan	Bil. Premis Ditutup	Bil. Kes Daftar Di Mahkamah	Denda Mahkamah (RM)
2018	4,688,302	119,418	21,370	120	2,599	3,130,300
2019	4,877,369	161,506	24,869	117	2,665	1,037,231
2020	4,685,063	175,642	21,748	71	1,418	836,460

Sumber: Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam. KKM

PENGUATKUASAAN PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004

Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 merupakan undang-undang subsidiari di bawah Akta Makanan 1983 [Akta 281] yang merangkumi penguatkuasaan antaranya adalah; kegiatan merokok di tempat yang dilarang, penjualan rokok dalam paket terbuka, penjualan hasil tembakau dalam talian dan lain-lain. Pencapaian aktiviti penguatkuasaan PPKHT 2004 adalah seperti di [Jadual 4.8](#).

Jadual 4.8

Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004, 2018 hingga 2020

Tahun	Bil Notis Seksyen 32B Dikeluarkan	Bil. Kompaun Dikeluarkan	Jumlah Amaun Kompaun Yang Dibayar (RM)
2018	57,268	25,834	3,215,366
2019	50,946	29,819	3,653,774
2020	34,338	19,433	2,615,814

Sumber: Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam. KKM

PENYIASATAN DAN PENDAKWAAN

Penyiasatan dan pendakwa kes yang melanggar undang-undang kesihatan awam dijalankan oleh Pegawai Kesihatan Persekitaran (PKP) dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP). Pencapaian aktiviti siasatan dan pendakwa berkaitan undang-undang kesihatan awam adalah seperti di [Jadual 4.9](#).

Jadual 4.9

Penyiasatan dan Pendakwa Kes di Bawah Undang-Undang Kesihatan Awam, 2018 hingga 2020

Tahun	Kertas Siasatan Dibuka	Bil. Izin Dakwa	Bil. NFA
2018	92,376	18,538	575
2019	102,122	20,385	680
2020	80, 144	10, 515	309

Sumber: Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam. KKM

LESEN PEWASAPAN

Pengeluaran lesen pewasapan adalah selaras dengan keperluan Akta Hidrogen Sianid (Pewasapan) 1953. Operator pewasapan memerlukan lesen sebelum menjalankan kerja-kerja pewasapan. Bagi tahun 2020, sebanyak 23 permohonan baru lesen pewasapan dan sebanyak 240 permohonan pembaharuan lesen pewasapan bagi operator berlesen telah diproses.

BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT

CAWANGAN PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT (NCD)

Secara keseluruhannya, tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar bagi program pencegahan dan kawalan penyakit NCD. COVID-19 secara langsung mempengaruhi populasi berisiko tinggi, termasuk individu yang menghidapi penyakit NCD dan anggota kesihatan barisan hadapan. Kawalan pergerakan atau MCO memberi kesan negatif kepada program pencegahan NCD dalam komuniti dan di sekolah, penyaringan NCD dan akses dan penyampaian perkhidmatan rawatan kepada individu yang menghidap penyakit NCD.

UNIT PENYAKIT KARDIOVASKULAR DAN DIABETES

Pada tahun 2020, KKM, WHO dan Deakin University Australia telah menilai kerugian produktiviti dan beban kos penyakit dari tiga penyakit NCD utama (iaitu penyakit kardiovaskular, diabetes dan kanser). Penyakit NCD dianggarkan menelan perbelanjaan ekonomi Malaysia sebanyak RM12.88 bilion dari segi kerugian produktiviti kerana *presenteeism*, *absenteeism* atau kematian pramatang pada orang usia bekerja. Anggaran beban kos penyakit, yang merupakan *intangible cost* yang disebabkan oleh kehilangan nyawa atau nyawa yang sihat adalah antara RM100.79 bilion hingga RM302.37 bilion.

Pada tahun 2020, hampir 1.7 juta pesakit diabetes didaftarkan dalam *National Diabetes Registry* (NDR), dan 902,991 merupakan pesakit yang aktif. Hanya 30.7 peratus pesakit Diabetes yang mencapai sasaran HbA1C ≤ 6.5 peratus. Laporan NDR 2013 hingga 2019 telah diterbitkan bersempena dengan sambutan Hari Diabetes Sedunia pada bulan November 2020.

Satu penilaian *mid-term* Strategi Pengurangan Garam Untuk Mencegah dan Mengawal Penyakit NCD di Malaysia, 2015 hingga 2020 mendapati bahawa kemajuan program dan aktiviti adalah sederhana, dan rendah dalam mewujudkan mekanisme untuk melibatkan penduduk Malaysia dan pengeluar produk makanan dalam usaha ini. KKM kini memfokuskan kepada kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti dalam laporan ini melalui pelan strategik tahun 2021 hingga 2025.

UNIT KANSER

Program Saringan Kanser Kolorektal menggunakan *immunological Fecal Occult Blood Test (iFOBT)* diikuti oleh kolonoskopi menyasarkan individu tanpa gejala berusia antara 50 hingga 75 tahun. COVID-19 memberi kesan negatif kepada aktiviti penyaringan iFOBT. Dari Januari hingga September 2020, seramai 31,529 individu hadir ke klinik untuk saringan, dan 8.46 peratus positif untuk iFOBT. Dari semua kes iFOBT positif, 90.82 peratus bersetuju dirujuk untuk kolonoskopi. Walau bagaimanapun, hanya 60 peratus sahaja yang menjalani kolonoskopi dan dari jumlah ini, 2.82 peratus disahkan kanser, dan 25.24 peratus positif untuk polip usus.

Pelaksanaan *Verbal Autopsy* pada tahun 2020 juga terkesan akibat COVID-19. Hanya 25.6 peratus daripada sejumlah 74,372 kes Kematian tidak disahkan Secara Perubatan (NMCD) yang didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara pada tahun 2019 dapat disahkan pada tahun 2020. Peratusan kes Kematian disahkan Secara Perubatan (MCD) juga berkurang dari 68.2 peratus pada tahun 2018 kepada 62.8 peratus pada tahun 2019.

SEKTOR INTERVENSI NCD

Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) adalah program intervensi NCD dalam komuniti yang menggunakan konsep pemerkasaan komuniti, melalui pembentukan sukarelawan terlatih yang menjadi agen kesihatan bagi melaksanakan aktiviti advokasi dan promosi kesihatan, saringan dalam komuniti serta menyelaraskan aktiviti-aktiviti intervensi kesihatan peringkat komuniti. KOSPEN merangkumi tujuh (7) skop iaitu Pemakanan Sihat, Hidup yang Aktif, Tidak Merokok, Minda Sihat, Pengurangan Kemudaratan Alkohol, Saringan Faktor Risiko Kesihatan dan Pengurusan Berat Badan. Sehingga tahun 2020, sejumlah 1,045,274 orang dewasa telah disaring untuk faktor risiko. 85 peratus lokaliti KOSPEN melakukan trek 10,000 langkah, 72 peratus lokaliti KOSPEN telah mencapai keperluan Polisi Menu Sihat dan 69 peratus telah mencapai sasaran untuk Rumah Bebas Asap Rokok (RBAR). 93 peratus lokaliti KOSPEN mencapai sasaran meletakkan tanda larangan merokok di kawasan awam.

SEKTOR KAWALAN TEMBAKAU DAN URUSETIA FCTC

Sektor Kawalan Tembakau & Sekretariat *Framework Convention on Tobacco Control (FCTC)* telah memperkenalkan perkhidmatan berhenti merokok secara talian. Ini dilaksanakan melalui Fasa 3 Perkhidmatan mQuit, melalui jalinan kerjasama pintar sektor awam dan swasta. Satu MoU ditandatangani antara KKM dan semua rakan kongsi yang berkaitan dari bidang akademik dan sektor swasta pada 14 Disember 2020. Perkhidmatan mQuit telah dimulakan dengan Fasa 1 dari 2015 hingga 2017, kemudian Fasa 2 dari 2017 hingga 2020 dan Fasa 3 semasa dari 2020 sehingga 2025.

Perkhidmatan mQuit dalam talian kini beroperasi melalui www.jomquit.com, di mana perokok boleh mendapatkan pelbagai maklumat mengenai merokok dan terutamanya risiko mendapat jangkitan COVID-19. Di samping itu, terdapat juga maklumat tentang bagaimana mereka boleh berhenti merokok. Seterusnya, perokok perlu mendaftar untuk mendapatkan rawatan, dan mereka akan dibantu sehingga berjaya berhenti merokok dalam jangka masa enam (6) bulan. Perkhidmatan mQuit dalam talian juga boleh diakses dengan mudah melalui aplikasi MySejahtera.

Semenjak Perkhidmatan Berhenti Merokok mQuit secara dalam talian ini bermula sehingga akhir tahun 2020, lebih 100 ribu orang pelayar telah melayari laman sesawang jomquit. Terdapat peningkatan yang ketara dalam jumlah perokok berdaftar untuk berhenti merokok, dengan 4,469 perokok mendaftar untuk berhenti pada tahun 2020 berbanding hanya 1,678 perokok yang terdaftar pada tahun 2019. Jumlah perokok yang mendaftar untuk perkhidmatan berhenti merokok juga telah meningkat dari 28,167 pendaftaran perokok untuk berhenti merokok pada tahun 2020 berbanding 22,601 perokok yang mendaftar pada tahun 2019. Kadar berhenti merokok adalah 51 peratus dalam kalangan mereka yang mempunyai *quit date*.

Imej 4.2
Perkhidmatan Berhenti Merokok mQuit



Sumber: Sektor Kawalan Tembakau & Urusetia FCTC, Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

UNIT KESIHATAN MENTAL

Mesuarat Majlis Penasihat Promosi Kesihatan Mental yang dipengerusikan oleh Menteri Kesihatan telah diadakan pada 2 Oktober 2020. Pelan Strategik Nasional untuk Kesihatan Mental (NSPMH) 2020 hingga 2025, dihasilkan untuk mengatasi jurang dan cabaran dalam mengatasi masalah kesihatan mental di Malaysia, telah dibentangkan, dan kemudian dipersetujui oleh Ketua Pengarah Kesihatan pada 4 Disember 2020.

Di bawah Kempen *Let's TALK* Minda Sihat, lembaran fakta mengenai kesihatan mental dan pencegahan bunuh diri telah diterbitkan sempena Hari Pencegahan Bunuh Diri Sedunia dan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2020. Tiga (3) video promosi kesihatan mental telah dibuat dan disiarkan di media sosial untuk meningkatkan kesedaran mengenai Kesihatan Mental dalam masa pandemik COVID-19.

Untuk Saringan Kesihatan Mental dan Intervensi dalam penjagaan kesihatan primer, satu (1) projek perintis di klinik kesihatan telah dijalankan dari bulan Ogos hingga Oktober 2020 di lima (5) negeri (Perlis, Negeri Sembilan, Johor, Kelantan dan WP Kuala Lumpur) untuk meningkatkan Saringan Kesihatan Mental dalam perawatan primer supaya menjadi lebih spesifik dalam mengesan kemurungan dan *anxiety* dalam masyarakat. Projek ini akan dilancarkan di seluruh negara bermula pada bulan Jun 2021.

Pada permulaan pandemik COVID-19, Perkhidmatan Sokongan Kesihatan Mental dan Psikososial (MHPSS) telah diaktifkan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Perkhidmatan yang disediakan merangkumi penyaringan, talian bantuan sokongan psikososial, taklimat sebelum dan selepas mobilisasi anggota kesihatan, sesi Webinar, perbincangan forum dalam talian, siaran media dan wawancara untuk meningkatkan pengetahuan berkaitan Kesihatan Mental dan COVID-19 kepada masyarakat umum. Nota Taklimat, Prosedur Operasi Standard (SOP) dan Garis Panduan mengenai Sokongan Psikososial di Pusat Kuarantin turut dihasilkan untuk membimbing dan menyelaraskan pelaksanaan. Pada tahun 2020, KKM juga telah merekrut 200 Pegawai Kaunseling Psikologi untuk memperkukuhkan perkhidmatan ini.

UNIT ALKOHOL DAN SALAH GUNA SUBSTANS

Sehingga Disember 2020, sebanyak 319 klinik kesihatan menyediakan perkhidmatan saringan alkohol dan intervensi. Selain itu, pada masa ini, 30 klinik kesihatan telah dikenal pasti untuk menyediakan perkhidmatan *One-Stop Centre for Addiction (OSCA)* di seluruh negara. Program ini dimulakan pada tahun 2017 untuk menyediakan perkhidmatan bersepadu dan menyeluruh yang komprehensif untuk menangani penyalahgunaan substans dan ketagihan. Perkhidmatan tersebut meliputi saringan, intervensi dan pemulihan di peringkat perawatan primer.

Pada tahun 2020, keracunan metanol dilaporkan di lima (5) negeri yang melibatkan 14 kes dengan tujuh (7) kematian (kadar kematian 50%). Semua kes yang dilaporkan mempunyai sejarah meminum minuman beralkohol yang disyaki tercemar metanol.

UNIT PENCEGAHAN KEGANASAN DAN KECEDERAAN

Cadangan untuk pengembangan *National Suicide and Fatal Injury Registry Malaysia (NSFIRM)* telah dikemukakan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, di mana peruntukan RM4.2 juta telah disetujui di bawah Rancangan Malaysia ke-12. Kumpulan Kerja Teknikal Pencegahan Bunuh Diri telah dibentuk dengan ahli-ahli yang terdiri daripada pakar-pakar pencegahan bunuh diri, dan wakil dari Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, ahli akademik dan NGO.

Untuk kesedaran pencegahan penderaan, dua (2) modul telah dibangunkan, iaitu, Modul Latihan Kesedaran Pencegahan Penderaan Kanak-kanak dan Remaja dan Pengurusan Kes yang Disyaki Mangsa Penderaan untuk Anggota Kesihatan. Sepanjang pandemik COVID-19 ini juga, beberapa SOP dan garis panduan telah disiapkan, termasuklah Garis Panduan untuk Pencegahan Jangkitan COVID-19 dalam Perintah Kawalan Pergerakan untuk Keselamatan Warga TASKA, SOP dalam Menangani Kes Keganasan Rumah Tangga dalam Situasi COVID-19 dan SOP untuk Kes di Rumah Perlindungan dan Tempat Selamat.

UNIT KESIHATAN PEKERJAAN

Pada tahun 2020, Unit Kesihatan Pekerjaan (OHU) telah terlibat dengan pengendalian COVID-19 dalam kalangan pekerja, melibatkan pembangunan polisi dan garis panduan, analisa data pekerja serta menyampaikan maklumat dan nasihat mengenai pengurusan COVID-19 di tempat kerja. Ini termasuk pembangunan *Annex 21: Management of Healthcare Workers (HCWs) during COVID-19 Pandemic*; *Annex 25: COVID-19: Management Guidelines for Workplaces*; *Annex 27a: Tindakan Pencegahan, Kawalan Infeksi dan Penggunaan Personal Protective Equipment (PPE) di Fasiliti Tahanan dan Rumah Perlindungan*; dan lain-lain Annex bagi Garis Panduan Menangani COVID-19 oleh KKM.

Selain itu aktiviti kesihatan pekerjaan yang lain masih dijalankan, termasuk aktiviti pencegahan, notifikasi dan penyiasatan kes kecederaan dan penyakit pekerjaan di tempat kerja. Di bawah program *Sharps Injury Surveillance (SIS)* di KKM, sejumlah 1,177 kes kecederaan alatan tajam telah dinotifikasi kepada OHU, KKM dari 1 Januari 2020 sehingga 14 Januari 2021. Jumlah kes yang dilaporkan telah menurun sebanyak 26.2 peratus berbanding dengan 1,486 kes pada tahun 2019. Bagi program Survelan Kemalangan dan Kecederaan, Kejadian Berbahaya, Keracunan dan Penyakit Pekerjaan dalam Kalangan Anggota KKM, terdapat penurunan sebanyak 16.9 peratus dalam jumlah kes kemalangan dan kecederaan (tidak termasuk kecederaan alatan tajam klinikal) yang dilaporkan di kalangan anggota KKM, penurunan sebanyak 65.1 peratus dalam kes keracunan pekerjaan yang dilaporkan pada tahun 2020 berbanding dengan tahun 2019. Sementara itu, terdapat 400 kes *occupational lung disease* yang dilaporkan pada tahun 2020 berbanding dengan 136 kes pada tahun 2019. Peningkatan ini disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang mempengaruhi seluruh negara.

Sehingga kini, sejumlah 979 agensi telah menjalankan program kesihatan KOSPEN Plus yang melibatkan 68,297 pekerja sejak program ini dimulakan lima (5) tahun yang lalu. Daripada jumlah tersebut, 193 agensi telah berdaftar pada tahun 2020. Pada bulan Mei 2020, laman web KOSPEN Plus (www.moh.gov.my/kospenplus) dibangunkan sebagai pusat sumber maklumat yang berkaitan dengan program dan kesihatan pekerja. Seramai 7,512 (88.2%) pekerja menjalani saringan faktor risiko NCD melalui program KOSPEN Plus tahun ini. Saluran *YouTube* KOSPEN Plus telah dikembangkan dengan penerbitan video, infografik telah direkabentuk dan webinar dijalankan, dan penyertaan dalam ekspo dalam talian KFAIR, KWSP pada 15 hingga 16 Disember 2020 untuk mempromosikan program ini. Satu halaman eMinda telah dibangunkan bagi meningkatkan kebolehcapaian anggota kerja kepada sokongan psikososial (www.moh.gov.my/kospenplus/eminda).

UNIT KESIHATAN ALAM SEKITAR

Unit Kesihatan Persekitaran (EHU) telah terlibat dalam membantu CPRC Kebangsaan dalam menangani pandemik COVID-19 pada tahun 2020, dalam menyelaras maklumat dan panduan kepada masyarakat melalui komunikasi risiko, menyelaras permohonan pengecualian kuarantin bagi mereka yang layak, dan membantu dalam pembangunan dan menyemak prosedur operasi standard (SOP) bagi pelbagai sektor. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan meliputi pembangunan dua lampiran dalam Garis Panduan Pengurusan COVID-19 oleh KKM, iaitu Tatacara Pembersihan dan Disinfeksi di Tempat Awam (Annex 36) dan Garis Panduan Pencegahan dan Pengurusan COVID-19 di Pusat Pemindahan Sementara Mangsa Bencana (Annex 41).

EHU juga mengemas kini Pelan Tindakan Pengurusan Kesihatan Akibat Jerebu, KKM Malaysia 2020. Sebagai agensi teknikal untuk mengimbangi impak pembangunan, EHU telah menyemak dan mengulas kepada 36 laporan projek pembangunan dalam pelbagai kategori dan memberikan input mengenai penilaian risiko kesihatan bagi projek pelupusan dan pengurusan sisa pepejal (*landfills, thermal plants, and transfer stations*) di bawah Rancangan Malaysia ke-11 oleh Jabatan Alam Sekitar serta menjalankan aktiviti di bawah Kumpulan Kerja Tematik di bawah NEHAP. Di samping itu, EHU juga menganjurkan webinar Sinaran Tidak Pengion (*Non-Ionising Radiation – NIR*) pada bulan Ogos 2020 dan memberikan input teknikal kepada Jawatankuasa Teknikal Penilaian Kesesuaian Lokasi Kemudahan Pelupusan Kekal (*Permanent Disposal Facility – PDF*) Lynas.

SEKTOR SURVELAN PENYAKIT


PANDEMIK COVID-19 DI MALAYSIA

Gelombang pertama penularan jangkitan COVID-19 di Malaysia bermula pada 25 Januari 2020, kes dikesan dalam kalangan tiga (3) orang warganegara China yang memasuki Malaysia melalui Singapura. Pada 4 Februari 2020, Malaysia melaporkan kes pertama warganegara Malaysia yang mempunyai sejarah perjalanan ke Singapura. Seterusnya, pada 6 Februari 2020, kes penularan tempatan yang pertama telah dikesan dan merupakan kontak rapat kepada kes pertama warganegara Malaysia tersebut. Sejumlah 22 kes telah dikenal pasti semasa gelombang pertama, tanpa sebarang kematian dicatatkan. Tiada kes dilaporkan dalam tempoh 11 hari seterusnya, iaitu dari 16 hingga 26 Februari 2020. Gelombang kedua kemudian bermula pada 27 Februari 2020, manakala gelombang ketiga bermula pada 20 September 2020.

Gelombang kedua terjadi susulan daripada pengesanan kes yang mempunyai sejarah menghadiri perhimpunan besar di Masjid Sri Petaling, Kuala Lumpur. Perhimpunan ini dianggarkan dihadiri oleh 16,000 peserta, yang mana 14,500 orang daripadanya adalah rakyat Malaysia. Kes pertama Kluster Sri Petaling ini dikesan pada 11 Mac 2020. Secara keseluruhannya, ia merangkumi 3,375 kes positif daripada 42,023 sampel yang diambil (38.9 peratus kadar *positivity*), dengan 34 kematian direkodkan. Kluster ini diumumkan tamat pada 8 Julai 2020. Sementara itu, Malaysia mencatatkan sejumlah 10,145 kes semasa gelombang kedua.

Seterusnya, Pilihan Raya Negeri Sabah 2020 pada 26 September 2020 merupakan pencetus kepada gelombang ketiga di Malaysia. Aktiviti pergerakan merentas negeri para pengundi dan ahli-ahli politik di seluruh negara menyebabkan penularan jangkitan COVID-19 yang meningkat secara mendadak. Sabah melaporkan 11,285 kes kumulatif pada 24 Oktober 2020, iaitu selepas empat (4) minggu pilihanraya diadakan, sekaligus menjadikan Sabah negeri pertama yang merekodkan kes melebihi 10,000 pada ketika itu. Sehingga 31 Disember 2020, Sabah merekodkan 37,040 kes dengan 265 kematian. Manakala Malaysia secara kumulatifnya mencatatkan 113,010 kes COVID-19 pada penghujung tahun 2020, dengan 471 kematian.

Rajah 4.5
Kes Harian COVID-19 yang Dilaporkan di Malaysia, 2020



Sumber: Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan, KKM

SEKTOR PERATURAN KESIHATAN ANTARABANGSA & KESIHATAN PENGEMBARAAN

Pada 30 Januari 2020, pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) sebagai *Public Health Emergency of International Concern* (Kecemasan Kesihatan Awam yang Menjadi Kepentingan Antarabangsa – PHEIC) susulan daripada peningkatan kes jangkitan COVID-19 yang ketara di peringkat global dan juga peningkatan jumlah negara yang melaporkan kes positif. WHO seterusnya mengisytiharkan kejadian COVID-19 sebagai pandemik pada 11 Mac 2020 mengambil kira terdapat peningkatan kes yang ketara yang melibatkan 114 negara. Kes pertama COVID-19 dilaporkan di Malaysia pada 25 Januari 2020 yang merupakan kes import dari Wuhan, Republik Rakyat China.

Pemantauan terhadap pengembara di sebanyak 78 Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) bermula dari 4 Januari 2020 di mana pada permulaan tumpuan saringan terhadap pengembara dari Wuhan China. Namun begitu, mulai bulan Februari 2020 saringan COVID-19 telah ditambah kepada lima (5) negara yang mempunyai jangkitan COVID-19 yang tinggi iaitu seluruh negara China, Korea Selatan, Jepun, Itali dan Iran.

Sementara itu pada 18 Mac 2020 Kerajaan Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan dengan larangan masuk pengembara asing dari luar negara dan larangan ke luar negara kepada rakyat Malaysia. Pada 3 April 2020, Kerajaan Malaysia telah menetapkan supaya semua pengembara luar negara menjalani tempoh kuarantin di stesen kuarantin yang ditetapkan dengan kos ditanggung oleh kerajaan. Seterusnya pada 10 Jun 2020, Kerajaan Malaysia telah menetapkan semua pengembara dari luar negara menjalani tempoh kuarantin di rumah kerana kos kuarantin untuk pengembara yang pulang dari luar negara telah menjadi semakin tinggi.

Seterusnya pada 24 Julai 2020 hingga sekarang Kerajaan Malaysia menetapkan semua pengembara dari luar negara perlu dikuarantin di stesen kuarantin di mana kos kuarantin ditanggung oleh pengembara sendiri. Dari 4 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2020 seramai 16,763,679 pengembara dan krew tiba di PMA. Walau bagaimanapun dari 4 Januari 2020 hingga 16 Disember 2020 hanya 823 orang pengembara dan krew dikesan sebagai PUI (*Patient Under Investigation*) yang mempunyai gejala di PMA di seluruh negara. Dari jumlah tersebut hanya 128 (15.6%) yang disahkan COVID-19 positif ([Jadual 4.10](#)).

SEKTOR KAWALAN TUBERKULOSIS DAN KUSTA

PENCAPAIAN PROGRAM KAWALAN TUBERKULOSIS KEBANGSAAN

Penyakit Tuberkulosis (Tibi) masih merupakan masalah kesihatan awam di peringkat global dan juga Malaysia. Jumlah notifikasi kes Tibi bagi tahun 2020 adalah 23,689, menurun 2,663 kes (10%), berbanding 26,352 kes (Kadar Notifikasi 80.88 setiap 100,000 penduduk) pada tahun 2019. Jumlah kematian Tibi pada tahun 2020 adalah 2,316 kematian dengan Kadar Kematian 6.76 setiap 100,000 penduduk. Ringkasan pencapaian rujuk [Jadual 4.11](#). Program Kawalan Tibi komited untuk menurunkan beban penyakit Tibi di Malaysia selari dengan sasaran menamatkan epidemik Tibi menjelang tahun 2035.

Jadual 4.10
Jumlah Kes Positif COVID-19 dan PUI Tahun 2020

NEGERI	JAN MULAI 4/1/2020	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP	OKT	NOV	DEC	JUMLAH PUI	JUMLAH COVID-19 +VE
PERLIS	0	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0	3	0
KEDAH	0	0	1	0	0	3	4	0	3	1	0	0	12	4
P.PINANG	0	0	2	2	0	2	2	2	0	3	0	1	15	0
PERAK	0	0	0	0	0	2	0	0	0	0	0	0	2	1
SELANGOR	3	1	65	319	200	46	49	9	4	4	3	1	704	115
N.SEMBILAN	0	0	0	0	0	0	0	0	5	0	0	0	5	5
MELAKA	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JOHOR	1	0	4	4	4	6	0	0	1	2	1	0	23	0
PAHANG	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
TERENGGANU	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
KELANTAN	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	1	0	2	0
SARAWAK	0	0	13	4	13	2	6	8	0	2	1	0	49	0
SABAH	3	0	0	2	2	0	0	0	0	0	0	0	7	0
WP LABUAN	0	0	7	2	0	0	1	0	0	0	0	0	10	3
JUMLAH	7	1	95	333	219	61	62	20	13	12	6	3	832	128

Nota: Dari 4 Januari 2020 hingga 16 Disember 2020 hanya 823 orang pengembara dan krew dikesan sebagai PUI (Patient Under Investigation) yang mempunyai gejala di PMA di seluruh negara. Dari jumlah tersebut hanya 128 (15.6 peratus) yang disahkan COVID-19 positif.

Sumber: Sektor Peraturan Kesihatan Antarabangsa & Kesihatan Pengembaraan, KKM

Jadual 4.11
Pencapaian Program Kawalan Tibi Kebangsaan, 2016 hingga 2020

	Tahun				
	2016	2017	2018	2019	2020
Jumlah Kes Tibi (Kadar Notifikasi setiap 100,000 penduduk)	25,739 (81.3)	26168 (80.7)	25837 (78.6)	26352 (81.1)	23689 (69.2)
Jumlah Kematian Tibi (Kadar Kematian setiap 100,000 penduduk)	1945 (6.30)	2098 (6.48)	2184 (6.65)	2205 (6.88)	2316 (6.76)
Jumlah Kes Tibi Kanak-kanak (umur <15 tahun)	710	738	728	863	774
TB komorbid HIV (peratus)	1498 (6.5)	1463 (6.4)	1352 (5.9)	1312 (5.8)	1114 (6.5)
Tibi dalam kalangan Anggota Kesihatan KKM (Insiden setiap 100,000 anggota KKM)	282 (119.6)	287 (118.0)	305 (126.5)	305 (124.1)	279 (111.6)
<i>Rifampicin Resistant/ Multi Drug Resistant TB (RR/MDR-TB)</i>	201	352	192	159	169
Kadar Sukses Rawatan Tibi Warganegara Malaysia (peratus)	83	83	89	87	86
Liputan Imunisasi BCG (peratus)	98.3	98.5	98.4	98.5	98.8
Pemeriksaan kontak kali pertama	188,870	188,642	179,423	177,121	136,952

Sumber: Sektor Kawalan Tuberkulosis dan Kusta

PENCAPAIAN PROGRAM KAWALAN KUSTA KEBANGSAAN

Pada tahun 2020, pengesanan kes Kusta (baharu) masih dapat dikekalkan pada tahap yang sama walaupun Malaysia dilanda wabak COVID-19 yang meningkat. Aktiviti saringan kontak dan golongan berisiko diteruskan terutama di lokaliti yang bermasalah. Ini terbukti melalui peratusan pengesanan kes secara aktif didapati meningkat kepada 17 peratus berbanding dengan lapan (8) hingga 10 peratus pada tahun-tahun yang terdahulu. Penglibatan Klinik Kesihatan di dalam mengesan Kusta sepanjang tempoh dua (2) tahun ini menunjukkan peningkatan sehingga 35 peratus berbanding pada tahun 2016 yang hanya mencatat sebanyak 21 peratus. Aktiviti kawalan dan pencegahan kusta amat bergantung kepada pengesanan secara aktif dan aktiviti advokasi khususnya dalam kalangan kontak dan golongan yang berisiko.

Jadual 4.12 melaporkan pencapaian lima (5) tahun berdasarkan indikator utama di bawah Program Kawalan Kusta Kebangsaan. Sehingga 2020, beberapa indikator masih tidak mencapai sasaran yang ditetapkan oleh WHO. Walaupun begitu, di bawah strategi Pelan Tindakan Kusta Kebangsaan 2021 hingga 2030, aktiviti pengesanan kes secara aktif amat ditekankan dan melalui aktiviti ini, adalah dijangka terdapat peningkatan pengesanan kes Kusta kanak-kanak dan kes Kusta dengan kecacatan kekal atau *Grade 2 Deformity*. Peningkatan ini dijangka akan berlaku sepanjang tempoh lima (5) tahun pertama dan akan melandai pada tahun-tahun berikutnya. Peratus sempurna rawatan dalam kalangan pesakit Kusta adalah amat membimbangkan. Mengenal pasti kelemahan di dalam pemantauan dan pemberian perkhidmatan rawatan, langkah memperluaskan perkhidmatan rawatan Kusta akan dilakukan di peringkat Klinik Kesihatan yang terletak atau berdekatan dengan lokaliti endemik. Pendekatan ini adalah untuk memastikan perkhidmatan rawatan Kusta adalah mudah capai. Pemantauan terhadap pesakit juga lebih mudah untuk dilakukan oleh anggota kesihatan yang berkenaan.

Jadual 4.12
Pencapaian indikator utama di bawah Program Kawalan Kusta Kebangsaan

NO	INDIKATOR	2016	2017	2018	2019	2020	SASARAN
1	Kes Baharu	191	194	182	195	181	-
2	Kadar Insiden	0.62	0.62	0.57	0.61	0.56	<1 kes/100,000 penduduk
3	Kadar Prevalen	0.02	0.02	0.03	0.05	0.14	<1 kes10,000 penduduk
4	Kadar G2D	0.02	0.02	0.03	0.05	0.05	<0.02 kes / 100,000 penduduk
5	Kes kanak-kanak (%)	3.7	6.2	5.5	4.6	3.9	<3 peratus
6	Kadar Sempurna Rawatan (%)	58.3	58	53.4	58.3	41.5	>80 peratus
7	Rawatan MDT – WHO Regime (%)	100	100	100	100	100	100 peratus

Sumber: Sektor Kawalan Tuberkulosis dan Kusta, Bahagian Kawalan Penyakit

SEKTOR ZOONOSIS

Sektor Zoonosis terletak di bawah Cawangan Penyakit Berjangkit, Bahagian Kawalan Penyakit, yang bertanggungjawab merancang, melaksanakan dan memantau Program Pencegahan dan Kawalan Penyakit Zoonotik. Penyakit-penyakit zoonotik yang diwartakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] adalah termasuk avian influenza, ebola, leptospirosis, Nipah, *plague* dan *rabies*. Selain penyakit tersebut, penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) juga di bawah pemantauan Sektor Zoonosis. Penyakit brucellosis dan melioidosis adalah merupakan penyakit yang perlu dinotifikasi secara pentadbiran.

Pada tahun 2020, sebanyak 2,914 kes leptospirosis dilaporkan dengan kadar insiden 8.63 per 100,000 penduduk. Kes kematian pula sebanyak 38 dengan kadar kematian 0.1 per 100,000 penduduk. Lapan (8) wabak leptospirosis dilaporkan pada tahun 2020 dan 50 peratus daripadanya melibatkan rumah persendirian.

Pada tahun 2020, terdapat tiga (3) kes positif brucellosis telah dilaporkan. Terdapat sembilan (9) kes *rabies* di kalangan manusia dilaporkan di Sarawak dan lapan (8) daripadanya telah meninggal dunia. Jumlah keseluruhan kes *rabies* di Malaysia sejak Julai 2017 adalah 31 kes termasuk 29 kematian. Dua (2) orang kanak-kanak selamat dengan seorang daripadanya mengalami komplikasi neurologi yang teruk. Tiada kes penyakit Q fever, ebola, Nipah dan hawar dilaporkan pada tahun 2020.

Dua (2) penyakit bukan-zoonotik juga dipantau oleh Sektor Zoonosis. Melioidosis telah dijadikan sebagai penyakit yang perlu dinotifikasi secara pentadbiran pada tahun 2015 berikutan kejadian banjir besar Semenanjung Malaysia. Pada tahun 2020, terdapat 427 kes melioidosis telah dilaporkan dengan 68 kematian. Manakala sebanyak 17,235 kes HFMD dilaporkan dengan kadar insiden 51.02 per 100,000 penduduk. Penurunan ini disebabkan penutupan taska dan tadika disebabkan perintah kawalan penyakit (PKP) semasa pandemik COVID-19. Tiada kematian HFMD dilaporkan. Terdapat 552 wabak HFMD dilaporkan. Aktiviti enterovirus yang utama di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah adalah *Coxsackie A16* masing-masing sebanyak 67 peratus, 100 peratus dan 60 peratus.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA

KESIHATAN IBU

Liputan penjagaan perkhidmatan kesihatan ibu hamil di Malaysia telah melebihi 95 peratus sejak tahun 2010 sehingga kini. Penjagaan ini meliputi lawatan antenatal (sekurang-kurangnya satu (1) lawatan), kelahiran selamat dan lawatan rumah selepas bersalin. Pencapaian bagi tahun 2020 bagi liputan penjagaan tersebut adalah 90 peratus, 99.3 peratus dan 99.2 peratus. Purata lawatan ibu hamil ke klinik untuk sesi antenatal ialah 11 kali.

Malaysia sedang melalui fasa mencabar dalam usaha menurunkan nisbah kematian (*Maternal Mortality Rate, MMR*) yang rendah secara relatif. Tren MMR kekal mendatar sejak 2000, dengan MMR 24.4 per 100,000 kelahiran hidup (LB) pada tahun 2000 dan 23.8 per 100,000 LB pada 2015. Kadar penurunan adalah rendah di mana pada tahun 2019, MMR ialah 21.1 per 100,000 LB. Lima (5) penyebab utama kematian ibu ialah *Postpartum Haemorrhage, Pulmonary Embolism, Associated Medical Conditions, Hypertensive Disorders in pregnancy* dan *Amniotic Fluid Embolism*.

Jumlah bilangan penerima baru berdaftar perancang keluarga di Klinik Kesihatan KKM telah menurun dari 126,086 (2019) kepada 120,437 orang (2020). Bilangan penerima lanjutan meningkat daripada 354,987 pada 2019 kepada 359,077 pada 2020.

Modifikasi ke atas garis panduan lawatan rumah dan konsultasi menerusi telefon turut dijayakan dalam usaha membendung perebakan pandemik COVID-19. Selain dari itu, versi baru buku rekod kesihatan ibu dan senarai semak risiko kesihatan ibu mengikut sistem kod warna dijangkakan mula digunakan pada Januari 2021.

PERKHIDMATAN KESIHATAN KANAK-KANAK

Berbanding dengan tahun 2019, kehadiran kanak-kanak berumur bawah satu (1) tahun menurun dari 76.2 peratus kepada 73 peratus, kehadiran kanak-kanak berumur satu (1) hingga empat (4) tahun telah menurun dari 47.4 peratus kepada 40.7 peratus, manakala bagi kanak-kanak (lima) (5) hingga enam (6) tahun telah menurun dari 24.3 peratus kepada 18.7 peratus.

KADAR KEMATIAN NEONATAL, BAYI DAN KANAK-KANAK BAWAH 5 TAHUN

Kadar kematian kanak-kanak bawah lima (5) tahun telah menurun pada tahun 2019 ([Rajah 4.6](#)). Kematian neonatal (0 hingga 28 hari) merangkumi 1,980 kes (52.6%), manakala kematian bayi berumur 28 hari hingga satu (1) tahun adalah 1,137 kes (30.2%) dan kematian kanak-kanak satu (1) hingga empat (4) tahun adalah sebanyak 648 kes (17.2%). Penyebab utama kematian neonatal adalah kecacatan kongenital serta kondisi sewaktu perinatal di mana majoriti daripadanya tidak dapat dicegah. Kematian yang boleh dicegah seperti kecederaan dan jangkitan, kebanyakannya adalah dalam kalangan kanak-kanak 28 hari hingga empat (4) tahun.

PROGRAM IMUNISASI KEBANGSAAN BAGI BAYI DAN KANAK-KANAK

Pemberian imunisasi pada 2020 tetap diteruskan seperti sediakala. Sabah dan Labuan mencapai liputan tinggi semasa Kempen Imunisasi Polio (KIP) dan kempen diberhentikan pada 6 November di Labuan dan 31 Disember 2020 di Sabah.

Dua inisiatif baru dalam Program Imunisasi Kebangsaan kanak-kanak pada tahun 2020 yang melibatkan pertukaran dalam Jadual Imunisasi Kebangsaan:

- i. Pertukaran vaksin kombinasi lima (5) serangkai (pentavalent DTaP-IPV//Hib) kepada vaksin kombinasi enam (6) serangkai (hexavalent DTaP-IPV-HepB-Hib) telah dilaksanakan secara berperingkat di fasiliti kesihatan KKM bermula awal bulan Oktober 2020.
- ii. Pelaksanaan pemberian vaksin Pneumokokal (10-valent) dilaksanakan bermula 1 Disember 2020. Semua kanak-kanak yang dilahirkan pada tahun 2020 dan seterusnya layak menerima tiga (3) dos vaksin iaitu pada umur empat (4), enam (6) dan 15 bulan.

PERKHIDMATAN KESIHATAN SEKOLAH

Secara umumnya liputan perkhidmatan kesihatan sekolah berbanding enrolmen bagi murid Tahun 1, Tahun 6 dan Tingkatan 3 adalah melebihi 98 peratus sejak lima (5) tahun lepas. Masalah berat badan berlebihan dan obesiti dalam kalangan pelajar merupakan isu kesihatan utama yang telah dikenal pasti terutamanya di Sarawak.

Pencapaian imunisasi MR dan DT bagi murid Tahun 1, imunisasi HPV bagi murid perempuan Tingkatan 1 dan imunisasi ATT bagi murid Tingkatan 3 pada tahun 2020 mengalami penurunan bagi kesemua tahun persekolahan berbanding pada tahun 2019. Ini adalah disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan pada awal tahun 2020.

Bagi Program Pencegahan Thalassaemia, pada tahun 2020, seramai 131,227 orang murid Tingkatan 4 telah ditawarkan perkhidmatan saringan Thalassaemia. Seramai 122,736 (93.53%) murid telah mendapat kebenaran daripada ibu bapa/penjaga untuk menjalani ujian tersebut. Walau bagaimanapun, hanya 118,016 orang murid sahaja yang menjalani ujian saringan. Seramai 30,669 murid (25.99%) disyaki pembawa Thalassaemia, dan seramai 14,418 murid (12.22%) disyaki mengalami anaemia akibat kekurangan zat besi (iron deficiency anaemia). Liputan saringan pada tahun 2020 menurun ke 30.37 peratus berbanding 83.6 peratus pada tahun 2019.


PERKHIDMATAN KESIHATAN REMAJA

Pada tahun 2020, seramai 198,303 remaja (3.7%) daripada 5,385,700 orang populasi remaja keseluruhannya telah disaring (kurang dari sasaran 5%). Lima (5) masalah utama yang telah dikenal pasti adalah masalah nutrisi seramai 16,882 orang (8.5%), tingkah laku berisiko 5,651 orang (2.9%), masalah kesihatan seksual dan reproduktif 2,193 orang (1.1%), masalah kesihatan mental 1,254 orang (0.6%) dan masalah fizikal 1,250 orang (0.6%) (Jabatan Kesihatan Negeri, Disember 2020).

Kadar Kesuburan Mengikut Umur (ASFR) dalam kalangan remaja 15-19 tahun juga menurun daripada 28.0/1000 per populasi (1991) kepada 8.5/1000 (2018) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Bilangan kes antenatal baru dalam kalangan remaja yang berdaftar di fasiliti kesihatan primer KKM dalam tempoh lima(5) tahun menunjukkan penurunan daripada 12,492 (2016) kepada 6,683 (Januari-September 2020). Daripada jumlah 6,683 tersebut, didapati 2,940 (44%) tidak berkahwin dan 5,283 (79.1%) tidak bersekolah. Sarawak melaporkan bilangan remaja hamil berdaftar di fasiliti kesihatan kerajaan tertinggi pada tahun 2020 (1,517 orang), diikuti oleh Sabah (1,141 orang) dan Johor (590 orang) (Jabatan Kesihatan Negeri, Disember 2020).

Rajah 4.6

Kadar Kematian Neonatal (NMR), Kadar Kematian Bayi (IMR) dan Kadar Kematian Kanak-kanak Bawah 5 Tahun (U5MR) Malaysia, 2000 hingga 2019



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 4.13

Liputan Imunisasi Kebangsaan, Malaysia, 2010 hingga 2020

Tahun	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020
BCG ¹	99.0	98.7	98.7	98.5	98.6	98.5	98.3	98.5	98.4	98.5	98.6
DPT-IPV//HiB Dos 3 ²	94.3	99.5	99.7	96.9	96.7	99.0	97.9	98.9	100.0	100.0	97.6
Hep B Dos 3 ²	82.6	97.1	98.1	96.3	96.3	99.2	97.9	98.2	100.0	100.0	100.0
MMR Dos 1 ²	96.1	95.2	95.4	95.2	92.0	93.1	94.3	93.5	96.6	99.4	96.8

Nota:

1. Denominator untuk pengiraan liputan adalah berdasarkan denominator TBIS
 2. Denominator – Anggaran Kelahiran Hidup ELB tahun 2019 (Jabatan Perangkaan Negara)
- Liputan imunisasi telah mencapai sasaran >95%
Tahun 2020 adalah data preliminary
Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, KKM

Inisiatif *Best Practice* Perkhidmatan Kesihatan Mesra Remaja (PKMR) telah dibentangkan di Mesyuarat 7th *Multi-Country Network Meeting of the Southeast Asia HIV Stigma Reduction Quality Initiative Learning Network* di Bangkok Thailand pada 5 hingga 6 Februari 2020 yang memberi penarafan bintang kepada 38 klinik kesihatan terpilih di seluruh negara serta diterbitkan dalam beberapa jurnal antarabangsa.

Bengkel Mengkaji Semula Pelan Tindakan Kesihatan Remaja Kebangsaan 2021 hingga 2020 telah diadakan pada 22 hingga 24 September 2020 melibatkan wakil daripada pelbagai agensi kerajaan, universiti dan pertubuhan bukan kerajaan.

PERKHIDMATAN KESIHATAN DEWASA

Program Saringan Kanser Serviks yang menyasarkan wanita yang aktif secara seksual antara umur 30 hingga 65 tahun di mana sasaran liputan telah ditetapkan sebanyak 40 peratus. Liputan saringan kanser serviks menunjukkan tiada peningkatan tren yang ketara iaitu antara 23 peratus dan 26 peratus sepanjang tempoh lima (5) tahun (2015 hingga 2019). Pada tahun 2020, pencapaian liputan saringan ini didapati mencatatkan penurunan di mana sehingga September 2020, liputan saringan bagi saringan kanser serviks ini adalah 11.8 peratus (Jabatan Kesihatan Negeri).

Untuk tahun 2020, 206,982 wanita telah menjalani saringan kanser serviks di mana ujian saringan HPV menyumbang kepada 4.6 peratus manakala yang selebihnya adalah menggunakan kaedah sitologi.

Bagi program pengesanan awal kanser payudara, sehingga bulan September 2020, seramai 1,140,834 orang wanita (19.2%) berumur 20 tahun ke atas telah menjalani Pemeriksaan Klinik Payudara (PKP) di mana peratusan ini tidak mencapai sasaran 30 peratus. Berdasarkan hasil pemeriksaan, 2,984 orang wanita (0.3%) telah dikesan mempunyai tanda dan gejala serta telah dirujuk untuk pemeriksaan lanjut (Jabatan Kesihatan Negeri).

Bagi program kesihatan, pencapaian saringan kesihatan lelaki dan wanita dewasa pada tahun 2020 (sehingga November) menunjukkan penurunan ketara berbanding tahun 2019. Seramai 228,565 orang lelaki dewasa (2.7%) dan 245,989 orang wanita dewasa (3.0%) telah disaring (sasaran bagi lelaki dan wanita masing-masing ialah 5%) (Jabatan Kesihatan Negeri). Masalah utama yang dikenal pasti dalam kalangan lelaki dan wanita adalah berkaitan risiko penyakit tidak berjangkit (NCD) iaitu masalah berlebihan berat badan dan obesiti, merokok, pre-hipertensi, pemakanan tidak sihat serta gaya hidup tidak aktif.

PERKHIDMATAN KESIHATAN ORANG KURANG UPAYA

PERKHIDMATAN PERAWATAN DOMISILIARI DAN SKOP PENJAGAAN PERUBATAN PALIATIF DI KESIHATAN PRIMER

Lawatan ke rumah bagi program Perkhidmatan Perawatan Domisiliari (PPD) tetap dijalankan walaupun negara dilanda wabak COVID-19. Bagi kes yang telah disaring dan didapati tidak kritikal, lawatan ke rumah secara fizikal digantikan dengan perbincangan secara maya, menggunakan medium telekomunikasi.

Skop perubatan paliatif, satu komponen program PPD sejak tahun 2016, telah diperluaskan ke 11 klinik kesihatan pada tahun 2020, menjadikan jumlah klinik kesihatan yang menjalankan perkhidmatan ini kepada 50. Skop ini menekankan peningkatan kualiti hidup pesakit terminal melalui rawatan gejala kesakitan, psikososial, rohani dan sokongan daripada pelbagai aspek.

Bagi tahun 2020, sebanyak 1,862 pesakit dan ahli keluarga mereka telah menerima manfaat daripada Perkhidmatan Perawatan Domisiliari, di mana 70 peratus daripada jumlah tersebut terdiri daripada warga emas. Bagi skop Perubatan Paliatif pula, sebanyak 107 pesakit telah didaftarkan pada tahun 2020 dan menerima penjagaan paliatif secara berterusan.

PENGESANAN AWAL KETIDAKUPAYAAN DALAM KALANGAN KANAK-KANAK DAN PROGRAM INTERVENSI AWAL

‘Peratus Pengesanan Ketidakupayaan Dalam Kalangan Kanak-kanak Berumur 0-1 Tahun’, satu indikator ‘outcome’ bagi program intervensi awal kanak-kanak menunjukkan tren yang meningkat, di mana sasaran yang ditetapkan adalah 0.12 peratus. Peningkatan ini memberi indikasi bahawa lebih ramai kanak-kanak disaring pada awal usia, yang seterusnya menerima intervensi awal secara holistik. Bagi tahun 2020, sebanyak 941 (0.18%) kanak-kanak daripada 508,685 anggaran kelahiran hidup telah disahkan mengalami ketidakupayaan di Malaysia di mana rawatan serta intervensi awal telah diberikan.


PERKHIDMATAN KESIHATAN WARGA EMAS

Perkhidmatan kesihatan warga emas (WE) adalah berteraskan kepada Dasar Kesihatan Warga Emas Negara; dan mengadaptasi *Public Health Framework* yang diperkenalkan oleh *World Health Organization* yang berkonsepkan penuaan sihat (*Healthy Ageing*) dalam kitaran hidup (*from womb to tomb*).

Perkhidmatan yang diberikan merangkumi pelbagai skop termasuk promosi, pendidikan kesihatan, saringan dan penilaian kesihatan, rawatan dan rujukan, lawatan dan perawatan di rumah, pemulihan anggota dan carakerja, aktiviti rekreasi, sosial dan kebajikan melalui Kelab Warga Emas (KWE) di Klinik Kesihatan (KK).

Sehingga tahun 2020, seramai 2,958,396 WE (83 peratus daripada anggaran populasi WE negara) didaftarkan di KK. Seramai 144,989 WE telah disaring kesihatan di KK pada tahun 2020 ([Rajah 4.7](#)). Sebanyak 284 KWE yang aktif bernaung di bawah KK di seluruh Malaysia.

Rajah 4.7
Peratus Pendaftaran Warga Emas di Klinik Kesihatan (Secara Kumulatif) dan Peratus Saringan Kesihatan Warga Emas 2015 hingga Nov 2020



Sumber: Reten PKWE 101 pind. 1/2013, 2015 hingga 2020, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM

Memandangkan negara dijangka akan menjadi Negara Tua pada tahun 2030, perkhidmatan kesihatan WE perlu diteruskan dan diperkasakan.

MAKLUMAT PENJAGAAN KESIHATAN PRIMER

NORMA BAHARU DI KLINIK KESIHATAN (KK)

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan beberapa langkah untuk memutuskan rantai jangkitan dan meratakan keluk jangkitan COVID-19. Langkah untuk meminimumkan transmisi COVID-19 adalah dengan pengesanan awal, saringan, pengujian dan *contact tracing*.

1. Triage Dan Saringan

Khemah sementara, atau satu kawasan di luar bangunan utama fasiliti diwujudkan bagi membolehkan pesakit diperiksa untuk mengesan gejala dan menilai risiko pendedahan kepada COVID-19 sebelum memasuki klinik kesihatan. Sampel ujian COVID-19 bagi orang yang disiasat (PUI) diambil di khemah ini. Klinik kesihatan juga mempunyai kawasan pemeriksaan yang berasingan bagi memastikan pesakit yang mengalami gejala pernafasan tidak berkongsi tempat menunggu yang sama dengan pesakit lain.

2. Ruang Menunggu

Pengubahsuaian dalam susunan tempat duduk dilakukan di ruang menunggu di dalam klinik. Hanya kerusi yang telah ditentukan dengan jarak satu (1) meter boleh diduduki. Pembersih tangan terletak di seluruh klinik dan topeng pembedahan disediakan untuk mereka yang mengalami gejala pernafasan.

3. Penasihat Kesihatan Maya

Satu portal penasihat kesihatan maya telah dibangunkan melalui kolaborasi bersama syarikat perundingan perubatan swasta bagi membolehkan orang ramai memohon konsultasi percuma sama ada melalui perbualan, panggilan audio atau video dengan Pakar Perubatan Keluarga tanpa perlu ke klinik kesihatan. Portal ini dilaksanakan melalui laman web Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Sesi bermula pada akhir Februari 2020 sehingga akhir Mei 2020 dan jumlah pertanyaan meningkat dari 42 menjadi 1482 dalam masa satu (1) bulan. Oleh kerana lebih banyak maklumat mengenai COVID-19 boleh diperolehi dari media lain, jumlah pertanyaan menurun menjadi 132 pada Mei 2020. Selama dua (2) bulan tersebut, 222 kes PUI telah dikenal pasti dan dirujuk ke CPRC Kebangsaan untuk tindakan selanjutnya.

4. Perkhidmatan Rujukan Dan Ambulans

Pesakit yang disyaki COVID-19 dipindahkan dari fasiliti kesihatan primer ke hospital yang ditentukan menggunakan ambulans khas mengikut SOP yang telah digariskan.

5. Perkhidmatan Klinik Virtual


Klinik Virtual adalah satu perkhidmatan kesihatan secara maya (*virtual*), langsung (*live*) dan interaktif yang merangkumi konsultasi klinikal, dan pelan rawatan pelanggan di antara anggota kesihatan dan pelanggan. Ia merupakan pelengkap kepada perkhidmatan klinik sedia ada (*complementary*) dan dilaksanakan secara *Proof of Concept* (PoC) di lima (5) KK di [Rajah 4.8](#) untuk tempoh satu (1) tahun iaitu dari 14 Ogos 2019 sehingga 13 Ogos 2020. Bagi tempoh tersebut, seramai 3,101 pelanggan telah berdaftar dan daripada itu 2,406 (78%) pelanggan telah berjaya menikmati perkhidmatan ini dan yang lain mengalami kesulitan dari segi liputan internet.

Susulan itu, perkhidmatan ini diperluaskan bagi melaksanakan penjarakan sosial dan pengurangan lawatan secara fizikal ke klinik sebagai norma baharu. Bilangan klinik kesihatan yang terlibat untuk

peluasan Klinik Virtual adalah 35 klinik kesihatan di seluruh Malaysia (Rajah 4.8). Peruntukan sejumlah RM450,000 telah diterima di bawah Perolehan Darurat, bagi pembelian peralatan ICT untuk 35 KK dan penyewaan sistem daripada syarikat pembekal yang telah dipilih mengikut prosedur perolehan darurat.

Penambahan skop yang dibuat adalah rawatan penyakit kronik/respiratori/fisioterapi/terapi pekerjaan/Dietetik/Pegawai farmasi dan sebagainya. Tempoh penyediaan perkhidmatan ini adalah selama enam (6) bulan iaitu dari bulan September 2020 hingga Mac 2021. Sejumlah 4,882 pelanggan telah menikmati perkhidmatan ini sehingga Disember 2020.

Rajah 4.8
Senarai Klinik Kesihatan



Sumber: Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM

6. Sistem Temujanji Atas Talian (OAS)

Data kedatangan pelanggan ke klinik menunjukkan 60 peratus daripadanya adalah secara *walk-in* iaitu tanpa temu janji dan ini menyebabkan berlaku kesesakan khususnya di waktu puncak. Bagi mengatasi isu ini, sistem temujanji atas talian diperkenalkan bagi mengatur kehadiran pelanggan pada satu-satu masa. Sistem ini mensasarkan kepada kes-kes *walk-in* dan kes-kes bukan kecemasan.

Sebagai permulaan, sistem temujanji atas talian disediakan secara Tanggungjawab Korporat Sosial (CSR) oleh tiga syarikat pembekal bermula 1 April hingga 31 Disember 2020 di enam (6) klinik kesihatan. Seterusnya ia diperluaskan dan sehingga kini sebanyak 189 klinik kesihatan iaitu Negeri Sembilan (50), WPKL & Putrajaya (17), Selangor (58), Pulau Pinang (31), Melaka (21), Perak (9) dan Perlis (3) telah menyediakan perkhidmatan ini. Negeri Sabah, Sarawak, Terengganu dan Pahang akan menyusul pada fasa berikutnya.

Perkhidmatan secara CSR ini adalah satu langkah segera dan jangka pendek sehingga Sistem Temujanji Klinik yang dibangunkan oleh pihak MAMPU diwujudkan untuk klinik kesihatan.

Jadual 4.14**Laporan pendaftaran OAS bagi April hingga Disember 2020 mengikut Negeri dan Bulan**

Negeri	Jumlah Temu Janji									Jumlah
	Apr	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	
WPKL & Putrajaya	86	1,189	12,084	18,495	22,009	25,810	31,775	25,358	30,579	167,385
Selangor	0	0	0	53,093	63,795	88,888	95,950	100,458	122,434	524,618
Negeri Sembilan	0	0	0	0	2,862	5,910	5,425	5,161	7,024	26,382
Melaka	0	0	0	0	13	350	931	1,684	3,728	6,706
Perak	0	0	0	11	28	386	879	885	3,969	6,158
P. Pinang	0	0	0	0	75	324	4,705	6,865	10,283	22,252
Perlis	0	0	0	0	2	82	88	503	645	1,320
Jumlah	86	1,189	12,084	71,588	88,784	121,750	139,753	140,914	178,662	754,821

Sumber: Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

PERSAMPELAN UNTUK COVID-19

PERSAMPELAN DI KLINIK KESIHATAN

Ujian COVID-19 di klinik kesihatan dilakukan untuk individu yang memenuhi kriteria seperti yang digariskan dalam Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia. Ujian dilakukan untuk mereka yang mengalami jangkitan pernafasan akut (permulaan jangkitan pernafasan secara tiba-tiba dengan sekurang-kurangnya salah satunya sesak nafas, batuk atau sakit tekak) dengan atau tanpa demam dan memenuhi satu (1) atau lebih kriteria yang ditetapkan.

Anggota kesihatan di klinik kesihatan dilatih untuk mengambil calitan *nasopharynx* dan *oropharynx* serta pengendalian spesimen, yang dihantar untuk analisis ke makmal. Ujian COVID-19 boleh dilakukan di lebih daripada 460 klinik kesihatan. Perkhidmatan persampelan pandu lalu disediakan, di beberapa pusat komuniti, klinik kesihatan awam dan Pejabat Kesihatan Daerah. Semua pesakit yang positif, sama ada tanpa gejala atau simptomatik dirujuk ke hospital COVID-19 yang ditetapkan untuk pengurusan selanjutnya.

UBERISATION: COVID-19 HOME-TESTING

Ujian COVID-19 dibuat berdasarkan permintaan dan dilakukan di rumah individu yang ingin mengetahui status jangkitan tetapi tidak memenuhi kriteria untuk membuat ujian di klinik kesihatan. Ini dilakukan hasil kerjasama pengamal perubatan swasta dengan KKM.

KKM memberikan latihan dan pensijilan untuk pengamal perubatan swasta dalam pengumpulan dan pengendalian spesimen serta penggunaan peralatan pelindung diri. Perkhidmatan ini dikenakan caj yang ditentukan oleh sektor swasta masing-masing. Selain pengambilan sampel di rumah, pengamal perubatan swasta juga menyediakan perkhidmatan ujian pandu lalu di fasiliti masing-masing.

PENGUNAAN ALAT PELINDUNG DIRI (PPE) DAN STRATEGI YANG DILAKSANAKAN DI KLINIK KESIHATAN SEMASA PANDEMIK COVID-19

Penggunaan Alat Pelindung Diri (PPE) telah meningkat semasa pandemik disebabkan keperluan persampelan dan pengesanan kontak untuk setiap kes positif COVID-19. Justeru itu, pembelian PPE secara berpusat di peringkat kementerian dilaksanakan menggunakan Perolehan Darurat bagi memenuhi keperluan mendesak mengikut standard spesifikasi teknikal. PPE diedarkan ke fasiliti kesihatan primer melalui Jabatan Kesihatan Negeri.

Satu garis panduan berilustrasi berkenaan penggunaan PPE yang wajar mengikut skop tugas anggota kesihatan telah dihasilkan dan diedarkan ke negeri. Garis panduan ini bertujuan untuk mengatasi peningkatan penggunaan PPE akibat dari penggunaan tidak sesuai mengikut skop dan lokasi bertugas di mana ia merupakan salah satu penyebab kekurangan stok PPE di seluruh negara semasa wabak COVID-19.

Projek rintis kawalan dan kajian penggunaan PPE semasa pandemik COVID-19 telah dilaksanakan selama lima (5) minggu bermula dari 27 April hingga 31 Mei 2020 di dua (2) klinik kesihatan yang terpilih bagi menilai kesesuaian penggunaan PPE oleh anggota kesihatan. Hasil analisa kajian oleh Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan (IHSR) mendapati tren penggunaan harian PPE berkadar langsung dengan jumlah kehadiran pesakit dan anggota kesihatan yang bertugas.

Langkah untuk mengatasi isu peningkatan penggunaan PPE dan penggunaan PPE yang tidak wajar diambil seperti berikut:

- a) Kawalan dan pemantauan dengan pelaksanaan pembelian PPE secara berpusat
- b) Garis panduan berilustrasi
- c) Projek rintis kawalan dan kajian penggunaan PPE dan proses audit dilakukan antara unit secara berkala.

PENGANTIAN SISTEM TPC KEPADA SISTEM TPC-OHCIS

Sistem Teleprimary Care yang merupakan sistem pendigitalan secara menyeluruh bagi menyimpan rekod kesihatan dan perubatan pesakit secara elektronik (*Electronic Medical Record – EMR*) telah mula digunakan di klinik kesihatan bermula pada tahun 2005. Sistem ini telah diperluaskan ke 96 klinik kesihatan di tujuh (7) negeri menjelang tahun 2010. Sistem ini melancarkan capaian rekod pesakit di samping meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan, terutama pesakit kronik.


Pada tahun 2014, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui geran penyelidikan telah melantik MIMOS Bhd. untuk membangunkan sistem EMR baru untuk Kementerian Kesihatan Malaysia berdasarkan teknologi tempatan. Sistem TPC-OHCIS siap dibangunkan pada tahun 2017 dan telah dilaksanakan di enam (6) klinik kesihatan di daerah Seremban, Negeri Sembilan. Dalam (masa yang sama, Sistem TPC tidak lagi mampu menampung keperluan perkhidmatan yang semakin berkembang dan perancangan dibuat untuk menggantikan sistem ini dengan Sistem TPC-OHCIS.

Penggantian Sistem TPC kepada Sistem TPC-OHCIS memerlukan perancangan rapi dari pelbagai aspek seperti kesediaan infrastruktur fizikal bangunan klinik, kecukupan bekalan elektrik, pertambahan perkakasan ICT, latihan serta pengurusan perubahan, proses pengujian dan pentauliahan sistem,

simulasi dan aktiviti go-live. Kerjasama dengan pelbagai pihak bagi integrasi dengan Sistem Farmasi (PHIS), Sistem Makmal (LIS), Sistem eGL, Sistem Makmal Kesihatan Awam (SIMKA) dan Sistem eNotifikasi merupakan antara cabaran besar di dalam melaksanakan projek ini. Namun cabaran terbesar melaksanakan projek ini adalah sekatan perjalanan pelbagai hasil dari perkembangan pandemik COVID-19 di Malaysia, selain bencana alam seperti banjir. Latihan kepada pengguna juga terpaksa dibuat secara atas talian bagi memastikan pengguna dapat dilatih mengikut masa yang telah ditetapkan.

Sistem TPC-OHCIS ini akan menghasilkan simpanan data yang besar dan mempunyai nilai yang tinggi untuk perancangan program kesihatan yang lebih baik pada masa akan datang. Peluasan Sistem TPC-OHCIS adalah jalan terbaik untuk penyampaian perkhidmatan kesihatan yang menyeluruh kepada rakyat. Sistem ini membantu anggota di klinik melaksanakan penjagaan pelanggan di klinik dengan lebih berkesan dan ini merupakan hala tuju digitalisasi perkhidmatan di kemudahan Penjagaan Kesihatan Primer di sektor awam.

Rajah 4.9
Diagram Skema Sistem TPC-OHCIS




Sumber: Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

BAHAGIAN PEMAKANAN

Bahagian Pemakanan telah ditubuhkan pada tahun 2009. Bahagian Pemakanan berfungsi untuk merancang, membangun, melaksana, memantau dan menilai program-program pemakanan. Bagi melaksanakan fungsi-fungsi ini, terdapat tiga cawangan di bawah Bahagian Pemakanan iaitu Cawangan Perancangan dan Dasar Pemakanan, Cawangan Pemakanan Keluarga dan Cawangan Komuniti & Inter Agensi dan setiap cawangan terdiri daripada sektor seperti dalam [Rajah 4.10](#).

Rajah 4.10
Carta Organisasi Bahagian Pemakanan



Sumber: Bahagian Pemakanan

CAWANGAN PERANCANGAN DAN DASAR PEMAKANAN

AKTIVITI PEMAKANAN DI ASEAN HEALTH CLUSTER 1 (AHC 1) BERKAITAN PROMOSI GAYA HIDUP SIHAT

Bahagian Pemakanan memainkan peranan aktif dalam aktiviti kerjasama bersama Negara ASEAN melalui aktiviti yang terdapat di dalam AHC 1. Komponen pemakanan merupakan sebahagian daripada aktiviti yang terdapat di dalam Prioriti Kesihatan 1: Pencegahan dan Pengendalian NCD dan Prioriti Kesihatan 7: Promosi Pemakanan dan Diet Sihat. Malaysia telah berjaya mewujudkan Kerangka bagi Pengukuran Fiskal untuk Minuman Bergula (*Framework for Fiscal Measure for Sugar-Sweetened Beverages*) dalam jangka masa yang ditetapkan seperti yang termaktub di dalam Rangka Kerja bagi 2016 hingga 2020 ASEAN Health Cluster 1. Mesyuarat ke-6 ASEAN Health Cluster 1 on 'Promoting Healthy Lifestyle' melalui persidangan video telah diadakan pada 5 hingga 7 Oktober 2020. Dalam mesyuarat ini, Malaysia mencadangkan beberapa aktiviti baru bagi dimasukkan ke dalam Program Kerja 2021 hingga 2025 (Work Programme 2021 until 2025) seperti penubuhan Garis panduan *Healthy Central Kitchen* di pusat jagaan kanak-kanak dan tadika untuk semua negara ASEAN dan Garis panduan bagi Konsep Pinggan Sihat ASEAN.

PEMAKANAN SIHAT KETIKA PANDEMIK COVID-19

Dalam menghadapi situasi pandemik, Bahagian Pemakanan memainkan peranan utama dalam memastikan kesejahteraan pemakanan penduduk. Aktiviti pemakanan semasa Pergerakan Kawalan Pergerakan (PKP) pandemik COVID-19 tetap dilaksanakan terutama bagi golongan yang rentan seperti bayi, kanak-kanak kecil, wanita hamil, warga emas dan orang asli. Bagi membantu pelaksanaan program pemakanan selari dengan penyampaian perkhidmatan dalam norma baru, Garis Panduan Norma Baru untuk Penyampaian Perkhidmatan Pemakanan semasa PKP telah dibentuk dan diedarkan ke negeri. Oleh itu, Program pemakanan untuk bayi dan kanak-kanak kecil seperti Program

Pemulihan untuk Kanak-kanak yang Kekurangan Zat Makanan atau dikenali sebagai PPKZM dan pemantauan pertumbuhan secara berkala tetap dijalankan di Klinik Kesihatan. Semasa tempoh PKP, maklumat pemakanan secara interaktif dihebahkan melalui media sosial termasuk Facebook, laman web dan Instagram Bahagian Pemakanan serta Jabatan Kesihatan Negeri. Maklumat pemakanan juga turut disebarkan melalui media massa seperti televisyen dan radio. Bagi memastikan status pemakanan yang optimum dalam kalangan penghuni di pusat kuarantin COVID-19, Pegawai Sains (Pemakanan) telah terlibat dalam merancang menu dan memantau penyediaan makanan.

PANGKALAN DATA KOMPOSISI ZAT MAKANAN MALAYSIA (MyFCD)

Salah satu fungsi penting Pangkalan Data Komposisi Zat Makanan Malaysia (MyFCD) adalah untuk penilaian kualiti pengambilan makanan dan pembangunan garis panduan pemakanan sihat untuk kegunaan populasi. MyFCD sentiasa dikemas kini dengan penglibatan dan sokongan dari institusi seperti Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), Jabatan Kimia Malaysia, pihak universiti dan juga industri.

SEMAKAN PANDUAN DIET MALAYSIA (PDM) DAN PIRAMID MAKANAN MALAYSIA (PMM) 2020

Setiap 10 tahun, PDM dan PMM disemak semula selari dengan perubahan status pemakanan, corak pengambilan makanan, saranan pengambilan nutrien serta bukti saintifik pemakanan terkini. Semakan semula ini adalah di bawah tanggungjawab Kumpulan Kerja Teknikal Garis Panduan Pemakanan yang terdiri daripada ahli akademik, dan pakar pemakanan dari pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Mesyuarat Konsensus bersama kementerian, agensi serta jabatan yang berkaitan telah diadakan pada 22 hingga 24 Julai 2020 yang bertujuan untuk memastikan semua mesej dan saranan dalam PDM dan PMM 2020 adalah selari dengan dasar dan polisi sedia ada dalam negara. Advokasi yang lebih menyeluruh dan berstruktur akan dijalankan kepada pelbagai kumpulan sasaran lain bermula tahun 2021.

PENGLIBATAN DALAM KLUSTER-KLUSTER DI BAWAH KABINET MENGENAI DASAR SEKURITI MAKANAN NEGARA

Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan (*Food Security Committee Council, FSCC*) telah ditubuhkan hasil Keputusan Jemaah Menteri pada 25 Mac 2020 dan 29 April 2020 susulan impak COVID-19. Jawatankuasa Kabinet ini dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Di bawah FSCC, Jawatankuasa Eksekutif (JK Eksekutif) telah dibentuk dan dipengerusikan oleh YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta dianggotai oleh Ketua Setiausaha Kementerian berkaitan termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). KKM telah dipertanggungjawabkan menerajui Kluster Keselamatan Makanan dan Pemakanan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KKM. Bahagian Pemakanan adalah sekretariat bersama Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKQM).


CAWANGAN PEMAKANAN KELUARGA

PROGRAM PENCEGAHAN DAN KAWALAN ANEMIA DALAM KALANGAN IBU HAMIL

Anemia akibat kekurangan zat besi mudah terjadi dalam kalangan ibu hamil. Ia berlaku kerana peningkatan keperluan zat besi dan lain-lain nutrien untuk perkembangan janin dan perubahan fisiologi ibu sepanjang fasa kehamilan. Peratus ibu hamil anemia (paras hemoglobin kurang daripada 11gm %) yang hadir ke klinik kesihatan pada 36 minggu kehamilan telah menurun daripada 20.8 peratus pada tahun 2010 kepada 5.3 peratus sehingga September 2020. Tren pencapaian adalah seperti dalam [Rajah 4.11](#).

Rajah 4.11

Peratus ibu hamil anemia (Hb < 11gm peratus) pada 36 minggu kehamilan hadir ke klinik kesihatan kerajaan bagi tahun 2010 sehingga September 2020



Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (2020)

PROGRAM PENGIODINAN GARAM SECARA UNIVERSAL (UNIVERSAL SALT IODIZATION, USI)

Pengiodinan Garam Secara Universal (*Universal Salt Iodization*, USI) di Malaysia telah diwartakan pada tahun 2018. Pelaksanaan USI akan berkuatkuasa sepenuhnya pada 1 Januari 2021 mengikut Peraturan-Peraturan Makanan 285. Oleh itu, semua jenis garam dan garam halus pek 20kg dan ke bawah yang dijual di Malaysia perlu ditambah dengan zat iodin sebanyak 20-40 ppm. Sepanjang grace period, pelbagai aktiviti advokasi telah dijalankan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pengendalian dan penggunaan garam beriodin yang betul melalui pelbagai saluran seperti Facebook, Instagram dan Youtube Bahagian Pemakanan.

PENGURUSAN PENINGKATAN BERAT BADAN SEMASA HAMIL (GESTATIONAL WEIGHT GAIN, GWG)

Pemantauan peningkatan berat badan semasa hamil (GWG) telah dijalankan ke atas ibu hamil yang hadir ke di klinik kesihatan bagi mengurangkan pelbagai komplikasi semasa hamil seperti *Gestational Diabetes Mellitus* (GDM), darah tinggi dan obesiti. Oleh itu, pemantauan GWG berdasarkan kategori BMI pra-kehamilan mengikut panduan yang disarankan oleh *Institute of Medicine* (IOM, 2009) telah diluluskan dan akan digunakan di semua klinik kesihatan kerajaan mulai 1 Januari 2021.

PEMAKANAN BAYI DAN KANAK-KANAK KECIL

Sejak tahun 2009, terdapat peningkatan tren peratus bayi disusukan dengan susu ibu sahaja atau penyusuan secara eksklusif bermula dari lahir hingga berusia enam (6) bulan di Malaysia seperti dalam [Rajah 4.14](#). Tren ini telah meningkat dari 68.0 peratus pada tahun 2019 kepada 70.3 peratus pada tahun 2020. [Rajah 4.15](#) menunjukkan peratusan Amalan Pemberian Makanan Pelengkap tepat pada masa 6 bulan kepada bayi juga telah meningkat daripada 98.4 peratus pada tahun 2019 kepada 99.0 peratus pada tahun 2020. Tren pencapaian untuk tahun 2009 sehingga 2020 adalah seperti dalam [Rajah 4.14](#) dan [4.15](#).

KLINIK RAKAN BAYI

Pada tahun 2020, sebanyak 854 (85.3%) kemudahan kesihatan (KK/KKIA) telah diiktiraf sebagai Klinik Rakan Bayi.

INISIATIF HOSPITAL RAKAN BAYI


Hospital Rakan Bayi merupakan inisiatif global oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan UNICEF yang bertujuan memberi setiap bayi permulaan yang terbaik dalam kehidupan dengan mewujudkan persekitaran penjagaan kesihatan yang menyokong penyusuan susu ibu secara eksklusif. Sehingga Disember 2020, sebanyak 159 hospital yang menyediakan perkhidmatan ibu dan anak di Malaysia telah mendapat pengiktirafan sebagai Hospital Rakan Bayi, di mana 133 Hospital merupakan hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia, tiga (3) hospital di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, tiga (3) daripada Kementerian Pertahanan Malaysia dan 22 daripada Hospital Swasta. Dalam tahun 2020, hanya enam (6) hospital yang sempat dinilai sebelum wabak COVID-19 melanda. Semua hospital tersebut telah berjaya mengekalkan status sebagai Hospital Rakan Bayi.

STATUS PEMAKANAN KANAK-KANAK BAWAH 5 TAHUN DI MALAYSIA

Pada tahun 2020, secara umumnya status pemakanan kanak-kanak bawah lima (5) tahun di Malaysia semakin baik dengan peratusan kanak-kanak dengan berat badan normal meningkat daripada 97.6 peratus (2019) kepada 97.8 peratus (2020). Peratus kanak-kanak yang mengalami masalah berat badan sederhana juga semakin berkurangan iaitu 1.8 peratus (2019) kepada 1.6 peratus (2020). Tren pencapaian dari tahun 2016 sehingga 2018 adalah seperti di dalam [Rajah 4.12](#) dan [4.13](#).

Rajah 4.12


Status Pemakanan Kanak-kanak Bawah 5 Tahun di Malaysia Bagi Berat Badan Normal, 2016\ hingga 2020




Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri

Rajah 4.13


Status Pemakanan Kanak-kanak Bawah 5 Tahun di Malaysia Bagi Kurang Berat Badan Teruk, Kurang Berat Badan Sederhana dan Berlebihan Berat Badan, 2016 hingga 2020



Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri

Rajah 4.14**Status Pemakanan Kanak-kanak Bawah 5 Tahun di Malaysia Bagi Kurang Berat Badan Teruk, Kurang Berat Badan Sederhana dan Berlebihan Berat Badan, 2016 hingga 2020**

Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri

Rajah 4.15**Trend Pemberian Amalan Makanan**

Sumber: Laporan Penyusutan Susu Ibu & Amalan Pelengkap, Jabatan Kesihatan Negeri, 2020

PROGRAM MENANGANI MASALAH BANTUT DALAM KALANGAN KANAK-KANAK BAWAH 5 TAHUN DI MALAYSIA


Bermula pada tahun 2019, KKM telah menerima peruntukan khas daripada Kementerian Kewangan bagi menjalankan program menangani masalah bantut dalam kalangan kanak-kanak bawah lima (5) tahun di Malaysia. Intervensi yang dirancang memberi fokus kepada mereka yang berada di dalam 1,000 hari pertama kehidupan iaitu bermula dari tempoh kehamilan sehingga kanak-kanak berumur 24 bulan. Pada tahun 2019 dan 2020, strategi yang dirancang memfokuskan kepada pengukuhan capacity building dan kesedaran kepada komuniti, media, TASKA dan klinik kesihatan.

PROGRAM PEMULIHAN KANAK-KANAK KEKURANGAN ZAT MAKANAN

Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZM) adalah usaha kerajaan untuk meningkatkan taraf pemakanan kanak-kanak kekurangan zat makanan yang berusia enam (6) bulan hingga enam (6) tahun yang mengalami masalah kurang berat badan dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah. Program ini juga dikenali sebagai Program Bakul Makanan. Seperti yang dilaporkan oleh Pusat Informatik Kesihatan (PIK), sejumlah 6,516 kanak-kanak kekurangan zat

makanan daripada keluarga dengan pendapatan isi rumah di bawah RM2,000 setiap bulan menerima bantuan bakul makanan sehingga September 2020. Berdasarkan **Rajah 4.16**, 69.9 peratus telah berjaya meningkatkan berat badan dalam tempoh penilaian yang dijalankan walaupun berhadapan dengan masalah pandemik COVID-19.

Rajah 4.16
Peratus Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan yang Meningkatkan Berat Badan




Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri

PROGRAM COMMUNITY FEEDING (PCF)

Program *Community Feeding (PCF)* yang telah dilaksanakan mulai tahun 2013 di negeri Perak, Pahang, Kelantan dan Sarawak. Program ini adalah bertujuan untuk memperkukuhkan pelaksanaan Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZM) dengan meningkatkan status pemakanan kanak-kanak Orang Asli dan Penan. Pada tahun 2020, terdapat sebanyak 43 pusat PCF yang beroperasi di Perak, Pahang dan Kelantan yang telah memberi manfaat kepada seramai 1,353 Orang Asli. Kedua-dua indikator bagi program ini (**Rajah 4.17** dan **4.18**) menunjukkan pencapaian yang melebihi sasaran yang telah ditetapkan iaitu 95.3 peratus bagi peratus liputan (sasaran: ≥ 95 peratus dan 33.6 peratus bagi kanak-kanak pulih selepas enam (6) bulan di dalam program (sasaran: $\geq 25\%$).


Rajah 4.17
Peratus Liputan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan Orang Asli dalam Program Community Feeding Bagi Tahun 2016 hingga 2020



Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri

Rajah 4.18

Peratus Pulih Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan Orang Asli Selepas Enam (6) Bulan Dalam Program Community Feeding Bagi Tahun 2016 Hingga 2020



Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri

AKTIVITI PEMAKANAN YANG MELIBATKAN IBU BAPA DI TABIKA DAN PRASEKOLAH

Tujuan aktiviti ini adalah untuk memperkasa ibu bapa di tabika dan prasekolah dengan pemakanan sihat supaya mereka boleh menjadi model kepada anak-anak mereka di rumah. Sehingga Jun 2020, sebanyak 54.6 peratus daripada 8,944 institusi tabika dan prasekolah kerajaan telah menjalankan aktiviti pemakanan yang melibatkan ibu bapa bagi anak-anak di prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), tabika Kementerian Perpaduan Negara (KPN), dan tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Antara aktiviti pemakanan yang dijalankan bersama ibu bapa adalah Projek Pintar Botani/kebun dapur, kembara pemakanan sihat, demonstrasi masakan, menyediakan bekal makanan sihat (bento), kolaj pemakanan dan mewujudkan sudut informasi pemakanan. Namun begitu, terdapat tabika/prasekolah yang tidak dapat menjalankan aktiviti disebabkan kekangan penularan wabak COVID-19.

PROGRAM HIDANGAN BERKHASIAT DI SEKOLAH (HiTS)


Program Hidangan Berkhasiat di Sekolah (HiTS) merupakan hidangan pakej makanan berkhasiat yang terdiri daripada sumber karbohidrat, protein, sayur-sayuran dan -an dan disertai secara sukarela oleh murid sekolah. Sepanjang tahun 2020, terdapat pertambahan sebanyak 13 sekolah yang menjalankan Program HiTS dan menjadikan jumlah keseluruhan sekolah yang telah menjalankan Program HiTS adalah sebanyak 74. Terdapat enam (6) negeri yang masih belum menyertai program ini iaitu Perlis, Pahang, Kelantan, Sarawak, Sabah dan Labuan. Susulan daripada situasi pandemik COVID-19, program ini diteruskan dengan norma baharu seperti mana yang ditetapkan oleh KPM dalam Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah. Selain itu, bahan infografik HiTS juga boleh didapati di laman sesawang dan Facebook Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia. Pada 11 Disember 2020, advokasi Program HiTS kepada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL) telah dijalankan secara atas talian dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan (JKWPL) melalui Taklimat C-HAT (Cara Hidup Anda Terbaik).

PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI KANTIN SEKOLAH

Bermula tahun 2020, aktiviti pemantauan di kantin sekolah lebih menekankan aspek kepatuhan terhadap senarai penjualan makanan dan minuman di kantin sekolah berbanding liputan pemantauan. Pencapaian kepatuhan penjualan makanan dan minuman di kantin sekolah pada tahun ini hanya dapat dilaporkan sehingga bulan Jun sahaja disebabkan penutupan sekolah akibat pandemik COVID-19 bermula 18 Mac 2020. Namun begitu, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan garis panduan dan pekeliling berkaitan norma baharu bagi pengoperasian semula sekolah sepenuhnya pada Julai 2020. Sementara itu, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga telah memberikan sijil penghargaan kepada 714 sekolah yang patuh bagi tempoh Januari hingga Mac 2020.

Sehubungan dengan itu, pencapaian peratus sekolah patuh pada tahun 2020 berdasarkan [Rajah 4.19](#) menunjukkan peratus sekolah patuh terhadap penjualan makanan dan minuman di kantin sekolah bagi tahun 2020 adalah sebanyak 15.9 peratus (779 sekolah daripada jumlah keseluruhan 8,188 sekolah). Kadar kepatuhan bagi Pulau Pinang adalah yang tertinggi berbanding negeri-negeri lain iaitu 167 sekolah (73.4%) daripada 240 sekolah yang dipantau, manakala bagi negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pula tiada sekolah yang patuh daripada empat (4) sekolah yang dipantau. Bagi tujuan mempertingkatkan pencapaian kepatuhan pihak pengusaha kantin telah ditawarkan untuk mengikuti Latihan Katering Sihat dan mendapat bimbingan berterusan oleh Pegawai Sains (Pemakanan).

Rajah 4.19
Peratus Sekolah Patuh Terhadap Penjualan Makanan Dan Minuman Di Kantin Sekolah
Mengikut Negeri Bagi Tahun 2020




Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri

LATIHAN KATERING SIHAT

Pada tahun 2020, satu sesi Latihan Katering Sihat telah diadakan di peringkat Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia yang melibatkan 45 pengusaha dan pengendali makanan yang memberi perkhidmatan makanan di premis kementerian sekitar Putrajaya. Di peringkat negeri pula, sebanyak 82 daerah/kawasan/bahagian daripada 118 daerah/kawasan/bahagian telah menjalankan sekurang-kurangnya dua Latihan Katering Sihat. Kebanyakan daerah/kawasan/bahagian tidak dapat menjalankan sesi Latihan Katering Sihat selaras dengan larangan menjalankan aktiviti secara berkumpulan semasa pelaksanaan PKP dalam mengekang penularan wabak COVID-19. Latihan Katering Sihat pada tahun 2020 melibatkan seramai 5693 orang pengusaha dan pengendali makanan. Pecahan pengusaha dan pengendali makanan yang dilatih mengikut setting adalah seperti [Rajah 4.20](#).

Rajah 4.20

Pecahan Pengusaha dan Pengendali Makanan yang Dilatih dengan Latihan Katering Sihat Mengikut setting Pada Tahun 2020




Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri

PENYAJIAN HIDANGAN SIHAT SEMASA MESYUARAT (PHSSM)

Penyajian Hidangan Sihat Semasa Mesyuarat (PHSSM) merupakan salah satu inisiatif yang diambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dalam memupuk budaya amalan makan secara sihat di tempat kerja dengan penyediaan pilihan makanan yang lebih sihat kepada ahli mesyuarat. Pelaksanaan PHSSM telah dilaksanakan di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM) dan di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri bermula dari tahun 2011. Sehingga September tahun 2020, sebanyak 22 daripada 29 (75.9%) Bahagian telah melaksanakan PHSSM yang melibatkan 2,136 mesyuarat. Manakala, di peringkat Negeri, sebanyak 4,150 mesyuarat telah menjalankan PHSSM. [Rajah 4.21](#) menunjukkan graf peratusan pelaksanaan PHSSM mengikut kriteria yang ditetapkan di peringkat IPKKM dan Negeri.

Rajah 4.21

Peratusan Pelaksanaan PHSSM Mengikut Kriteria yang Telah Ditetapkan Bagi Tahun 2020 di Peringkat IPKKM dan Negeri




Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri

KAFETERIA SIHAT

Pengiktirafan Kafeteria Sihat merupakan salah satu inisiatif Kementerian Kesihatan Malaysia dalam menyokong amalan pemakanan secara sihat dalam kalangan masyarakat. Pengiktirafan ini diberikan kepada kafeteria yang menyediakan, menghidang dan menjual makanan dan minuman yang berkhasiat, bersih dan selamat selaras dengan Garis Panduan Penilaian Pengiktirafan Kafeteria Sihat. Pada tahun

2020, sebanyak 40 kafeteria di fasiliti kesihatan dan tujuh (7) kafeteria di bawah agensi kerajaan lain telah diiktiraf sebagai Kafeteria Sihat. Selain itu, sebanyak satu (1) kafeteria di bawah fasiliti swasta telah diiktiraf sebagai Kafeteria Sihat iaitu kafeteria di bawah TNB Bandar Perda, Pulau Pinang.

Rajah 4.22
Jumlah Kafeteria Sihat Mengikut Negeri Sehingga Disember 2020



Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri

CAWANGAN KOMUNITI & INTER AGENSI

INISIATIF PEMERKASAAN PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU (PIBG) BAGI MENANGANI MASALAH OBESITI DI KALANGAN MURID SEKOLAH: CARA HIDUP ANDA TERBAIK (C-HAT)

Inisiatif C-HAT (Cara Hidup Anda Terbaik) merupakan kolaborasi pintar bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan menggunakan PIBG yang dilatih sebagai duta atau agen perubahan untuk menangani masalah obesiti dalam kalangan murid sekolah. Sepanjang tahun 2020, Mesyuarat Penyelaras Pelaksanaan Aktiviti Inisiatif C-HAT telah diadakan bersama Pegawai Sains Pemakanan (PSP) dan Jurulatih Utama (JU) Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Johor dan Terengganu bagi membincangkan pelan pelaksanaan aktiviti serta kaedah memperluaskan pelaksanaan aktiviti C-HAT.

Selain itu, Inisiatif C-HAT telah dipilih menjadi Key Performance Indicator (KPI) Pengarah Bahagian Pemakanan pada tahun 2020 iaitu; Peratus daerah yang melaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) aktiviti C-HAT, dengan sasaran 100 peratus daerah melaksanakan aktiviti ini. Dua (2) sesi mesyuarat atas talian bersama Jurulatih Utama (JU) C-HAT telah diadakan bagi membincang aktiviti-aktiviti alternatif yang bersesuaian dan boleh dilaksanakan sewaktu fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mengikut norma baharu. Walaupun pelaksanaan aktiviti terhad, pencapaian aktiviti Inisiatif C-HAT amat membanggakan iaitu sebanyak 57.3 peratus (86/150) daerah telah berjaya menjalankan sekurang-kurangnya satu (1) aktiviti C-HAT. Seterusnya Inisiatif C-HAT akan diperluaskan dengan melatih dan memantapkan lebih banyak JU C-HAT supaya setiap daerah mempunyai sekurang-kurangnya seorang JU C-HAT yang komited untuk melaksanakan aktiviti C-HAT di sekolah atau daerah masing-masing.

SEMINAR PROGRAM PENGURUSAN BERAT BADAN TRIM & FIT

Seminar Program Pengurusan Berat Badan Trim & Fit telah dilaksanakan pada 20 hingga 21 Julai 2020 bertempat di Bilik Seminar, Pejabat Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), Cyberjaya. Seminar ini dihadiri oleh 60 orang peserta dari pelbagai agensi di Putrajaya dan Kuala Lumpur. Objektif utama seminar ini adalah untuk memperkukuh pengetahuan dan kemahiran para peserta

berkenaan kaedah penurunan berat badan melalui amalan cara hidup sihat. Seminar ini juga sebagai *kick-off* yang bertujuan untuk meningkatkan motivasi kepada para peserta sebelum menyertai aktiviti intervensi selama enam (6) bulan. Di antara pengisian seminar ini adalah ceramah berkaitan obesiti dan kesihatan, penyalahgunaan suplemen dan pil pelangsing, amalan pemakanan sihat, taklimat MyNutriDiari2, sesi motivasi, runding cara pemakanan berkumpulan dan sesi praktikal senaman.

TATA ETIKA PEMASARAN MAKANAN BAYI DAN PRODUK BERKAITAN (TEPMBPB)

Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan (TEPMBPB) telah dilaksanakan di Malaysia sejak tahun 1979 bagi melindungi amalan penyusuan susu ibu daripada aktiviti pemasaran produk susu formula bayi, makanan pelengkap, botol susu, puting susu dan puting kosong. Tata Etika tersebut dilaksanakan melalui aktiviti pemantauan oleh pasukan pemantau negeri bagi mengesan kemungkinan pelanggaran oleh pihak syarikat dan profesional/anggota kesihatan.

Bermula akhir tahun 2019 sehingga pertengahan tahun 2020, sebanyak 898 aduan daripada 15 negeri dan syarikat pesaing telah diterima bagi sesi pemantauan yang dijalankan sepanjang tahun 2019. Sebanyak 335 (37.3%) aduan adalah menepati kriteria untuk dibawa ke perbincangan Jawatankuasa Disiplin Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan. Sebanyak 144 bahan aduan yang melibatkan 54 syarikat (12 syarikat susu formula bayi, 19 syarikat makanan pelengkap dan 25 syarikat peralatan penyusuan) telah dibincangkan di dalam mesyuarat tersebut. Jawatankuasa tersebut telah memutuskan sebanyak 131 (90.97%) aduan yang dibincangkan adalah sah pelanggaran dan dikenakan penalti.

Selain itu, bagi mengawal promosi melalui pemasaran produk, TEPMBPB turut menjalankan penapisan ke atas label dan bahan maklumat bagi produk susu formula bayi dan makanan pelengkap. Sepanjang tahun 2020, sebanyak 83 bahan maklumat berkaitan produk tersenarai dan makanan pelengkap telah diterima daripada 16 syarikat pengilang dan pengedar susu formula bayi dan makanan pelengkap. Sebanyak 63 bahan telah menepati senarai semak dan telah dibincangkan dalam empat (4) siri Mesyuarat Penapisan TEPMBPB. Jumlah keseluruhan kod kelulusan yang dikeluarkan sepanjang tahun 2020 adalah sebanyak 42 bahan.

INISIATIF LOGO PILIHAN LEBIH SIHAT MALAYSIA

Inisiatif Logo Pilihan Lebih Sihat (*Healthier Choice Logo, HCL*) Malaysia telah dimulakan pada 20 April 2017. Objektif HCL Malaysia ialah untuk membantu pengguna membuat pilihan yang bijak dengan hanya merujuk kepada label hadapan bungkusan produk seterusnya mengenal pasti produk yang lebih sihat dalam kategori yang sama. Selain itu, HCL turut menggalakkan pihak industri makanan dan minuman menjalankan reformulasi dan menyediakan produk yang lebih sihat di pasaran. Jawatankuasa Pakar HCL telah ditubuhkan dan dipertanggungjawab untuk menyemak semula kriteria nutrien HCL semenjak tahun 2018. Bermula 1 April 2019, permohonan pengesahan penggunaan Logo HCL adalah berpandukan kriteria nutrien HCL yang baru. Sebanyak 410 produk makanan dan minuman telah diberi pengesahan penggunaan Logo HCL sehingga 31 Disember 2020. Pelaksanaan dan pemantapan inisiatif HCL Malaysia memerlukan sokongan dan usaha berterusan daripada semua pihak. Promosi dan advokasi HCL turut dijalankan dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman pengguna terhadap HCL Malaysia.


RUNDING CARA PEMAKANAN (RCP)

Perkhidmatan runding cara pemakanan (RCP) telah dijalankan oleh seramai 295 orang Pegawai Sains (Pemakanan) meliputi 332 klinik kesihatan seluruh Malaysia. Sesi ini dijalankan secara individu atau berkumpulan kepada ibu hamil, bayi dan kanak-kanak, remaja, dewasa serta warga emas. [Rajah](#)

4.23 menunjukkan terdapat 186,595 kes yang dirujuk untuk perkhidmatan RCP bagi tahun 2020. Bilangan kes ini didapati berkurang sebanyak 12.8 peratus berbanding bilangan kes (213,880) yang dirujuk pada tahun 2019. Penurunan bilangan kes pada tahun 2020 dipercayai berkait rapat dengan pelaksanaan Borang Rujukan RCP dengan kriteria baru yang telah mula diguna pakai sejak 2019 sebagai persediaan untuk penguatkuasaan Akta Profesion Kesihatan Bersekutu (Akta 774).

Rajah 4.23

Trend Bilangan Kes Rujukan bagi Perkhidmatan Runding Cara Pemakanan oleh Pegawai Sains (Pemakanan) di Klinik Kesihatan seluruh Malaysia bagi Tahun 2016 hingga 2020



Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri

Antara kes tertinggi yang dirujuk bagi perkhidmatan RCP adalah kes kekurangan berat badan (32.7%), diikuti oleh kes anemia (24%), bantut (11.7%) dan susut (9.4%). **Jadual 4.15** menunjukkan bilangan rujukan mengikut kes bagi perkhidmatan RCP oleh PSP mengikut turutan menurun.

Jadual 4.15

Bilangan Rujukan bagi Perkhidmatan Runding Cara Pemakanan oleh Pegawai Sains (Pemakanan) di Klinik Kesihatan Mengikut Jenis Kes bagi Tahun 2020

Bil	Jenis Kes	Bil Rujukan	Peratus
1	Kurang Berat Badan (KBB)	60,993	32.7
2	Anemia	44,855	24.0
3	Bantut	21,810	11.7
4	Susut	17,461	9.4
5	Lain-lain	13,542	7.3
6	Obesiti	11,873	6.4
7	Gestational Weight Gain (GWG)	11,386	6.1
8	Lebih Berat Badan (LBB)	3,529	1.9
9	Anemia berkaitan pemakanan	552	0.3
10	Penyusuan Susu Ibu	482	0.3
11	Berlebihan/ Kekurangan Mikronutrien	112	0.1
		186,595	

Sumber: Reten RCP 201 (2020)

APLIKASI TELEFON PINTAR 'MYNUTRIDIANI 2' (MND 2)

Seiring dengan perkembangan teknologi semasa, aplikasi 'MyNutriDiari 2' (MND2) telah diperkenalkan untuk membantu pengguna memantau jumlah kalori bagi makanan dan minuman yang diambil bagi mendapatkan berat badan ideal. Sehingga Disember 2020, hampir 160,500 pengguna telah memuat turun aplikasi ini.

ADVOKASI PEMAKANAN MELALUI MEDIA SOSIAL

Seiring dengan perkembangan teknologi terkini dan ketika negara dilanda wabak COVID-19 pada tahun 2020 yang telah membataskan aktiviti advokasi pemakanan secara bersemuka sama ada di klinik mahupun di peringkat komuniti, aktiviti advokasi pemakanan turut dipergiat menggunakan platform media sosial. Antara media sosial yang digunakan adalah Facebook, Instagram, Twitter dan saluran Youtube. Sehingga kini, laman rasmi Facebook Bahagian Pemakanan telah mencapai sebanyak 172,000 orang pengikut, Instagram (13,000 orang), Twitter (10,000 orang) dan saluran Youtube (1,000 *subscribers*). Sebanyak 601 perkongsian (*post*) berkaitan maklumat pemakanan telah dimuat naik di platform media sosial. Pada masa yang sama, advokasi melalui media elektronik turut dijalankan seperti wawancara di saluran televisyen (18 slot), radio (6 slot) dan empat (4) artikel di platform media cetak.

WEBINAR MEMPROMOSIKAN PEMAKANAN SIHAT KEPADA KANAK - KANAK MELALUI CADANGAN PENUBUHAN DAPUR BERPUSAT BAGI PENYEDIAAN MAKANAN KEPADA KANAK-KANAK DI TASKA DAN TABIKA

Webinar Mempromosikan Pemakanan Sihat kepada Kanak-kanak melalui cadangan penubuhan dapur berpusat bagi penyediaan makanan kepada kanak-kanak Taska dan Tabika telah diadakan pada 27 Ogos 2020 bertempat di Pejabat Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), Cyberjaya. Webinar ini merupakan kerjasama antara Bahagian Pemakanan Kementerian Kesihatan Malaysia dengan *Japan International Cooperation Agency (JICA)* Malaysia-Jepun. Ia turut dihadiri oleh wakil dari Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, KEMAS, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM) dan UNICEF. Objektif utama webinar ini adalah untuk mengumpul maklumat berkaitan pelaksanaan *Japan School Lunch Program* melalui *School Lunch Center @ Central Kitchen* dalam menyediakan kertas cadangan penubuhan dapur berpusat untuk kelulusan oleh pengurusan tertinggi. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mempelajari program dan aktiviti yang dijalankan oleh kerajaan Jepun dalam memastikan status kesihatan dan pemakanan rakyat berada pada tahap yang optimum bermula dari peringkat awal.

BAHAGIAN PENDIDIKAN KESIHATAN


Bahagian Pendidikan Kesihatan (BPK) merupakan peneraju utama dalam pelaksanaan aktiviti promosi kesihatan kebangsaan sejak tahun 1991. BPK telah melaksanakan pelbagai inisiatif promosi kesihatan dengan memfokuskan pemupukan budaya cara hidup sihat menerusi peningkatan literasi kesihatan dan perubahan tingkah laku yang berkekalan. Pelaksanaan aktiviti promosi kesihatan adalah berdasarkan beberapa fokus yang telah ditetapkan.

KEMPEN CARA HIDUP AKTIF, *WHEN ACTIVE LIVING KICKS (WALK)* UNTUK PENGURANGAN RISIKO PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT

FBLive WORKOUT 2020

Aktif secara norma baharu melalui sesi *FBLive Workout* telah dilaksanakan melalui platform media rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia bermula pada 8 April 2020 hingga 26 November 2020 dengan melibatkan instruktur kecergasan dan kolaborasi bersama *Wellness Hub* seluruh Malaysia ([Rajah 4.24](#) dan [Imej 4.2](#)).

Rajah 4.24
Pencapaian *FBLive Workout*, 2020



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

Imej 4.2
Perkhidmatan Berhenti Merokok *mQuit*




Sumber: Sektor Kawalan Tembakau & Urusetia FCTC, Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

PROGRAM I FIT AND EAT RIGHT (IFitEr)


Program IFitEr dilaksanakan di semua *Wellness Hub* seluruh Malaysia bagi membantu masyarakat yang menghadapi masalah berat badan berlebihan dan obesiti menerusi intervensi pengurusan berat badan dan amalan cara hidup sihat ([Rajah 4.25](#) dan [Imej 4.3](#)).

Rajah 4.25
Pencapaian IFitEr, 2020



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

Imej 4.3
Aktiviti IFitEr, 2020




Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

VIRTUAL I FIT AND EAT RIGHT (V+IFitEr)

Merupakan intervensi pengurusan berat badan secara maya selaras dengan amalan norma baharu. V+IFitEr telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada 21 Ogos 2020. Program ini adalah kolaborasi bersama Pertubuhan Pencegahan Obesiti Kanak-kanak dan Dewasa dengan tema “Bukan Soal Kurus” (Rajah 4.26 dan Imej 4.4).

Rajah 4.26
Pencapaian V+IFitEr, 2020s



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

Imej 4.4 V+IFitEr 2020




Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

JOM NAK SIHAT BAGAN SERAI

Bahagian Pendidikan Kesihatan dengan kerjasama Pejabat Parlimen Bagan Serai, dan Jabatan Kesihatan Negeri Perak, telah melaksanakan satu intervensi Jom Nak Sihat di Bagan Serai, Perak. Program disertai oleh 105 orang peserta dan telah dilaksanakan bermula 16 Ogos 2020 hingga 30 Oktober 2020 (Rajah 4.27 dan Imej 4.5).

Rajah 4.27
Pencapaian Jom Nak Sihat Bagan Serai, 2020



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

Imej 4.5
Aktiviti Jom Nak Sihat Bagan Serai, 2020



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

KOSPEN@ACTIV

KOSPEN@Activ merupakan inisiatif Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kerjasama BookDoc bagi menggalakkan budaya hidup aktif dalam kalangan warga KKM dan orang awam. Aplikasi digital ini menggunakan konsep permainan menerusi telefon pintar dan *fitness trackers* bagi mengesan bilangan langkah yang dilakukan oleh individu dan diberi ganjaran apabila individu tersebut dapat mencapai tahap tertentu (**Rajah 4.28** dan **Imej 4.6**)

Rajah 4.28
Pencapaian KOSPEN@Activ, 2020



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

Imej 4.6
Cabaran Virtual KOSPEN@Activ, 2020



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

HEALTH PROMOTION IN LEARNING INSTITUTIONS (HePiLI)

PEMBUDAYAAN NORMA BAHARU DAN LET'S TALK MINDA SIHAT

Majlis Pelancaran Pembudayaan Norma Baharu dan Let's TALK Minda Sihat telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada 26 Julai 2020 bertempat di SMK Seri Pinang, Johor. Program ini diadakan bertujuan bagi melihat pematuhan *Standard Operating Procedure* (SOP) norma baharu di sekolah serta mempromosikan Kempen Let's TALK Minda Sihat dalam kalangan murid dan warga sekolah (**Imej 4.7**).

Imej 4.7

Pemantauan Pematuan Norma Baharu dan Kempen let's TALK Minda Sihat, 2020



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

VIRTUAL E-LEARNING HEPILI

Pendidikan dan promosi interaktif secara maya ini diperkenalkan pada bulan April 2020 menggunakan Facebook dan Instagram HePiLi Network. Terdapat empat (4) fasa pelaksanaan iaitu Fasa 1: #STAYATHOME KIT 1.0, Fasa 2: #STAYATHOME KIT 2.0, Fasa 3: Edisi Khas Ramadan & Lebaran dan Fasa 4: Virtual E-Learning with Kak Long (Rajah 4.29 dan Imej 4.8).

Rajah 4.29

Pencapaian Virtual E-Learning HePiLi, 2020



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

Imej 4.8

Sesi FB Live Virtual E-Learning HePiLi & Virtual Challenge HePiLi, 2020



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

TABLE TALK MINDA SIHAT

Merupakan inisiatif Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah dilaksanakan sejak tahun 2018. Pada tahun 2020, sebanyak 8,096 keping table talk mesej amalan cara hidup sihat telah dipasang di sekolah rendah dan 400 keping table talk Lets TALK Minda Sihat dipasang di sekolah menengah sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya ([Imej 4.9](#))

Imej 4.9

Table Talk Cara Hidup Sihat dan Let's TALK Minda Sihat, 2020



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

KESEJAHTERAAN RAKYAT MELALUI WELLNESS HUB

PELANCARAN WELLNESS HUB

Pelancaran *Wellness Hub* Bagan Pinang, Negeri Sembilan telah disempurnakan oleh Menteri Kesihatan pada 12 September 2020. Sehingga kini sebanyak 27 *Wellness Hub* telah ditubuhkan di seluruh Malaysia ([Rajah 4.30](#) dan [Imej 4.10](#)).

Rajah 4.30
Pencapaian *Wellness Hub*, 2020



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

Imej 4.10 Pelancaran Wellness Hub dan Perasmian Wellness Truck




Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

NAIK TARAF WELLNESS HUB

Projek naik taraf *Wellness Hub* pada tahun 2020 melibatkan lima (5) *Wellness Hub* iaitu *Wellness Hub* Bagan Pinang, *Wellness Hub* Kuala Sawah, *Wellness Hub* Batu Pahat, *Wellness Hub* Alor Setar dan *Wellness Hub* Sungai Petani (Imej 4.11).

Imej 4.11 Projek Naik Taraf *Wellness Hub*, 2020




Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

PEMBANGUNAN KREATIF, PRODUKSI, PENERBITAN DAN HEBAHAN


BPK dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) dan Unit Komunikasi Korporat (UKK) telah membangunkan portal www.covid19.gov.my bagi menyampaikan mesej berkaitan COVID-19. Mesej-mesej kesihatan juga terus disebar luas menerusi portal www.infosihat.gov.my dan www.myhealth.gov.my dan juga penggunaan saluran media sosial, media konvensional, penerbitan E-Majalah Kesihatan, percetakan dan edaran pelbagai bahan promosi kesihatan, rekaan grafik serta khidmat pembaca pruf dan penterjemahan (Rajah 4.31, Rajah 4.32, Imej 4.12, Rajah 4.33, Jadual 4.16, Jadual 4.17 dan Rajah 4.34).

Rajah 4.31
Pencapaian Penggunaan Media Sosial, 2020



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

Rajah 4.32
Pencapaian Penggunaan Media Konvensional, 2020




Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

Imej 4.12
Pencapaian Penggunaan Media Konvensional, 2020



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

Rajah 4.33
Graphic design Production, 2020



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

Jadual 4.16
Percetakan dan Edaran Bahan, 2020

Edaran Luar	Edaran Dalaman
• 330 permohonan • 1,516,64 naskah cetakan	• 53 permohonan • 59,274 naskah cetakan

Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

Jadual 4.17
Kadar Pusingan Stok, 2020

Suku Tahunan Menokok	Kadar Pusingan Stok
Januari – Mac	0.95
April – Jun	1.06
Julai – September	1.01
Oktober – Disember	3.5
Januari - Disember	4.6

Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

Rajah 4.34
Perkhidmatan Pembaca Pruf dan Penterjemah, 2020



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

PEMERKASAAN RAKYAT MELALUI MOBILISASI KOMUNITI

KOMUNIKASI UNTUK PERUBAHAN TINGKAH LAKU (COMBI)

COMBI merupakan strategi mobilisasi sosial dan komunikasi untuk mempengaruhi individu, keluarga dan komuniti ke arah perubahan tingkah laku yang lebih sihat khususnya menangani isu berkaitan penyakit berjangkit dan kebersihan persekitaran. Sehingga 31 Disember 2020, terdapat sebanyak 3,065 pasukan COMBI dengan 27,535 sukarelawan COMBI di seluruh negara. Penubuhan lokaliti baru COMBI adalah sebanyak 168 dengan 1,200 pemimpin dan ahli COMBI yang dilatih. Pelaksanaan aktiviti cari dan musnah adalah sebanyak 1,160, aktiviti promosi kesihatan menerusi media cetak dan elektronik sebanyak 86,072 manakala aktiviti komunikasi bersemuka adalah sebanyak 124,888 sesi. Yang Berhormat Menteri Kesihatan Malaysia juga telah melancarkan Kempen Pembudayaan Norma Baharu Perkasa Komuniti Cegah COVID-19 pada 4 Oktober 2020 yang telah dihadiri oleh 250 pemimpin dan ahli COMBI seluruh negara. Jumlah aktiviti promosi kesihatan untuk kempen norma baharu tersebut adalah sebanyak 1,090 (Imej 4.12 dan Imej 4.13).

Imej 4.12
Sesi Town Hall Pembudayaan Norma Baharu Bersama Pemimpin COMBI, 2020



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

Imej 4.13

Aktiviti Norma Baharu Pencegahan Demam Denggi dan Pencegahan COVID-19, 2020



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

PROJEK PERLUASAN NYAMUK AEDES BERWOLBACHIA BERSAMA KOMUNITI

Sehingga 16 Januari 2020, terdapat 19 lokaliti terlibat dalam projek Wolbachia. Sebanyak 14 lokaliti telah mencapai frekuensi melebihi 80 peratus dan pelepasan nyamuk telah diberhentikan. Walau bagaimanapun, didapati lima (5) lokaliti telah merosot lebih 60 peratus daripada segi frekuensi Wolbachia dan telah melaksanakan pelepasan semula nyamuk (**Jadual 4.18**). Selain itu, pelbagai aktiviti promosi kesihatan telah dijalankan di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Pulau Pinang (**Jadual 4.18** dan **Jadual 4.19**).

Jadual 4.18
Pelepasan Nyamuk Wolbachia,
2020

Lokaliti	Tarikh Pelepasan
Pelangi	10 September 2020
Lavender	28 September 2020
Gedung	24 November 2020
Subang	dalam perancangan (2021)
P14 Sub12	dalam perancangan (2021)

Jadual 4.19
Pencapaian Aktiviti Promosi Kesihatan
Wolbachia, 2020

Aktiviti	Jumlah
Hebahan awam	20
Pameran kesihatan	5
Lawatan rumah ke rumah	40
Tunjuk cara	240
Nasihat individu	250
Media luar	7
Edaran risalah	1,326

Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

PERTANDINGAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT) BEBAS DENGGI

Pada tahun 2020 taklimat pertandingan telah diadakan di lima (5) Zon iaitu di Zon Utara, Zon Tengah, Zon Selatan, Zon Timur dan Zon Borneo (Imej 4.14).

Imej 4.14

Taklimat Pertandingan Institusi Pendidikan Tinggi Bebas Denggi, 2020



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

SAMBUATAN HARI DENGGI ASEAN PERINGKAT KEBANGSAAN DAN CABARAN #10 MINIT HAPUSKAN AEDES

Sambutan Hari Denggi ASEAN Peringkat Kebangsaan telah disambut dengan tema “10 Minit Hapuskan Aedes”. Cabaran menghasilkan video “10 Minit Hapuskan Aedes” juga telah disebar luas melalui semua saluran media sosial bagi mendidik komuniti tentang penghapusan tempat pembiakan nyamuk Aedes di dalam dan luar rumah.

Imej 4.15

Cabaran “10 Minit Hapuskan Aedes”



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

INISIATIF BEBAS ASAP ROKOK DAN MODIFIKASI TINGKAH LAKU

PERKHIDMATAN KLINIK BERHENTI MEROKOK DI HOSPITAL (PKBM)

PKBM merupakan perkhidmatan untuk membantu perokok berhenti merokok dengan teknik terapi modifikasi tingkah laku, terapi farmakoterapi atau kombinasi kedua-duanya dalam tempoh kohort enam (6) bulan dan terbuka kepada pesakit yang dirujuk dan juga klien *walk-in*. Pada tahun 2020, terdapat penurunan bilangan klien yang berhenti merokok pada tahun ni berbanding tahun 2019 disebabkan pandemik COVID-19 ([Jadual 4.20](#) dan [Imej 4.16](#)).

Jadual 4.20
Pencapaian Klinik Berhenti Merokok, 2020

Tahun	Jumlah Klien Berdaftar	Jumlah Klien Set Quit Date	Jumlah Klien yang Berhenti Merokok	Peratus Berhenti Merokok
2019	3,875	1,112	594	53.4%
2020	2,956	969	483	49.8%

Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

Imej 4.16
Sesi Modifikasi Tingkah Laku Klinik Berhenti Merokok, 2020



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

TALIAN QUITLINE BERHENTI MEROKOK

Talian ini berperanan sebagai satu kaedah alternatif membantu perokok untuk berhenti merokok secara atas talian. Perkhidmatan ini beroperasi selama lapan (8) jam sehari dan dikendalikan oleh kakitangan yang mempunyai pengalaman luas mengendalikan klien yang ingin berhenti merokok dengan menggunakan teknik *motivational interviewing*. Pada tahun 2020, terdapat peningkatan bilangan orang yang berhenti merokok berbanding tahun 2019 ([Jadual 4.21](#) dan [Imej 4.17](#)).

Jadual 4.21
Pencapaian Klinik Berhenti Merokok, 2020

Tahun	Jumlah Panggilan	Jumlah Klien Set Quit Date	Jumlah Klien Berhenti Merokok	Peratus Berhenti Merokok
2019	593	11	5	55
2020	1,026	28	18	50.4

Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

Imej 4.17
Sesi Modifikasi Tingkah Laku Klinik Berhenti Merokok, 2020



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

KEMPEN SPEAK OUT

Kempen ini bertujuan untuk memperkasa masyarakat yang tidak merokok untuk menyuarakan hak mendapatkan udara yang bersih dan bebas daripada asap rokok. Tinjauan *Visibility* Kempen Speak Out pada Oktober 2020 mendapati 71.9 peratus daripada 132 responden bersetuju kempen ini dapat membudayakan masyarakat untuk menegur perokok (Imej 4.18).

Imej 4.18
Kempen Speak Out, 2020



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

KEMPEN PEMBUDAYAAN NORMA BAHARU PERKASA KOMUNITI CEGAH COVID-19

Kempen ini telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 8 Ogos 2020. Sehingga 31 Disember 2020, Bahagian Pendidikan Kesihatan telah melaksanakan 130,971 aktiviti libat urus yang melibatkan Unit Bergerak dan Town Hall dengan jumlah kehadiran seramai 650,787 orang (Imej 4.19). Selain itu, terdapat 16,105 *posting* media sosial dengan jumlah *reach* 537,053,673. Jumlah promosi melalui media konvensional pula adalah sebanyak 3,645 slot dan promosi melalui edaran bahan media cetak adalah sebanyak 329,012 bahan.

Imej 4.19

Libat Urus Kempen Pembudayaan Norma Baharu Perkasa Komuniti Cegah COVID-19, 2020



Sumber: Health Education Division

Imej 4.20

Kempen Pembudayaan Norma Baharu Perkasa Komuniti Cegah COVID-19, 2020



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

AGENDA NASIONAL MALAYSIA SIHAT (ANMS)

ANMS adalah satu hala tuju komprehensif promosi kesihatan yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan untuk memperkasa cara hidup sihat serta mencapai taraf kesihatan rakyat. ANMS telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 Ogos 2020 dengan peruntukan sebanyak RM40 juta untuk ANMS melalui fasa 1 2020 hingga 2022. Pelaksanaan ANMS merangkumi empat (4) teras iaitu memantapkan promosi amalan cara hidup sihat, memantapkan perkhidmatan promosi kesihatan (wellness), memperkasa kawalan sendiri kesihatan dan memantapkan kebersihan persekitaran dengan melibatkan penyertaan semua kementerian, sukarelawan, komuniti, NGO dan swasta.

PEMBUBARAN LEMBAGA PROMOSI KESIHATAN MALAYSIA DAN PENYERAPAN FUNGSI DI BAWAH BAHAGIAN PENDIDIKAN KESIHATAN

Pembubaran Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (LPKM) merupakan satu inisiatif di bawah Pelan Rasionalisasi Kementerian Kesihatan Malaysia yang bertujuan untuk mengoptimumkan penggunaan sumber. Sehubungan itu, seramai 10 orang pegawai LPKM telah ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Penerangan (Pendidikan Kesihatan) berkuat kuasa pada 1 April 2020.



05

PERUBATAN

BAHAGIAN PERKEMBANGAN PERUBATAN

CAWANGAN PERKEMBANGAN PERKHIDMATAN PERUBATAN

Di bawah Bahagian Perkembangan Perubatan, Cawangan Perkembangan Perkhidmatan Perubatan (CPPP) merupakan cawangan yang bertanggungjawab dalam pengurusan perkhidmatan-perkhidmatan hospital. Dalam mendepani wabak COVID-19, cawangan ini telah terlibat secara langsung dalam kesiapsiagaan dan pengurusan wabak terutamanya yang melibatkan Perkhidmatan Hospital. Cawangan ini terdiri dari 6 Unit iaitu Unit Perkhidmatan Pengurusan Hospital, Unit Perkhidmatan Perubatan, Unit Perkhidmatan Pembedahan dan Kecemasan, Unit Perkhidmatan O&G dan Pediatrik, Unit Perkhidmatan Sokongan Klinikal, dan Unit Sumber Perubatan.

UNIT PERKHIDMATAN PENGURUSAN HOSPITAL (UPPH)

Hospital Kluster yang merupakan salah satu inisiatif transformasi penting untuk terus dilaksanakan supaya perkhidmatan kesihatan yang lebih saksama, efisien dan berkualiti dapat disampaikan kepada masyarakat. Pada tahun 2020 KKM telah melaksanakan fasa akhir peluasan Hospital Kluster dengan pembentukan 17 Hospital Kluster baru. Ini menjadikan jumlah keseluruhan 42 Hospital Kluster telah berjaya dibentuk sejak 2014 yang melibatkan 141 hospital KKM yang bersesuaian.

Akses kepada perkhidmatan kepakaran terutama di Hospital Tanpa Pakar semakin meningkat melalui pelaksanaan Klinik Pakar yang lebih kerap. Selain itu, perpindahan sebahagian perkhidmatan kepakaran seperti perkhidmatan Rehabilitasi di Hospital Kuala Nerang, Perkhidmatan Nefrologi di Hospital Pasir Mas, Perkhidmatan Rawatan Penyakit Berjangkit di Hospital Tumpat turut dilaksanakan. Perkhidmatan pembedahan yang bersesuaian turut dapat dilaksanakan di hospital-hospital Tanpa Pakar seperti Perkhidmatan Pembedahan Katarak di hospital Tampin dan Jitra.

Pengurusan perkhidmatan kesihatan semasa pandemik COVID-19 turut dirancang dan dilaksanakan melalui pemetaan Hospital Kluster, di mana hospital-hospital Tanpa Pakar turut membantu merawat kes-kes bukan COVID-19 atau turut dijadikan hospital merawat kes COVID-19. Di samping itu perolehan secara kluster telah memberikan penjimatan sehingga RM1.3 juta pada tahun 2020.

Hospital Kluster juga telah membawa paradigma baru untuk pengurusan rekod perubatan di mana rekod keadaan perubatan pesakit akan bersama-sama pesakit jika berpindah ke hospital di dalam kluster mengikut keperluan.

Inisiatif untuk membangunkan *Hospital Information System*, iaitu sistem ICT bersepadu yang memangkin penyampaian perkhidmatan di sesebuah hospital agar lebih efisien dan efektif, sesuai dengan era teknologi masa kini. Versi Basic aplikasi HIS@KKM ini telah diguna di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 MAEPS Serdang, Hospital Port Dickson dan diperluaskan ke Pusat Rawatan COVID-19 AIMM Port Dickson bagi memudahkan pengurusan rawatan pesakit COVID-19.

Garis Panduan Pelaksanaan Klinik Virtual di Hospital KKM telah dibangunkan bagi menggalakkan penggunaan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan secara atas talian, memberi kemudahan akses kepada pelanggan, seterusnya mengurangkan kesesakan di hospital semasa pandemik COVID-19.

Unit ini telah mengkoordinasi pembangunan dan penerbitan Dokumen Pelan Strategik Program Perubatan 2021-2025 dan berjaya diterbitkan pada 4 Jun 2020. Video penghormatan kepada barisan hadapan dan dokumentari pendek yang memperincikan strategi Perkhidmatan Hospital CPRC dalam menghadapi pandemik COVID-19 juga dikoordinasikan oleh UPPH.

Unit ini juga terlibat dalam pembangunan Sistem Hospital CPRC yang merupakan alat pelaporan dalam talian untuk memantau kesediaan hospital menghadapi pandemik COVID-19. Platform ini memudahkan pengumpulan dan analisis data, termasuk pemantauan harian katil hospital, katil ICU, penggunaan ventilator dan indeks pemulihan hospital tertentu. Ini untuk memastikan tindak balas yang cekap terhadap peningkatan wabak. Sistem ini telah membantu KKM membuat keputusan yang cepat dan efisien berkaitan dengan pengurusan kemudahan hospital semasa wabak.

UNIT PERKHIDMATAN PERUBATAN

Perkhidmatan Psikiatri dalam komuniti melalui Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (MENTARI) juga turut berkembang mengikut tahun operasinya. Pada tahun 2020, sebanyak 3 buah MENTARI dikenal pasti oleh pihak KKM dalam memastikan capaian akses serta pelan strategik ke arah mendekatkan pesakit yang menghidap masalah mental kepada masyarakat. Ini menjadikan jumlah MENTARI ini secara keseluruhannya 28 buah. Garis Panduan *Community Mental Health Centre* (MENTARI MOH) *Implementation Guideline*, edisi kedua telah diterbitkan pada bulan Oktober 2020 sebagai rujukan.

Perkhidmatan Kardiologi KKM telah berkembang seiring dengan peningkatan pesakit dengan pertambahan 3 buah Makmal Invasif Kardiologi (ICL) di Hospital Serdang, Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar, Kedah, Hospital Queen Elizabeth II, Kota Kinabalu Sabah. Ini menjadikan jumlah keseluruhan ICL sebanyak 19 buah di seluruh Malaysia.

Pada tahun 2020 juga, pegawai dari UPP diberi tanggungjawab sebagai core team Pasukan Data Klinikal, Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan Krisis Perkhidmatan Hospital (CPRC PH) KKM. Data harian dan analisis disediakan bagi tujuan pelaporan COVID-19 di peringkat kebangsaan, merangkumi data kes sembuh, kes kritikal dan kes pesakit dialisis COVID-19. Penglibatan dalam kajian COVID-19 turut merangkumi sebagai ahli Pasukan Kajian Epidemiologi COVID-19, kerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Perkhidmatan Perubatan Penyakit Berjangkit bersama-sama Bahagian Kawalan Penyakit, Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK), Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan pelbagai pihak telah merancang dan melaksanakan langkah kesiapsiagaan dalam menangani penyakit tersebut termasuk pembentukan dan penghasilan garis panduan untuk rujukan fasiliti kesihatan dalam negara.

Semua hospital kerajaan telah menyediakan perkhidmatan rawatan hemodialisis kecuali Hospital Rajah Charles Brooke Memorial (RCMB), di mana perkhidmatan di Kuching disediakan oleh Hospital Umum, Sarawak. Perkhidmatan ini turut disalurkan ke klinik-klinik kesihatan berhampiran hospital-hospital tersebut. Sebanyak 17 klinik kesihatan seluruh Malaysia kini menyediakan perkhidmatan ini berbanding 14 buah klinik pada tahun 2019.

Kementerian Kesihatan kini menuju ke arah *Peritoneal Dialysis (PD) Preferred Policy* di mana rawatan dialisis secara PD akan didahulukan. Pada tahun 2020, unit Peritoneal Dialysis di hospital KKM telah dikembangkan kepada 33 buah unit di hospital KKM seluruh Malaysia. Seterusnya, *National Peritoneal Dialysis Quality Standards* telah diterbitkan pada bulan Mac 2020.

Pada tahun 2020, bagi menyediakan perkhidmatan hemodialisis kepada pesakit yang disyaki atau disahkan COVID-19, sebanyak 110 mesin *portable Renal Osmosis* (RO) dan 162 mesin hemodialisis tambahan telah diperolehi untuk kegunaan hospital-hospital KKM. Di samping itu, sebanyak 28 mesin *Continuos Renal Replacement Therapy* (CRRT) dan 15 mesin SLEDD telah diperolehi bagi kegunaan pesakit akut.

Perkhidmatan rawatan paliatif masih diteruskan walaupun pelbagai cabaran yang dihadapi semasa pandemik COVID-19. Di antara perkembangan utama perkhidmatan rawatan paliatif pada tahun 2020 adalah seorang pakar perubatan paliatif telah berjaya ditempatkan di Hospital Tuanku Jaafar. Dengan itu, kini terdapat sebanyak lapan (8) hospital KKM mempunyai pakar perubatan paliatif. Sehingga kini, jumlah klinik kesihatan yang menjalankan perkhidmatan rawatan domisiliari paliatif ialah sebanyak 50 buah klinik kesihatan.

COVID-19 telah mengubah perkhidmatan Onkologi di mana jumlah pesakit yang dirawat di klinik Onkologi, penjagaan rawatan harian untuk kemoterapi, rawatan radioterapi dan kemasukan wad telah berkurangan sebanyak 50-60 peratus. Walau bagaimana pun perkhidmatan ini telah ditambah baik dengan penyumberluaran perkhidmatan radioterapi ke hospital swasta, terutamanya di negeri Pulau Pinang, Melaka dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Menjelang Mei 2020 kesemua enam (6) Pusat Radioterapi dan Onkologi di negara telah beroperasi pada kapasiti maksimum 80-90 peratus.

Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar bagi perkhidmatan klinikal disebabkan COVID-19. Walaupun Perkhidmatan Klinikal Hematologi juga terjejas disebabkan COVID-19, sebanyak 254 pemindahan sel stem hemopoietik berjaya dilakukan di empat (4) pusat transplant di hospital KKM. Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru (HSAJB) berjaya melakukan pemindahan sel stem alogeneik pertamanya pada Jun 2020 dan Hospital Pulau Pinang melakukan pemindahan haploidentical pertama pada Disember 2020. Dengan sokongan daripada Jabatan Imigresen, Hospital Ampang berjaya meneruskan pemindahan penderma, termasuk 7 daripada penderma luar negara. Satu garis panduan mengenai "Koleksi Sel Stem dan Pemindahan Sel Stem Haematopoietic (HSCT) semasa wabak COVID-19" telah diterbitkan oleh Hospital Ampang dengan kerjasama pakar KKM dan KPT.

UNIT PERKHIDMATAN PEMBEDAHAN DAN KECEMASAN

Bagi tahun 2020 Unit Perkhidmatan Pembedahan dan Kecemasan terlibat secara langsung dalam pengurusan pandemik COVID-19. Antara usaha-usaha yang telah dilakukan adalah meningkatkan kapasiti perkhidmatan seperti:

- i. Perolehan aset seperti isopod, khemah dan alat bantuan pernafasan serta penyediaan bilik isolasi di Jabatan Kecemasan dan Trauma
- ii. Meningkatkan kapasiti Unit Rawatan Rapi di Hospital KKM. Sehingga kini (Februari 2021) Bilangan katil ICU telah ditingkatkan kepada 500 katil dan 1542 mesin ventilator.
- iii. Pembangunan SOP dan garis panduan
- iv. Penyelarasan penghantaran anggota kesihatan dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM).
- v. Misi membawa pulang rakyat Malaysia melibatkan Pakar Perubatan Kecemasan dan anggota dari agensi lain seperti NADMA.

Kelestarian Perkhidmatan

Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan sedia ada dapat diteruskan, antara usaha yang telah dijalankan adalah inisiatif penyumberluaran perkhidmatan dengan pihak swasta. Inisiatif ini telah berjaya mengurangkan masa menunggu terutamanya bagi Perkhidmatan Kardiorasik, Neoursurgeri dan Surgeri Pediatrik. Inisiatif penyumberluaran berjaya mengurangkan masa menunggu untuk pembedahan pintasan jantung (CABG) di Hospital Serdang dari 26 bulan kepada 6 bulan.

Perkhidmatan Pembedahan Jantung Pediatrik

Sepanjang pandemik COVID-19 perkhidmatan pesakit jantung kanak-kanak yang memerlukan pembedahan turut terjejas. Walau bagaimanapun, dengan adanya garis panduan “Penghantaran Pesakit Kardiologi Pediatrik dari Hospital Kerajaan di Kawasan Berisiko Tinggi Penularan Jangkitan COVID-19 ke Hospital Rujukan Merentas Negeri Menggunakan Pengangkutan Udara” perkhidmatan pembedahan jantung pediatrik dapat diteruskan dengan lancar di mana pesakit pediatrik di Hospital Queen Elizabeth II dapat dirujuk ke IJN dan Hospital Serdang.


Perkhidmatan Rawatan Harian

Sebanyak 135 fasiliti KKM dapat menyediakan Perkhidmatan Rawatan Harian (PRH). Bagi memenuhi keperluan fasiliti PRH, pada tahun ini, KKM telah memulakan dua (2) projek pembinaan *Ambulatory Care Centre* (ACC) yang baru iaitu di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru dan Hospital Umum Sarawak. Pada tahun 2020, PRH telah berjaya menjalankan dua (2) Projek Rintis penyeragaman nombor pendaftaran PRH bagi Sistem Maklumat Rawatan Pelanggan (SMRP). Projek ini telah dilaksanakan di Negeri Melaka dan Negeri Selangor dan seterusnya akan dilaksanakan disemua hospital KKM kelak. Objektif utama projek ini adalah untuk menyelaraskan dan menyeragamkan nombor pendaftaran pesakit PRH di aplikasi SMRP.

Perkhidmatan Transplantasi

Kadar pendermaan organ dan transplantasi di Malaysia telah menunjukkan peningkatan yang ketara pada tahun 2020. Kadar pendermaan organ meningkat kepada 4.92 per juta penduduk (pmp) daripada 4.06 pmp pada tahun 2019 (peningkatan 22%) dan telah memanfaatkan seramai 225 pesakit. Daripada 218 kes berpotensi derma organ selepas kematian yang dirujuk ke Pusat Sumber Transplan Nasional, sebanyak 41 penderma organ dan tisu kadaverik telah diperolehi dengan jumlah organ dan tisu sebanyak 173. Ini merupakan kadar transplantasi yang tertinggi sejak 1 dekad yang lepas. Perkhidmatan transplantasi turut terkesan semasa pandemik COVID-19 di mana perkhidmatan terpaksa dihentikan sementara selama 81 hari semasa kemuncak gelombang kedua wabak di Malaysia. Walaupun tempoh operasi perkhidmatan terhad disebabkan penghentian sementara ini, bilangan transplantasi tetap menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya. Perkembangan yang menggalakkan ini turut disumbangkan oleh pertambahan koordinator derma organ di 16 hospital fokus Kementerian Kesihatan Malaysia, susulan inisiatif pengukuhan tadbir urus perkhidmatan yang mula dilaksanakan tahun 2019.

Rajah 5.1
Kadar Pendermaan dan Transplantasi Organ atau Tisu di Malaysia dari 2010 - 2020



Sumber: Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

UNIT O&G DAN PAEDIATRIK

Perkhidmatan Paediatric

Walaupun jangkitan COVID-19 ini pada awalnya tidak menjangkiti golongan kanak-kanak secara serius, namun persediaan dari segi kesiapsiagaan menerima pesakit paediatric yang dijangkiti COVID-19 turut dilakukan. Kes pertama COVID-19 melibatkan kanak-kanak di Malaysia merupakan seorang kanak-kanak perempuan warganegara China berusia 4 tahun yang dimasukkan ke Hospital Sultanah Maliha, Langkawi pada Januari 2020 di Langkawi. Jumlah keseluruhan pesakit kanak-kanak (18 tahun dan ke bawah) yang positif COVID-19 sepanjang tahun 2020 adalah seramai 13,817.

Jadual 5.1
Jumlah Pesakit COVID-19 Menerima Rawatan Intensif di ICU Pada Tahun 2020

UMUR	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
0-9	11	5	16
10-19	2	3	5

Sumber: CPRC Perkhidmatan Hospital, Program Perubatan KKM

Jadual 5.2
Bilangan Kumulatif Kematian Pesakit COVID-19 Pada Tahun 2020

UMUR	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
0-9	1	3	4
10-19	1	2	3

Sumber: CPRC Perkhidmatan Hospital, Program Perubatan KKM

Antara inisiatif yang diambil dalam kesiapsiagaan menghadapi krisis pandemik dan pengurusan COVID-19 dalam kalangan kanak-kanak adalah penghasilan *Guidelines on The Paediatric Intensive Care Management of Children with COVID-19*. Selain itu, garis panduan bertajuk “*Stem Cell Collection and Haematopoietic Stem Cell Transplantation in Malaysia During COVID-19 Outbreak*” juga telah disediakan bagi menangani pengurusan transplantasi sel stem semasa pandemik ini.

Pada tahun 2020 juga, KKM dengan kerjasama APEC Rare Diseases Network telah dengan berjaya menganjurkan APEC Virtual Consultation on COVID-19 & Rare Diseases in Malaysia pada 11 Disember 2020 dan APEC Virtual Policy Dialogue on Rare Diseases in Malaysia & Across Asia pada 16-17 Disember 2020. Objektif utamanya adalah untuk berkongsi perkembangan dan aktiviti terkini Jawatankuasa Penyakit Jarang Jumpa Kebangsaan serta amalan terbaik (*‘best practices’*) melalui Kerangka Kebangsaan Program Penyakit Jarang Jumpa di Malaysia. Ia telah dihadiri secara maya oleh peserta dari Malaysia dan negara-negara ekonomi APEC yang lain seperti *People’s Republik of China*, Filipina, Singapura, Thailand, Chinese Taipei dan Vietnam.

Sebanyak 568 unit peralatan yang berjumlah RM12,231,400 merangkumi antara lainnya 4 & 6 Channel Cardiorespiratory Monitor, Neonatal Incubator, Coulouge Echocardiogram, Non-Invasive Ventilator, ABG Machine dan lain-lain lagi telah dibuat perolehan untuk Jabatan Paediatric hospital-hospital KKM di sepanjang tahun 2020 ini.

UNIT PERKHIDMATAN SOKONGAN KLINIKAL (UPSK)

Dalam menghadapi pandemik COVID-19, perkhidmatan Patologi KKM telah melaksanakan pelbagai strategi untuk meningkatkan kapasiti serta memperbaiki *turn around time* dalam mendapatkan keputusan ujian makmal COVID-19. Antara strategi yang dijalankan adalah dengan menghantar sampel ujian COVID-19 ke makmal swasta (*outsourcing*) bagi membantu menangani beban kerja yang tinggi. Selain itu, perolehan pertama ujian *Rapid Testing Kit Antigen* (RTK-Ag) telah dilakukan pada Mei 2020 bagi meningkatkan keupayaan saringan mengawal penularan wabak. *Turn around time* juga dapat ditambah baik dengan pengenalan *Point of Care Testing* (POCT) Rapid Molecular PCR di fasiliti KKM. Kaedah ini menggunakan *Genexperts COVID-19 testing* di mana keputusan ujian COVID-19 dapat diperolehi dalam masa kurang 1 jam.

Bahagian Perkembangan Perubatan juga telah menjadi sekretariat untuk Jawatankuasa Pasukan Khas Makmal COVID-19 yang telah ditubuhkan pada 14 Julai 2020. Jawatankuasa ini bertanggungjawab merancang strategi dan keperluan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan dan kapasiti makmal COVID-19, memantau kualiti ujian dan data untuk makmal-makmal yang menjalankan ujian COVID-19.

Kesiapsiagaan dan respon Perkhidmatan Perubatan Forensik menghadapi pandemik COVID-19 negara telah menyaksikan usahasama dan libat urus perkhidmatan pelbagai agensi termasuk Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dalam penyediaan garis panduan pengurusan mayat COVID-19 di dalam dan di luar hospital. Perkhidmatan juga telah berjaya membuat perolehan aset Kontena Mayat di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru serta pengurusan mobilisasi sumber manusia dari Semenanjung Malaysia ke Sabah sebagai langkah-langkah menangani gelombang penularan wabak.

Sejajar dengan hala tuju kerajaan terhadap *Electronic Medical Record* (EMR) dan gerakan globalisasi terhadap keperluan Industrial Revolution (IR) 4.0, UPSK juga tidak ketinggalan dan turut serta ke arah kemajuan informasi teknologi. *Central Sterile Supply Services Information System* (CenSSIS) bagi Perkhidmatan Pensterilan Berpusat telah mula diguna pakai di Hospital Tuanku Ja'afar Seremban pada bulan Oktober 2020 dan akan diperluaskan ke hospital-hospital lain di Kementerian Kesihatan Malaysia secara berfasa.

Perkhidmatan PET/CT telah berjaya dilaksanakan bagi pesakit-pesakit Jabatan Perubatan Nuklear HKL pada September 2020. Perkhidmatan ini merupakan projek unggul *Public Private Partnership* HKL bersama Institut Jantung Negara. Sehingga akhir 2020 lebih 500 pesakit telah mendapat manfaat dari perkhidmatan ini. Selain itu, projek penggantian PET/CT di Institut Kanser Negara (IKN) dan Hospital Pulau Pinang telah dijalankan pada Ogos 2020 dan perkhidmatan PET/CT menggunakan mesin baru telah pun bermula pada Disember 2020. Siklotron milik KKM yang bertempat di IKN telah dinaik taraf bagi mengoptimalkan hasil pengeluaran bahan radionuklid untuk ujian perubatan yang lebih luas.

Dalam usaha untuk memperkembangkan perkhidmatan perubatan nuklear di Malaysia, beberapa projek telah dirancang termasuk pembinaan fasiliti baru seperti di Hospital Sultan Ismail, Johor dan Pusat Kanser Wilayah Utara, Sungai Petani serta naik taraf Makmal Penyediaan Radiofarmaseutikal HKL. Projek ini diharap dapat dilaksanakan mengikut perancangan.


UNIT SUMBER PERUBATAN (USP)

Peruntukan dan Bajet

Pada tahun 2020, Bahagian Pembangunan telah meluluskan sebanyak RM62.250 juta kepada Program Perubatan bagi perolehan peralatan perubatan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM37,772,606 telah diperuntukkan kepada USP, manakala RM 24,477,394 telah diagihkan terus kepada PTJ lain di seluruh negara.

Dari peruntukkan RM37,772,606 tersebut, hanya RM13,498,799 telah dibelanjakan oleh USP. Baki peruntukan yang tidak dibelanjakan sebanyak RM24,273,807 telah di revot ke tahun 2021 bagi projek-projek yang tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2020. Peruntukan ini tidak dapat digunakan akibat *lock down* dan penutupan pintu masuk antarabangsa dikebanyakan Negara pengeluar alat perubatan menyebabkan alat-alat tidak dapat di bawa masuk ke dalam negara. Pecahan peruntukan bagi Unit Sumber Perubatan untuk tahun 2020 adalah seperti di dalam [Rajah 5.2](#).

Rajah 5.2
Peruntukan Program Perubatan 2020



Sumber: Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

Perolehan

i) Peralatan Perubatan Baru

Bagi tahun 2020, perolehan peralatan perubatan baru yang dilaksanakan secara berpusat adalah *Full Field Digital Mammography* (FFDM) Kulim (RM1,600,000) dan *Extracorporeal Shockwave Lithotripsy* (ESWL) Hospital Raja Perempuan Zainab II (RM3,012,908).

ii) Naik Taraf Peralatan Perubatan Sedia ada

Unit ini juga telah menguruskan perolehan untuk projek naik taraf peralatan perubatan sedia ada di hospital-hospital KKM seperti [Jadual 5.3](#).

iii) Konsumabel, Reagen dan Penempatan Peralatan

Pada tahun 2020, sebanyak satu (1) tender konsumabel dan lima (5) tender reagen bersama penempatan peralatan telah diselaraskan oleh Unit Sumber Perubatan seperti [Jadual 5.4](#).

Jadual 5.3
Tender Berpusat Bagi Projek Naik Taraf Peralatan Perubatan Hospital KKM Tahun 2020

BIL	KEGUNAAN	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
1	<i>Direct Digital Radiography</i>	3,577,499.90
2	<i>Biplane Angiography System</i> Hospital Sungai Buloh	5,490,000.00
3	<i>Full Field Digital Mammography (FFDM)</i> Hospital Tuanku Fauziah & Hospital Queen Elizabeth	4,180,000.00
4	<i>General X-Ray</i> Hospital Kulai	700,000.00
5	<i>Extracorporeal Shockwave Lithotripsy (ESWL)</i> Hospital Tuanku Ampuan Afzan	3,112,288.00
6	<i>CT Sim</i> Hospital Kuala Lumpur	3,100,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		20,159,789.90

Sumber: Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

Jadual 5.4
Tender Berpusat Bagi Konsumabel, Reagen Bersama Penempatan Peralatan Bagi Tahun 2020

BIL	TENDER	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK
1	Pembekalan Reagen bagi ujian Major BCR-ABL1 (P210) <i>Quantitation with Instrument Placement</i>	2,920,448.00	2020 - 2024
2	Pembekalan Reagen bagi ujian Urinalysis – Ujian Urin Biokimia (<i>Test Strip</i>) dan Urin <i>Mikroskopi with Instrument Placement</i>	12,759,835.00	2020 - 2024
3	Pembekalan produk <i>Highflux, High Efficiency Disposable Hollow Fibre Sterile Dialyser</i>	29,760,000.00	2021 - 2023
4	Pembekalan Reagen bagi pewarnaan Hematoxylin & Eosin (H&E) dan Coverslipping bersama peralatan	3,594,990.00	2021 - 2025
5	Pembekalan Reagen bagi ujian Osmolaliti bersama <i>Instrument Placement</i>	Perjanjian kontrak akan dimuktamadkan pada tahun 2021	
6	Pembekalan <i>Reagen Monoclonal Antibody</i> untuk ujian CD4/CD8 dan <i>Leukaemia Lymphoma Immunophenotyping by Flowcytometry</i> bersama <i>Instrument Placement</i>		

Sumber: Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

Unit ini juga bekerjasama dengan Bahagian Perolehan dan Penswastan bagi proses perolehan dan pemantauan 387 produk pakai buang/konsumabel yang disenaraikan di dalam senarai kontrak berpusat *Approved Product Purchased List* (APPL) 2017-2019 di bawah Perjanjian Konsesi Penswastan Makmal Ubat dan Stor (MUS) Kementerian Kesihatan Malaysia. Pada masa ini kontrak APPL berada di dalam tempoh Interim sehingga hala tuju konsesi dimuktamadkan. Berikutan penularan pandemik COVID-19, sebanyak enam (6) item Alat Pelindung Diri (*Personal Protective Equipment*, PPE) akan disenaraikan sebagai produk baru di dalam kontrak APPL Tempoh Interim manakala satu (1) item PPE sedia ada akan ditender semula. Ini adalah sebagai langkah kesiapsagaan Kementerian bagi mewujudkan Simpanan Stok (*Stockpile*) PPE di dalam negara.

CAWANGAN PEMBANGUNAN PROFESION PERUBATAN

Cawangan ini berperanan membangunkan polisi, pelan dan peraturan mengenai program latihan pegawai perubatan siswazah, perkhidmatan kepakaran dan subkepakaran perubatan di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), latihan dan pewartaan pakar perubatan, pembangunan professional berterusan, perancangan utilisasi kemudahan kesihatan KKM oleh universiti awam (UA) dan institut pengajian tinggi swasta (IPTS) serta mengendalikan pelbagai jawatankuasa bersama dekan-dekan UA dan IPTS, Majlis Perubatan Malaysia, Akademi Perubatan Malaysia dan sebagainya. Ini adalah untuk memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan dan harapan pemegang taruh terhadap perkhidmatan perubatan dapat dipenuhi.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

1. Unit Kepakaran Dan Subkepakaran Perubatan

Program Sarjana Perubatan Tempatan

Program Sarjana Perubatan adalah program latihan kepakaran asas yang telah diiktiraf oleh Majlis Perubatan Malaysia dan dikendalikan oleh lapan universiti awam pada masa ini dengan kerjasama KKM.

Pada tahun 2020 terdapat 23 bidang kepakaran yang ditawarkan dan jumlah hospital KKM yang diakreditasi sebagai pusat latihan bagi Program Sarjana Perubatan meningkat kepada 36 hospital.

Pertambahan slot HLP yang ditawarkan sejak 2008 secara langsung menghasilkan pertambahan bilangan Pegawai Perubatan lulusan kepakaran di KKM. Pada tahun 2020, seramai 714 orang graduan lulusan kepakaran telah melapor diri ke KKM berbanding 657 orang tahun 2019, 550 orang tahun 2018 dan 481 orang pada tahun 2016.

Program Latihan Kepakaran Laluan Paralel (Parallel Pathway) di KKM

Pegawai Perubatan juga berpeluang untuk mengikuti latihan kepakaran menerusi Program Latihan Kepakaran Parallel Pathway di KKM yang dijalankan secara sepenuhnya atau sebahagian besarnya di dalam negara. Pada ketika ini terdapat 15 Program Latihan Kepakaran Parallel Pathway dalam 14 bidang kepakaran termasuk 2 program untuk Perubatan Keluarga. Sehingga 31 Disember 2020, terdapat 189 Pegawai Perubatan telah tamat latihan kepakaran laluan paralel dari pelbagai bidang program (**Jadual 5.5**).

Jadual 5.5**Jumlah Pegawai Perubatan Lulusan Program Latihan Kepakaran
Laluan Paralel Di Kkm (2016 Hingga 2020)**

BIDANG	KELULUSAN	2016	2017	2018	2019	2020
Perubatan Dalam	MRCP	112	78	172	170	164
Pediatrik	MRCPCCH	15	39	40	65	18
O&G	MRCOG	1	6	26	19	1
OftalMOLOGI	FRCOphth	0	0	0	0	0
Onkologi Klinikal	FRCR ONCOLOGY	4	0	0	0	0
Anestesiologi	FCAI	1	1	0	1	0
Radiologi	FRCR	0	1	6	11	4
Psikiatri	MRCPSych	0	3	3	3	2
Forensik	PMJPath	0	0	0	1	0
JUMLAH		133	128	247	270	189

Sumber: Cawangan Pembangunan Profesyen Perubatan, Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

Program Subkepakaran

Program Latihan Subkepakaran KKM dilaksanakan secara berstruktur oleh KKM sejak tahun 2002. Program latihan ini dijalankan samada secara sepenuhnya di dalam negara atau secara kombinasi dalam dan luar negara. Pada tahun 2020, slot HLP yang ditawarkan adalah sebanyak 367 berbanding hanya 250 slot sahaja pada tahun 2019.

2. Unit Profesion Pakar Perubatan**Pewartaan Pakar Bidang Klinikal**

Setiap lulusan kepakaran perlu diwartakan sebelum ditauliahkan sebagai pakar dan dibenarkan menjalankan tugas-tugas pakar sejajar dengan Seksyen 27 Bab F, Perintah Am Kerajaan. Pada tahun 2020, seramai 727 orang pakar dalam bidang klinikal telah diwartakan berbanding dengan 603 orang pada tahun 2019. **(Jadual 5.6).**

Jadual 5.6**Bilangan Pakar Yang Diwartakan Mengikut Tahun 2016 Hingga 2020**

Bilangan Pakar* Yang Diwartakan				
2016	2017	2018	2019	2020
586	707	777	603	727

Nota: *Termasuk Pakar Perubatan Kontrak

Sumber: Cawangan Pembangunan Profesyen Perubatan, Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

Pakar Dalam Bidang Klinikal di Hospital KKM

Bilangan pakar dalam bidang klinikal yang berkhidmat di hospital KKM menunjukkan peningkatan setiap tahun. Pada tahun 2019, jumlah pakar dalam bidang klinikal adalah seramai 5,649 orang, jumlah tersebut meningkat kepada 5,820 orang pada tahun 2020. Walaupun bilangan Pakar Perubatan semakin bertambah setiap tahun namun jumlah tersebut masih belum dapat memenuhi keperluan negara ke arah mencapai status negara maju. **(Jadual 5.7).**

Jadual 5.7

Bilangan Pakar Bidang Klinikal Yang Berkhidmat Di Hospital Kkm (2016 - 2020)

Kepakaran / Subkepakaran	Bilangan Pakar (Termasuk Pelatih Subkepakaran & Pakar Kontrak)				
	2016	2017	2018	2019	2020
Anestesiologi	514	533	573	558	591
Kardiologi	46	68	76	99	99
Surgeri Kardiorasik	21	19	18	18	18
Dermatologi	40	47	54	73	77
Perubatan Kecemasan	246	271	324	331	376
Forensik	27	31	34	33	38
Perubatan Dalaman	804	790	764	830	591
Surgeri Am	303	321	342	323	219
Hand and Microsurgery	1	0	0	0	0
Nefrologi	67	75	94	113	106
Neurologi	29	37	47	51	50
Neurosurgeri	54	57	58	55	49
Perubatan Nuklear	22	25	27	28	34
Obstetrik dan Ginekologi	306	329	371	389	459
Oftalmologi	252	278	288	294	322
Ortopedik	297	328	358	358	392
Otorinolaringologi	162	162	187	183	201
Pediatrik	459	478	500	498	620
Surgeri Pediatrik	27	32	36	35	37
Patologi	333	384	422	422	494
Surgeri Plastik	30	31	36	36	41
Psikiatri	203	223	245	257	284
Radiologi	324	339	379	388	426
Radioterapi dan Onkologi	31	34	35	32	36
Perubatan Rehabilitasi	57	62	70	68	74
Perubatan Respiratori	37	43	55	60	58
Perubatan Sukan	23	27	32	34	40
Urologi	27	35	35	35	32
Perubatan Transfusi	35	41	47	48	56
Total	4,777	5,100	5,507	5,649	5,820

Sumber: Cawangan Pembangunan Profesyen Perubatan, Bahagian Perkembangan Perubatan

Nota: Tidak termasuk Pakar Perubatan Keluarga, Pakar Perubatan Kesihatan Awam dan Pakar Pergigian

3. Unit Program Pegawai Perubatan Siswazah

Program Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) merupakan program latihan selama 2 tahun untuk melahirkan pegawai perubatan yang selamat dan kompeten sebelum mereka layak diberikan Sijil Pendaftaran Penuh. Walaupun kes COVID-19 semakin meningkat namun latihan Program PPS dan pelantikan PPS baru masih diteruskan untuk memastikan jumlah pegawai perubatan memenuhi keperluan. Secara keseluruhannya, sejumlah 4,934 orang PPS baru telah dilantik pada tahun 2020.

Penambahbaikan dalam Program PPS yang telah dilaksanakan pada tahun 2020:

1. Akreditasi Hospital Lahad Datu sebagai Hospital Latihan Siswazah (HLS). Ini menjadikan jumlah keseluruhan HLS adalah sebanyak 50 buah hospital (46 hospital KKM, 3 hospital universiti dan 1 Hospital Angkatan Tentera Malaysia) dengan slot latihan terkini sebanyak 12,153 slot.
2. Garis panduan pelaksanaan Program PPS semasa COVID-19 (versi 1.0) yang diedarkan pada 3 April 2020.
3. Penjelasan dan soalan lazim mengenai garis panduan pelaksanaan Program PPS semasa pandemik COVID-19 yang diedarkan pada 20 April 2020.
4. Standard Operating Prosedure bagi penempatan PPS di wad *Severe Acute Respiratory Infection (SARI)* semasa pandemik COVID-19 yang diedarkan pada 19 Mei 2020.

4. Unit Pembangunan Profesional Berterusan/*Continuing Professional Development (CPD)*

Program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) merupakan satu bentuk pembelajaran dan pembangunan profesional sepanjang hayat yang sistematik bagi membolehkan profesional kesihatan mengekalkan dan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran. Sistem myCPD versi 2.0 yang dilancarkan pada tahun 2017 telah digunakan oleh lebih 257,000 pengguna berdaftar dari 52 skim perkhidmatan kesihatan di KKM dan juga sektor swasta.

Penggunaan mata kredit CPD akan disesuaikan dengan keperluan atau tujuan yang berbeza seperti untuk Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, pembaharuan Sijil Amalan Tahunan untuk Pengamal Perubatan serta pendaftaran Pakar Perubatan di dalam National Specialist Register (NSR) dan juga untuk memenuhi keperluan latihan.

CAWANGAN KUALITI PENJAGAAN PERUBATAN

Kualiti dan keselamatan merupakan elemen penting dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan. Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan (CKPP) bertanggungjawab mengendalikan aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan memastikan penjagaan kesihatan yang selamat.

Pada tahun 2020, Malaysia berdepan dengan cabaran utama iaitu pandemik COVID-19. CKPP merupakan salah satu cawangan di KKM yang terlibat secara langsung dalam menangani krisis COVID-19. Di samping itu, pelbagai program kualiti dan keselamatan tetap diteruskan.

AKTIVITI BERKAITAN PENGURUSAN COVID-19

CKPP terlibat secara langsung dalam Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) Perkhidmatan Hospital. Cawangan ini bertanggungjawab terhadap aspek-aspek berikut:

1. Pencegahan dan Kawalan Infeksi

Unit Pencegahan dan Kawalan Infeksi telah menghasilkan pelbagai polisi, garis panduan dan prosedur operasi standard bagi memastikan pencegahan dan kawalan infeksi di fasiliti kesihatan berada di tahap yang optima. Pelbagai siri latihan juga telah dijalankan dengan kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), *Association of Private Hospitals Malaysia (APHM)* dan *Malaysian Medical Association (MMA)*. Pelbagai bahan Pendidikan termasuk infografik, educational toolkits serta video berkaitan kawalan infeksi telah dihasilkan bagi kegunaan di seluruh negara. Selain daripada itu, unit ini juga merupakan core team dalam pembangunan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) di MAEPS. Input turut diberikan dalam pembangunan garis panduan yang melibatkan lain-lain agensi seperti Jabatan Penjara Malaysia, Lembaga Tabung Haji dan sebagainya. Bengkel *After Action Review (AAR) on Healthcare Facilities Preparedness and Response to COVID-19 Workshop* telah dijalankan pada 20 hingga 22 Julai 2020 bagi membincangkan isu dan cabaran dalam pengurusan COVID-19 di fasiliti kesihatan serta mengesyorkan strategi sebagai persediaan dalam menghadapi pandemik pada masa akan datang.

2. Keselamatan dan Kesihatan Anggota Hospital dan Program Perubatan

Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan menjalankan surveilan kes kes-kes COVID-19 dalam kalangan anggota hospital dan Program Perubatan. Hasil daripada surveilan yang dijalankan, risk assessment and risk reduction strategies merangkumi penghasilan polisi, garis panduan dan SOP; pemantauan terhadap kepatuhan SOP dan latihan anggota turut diberikan. Unit ini juga menjadi pakar rujuk bagi hospital-hospital KKM berkenaan aspek pengurusan COVID-19 di tempat kerja khususnya di hospital. Antara polisi yang dibangunkan adalah *Annex 21: Management of Healthcare Worker (HCW) During COVID-19 Pandemic* hasil kerjasama dengan Bahagian Kawalan Penyakit, Program Kesihatan Awam.

3. Survelan dan Kajian Mortaliti COVID-19 Kebangsaan

Unit Audit Klinikal bertanggungjawab dalam menjalankan surveilan mortaliti COVID-19 di peringkat kebangsaan untuk dilaporkan ke CPRC Kebangsaan setiap hari. Ia juga berperanan sebagai Sekretariat Teknikal bagi Jawatankuasa Kajian Mortaliti Kebangsaan. Ia melibatkan pelbagai pakar perubatan klinikal untuk mengenalpasti Langkah penambahbaikan dalam pengurusan klinikal COVID-19 serta menyediakan syor bagi tujuan mengurangkan morbiditi dan mortaliti di kalangan pesakit COVID-19. Pada tahun 2020, Kadar Kematian COVID-19 berada pada 0.42 peratus.

4. Program Imunisasi COVID-19 di hospital dan institusi KKM

Cawangan ini telah dipertanggungjawabkan untuk menerajui *Medical Development Division COVID-19 Immunisation Task Force* bagi kesiapsiagaan, perancangan dan koordinasi aspek teknikal program ini di peringkat hospital KKM yang akan dilaksanakan di seluruh negara pada tahun 2021.

5. Semakan, Pemantapan dan Koordinasi Polisi dan Garispanduan COVID-19

Cawangan ini terlibat dalam melakukan semakan, pemantapan dan koordinasi pelbagai polisi dan garis panduan semasa pandemik COVID-19 khususnya yang dihasilkan oleh Program Perubatan.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

UNIT PENCEGAHAN DAN KAWALAN INFEKSI

Unit Pencegahan dan Kawalan Infeksi telah menerbitkan 4 buah garis panduan pada tahun 2020 iaitu *Disinfection Guidelines*, *Management of Carbapenem Resistant Enterobacteriaceae Manual*, *Infection Prevention and Control Educational Toolkit* dan *One Health Integrated Antimicrobial Resistance (AMR) Surveillance Manual*. Di samping itu, Laporan Tahunan *Infection Prevention & Control and Antimicrobial Resistance Containment Program 2019* berjaya diterbitkan dan diedarkan kepada semua hospital yang terlibat dengan program surveilans tersebut.

Bertemakan “Antibiotic: Handle with Care, Unnecessary Use Causes Harm”, *Antibiotic Fun Run* diadakan pada 19 Januari 2020 di Goat2go Farm MAEPS, Serdang dan dirasmikan oleh YB Menteri Kesihatan dan YB Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Ia bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan penggunaan antibiotik secara rasional bagi mengelakkan kerintangan antibiotik.

Bagi meningkatkan pengetahuan berkaitan kawalan infeksi dan antimicrobial resistance di kalangan anggota kesihatan, *Bengkel Policies and Procedure of the Infection Prevention and Control, 3rd Edition* telah diadakan di Zon Sarawak, Zon Timur, Zon Tengah dan Zon Selatan dimana 232 peserta telah menghadiri bengkel tersebut. Turut diadakan, 6 sesi latihan secara atas talian kepada pegawai perubatan yang bertugas di Unit Kawalan Infeksi Hospital KKM, Hospital Universiti dan Hospital Angkatan Tentera Malaysia.

Hand Hygiene Campaign by ASEAN Health Ministers telah diadakan dimana YB Menteri Kesihatan telah terlibat dalam kempen Hand Hygiene yang dianjurkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Sambutan World Antibiotic Awareness Week (WAAW) telah dianjurkan pada 24 November 2020 secara webinar dengan kerjasama Bahagian Perkhidmatan Farmasi dan telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. 1000 orang peserta telah menyertai webinar tersebut.

UNIT KESELAMATAN PESAKIT

Ketua Unit Keselamatan Pesakit telah dijemput oleh WHO sebagai panel pakar di mesyuarat WHO “A Decade of Patient Safety 2020 – 2030: Formulating Global Patient Safety Action Plan” di Geneva Switzerland.

Pada 17 September 2020, selaras dengan seruan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyambut Hari Keselamatan Pesakit Sedunia 2020, dengan slogan ‘Safe Health Worker, Safe Patients’. Pada sesi pagi sambutan Hari Keselamatan Pesakit 2020, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengadakan sesi webinar yang melibatkan lebih dari 3,000 petugas kesihatan dari seluruh Malaysia. Webinar ini dirasmikan oleh Kesihatan Malaysia diiringi Ketua Pengarah Kesihatan, Malaysia sebagai tanda komitmen dan solidariti untuk Keselamatan Pesakit. *Quick Guide on Preventing Prescription Error* telah dilancarkan semasa acara tersebut. Pada malam 17 September, Malaysia serta seluruh dunia menerangi 17 September dengan limpahan cahaya jingga sebagai lambang solidariti terhadap keselamatan pesakit. Tahun ini Malaysia telah melakar sejarah dengan menerangi seluruh bandar Putrajaya dengan cahaya jingga selama 17-20 Sept 2020 semasa kempen “Putrajaya In Orange”. Ia merupakan Kerjasama antara KKM dan Perbadanan Putrajaya.

Bengkel turut diadakan bagi menghasilkan garis panduan *Unintended Retained Surgical Item* dan *Informed Consent*. Empat (4) sesi latihan yang dijalankan bagi *Malaysian Patient Safety Goals* dan *Incident Reporting & Learning System* yang melibatkan 150 petugas kesihatan dari Hospital / Institusi KKM. Unit Keselamatan Pesakit juga telah menjalankan satu (1) sesi latihan pada 6-8 Oktober 2020

berkenaan Keselamatan Pesakit, *Incident Reporting, Root Cause Analysis and Risk Reduction Strategies bagi Patient Safety Champion* dari Jabatan Kesihatan Negeri, HKL dan IKN.

UNIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Pembudayaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa menjadi antara fokus utama pada tahun 2020 dan ianya merupakan salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia. Indikator dibawah KPI tersebut termasuk mempamerkan Dasar Keselamatan & Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia di hospital dan institusi perubatan, penubuhan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) serta pelaksanaan *Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control (HIRARC)*.

Sepanjang tahun 2020, unit ini telah membuat kerjasama berbentuk kajian dengan agensi lain antaranya dengan *Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS): Fatigue Risk Assessment (FRA) among Shift Workers in MOH Hospital*, Institut Kesihatan Umum (IKU), Institut Kesihatan Negara (NIH): *COVID-19 Infection Among Healthcare Workers in Malaysia* dan *National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH): Facial Anthropometric Survey of Malaysian Public Healthcare Workers in Hospital*.

UNIT SURVELAN PENCAPAIAN KLINIKAL

Unit Survelans Pencapaian Klinikal berfungsi sebagai pakar rujuk berkaitan petunjuk prestasi utama (KPI) di KKM, merancang penggubalan KPI Pengurusan Tertinggi (328 Indikator), *Hospital Performance Indicator for Accountability* (30 Indikator) dan KPI Perkhidmatan Klinikal (139 indikator). Selain daripada itu, unit ini bertanggungjawab memastikan indikator yang dipilih adalah relevan dan berimpak tinggi serta mengesyorkan intervensi penambahbaikan bagi KPI yang tidak tercapai.

Unit ini telah mengadakan pelbagai sesi libat urus dengan pelbagai bahagian dalam usaha menghasilkan KPI yang bersesuaian dengan situasi pandemik COVID-19. Pada 14 Disember 2020, mesyuarat Jawatankuasa Induk teknikal KPI telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia di mana beliau bersetuju untuk memasukkan KPI berkaitan pengurusan COVID-19 dalam KPI beliau bagi tahun 2021.

UNIT AKREDITASI, SPK ISO DAN INOVASI

Pada tahun 2020, unit ini telah berjaya mendapat peruntukan sebanyak RM 1.7 juta bagi menjalankan program akreditasi bagi hospital / institusi KKM. Sehingga Disember 2020, sejumlah 70 buah hospital/ institusi KKM telah menerima pensijilan akreditasi *Malaysian Society for Quality in Health (MSQH)* Edisi ke-5. Ia terdiri daripada 3 Hospital Negeri, 10 Hospital Berpakar Major, 10 Hospital Berpakar Minor, 42 Hospital Tanpa Pakar dan 5 Institusi. Selain daripada itu, satu siri Training of Trainer akreditasi turut diadakan di Hospital Bintulu, Sarawak bagi melatih anggota kesihatan mengenai standard akreditasi dan pelaksanaannya di peringkat hospital dan negeri. Unit ini juga telah membuat perkongsian berkenaan penyelarasan program akreditasi di peringkat kementerian bersama wakil Hospital Angkatan Tentera Malaysia.

Unit ini adalah peneraju kepada Program SPK ISO 9001:2015 bagi Program Perubatan KKM di mana ia melibatkan kesemua 5 Bahagian di bawah Program Perubatan. Dalam usaha mengekalkan pensijilan SPK ISO 9001:2015, unit ini telah menjalankan audit dalaman, audit surveilan dan semakan terhadap keperluan melengkapkan kitaran kualiti. Antara kursus yang dijalankan adalah Kursus Audit

Dalaman, Kursus Penilaian Risiko, Kursus Penyediaan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan dengan menjemput pembekal luaran untuk memantapkan pengetahuan kakitangan Program Perubatan dalam bidang SPK MS ISO 9001:2015. Pada tahun ini juga, tiga (3) dokumen kualiti Program Perubatan telah berjaya diterbitkan iaitu Profil Program Perubatan, Prosedur Umum Program Perubatan dan Prosedur Pengurusan Risiko Sistem Pengurusan Kualiti, Program Perubatan. Unit ini juga memainkan peranan dalam pembudayaan inovasi bagi hospital/ institusi KKM. Turut menjadi panel penilai Anugerah Inovasi Perdana pada tahun 2020.

UNIT AUDIT KLINIKAL

Fungsi utama Unit Audit Klinikal (CAU) adalah melaksanakan program inisiatif kualiti melalui aktiviti audit klinikal. Inisiatif tersebut merangkumi Audit Klinikal, Program Bebas Kesakitan (iaitu Sakit sebagai Tanda Vital ke-5 (P5VS) dan Hospital Bebas Kesakitan (PFH)), Kajian Kematian Perioperatif (POMR), Jangkitan Luka Pembedahan (SSI) dan Program MENANG. Garis Panduan pelaksanaan Audit Klinikal telah dibangunkan dan akan dilancarkan pada tahun 2021. Pelaksanaan P5VS di fasiliti KKM yang melibatkan Program Perubatan (sebagai Program Induk), Program Kesihatan Awam, Bahagian Kesihatan Mulut dan Bahagian Perkhidmatan Farmasi. Sehingga kini, terdapat 32 PFH yang diperakui di seluruh Malaysia. Program MENANG, yang berfokus pada pesakit sakit kronik, akan diperluaskan pada tahun 2021. POMR adalah merupakan “peer-review clinical audit” yang melibatkan 71 Hospital Berpakar KKM di seluruh Malaysia. Ianya adalah agenda penting bagi “Global Surgery 2030”, di mana disasarkan bahawa kadar pelaporan POMR adalah 100 peratus pada tahun 2030. Walaupun dalam cabaran menghadapi COVID-19 pada tahun 2020, kadar pelaporan POMR telah mencapai lebih dari 87 peratus di seluruh Malaysia.

UNIT NILAI DAN ETIKA PERUBATAN

Bagi tahun 2020, Unit Nilai dan Etika Perubatan mengendalikan 147 aduan yang merangkumi aduan bertulis dan aduan melalui sistem SISPA manakala 105 lagi daripada SISPA adalah berbentuk pertanyaan, permohonan serta cadangan. Lebih 85 peratus aduan berjaya diselesaikan dan kesemua maklumbalas bukan aduan berjaya diselesaikan dengan 90 peratus maklumbalas bukan aduan telah diberikan dalam tempoh 15 hari bekerja. Antara isu-isu yang kerap dibangkitkan adalah dari aspek komunikasi, etika dan sikap, masalah organisasi dan perkhidmatan yang lambat. Unit ini juga memantau pencapaian Piagam Pelanggan Teras KKM berkaitan penghasilan laporan perubatan hospital KKM. Pencapaian pada tahun 2020 adalah sebanyak 91.96 peratus. Mesyuarat telah diadakan antara Bahagian Perkembangan Perubatan dengan Unit Integriti pada 23 November 2020 bagi membincangkan pengurusan aduan kompleks seperti yang melibatkan integriti dan gangguan seksual. Perbincangan juga telah dijalankan dengan Institut Pengurusan Kesihatan pada 17 November 2020 bagi menyemak semula kaedah kajian kepuasan pelanggan yang lebih bersesuaian seperti *Patient Experience Survey* bagi menggantikan kaedah SERVQUAL.

HALA TUJU

Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan akan terus komited dalam menerajui pelbagai program kualiti dan keselamatan perkhidmatan kesihatan. Iaitu dari membangunkan dasar, garis panduan, program, pemantauan dan latihan mengikut keperluan dan perkembangan terkini.

CAWANGAN PENILAIAN TEKNOLOGI KESIHATAN

Cawangan Penilaian Teknologi Kesehatan Malaysia, Bahagian Perkembangan Perubatan atau lebih dikenali sebagai MaHTAS menghasilkan laporan penilaian teknologi kesehatan, panduan amalan klinikal, sintesis penyelidikan lain yang telus, relevan dan mudah diakses sebagai input dalam membuat keputusan atau dasar berkaitan teknologi kesehatan seperti perolehan, penggunaan, pelupusan, pembayaran balik dan penetapan harga.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

LAPORAN PENILAIAN TEKNOLOGI KESIHATAN DAN PANDUAN AMALAN KLINIKAL

Sepanjang tahun 2020, MaHTAS telah terlibat secara aktif dalam usaha bersama memerangi wabak COVID-19 yang telah melanda negara dengan menjalankan penilaian bagi teknologi kesehatan yang digunakan bagi tujuan pencegahan, pengesanan, pengawalan serta rawatan penyakit COVID-19. Sebanyak 62 *MaHTAS COVID-19 Rapid Evidence Updates* telah dihasilkan dan laporan ini boleh diakses terus melalui laman sesawang <http://covid-19.moh.gov.my/kajian-dan-penyelidikan/mahtas-covid-19-rapid-evidence-updates>.

Selain itu, MaHTAS turut menghasilkan dua (2) laporan Penilaian Teknologi Kesehatan (HTA), 10 laporan Kajian Teknologi Kesehatan (TR) - sembilan (9) daripadanya disyorkan untuk digunakan secara rutin atau selektif, 38 Information Brief (IB), lima (5) laporan TechBrief, 17 laporan TechScan dan lima (5) Panduan Amalan Klinikal (CPG). Tajuk-tajuk kajian yang dijalankan adalah seperti dalam **Jadual 5.8** dan **Jadual 5.9**.

Jadual 5.8
Senarai Laporan HTA, TechBrief dan CPG Dihasilkan Pada Tahun 2020

Laporan Penilaian Teknologi Kesehatan (HTA)	Panduan Amalan Klinikal (CPG)
1) Pre-Dialysis Educational Program	1) Management of Non-ST Elevation Myocardial Infarction (Third Edition)
2) Diagnostic Approaches to Solitary Pulmonary Nodule (SPN)	2) Management of Type 2 Diabetes Mellitus (Sixth Edition)
Laporan TechBrief	3) Management of Dengue in Children (Second Edition)
1) Polypill for Cardiovascular Disease Prevention	4) Management of Attention-Deficit/Hyperactivity Disorder in Children and Adolescents (Second Edition)
2) TDV-Takeda's Dengue Vaccine (TAK-003)	5) Management of Ischaemic Stroke (Third Edition)
3) Teprotumumab for Thyroid Eye Disease	
4) STÜHL	
5) Valoctocogene Roxaparvovec for Severe Haemophilia A	

Sumber: Cawangan Penilaian Teknologi Kesehatan, Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

Secara kumulatif, dari tahun 1997 hingga 2020, MaHTAS telah menghasilkan sejumlah 75 laporan HTA, 379 laporan TR, 131 CPG, 198 IB, 27 laporan TechBrief dan 54 laporan TechScan (Rajah 5.3). Semua laporan penilaian dan CPG boleh dimuat turun dari ruang penerbitan di Portal Rasmi Kementerian Kesehatan Malaysia di www.moh.gov.my.

Jadual 5.9


Senarai Laporan TR yang Dihasilkan Pada Tahun 2020 Berdasarkan Rekomendasi

Teknologi yang Disyorkan (digunakan secara rutin atau selektif)	
1) Influenza Vaccination for the Elderly and Economic Evaluation	6) Biocompatible Peritoneal Dialysis (PD) Solution
2) Intravenous Iron for Treatment of Iron Deficiency Anaemia	7) Prophylactic Anticoagulation in Ambulatory Cancer Patients
3) Programmatic Management of Latent Tuberculosis Infection (LTBI)	8) Antifibrotics for Treatment of Idiopathic Pulmonary Fibrosis (IPF)
4) Cinacalcet for Treatment of Secondary Hyperparathyroidism in Patients with End-stage Kidney Disease and Economic Evaluation	9) Needleless Vacutainer System for Blood Collection and Economic Evaluation
5) Digital Dental Impression	
Teknologi yang Tidak Disyorkan	
1) Automatic Guided Vehicles (AGVs) for Transportation of Food and Materials in Hospital	

Sumber: Cawangan Penilaian Teknologi Kesihatan, Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

Rajah 5.3

Bilangan Produk Cawangan Penilaian Teknologi Kesihatan yang dihasilkan dari tahun 1997 hingga 2020



Sumber: Cawangan Penilaian Teknologi Kesihatan, Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

HALA TUJU

Melangkah ke hadapan, MaHTAS akan terus fokus membina momentum sebagai pemacu utama yang membantu pembuat dasar dan polisi membuat keputusan berdasarkan fakta, bukan sahaja di sektor kerajaan tetapi juga di sektor swasta bagi memastikan teknologi yang selamat, berkesan dan kos-efektif digunakan di Malaysia.

UNIT TEKNIKAL BANTUAN PERUBATAN

Unit Penilaian Teknikal Tabung Bantuan Perubatan atau lebih dikenali urusetia Teknikal Tabung Bantuan Perubatan. Fungsi unit ini adalah memproses permohonan di bawah Tabung Bantuan Perubatan dari sudut teknikal sosial dan perubatan. Sebelum ini dikenali sebagai Unit Teknikal Bantuan Perubatan (UTBP) yang menggabungkan Unit Sara Ubat dan Tabung Bantuan Perubatan. Walau bagaimanapun unit ini telah dipecahkan kepada 2 unit yang berbeza pada 28 September 2020 setelah mendapat kelulusan daripada Bahagian Sumber Manusia Kementerian Kesihatan Malaysia dengan rujukan: (20). dlmKK(S) 260)16)B BHG.39.


Kumpulan Wang Amanah Tabung Bantuan Perubatan ditubuhkan pada 12 Julai 2005 di bawah seksyen 10 (4) (a) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Semakan 1972). Terdapat dua urusetia yang menguruskan permohonan Tabung Bantuan Perubatan iaitu Urusetia Bahagian Kewangan dan Urusetia Teknikal di Bahagian Perkembangan Perubatan yang dikenali sebagai Unit Penilaian Teknikal Tabung Bantuan Perubatan.

Unit Penilaian Teknikal Tabung Bantuan Perubatan (TBP), berfungsi memproses dan membuat penilaian dari sudut teknikal status sosioekonomi pesakit dan keperluan rawatan pesakit berdasarkan Prosedur Operasi Standard yang telah diluluskan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Permohonan yang dirujuk kepada TBP terbagi kepada empat kategori iaitu Kes Precedent, Kes Pandangan Pakar, Kes Mesyuarat dan Kes Segera. Pada tahun 2020, jumlah permohonan yang diterima di bawah Tabung Bantuan Perubatan adalah 3,937 kes yang dirujuk daripada seluruh hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Jadual di bawah merupakan pecahan kes mengikut kategori permohonan termasuk bilangan kes yang telah dibatalkan permohonan dan kes yang tidak dipertimbangkan untuk kelulusan.

Rajah 5.4
Statistik Pengurusan Permohonan Tabung Bantuan Perubatan Bagi Tahun 2020



Sumber: Unit Teknikal Bantuan Perubatan

HALA TUJU

Unit ini dalam proses kerjasama bersama Bahagian Pengurusan Maklumat Kementerian Kesihatan Malaysia dalam menyediakan kemudahan permohonan online. Status pelaksanaan bagi Fasa Pertama telah sampai ke peringkat Ujian Penerimaan Pengguna (User Acceptance Test) oleh Pegawai Kerja Sosial Perubatan (JKSP) manakala proses pelaksanaan bagi fasa kedua akan dilaksanakan pada tahun 2021.

UNIT PENILAIAN TEKNIKAL SARAA PERUBATAN

Unit ini berperanan memproses permohonan tuntutan bayaran balik rawatan dan pembiayaan kemudahan rawatan melalui proses penilaian klinikal penyakit dan teknikal tertakluk kepada arahan / pekeliling berikut:

- i. Perintah Am Bab 'F'
- ii. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 21/2009 - Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan
- iii. Formulari ubat-ubatan Kementerian Kesihatan Malaysia

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Berdasarkan aktiviti memproses tuntutan bayaran balik rawatan dan pembiayaan kemudahan rawatan berikut adalah statistik jumlah permohonan mengikut bulan tahun 2020.

Jadual 5.10
Data Statistik Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan
Setiap Bulan Tahun 2020

BULAN	JAN	FEB	MAR	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS
JUMLAH	1,733	1,866	1,390	621	749	1,533	2,191	1,659	1,964	2,163	1,730	1,711

Sumber: Unit Penilaian Teknikal Saraan Perubatan

HALA TUJU

Statistik menunjukkan permohonan perbelanjaan kemudahan perubatan meningkat setiap tahun dan sedikit penurunan pada tahun 2020. Ini disebabkan pandemik wabak Covid-19 melanda negara terutama awal penularan wabak pada bulan April dan Mei 2020.

Perancangan dimasa hadapan UTPSP akan mempertingkatkan keupayaan dan kebolehan memproses permohonan lebih cekap dan efisien melalui pendigitalan sistem (membangunkan sistem e-SaraUbat) yang kini telah pun siap 90 peratus dan dijangka boleh digunakan awal tahun 2021. Penambahbaikan penyampaian maklumat yang lebih berkesan kepada pelanggan dan meningkatkan kompetensi dan kemahiran pegawai.

BAHAGIAN AMALAN PERUBATAN

CAWANGAN KAWALAN AMALAN PERUBATAN SWASTA

Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) di bawah Bahagian Amalan Perubatan berperanan bagi menguatkuasakan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] yang telah memasuki tahun ke empat belas pelaksanaannya pada tahun 2020. Aktiviti kawalan dan kawal selia bagi kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta di bawah Akta 586 adalah termasuk pendaftaran, kelulusan, pelesenan, pengendalian aduan, penilaian kualiti, aktiviti penguatkuasaan dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta (KPJKS).

PENGENDALIAN COVID-19

Bagi membantu Kementerian mengendalikan pandemik COVID-19, CKAPS telah menerbitkan dua (2) Arahan Am Menteri Kesihatan iaitu Arahan Am Menteri Kesihatan Bilangan 1/2020 : *Self-Declaration* Kemudahan dan Perkhidmatan Screening & Triaging (S&T) bagi COVID-19 di Klinik Perubatan Swasta, Pusat Jagaan Ambulatori Swasta dan Hospital Swasta yang Berdaftar atau Berlesen di bawah Akta 586 dan Arahan Am Menteri Kesihatan Bilangan 2/2020 : *Self-Declaration* bagi Menyediakan *Health Screening Booth* (HSB) oleh Klinik Perubatan Swasta yang Berdaftar di bawah Akta 586.

Arahan ini adalah bertujuan untuk dijadikan rujukan dan panduan oleh pemegang Perakuan Pendaftaran atau Lesen yang berhasrat untuk menyediakan S&T dan HSB supaya dapat mengemukakan *self-declaration* mengikut piawaian dan keperluan yang ditetapkan oleh KKM dalam memastikan keselamatan dan kualiti jagaan kesihatan pesakit. Selain itu, arahan ini juga bertujuan bagi memudahcara sektor jagaan kesihatan swasta untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan S&T bagi COVID-19 dengan selamat melalui kaedah *self-declaration*. Kedua-dua garis panduan ini boleh dimuat turun dari laman sesawang Bahagian Amalan Perubatan di <http://www.medicalprac.moh.gov.my>.

Susulan itu, sehingga 31 Disember 2020, sebanyak 718 Klinik Perubatan Swasta, 11 Pusat Jagaan Ambulatori Swasta (ACC) dan 130 Hospital Swasta telah membuat *self declaration* menyediakan perkhidmatan saringan dalam premis. Manakala, sebanyak 641 Klinik Perubatan Swasta telah membuat *self-declaration* menyediakan perkhidmatan saringan *off site*.

CKAPS turut bertanggungjawab melaksanakan aktiviti pemantauan terhadap saringan yang dijalankan berkaitan COVID-19 sehingga 31 Disember 2020. CKAPS juga telah menerima sebanyak 79 aduan daripada pelbagai pihak berkaitan pengurusan pandemik COVID-19.

Imej 5.1

Pemantauan Terhadap Perkhidmatan Saringan COVID-19 yang Dijalankan oleh KPJKS




Sumber: Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, KKM

KOLABORASI DENGAN MALAYSIAN PRODUCTIVITY CORPORATION (MPC)

CKAPS juga telah berkolaborasi dengan MPC untuk menerbitkan *Handbook on Technical Design Reference for Disaster Preparedness in Setting Up New High-Rise Private Hospital* yang telah dirasmikan dengan jayanya pada 1 Disember 2020 oleh YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba melalui platform Zoom Webinar. Buku ini bertujuan memberi panduan kepada *high-rise hospital* yang berhasrat menyediakan perkhidmatan jagaan kesihatan kepada rakyat tanpa mengetepikan aspek keselamatan pesakit, pekerja dan pelawat hospital berkenaan.

Imej 5.2

Pelancaran *Handbook on Technical Design Reference for Disaster Preparedness in Setting Up New Highrise Private Hospital*




Sumber: Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, KKM

CAWANGAN MEDICO LEGAL

Cawangan Medico Legal (CML) bertanggungjawab dalam pengendalian kes medico legal yang melibatkan kemudahan jagaan kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Peranan CML antaranya mengendalikan aduan medico legal, menyelesaikan tuntutan ganti rugi kecuaian perubatan melalui pembayaran *ex gratia*, bekerjasama dengan Jabatan Peguam Negara (JPN) bagi kes saman kecuaian perubatan, menganjurkan aktiviti-aktiviti pemantapan dan pengukuhan kompetensi berhubung isu-isu medico legal dan menjalankan aktiviti pemantauan serta surveilans.

Rajah 5.3
Statistik Medico Legal dari Tahun 2016 hingga 2020



Sumber: Cawangan Medico Legal, KKM

PENGURUSAN ADUAN MEDICO LEGAL

Sepanjang tahun 2020, sejumlah 211 aduan medico legal telah direkodkan. Aduan ini disiasat oleh kemudahan jagaan kesihatan terlibat dan laporan siasatan perlu diserahkan kepada CML. Jawatankuasa Penyiasatan Bebas (JKPB) ditubuhkan sekiranya aduan tersebut tidak dapat diselesaikan di peringkat kemudahan jagaan kesihatan atau jika terdapat tuntutan pampasan. Pada tahun 2020 juga, sebanyak 107 kes dibentangkan dengan 69 kes (64.5%) telah dipertimbangkan pembayaran ex gratia. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) CML iaitu Peratusan Penyelesaian Kes Aduan Medico Legal Dengan Tuntutan Ganti Rugi Di Kemudahan Penjagaan Kesihatan KKM pada tahun 2020 telah dipilih menjadi KPI Ketua Pengarah Kesihatan, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan dan Pengarah Amalan Perubatan. Pada tahun 2020, sejumlah 70.09 peratus kes berjaya diselesaikan dalam tempoh 365 hari dari tarikh aduan sehingga keputusan mesyuarat ex gratia.

KES LITIGASI MEDICO LEGAL

Cawangan Medico Legal bekerjasama dengan Jabatan Peguam Negara serta berperanan memberi input teknikal dan khidmat nasihat dalam pengurusan kes saman medico legal, penyelarasan penyediaan dokumen penyelesaian luar Mahkamah, mengenal pasti saksi kes dan pelantikan Saksi Pakar. Pada tahun 2020, sebanyak 68 kes saman kecuai perubatan telah difailkan terhadap KKM.

PEMBAYARAN GANTI RUGI

Jadual 5.5 menunjukkan jumlah pembayaran ganti rugi bagi ex gratia dan kes litigasi dari tahun 2016 hingga 2020. Jumlah pembayaran pada tahun 2020 adalah sebanyak RM18,336,872.26.

Jadual 5.5
Jumlah Pembayaran Ganti Rugi Kes Medico Legal dari Tahun 2016 hingga 2020

TAHUN	EX GRATIA		LITIGATION		TOTAL (RM)	
	GANTI RUGI (RM)	BIL. KES	GANTI RUGI (RM)	BIL. KES	GANTI RUGI (RM)	BIL. KES
2016	7,663,684.63	65	5,986,092.39	13	13,649,777.02	78
2017	2,540,876.90	59	13,404,713.88	26	15,945,590.78	85
2018	5,050,145.58	83	13,322,967.61	11	18,373,113.19	94
2019	4,471,603.29	70	18,449,560.91	36	22,921,164.20	106
2020	3,909,087.89	55	14,427,784.37	18	18,336,872.26	73

Sumber: Cawangan Medico Legal, KKM

SURVELANS

Cawangan Medico Legal memantau pelaksanaan penambahbaikan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Penyiasatan Bebas melalui pelaporan oleh kemudahan jagaan kesihatan dan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) serta mesyuarat pemantauan yang dilaksanakan secara berkala. Pada tahun 2020, CML telah mengadakan Mesyuarat Pemantauan Kes Medico Legal bersama Ketua Perkhidmatan Kebangsaan Pembedahan dan Mesyuarat Pengurusan Aduan Bagi Kes Medico Legal bersama Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).

PENGUKUHAN KOMPETENSI MEDICO LEGAL

Jadual 5.6
Latihan dan Kursus Anjuran Cawangan Medico Legal pada tahun 2020

LATIHAN/KURSUS	TARIKH	PESERTA
Kursus Pengukuhan Pengurusan Aduan Medico Legal	14 – 15 September 2020	40
<i>Expert Witness Training 2020</i>	7 – 9 Oktober 2020	32

Sumber: Cawangan Medico Legal, KKM

Imej 5.3
Latihan dan Kursus Anjuran Cawangan Medico Legal pada tahun 2020



Kursus Pengukuhan Pengurusan Aduan Medico Legal
(Double Tree by Hilton, Johor Bahru)



Expert Witness Training 2020
(Pulse Grande Hotel, Putrajaya)

Sumber: Cawangan Medico Legal, KKM

PENERBITAN

Garis Panduan Pelaksanaan Mesyuarat Kes Medico Legal Pasca Perintah Kawalan Pergerakan telah diterbitkan dan berkuatkuasa pada pertengahan tahun 2020 bagi menerangkan berkenaan pengendalian kes medico legal semasa penularan wabak COVID-19.

HALA TUJU

Aktiviti-aktiviti yang dirancang untuk tahun 2021 adalah seperti berikut:

1. Mesyuarat teknikal bersama pihak berkepentingan (JPN, JKN)
2. Mesyuarat Pemantauan Kes Medico Legal
3. Pembangunan pangkalan data e-CML (diusahakan sejak tahun 2019)
4. Pengukuhan kompetensi medico legal
 - a. *Expert Witness Training*
 - b. Kursus Pengukuhan Pengurusan Kes Medico Legal
5. Cadangan penerbitan
 - a. *Guidelines on the Management of Medico Legal Litigation in Ministry of Health*
 - b. *Medico Legal Bulletin*

CAWANGAN PERUNDANGAN PERUBATAN

Tahun 2020 telah terbukti menjadi cabaran besar bukan hanya dalam menangani pandemik COVID-19 tetapi juga dalam penyampaian perkhidmatan awam. Aktiviti untuk tahun 2020 diteruskan seperti yang dirancang dengan penyesuaian dibuat bagi mematuhi Prosedur Operasi Standard semasa pandemik COVID-19. Mesyuarat dan bengkel secara maya telah menggantikan pertemuan secara fizikal. Pada awalnya, adalah sukar untuk semua kakitangan mengadaptasi dengan norma baru tetapi dengan menggunakan teknologi dan inovasi yang ada semua kakitangan akhirnya dapat menyesuaikan diri.

SEKTOR GUBALAN

Penggubalan sejumlah Rang Undang-undang dan peraturan sedang berjalan dan berada pada pelbagai peringkat. Perundingan awam bagi kebolehlaksanaan untuk mengawal selia perkhidmatan ambulans swasta telah dijalankan melalui portal Perbadanan Produktiviti Malaysia. Sementara itu, Kajian Impak Peraturan untuk Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta telah diluluskan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia pada bulan Oktober 2020. Sesi taklimat mengenai Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta dan perbincangan mengenai perkara-perkara yang berkaitan telah diadakan dengan kedua-dua Menteri Kesihatan Malaysia dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Imej 5.4

Taklimat Mengenai Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2018 dan Peraturannya Kepada YB Dato' Sri Dr. Adham Bin Baba, Menteri Kesihatan Malaysia Melalui Sidang Video



Sumber: Cawangan Perundangan Perubatan, KKM

SEKTOR AMALAN PERUBATAN AESTETIK

Walaupun terdapat pelbagai halangan disebabkan oleh wabak ini, sektor ini yang merupakan sekretariat untuk penganugerahan *Letter of Credentialing and Privileging* (LCP) untuk Pengamal Perubatan Berdaftar yang menjalankan amalan perubatan estetik telah berjaya menganjurkan sesi penilaian bertulis dan temuduga yang melibatkan 67 orang calon. Garis Panduan Amalan Perubatan Estetik untuk Pengamal Perubatan Berdaftar juga telah disemak semula dan edisi kedua telah diterbitkan pada November 2020.

SEKTOR GLOBALISASI

Dr Muhammad Yazuran Sallij b. Muhd Yasin telah mewakili Kementerian Kesihatan Malaysia dalam mesyuarat *ASEAN Joint Coordinating Committee On Medical Practitioners* (AJCCM), iaitu satu platform yang membincangkan pelaksanaan *Mutual Recognition Arrangement* untuk pengamal perubatan dalam kalangan negara anggota ASEAN. AJCCM ke-26 ini dihoskan oleh Vietnam pada Mac 2020 sementara AJCCM ke-27 telah diadakan secara maya pada November 2020.

Imej 5.5

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Bersama ASEAN untuk Pengamal Perubatan ke-27



Sumber: Cawangan Perundangan Perubatan, KKM

SEKTOR FI KEMUDAHAN KESIHATAN SWASTA

Sebanyak 27 sesi libat urus dengan persatuan - persatuan pakar perubatan termasuk Persatuan Pembedahan Plastik dan Rekonstruktif Malaysia, Persatuan Urologi Malaysia dan Persatuan Pembedahan Toraks dan Kardiovaskular Malaysia telah diadakan untuk memuktamadkan semakan semula fi profesional di bawah Jadual ke 13 Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586].

Imej 5.6

Mesyuarat Agung Tahunan ke-20 Persatuan Neurosurgi Malaysia



Sumber: Cawangan Perundangan Perubatan, KKM

Pada tahun 2020, sejumlah 216 pertanyaan dan aduan berkaitan fi dan Organisasi Jagaan yang diurus telah diterima, diproses dan diselesaikan oleh unit ini. Perbincangan dengan syarikat -syarikat insurans, Bank Negara Malaysia, PEMUDAH dan Perbadanan Produktiviti Malaysia juga diadakan untuk membincangkan isu-isu berkaitan MCO dan caj di kemudahan jagaan kesihatan swasta. Buat pertama kalinya, permohonan pendaftaran MCO telah berjaya dilaksanakan secara maya pada bulan Disember 2020.

Imej 5.7

Perjumpaan Dengan Menteri Kesihatan, YB Dato' Sri Dr. Adham Bin Baba Mengenai Perkara-Perkara Berkaitan MCO



Sumber: Cawangan Perundangan Perubatan, KKM

TINDAKAN MEMERANGI COVID-19

Cawangan Perundangan Perubatan juga terlibat dalam pelbagai usaha sebagai sebahagian daripada pasukan *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) KKM dalam menangani wabak COVID-19. Pegawai dari Cawangan ini merupakan sebahagian daripada pasukan CPRC Perkhidmatan Hospital yang terlibat dalam inisiatif Perkongsian Awam-Swasta COVID-19, pelaksanaan Perintah Pengawasan Rumah (HSO), analisis data makmal serta persediaan dan pengedaran bekalan perubatan.

Imej 5.8

Inventori Bekalan dan Pengedaran Perubatan di Pangkalan Udara Subang TUDM



Sumber: Cawangan Perundangan Perubatan, KKM

Meskipun pelbagai cabaran telah dihadapi, namun Cawangan Perundangan Perubatan telah berjaya menempuh tahun 2020 dengan anjakan paradigma dan semangat yang baru. Perubahan berlaku dengan pantas dan pendekatan serta pengurusan perubahan itu menjadi semakin penting ketika ini. Cawangan Perundangan Perubatan sentiasa bersedia untuk menyesuaikan diri dan mengatasi apa jua cabaran pada masa hadapan.


MAJLIS OPTIK MALAYSIA

Majlis Optik Malaysia (MOC) bertanggungjawab mendaftarkan optometris dan juruoptik, memantau perkhidmatan dan amalan optometri dan juga membuat penilaian serta pengiktirafan terhadap Program Optometri dan *Optician* yang dikendalikan oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) di Malaysia. Sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), MOC turut memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) dipatuhi dan dijadikan sebagai norma baru di setiap premis optikal. Garis panduan bagi amalan optometri di premis optikal telah dibangunkan dan sentiasa dikemas kini mengikut keperluan semasa.

SEKTOR PENDAFTARAN & PERAKUAN PENGAMALAN TAHUNAN (APC) PENGAMAL OPTOMETRI


Jawatankuasa Penilaian MOC bertanggungjawab dalam perkara yang berkaitan dengan pendaftaran dan perakuan pengamalan. Sebanyak empat (4) kali mesyuarat diadakan yang melibatkan penilaian permohonan pendaftaran baru pengamal optometri. [Rajah 5.4](#) menunjukkan bilangan pengamal optometri yang didaftarkan dengan MOC bagi tahun 2020. [Rajah 5.5](#) menunjukkan statistik pembaharuan APC bagi tahun 2016 hingga 2020. Sektor ini juga memulakan inisiatif baru dengan menganjurkan Hari Bersama Pelanggan bagi pengamal memperbaharui APC dan mengeluarkan Sijil APC pada hari yang sama. Namun ia hanya berjaya dilaksanakan sekali sahaja pada bulan Mac sebelum PKP dilaksanakan di seluruh negara hingga kini.

Rajah 5.4
Jumlah Pengamal Optometri Berdaftar Bagi Tahun 2020



Sumber: Laporan Aktiviti MOC 2020, Unit Pendaftaran MOC

Rajah 5.5
Statistik Pembaharuan APC Tahun 2016 – 2020



Sumber: Laporan Aktiviti MOC 2020, Unit APC MOC

SEKTOR PENGIKTIRAFAN DAN PENTADBIRAN

Jawatankuasa Teknikal Pengiktirafan (JTC) MOC telah mengadakan mesyuarat sebanyak dua (2) kali sepanjang tahun 2020. Satu sesi lawatan penilaian akreditasi penuh dan satu sesi lawatan penilaian pemantauan akreditasi penuh program telah diadakan sepanjang tahun 2020. Kedua-duanya melibatkan program yang ditawarkan di BMIC dan Vision College. Sektor ini juga sedang giat menghantar permohonan kepada MQA untuk pelaksanaan *Accreditation of Prior Experiential Learning for Credit Award [APEL(C)]*. Antara aktiviti yang dijalankan adalah lawatan audit *Portfolio for Recognition of Prior Learning*, seminar APEL(C) serta mengadakan *Challenge test* untuk Penilaian APEL(C).

SEKTOR ETIKA DAN AKTA

Sektor ini bertanggungjawab ke atas pelaksanaan gubalan Rang Undang-undang Optometri, pewartaan pindaan Jadual Akta Optik 1991 dan Peraturan-peraturan Optik 1994. Gubalan Rang Undang-undang Optometri yang akan menggantikan Akta Optik 1991, masih di peringkat semakan oleh Cawangan Perundangan Perubatan. *Risk Impact Statement* (RIS) untuk *Risk Impact Analysis* (RIA) telah dihantar ke *Malaysian Productivity Corporation* (MPC) pada 15 September 2020 dan masih menunggu maklum balas dari MPC.

Selain itu, sektor ini bertanggungjawab mengendalikan aduan yang diterima berkaitan pengamal optometri. Sebanyak 37 kes aduan yang diterima sepanjang tahun 2020. Antara kes aduan yang tertinggi adalah berkaitan ketiadaan pengamal berdaftar di premis optikal (14 kes) dan pra-aduan (13 kes-kes yang dirujuk kepada agensi berkaitan). Sebanyak 16 kes yang diadu telah dapat diselesaikan.

Audit Surveilans Optik juga buat pertama kalinya diadakan pada bulan September 2020 melibatkan premis-premis optikal di sekitar Putrajaya. Sebanyak 19 premis optikal yang terlibat dan 7 surat amaran telah dikeluarkan ke atas pengamal yang tidak mempunyai APC tahun semasa. Selain itu, pemantauan terhadap pematuan SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) di premis-premis optikal juga turut dijalankan. Maklum balas bagi kesemua surat amaran yang dikeluarkan serta langkah pembetulan telah diterima dalam tempoh sebulan selepas audit dijalankan.

SEKTOR KOMPETENSI

Peperiksaan Kanta Lepak (Teori) bagi Juruoptik Berdaftar di bawah Seksyen 30(5) Akta Optik 1991 telah dijalankan pada 12 Oktober 2020 di Universiti SEGi, Kota Damansara. Seramai 21 orang juruoptik berdaftar menduduki peperiksaan. Calon yang lulus peperiksaan teori, layak untuk menduduki peperiksaan amali kanta lekap yang akan diadakan pada tahun 2021. Setiap calon dan pihak urusetia yang terlibat telah mengamalkan langkah keselamatan sebagai mematuhi SOP COVID-19 yang ditetapkan bagi memastikan keselamatan.

Semua pengamal optometri disarankan untuk berdaftar dalam sistem myCPD. Setakat tahun 2020 ini, sebanyak 26.5 peratus (%) daripada jumlah pengamal optometri telah berdaftar yang mewakili seramai 1198 orang optometris dan 348 orang juruoptik. Pihak MOC telah menerima sebanyak 108 permohonan mata *Continuing Professional Development* (CPD) daripada penganjur program iaitu 18 permohonan secara manual dan 90 permohonan melalui sistem myCPD. Kebanyakan penganjuran program bagi CPD tahun ini adalah secara online. Ini adalah seiring dengan pematuan SOP pandemik COVID-19.

OBJEKTIF KUALITI

Dua (2) objektif kualiti yang telah ditetapkan telah tercapai bagi tahun 2020 iaitu:

1. 98 peratus (%) APC dikeluarkan dalam tempoh 14 hari bekerja daripada tarikh penerimaan permohonan yang lengkap – pencapaian 98.1 peratus (%).
2. 90 peratus (%) surat menyurat berkaitan akreditasi program yang tidak melibatkan pihak ketiga dikeluarkan kepada MQA dalam masa dua (2) minggu selepas Mesyuarat JTC – pencapaian 74 peratus (%). Ini adalah kerana pegawai yang bertanggungjawab cuti sakit selama dua (2) minggu.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, terdapat beberapa perancangan aktiviti MOC bagi tahun 2020 tidak tercapai dan ditangguhkan bagi mematuhi SOP yang telah ditetapkan sepanjang PKP dilaksanakan.

CAWANGAN PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN

Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan (CPPPP) merupakan organisasi yang mengawal selia profesion Penolong Pegawai Perubatan (PPP) di Malaysia dengan mengguna pakai Akta 180 (pendaftaran) Pembantu Perubatan 1977. Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan juga bertanggungjawab menjaga profesion Pembantu Hospital Estet di bawah Lembaga Pembantu Hospital Estet berdasarkan Akta Pendaftaran Hospital Estet 1965. Selain itu, Profesion Pembantu Perawatan Kesihatan di Kementerian Kesihatan Malaysia telah diletakkan di bawah tanggungjawab Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan mulai tahun 2015.

PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN AMALAN TAHUNAN

Sebanyak 85 peratus daripada permohonan yang lengkap menggunakan BORANG 3 (peraturan 16 (1)) Perakuan Pendaftaran sebagai Pembantu Perubatan dengan Lembaga Pembantu Perubatan Malaysia siap dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh Perakuan Pendaftaran yang telah ditetapkan oleh Setiausaha Lembaga Pembantu Perubatan.

Jadual 5.7
Pendaftaran Pembantu Perubatan Tahun 2020

BULAN	JUMLAH PENDAFTARAN	JUMLAH PEMATUHAN	JUMLAH TIDAK PATUH
Januari	347	347	0
Februari	143	143	0
Mac	34	34	0
April	9	9	0
Mei	0	0	0
Jun	0	0	0
Julai	21	21	0
Ogos	0	0	0
September	25	25	0
Oktober	60	60	0

Sumber: Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan, KKM

PROGRAM PENEMPATAN WAJIB TAHUN 2020

Program Penempatan Wajib (PPW) selama 6 bulan di Jabatan Kecemasan ialah program khusus yang dirancang dan dilaksanakan kepada semua Penolong Pegawai Perubatan (PPP) lantikan baru di Kementerian Kesihatan Malaysia, bertujuan untuk menyeragamkan semua lantikan baharu PPP, memantapkan kemahiran klinikal, meningkatkan kebolehan membuat keputusan dan meningkatkan keberkesanan komunikasi.

Jadual 5.8
Jumlah Peserta Program Penempatan Wajib Mengikut Negeri Tahun 2020

BIL.	NEGERI	BIL.1/2020	BIL.2/2020	JUMLAH
1.	Perlis	7	13	20
2.	Kedah	84	67	151
3.	Pulau Pinang	41	55	96
4.	Perak	61	65	126
5.	Selangor	101	95	196
6.	Hospital Kuala Lumpur	34	28	62
7.	W.P.Putrajaya	44	27	71
8.	Negeri Sembilan	41	32	73
9.	Melaka	31	32	63
10.	Johor	74	58	132
11.	Kelantan	35	40	75
12.	Terengganu	27	40	67
13.	Pahang	42	55	97
14.	Sabah	100	117	217
15.	Sarawak	92	99	191
16.	Labuan	7	6	13
	JUMLAH	821	829	1,650

Sumber: Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan, KKM

Jadual 5.9
Jumlah Perjawatan dan Kelulusan Akademik Penolong Pegawai Perubatan (PPP), 2020

BIL.	BUTIRAN	BILANGAN
1.	Jumlah Keseluruhan Penolong Pegawai Perubatan yang berdaftar	26,841
2.	Penolong Pegawai Perubatan yang berkhidmat dengan Kerajaan	16,005
3.	Penolong Pegawai Perubatan yang berkhidmat dengan swasta	3,552
4.	Penolong Pegawai Perubatan dengan Pendidikan Pos Basik	5,073
5.	Penolong Pegawai Perubatan dengan Ijazah Sarjana Muda	693
7.	Penolong Pegawai Perubatan dengan Ijazah Sarjana	25
8.	Penolong Pegawai Perubatan dengan PhD	8
9.	Jumlah Penolong Pegawai Perubatan tanpa Pendidikan Pos Basik	9,727
10.	Purata Pengeluaran Penolong Pegawai Perubatan Pos Basik setahun	420

Sumber: Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan, KKM

Jadual 5.10
Bilangan Perjawatan Pembantu Perawatan Kesihatan 2020

BIL	GRED JAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN	JUMLAH PERJAWATAN
1.	U 16	71	29	100
2.	U 14	907	100	1,007
3.	U 11/14	24,622	2,390	27,012
	JUMLAH	25,600	2,519	28,119

Sumber: Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan, KKM

Jadual 5.11
Statistik Bilangan Pembantu Hospital Estet Bagi Tahun 2020

BIL.	NEGERI	JUMLAH LADANG	JUMLAH KLINIK	BIL PEMBANTU HOSPITAL ESTET
1.	Perlis	4	1	1
2.	Kedah	109	36	30
3.	Pulau Pinang	9	1	2
4.	Perak	360	82	93
5.	Selangor	83	30	36
6.	Negeri Sembilan	103	50	47
7.	Melaka	65	14	13
8.	Johor	326	131	119
9.	Pahang	338	69	71
10.	Terengganu	104	21	24
11.	Kelantan	130	11	42
12.	Sarawak	539	38	26
13.	Sabah	1,960	200	177
	JUMLAH	4,130	684	681

Sumber: Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan, KKM

HALA TUJU

Hala tuju Profesion Penolong Pegawai Perubatan (PPP) telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Profesion Penolong Pegawai Perubatan (2016 – 2030). Bagi menjayakan perlaksanaan pelan tersebut Pelan Strategik Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan (2018 – 2022) telah dibangunkan. Di antara perkara yang dititikberatkan dalam hala tuju profesion PPP adalah pengekalan kepakaran teknikal di bidang-bidang pengkhususan. Untuk tujuan tersebut, usaha untuk mewujudkan jawatan fleksi dan pendaftaran (*registry*) PPP berkepakaran teknikal (*AMOTeX- Assistant Medical Officer Technical Expert*) sedang dilaksanakan. Selain itu, bidang pendidikan PPP diperingkat ijazah, sarjana dan PhD juga sedang diperkasakan untuk menghasilkan PPP yang dinamik, berpengetahuan dan kompeten dalam menyampaikan perkhidmatan kepada masyarakat.

BAHAGIAN KEJURURAWATAN

Bahagian Kejururawatan (BKj) menerajui 131,470 orang jururawat berdaftar di Malaysia dan bertanggungjawab ke atas dasar perancangan pembangunan profesion kejururawatan agar selari dengan aspirasi Kementerian Kesihatan (KKM) serta mengurus perihal kejururawatan secara konstruktif dan produktif demi mengekalkan piawaian kualiti perkhidmatan kejururawatan.

Terdapat dua (2) cawangan iaitu Cawangan Dasar & Amalan Kejururawatan dan Cawangan Regulatori yang dibahagikan kepada lima (5) sektor dan sekretariat. Sektor-sektor ini adalah Sektor Amalan (Hospital dan Kesihatan Awam), Sektor Kualiti & Latihan, Sektor Pendaftaran & Penguatkuasaan, Sektor Standard & Akreditasi, Sektor Pengurusan Korporat dan Sekretariat Lembaga Jururawat Malaysia & Lembaga Bidan Malaysia. Semua sektor dan sekretariat ini mempunyai peranan tersendiri demi mencapai matlamat utama organisasi.

PENERBITAN BUKU

GUIDELINES CONTINUING PROFESSIONAL DEVELOPMENT (CPD) FOR NURSES, SECOND EDITION, 2020

Garis Panduan ini telah diterbitkan oleh Unit Pembangunan Profesion (CPD), Sektor Amalan. Ia memberi penerangan berkaitan aktiviti Jururawat berdaftar dalam perkembangan profesional yang berterusan di mana ia menggariskan mata CPD untuk kakitangan kejururawatan berdasarkan penilaian keperluan latihan dan penilaian hasil.

Siri pertama telah diterbitkan pada tahun 2018. Namun begitu, kerana keperluan semasa, perubahan persekitaran kesihatan dan perubahan dalam teknik penyampaian pembelajaran, Jawatankuasa CPD telah mengkaji semula garis panduan ini dan beberapa perkara telah dikemas kini. Perubahan yang dibuat adalah jumlah mata CPD telah diselaraskan kepada semua kategori jururawat di mana mereka perlu mencapai minimum 20 mata kredit terkumpul dari kategori CPD A1 hingga A8 bagi memenuhi syarat memperbaharui *Annual Practicing Certificate* (APC). Garis Panduan ini boleh dirujuk di laman sesawang <https://nursing.moh.gov.my>.

NURSING GUIDELINE 2020

Garis panduan ini merupakan edisi pertama yang diterbitkan oleh Bahagian Kejururawatan dengan kerjasama Ketua Penyelia Jururawat Negeri. Ia bertujuan memberi panduan kepada semua jururawat dalam menjalankan tugas sebagai jururawat dan penjawat awam. Garis panduan ini terpakai kepada semua jururawat di Kementerian Kesihatan Malaysia. Garis panduan ini telah dilancarkan pada 19 Jun 2019 oleh Mantan Pengarah Kejururawatan, Puan Hajah Tumble bt Ngadiran@Tomblow. Ia telah diedarkan kepada semua Penyelia Jururawat Negeri dan Bahagian di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM) pada 20 November 2020. Garis panduan ini boleh diperolehi dari Unit Penggubalan Akta dan Penguatkuasaan, Bahagian Kejururawatan.

BULETIN BAHAGIAN KEJURURAWATAN


Buletin Bahagian Kejururawatan dikeluarkan oleh Unit Penyelidikan, Sektor Kualiti dan Latihan sebanyak dua (2) kali setahun. Buletin edisi pertama telah dikeluarkan pada Disember 2020 yang memaparkan aktiviti sepanjang tahun 2020. Buletin edisi kedua adalah Buletin Bahagian Kejururawatan KKM Edisi Khas COVID-19 Gelombang satu (1) dan dua (2) yang dikeluarkan bagi menghargai pengorbanan dan sumbangan jururawat sebagai barisan hadapan dalam menangani pandemik COVID-19. Kandungan Buletin Edisi Khas ini merupakan gabungan idea Bahagian Kejururawatan bersama Ketua Penyelia Jururawat Negeri. Sebagai penghargaan, Buletin Edisi Khas ini telah diedarkan kepada setiap Bahagian di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM) dan negeri. Kesemua Buletin yang dikeluarkan boleh dirujuk dilaman sesawang <https://nursing.moh.gov.my>.

Imej 5.9

Penerbitan Bahagian Kejururawatan Tahun 2020



Guidelines Continuing Professional Development (CPD) for Nurses



Nursing Guideline



Buletin Bahagian Kejururawatan, Edisi Pertama, 2020



Buletin Bahagian Kejururawatan, Edisi Khas covid-19, 2020

Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM

LANTIKAN JURURAWAT KONTRAK


Jururawat memainkan peranan yang penting dalam Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Sebanyak 99.3 peratus perjawatan jururawat (Lantikan Tetap) di Malaysia telah diisi tetapi peratusan ini didapati tidak mencukupi untuk menangani pandemik COVID-19 yang semakin meningkat di Malaysia. Kekurangan perjawatan Jururawat U29 (Tetap) dan ketiadaan pertambahan perjawatan jururawat berikutan dari kejatan perjawatan ini menyebabkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membuat pelantikan secara *Contract of Service* (COS) bermula Mac 2020.

Bagi Mac hingga Disember 2020, terdapat dua (2) fasa lantikan jururawat secara kontrak (**Rajah 5.6**). Bagi fasa pertama pada Mac dan April 2020, seramai 2,271 orang jururawat telah dilantik secara kontrak (satu (1) tahun). Lantikan jururawat ini merupakan jururawat yang tamat latihan dari Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) yang tidak dapat dilantik kerana tiada perjawatan tetap. Daripada jumlah ini hanya 2,192 orang jururawat yang telah menerima tawaran dan seramai 79 orang telah menolak tawaran (**Rajah 5.7**).

Pada April 2020 pula, seramai 100 orang jururawat telah dilantik secara kontrak. Pengambilan ini terdiri dari jururawat yang telah bersara dan berhenti dari KKM serta jururawat dari hospital swasta. Majoriti daripada mereka ini mempunyai pos basik yang amat diperlukan di fasiliti KKM pada ketika itu. Daripada jumlah tersebut, hanya 55 orang jururawat yang menerima tawaran dan seramai 45 orang yang telah menolak tawaran tersebut.


Bagi fasa kedua, seramai 1,008 orang jururawat telah dilantik secara *Contract of Service* (COS) (enam (6) bulan) dan lantikan jururawat kontrak pada kali ini adalah pengambilan calon dari jururawat yang tamat pengajian dari Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Daripada jumlah ini, hanya 675 orang jururawat yang menerima tawaran dan seramai 333 orang jururawat telah menolak tawaran tersebut ([Rajah 5.7](#)).

Rajah 5.6
Agihan Penempatan Jururawat Kontrak Mengikut Fasa



Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM


Rajah 5.7
Lantikan Jururawat Kontrak



Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM

Secara keseluruhan, pada tahun 2020 seramai 3,279 orang jururawat kontrak telah dilantik dan ditempatkan di hospital dan fasiliti Kesihatan Awam di seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Negeri Sabah merupakan penerima jururawat kontrak tertinggi iaitu seramai 618 orang (Rajah 5.8).

Rajah 5.8
Agihan Jururawat Kontrak Mengikut Negeri




Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM

MOBILISASI LUARAN JURURAWAT DALAM MENANGANI WABAK PANDEMIK COVID-19


Mobilisasi luaran jururawat dilakukan untuk menangani penularan wabak COVID-19 di Malaysia bagi membantu memenuhi keperluan sumber manusia yang mendesak sepanjang tahun. Ia dilakukan bermula dari Mac hingga Disember 2020 melibatkan 603 orang jururawat. Secara keseluruhan, mobilisasi jururawat yang paling ramai membantu adalah dari Jabatan Kesihatan Negeri Pahang iaitu seramai 82 orang (Rajah 5.9) manakala negeri yang menerima paling ramai jururawat mobilisasi adalah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor iaitu seramai 240 orang (Rajah 5.10).

Rajah 5.9
Mobilisasi Jururawat



Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM

Rajah 5.10
Penerimaan Jururawat (Mobalisasi) oleh Negeri



Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM

PENCAPAIAN UNIT DALAM NORMA BAHARU

UNIT PENILAIAN KURIKULUM


Unit ini berperanan mengendali dan mengurus proses permohonan penilaian program dan sumber fasiliti kejururawatan dari Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM)/Universiti Awam (UA)/Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) bagi perakuan akreditasi. Berikutan PKP, Unit Penilaian Kurikulum juga telah mengeluarkan satu (1) naskah Panduan Pengendalian Program Basik, Pos Basik dan Diploma Lanjutan Kejururawatan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Pandemik COVID-19 di mana ia menyentuh mengenai penggunaan fasiliti, penempatan klinikal, pengendalian kelas teori/tutorial, pengendalian latihan di skill lab, pengendalian peperiksaan Lembaga Jururawat Malaysia (LJM)/Lembaga Bidan Malaysia (LBM) dan pergerakan Pengajar/Instruktur Klinikal/Pelajar/Pelatih semasa Pandemik COVID-19. Norma baharu yang disarankan kepada pelajar adalah sebagaimana tertakluk kepada arahan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Panduan Pengendalian Program ini telah diedarkan kepada semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia.

UNIT PENGURUSAN PENGGUNAAN FASILITI KKM BAGI IPT

Unit ini bertanggungjawab untuk melakukan 12 lawatan pemantauan bagi memastikan keakuran pihak fasiliti dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) kepada *Memorandum of Agreement* (MoA) serta arahan dan pekeliling semasa. Sebanyak empat (4) buah negeri telah dilawati iaitu Melaka: Klinik Kesihatan Jasin dan Hospital Jasin, Pahang: Hospital Sultan Haji Ahmad Shah Temerloh, Terengganu: Klinik Kesihatan Bukit Payung dan Hospital Hulu Terengganu dan Kelantan: Klinik Kesihatan Gunung Bachok dan Hospital Tengku Anis.

Mengambil kira pandemik COVID-19, kaedah lawatan ditukar kepada di mana Penyelaras penempatan pelajar diperingkat negeri yang telah dilatih akan melakukan pemantauan di fasiliti dengan menggunakan kaedah yang sama seperti yang dimaklumkan dalam sesi Pemantapan Peringkat Negeri dan menggunakan senarai semak yang disediakan. Selepas audit dilakukan, laporan telah dihantar ke Unit Pengurusan Penggunaan fasiliti KKM Bagi IPT dan satu (1) sesi persidangan secara video dilakukan (Imej 5.10).

Imej 5.10
Sesi Mesyuarat Secara Persidangan Video



Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM

UNIT PEPERIKSAAN LEMBAGA JURURAWAT MALAYSIA & LEMBAGA BIDAN MALAYSIA

Unit Peperiksaan Lembaga Jururawat Malaysia & Lembaga Bidan Malaysia, KKM berperanan menjalankan tujuh (7) kali peperiksaan setahun untuk empat (4) Program Kejururawatan iaitu Ijazah Sarjana Muda Kejururawatan/Diploma Kejururawatan/Peningkatan Secara Lantikan (PSL), Diploma Lanjutan Kebidanan Bahagian Satu (1) dan Sijil Penolong Jururawat. Semua jururawat wajib lulus Peperiksaan Lembaga Jururawat Malaysia/Lembaga Bidan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Jururawat 1950 dan Akta Bidan 1966.

Ekoran wabak COVID-19 yang berlaku menyebabkan hanya dua (2) sesi peperiksaan sahaja yang telah dijalankan iaitu program Ijazah Sarjana Muda Kejururawatan/Diploma Kejururawatan/Peningkatan Secara Lantikan (PSL) pada Mac 2020 dan Diploma Lanjutan Kebidanan Bahagian Satu (1) pada September 2020. Sebanyak lima (5) sesi peperiksaan yang dirancang terpaksa ditangguhkan. Keputusan bagi dua (2) sesi peperiksaan yang telah dijalankan pada tahun 2020 seperti di [Jadual 5.12](#).

Jadual 5.12
Keputusan Peperiksaan Lembaga Jururawat Malaysia/Lembaga Bidan Malaysia, 2020

BIL	PROGRAM	KOLEJ/INSTITUSI				CALON	
		KKM	IPTA	IPTS	JUMLAH	LULUS (%)	GAGAL (%)
1.	Ijazah/Diploma/Peningkatan Secara Lantikan (PSL).	364	9	341	714	707 (99%)	7 (1%)
2.	Diploma Lanjutan Kebidanan Bahagian 1.	506	2	1	509	491 (96.46%)	18 (3.54%)
3.	Sijil Penolong Jururawat.	Peperiksaan ditangguhkan ekoran PKP (COVID-19)					
Jumlah		870	11	342	1,223	1,198 (98%)	25 (2%)

Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM

PEMBUKAAN PUSAT KUARANTIN DAN RAWATAN COVID-19 BERISIKO RENDAH (PKRC)

Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS), mempunyai kapasiti untuk menempatkan hingga 600 orang pesakit yang dikoordinasikan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dengan kerjasama KKM, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pasukan Pertahanan Awam, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Kerja Raya.

Pasukan Kejururawatan yang bertugas bertanggungjawab dalam memberi perawatan kepada pesakit COVID-19 yang merangkumi penilaian tahap kesihatan pesakit, melakukan perancangan perawatan, mengimplimentasi intervensi perawatan kejururawatan dan melakukan penilaian perawatan serta memberi pendidikan kesihatan kepada pesakit dan keluarga serta persediaan discaj. Pasukan Kejururawatan adalah gabungan dua (2) agensi iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Ia terdiri daripada jawatan Jururawat, Penolong Pembantu Perubatan dan Paramedik. Perkhidmatan ini bermula pada 1 April 2020 dan berakhir pada 31 Julai 2020 (Siri pertama) (Imej 5.10)

Imej 5.10
Sebahagian Anggota PKRC



Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM

PENGHARGAAN

Anugerah Jasamu Dikenang dianugerahkan kepada Puan Devi a/p K Saravana Muthu (Pengarah Kejururawatan) pada 25 Ogos 2020 semasa kursus 6th International & 8th International Table Top Exercise and Communication in Disaster Medicine 2020 (TOPCOM 2020). Kursus ini diadakan di UiTM Kampus Selayang dan dirasmikan oleh Menteri Kesihatan YB Dato' Sri Dr Adham bin Baba (Imej 5.11)

TOPCOM merupakan satu kursus anjuran Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Selayang sebagai latihan bagi menghadapi bencana alam seperti tanah runtuh, banjir, bangunan runtuh dan sebagainya. Ini merupakan kursus kali ke lapan (8) yang telah diadakan sejak 2012.

Kursus selama lima (5) hari ini bermula dari 24 hingga 28 Ogos 2020 melibatkan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan yang terlibat dalam menghadapi bencana di negara ini seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Pertahanan Malaysia (APM), Jabatan Kimia Malaysia, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB), Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) termasuk Badan bukan kerajaan (NGO). Dalam majlis tersebut seramai 31 orang telah menerima Anugerah Jasamu Dikenang. Anugerah ini amat bermakna sebagai penghargaan terhadap sumbangan jururawat di Malaysia.

Imej 5.11

Anugerah Jasamu Dikenang



Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM

THE 31ST ASEAN JOINT COORDINATING COMMITTEE OF NURSING (AJCCN)

Mesyuarat AJCCN kali ke 31 telah diadakan secara persidangan video bertempat di Bilik Mesyuarat Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, Kementerian Kesihatan Malaysia pada 26 November 2020 dari jam 9.00 pagi sehingga 4.00 petang. Urus setia mesyuarat pada kali ini adalah dari negara Indonesia. Pengerusi mesyuarat adalah Puan Tan Soh Chin dari Lembaga Jururawat Singapura. Sebanyak sembilan (9) buah negara ASEAN turut serta dalam mesyuarat kali ini kecuali negara Vietnam.

Pada mesyuarat kali ini, empat (4) negara iaitu Malaysia, Myanmar, Singapura dan Filipina telah berkongsi pengalaman setiap negara berkaitan dengan pengendalian COVID-19 dan modifikasi kurikulum yang dilakukan sepanjang pandemik ini. Mesyuarat telah dihadiri oleh Puan Devi a/p K Saravana Muthu (Pengarah Kejururawatan), Puan Anny Mary a/p S. Joseph @ Soosai (Timbalan Pengarah Kejururawatan), Puan Kartina binti Mohamad Manan (Ketua Sektor Regulatori), Puan Rozita binti Bujang (Ketua Unit Perhubungan Antarabangsa dan *Temporary Practicing Certificate* (TPC) dan Puan Rukiah binti Osman (Ketua Unit Penilaian Kurikulum) (Imej 5.12).

Imej 5.12

Bahagian Kejururawatan mewakili Malaysia dalam sidang video AJCCN



Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM

SAMBUTAN HARI JURURAWAT

Hari Jururawat pada tahun 2020 telah disambut pada 12 Mei 2020 secara persidangan video yang dilakukan bertempat di *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) (Perubatan), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Tema Hari Jururawat 2020 adalah *Nurses: A Voice to Lead Nursing the World to Health*. Walaupun kaedah sambutan pada tahun ini berbeza, ia tetap diadakan bagi meraikan dan menghargai jasa jururawat.

Hari Jururawat telah disambut bersama tetamu Terhormat iaitu Menteri Kesihatan Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, Ketua Pengarah Kesihatan YB. Tan Sri Dato' Seri Dr Noor Hisham bin Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) YB Datuk Dr. Hj Rohaizat bin Hj Yon, Pengarah Kejururawatan dan beberapa orang wakil dari Bahagian Kejururawatan ([Imej 5.13](#)).

Sesi persidangan video ini dilakukan bersama Ketua Penyelia Jururawat Negeri (KPJN), Ketua Penyelia Jururawat Hospital (KPJH), Ketua Penyelia Jururawat Institut Kanser Negara, Institut Perubatan Respiratori, Pusat Darah Negara, Angkatan Tentera Malaysia, MAEPS, Persatuan Jururawat Malaysia, Kesatuan Jururawat Malaysia, Persatuan Pengajar, jururawat-jururawat di lapangan dan lain-lain.

Imej 5.13

Sambutan Hari Jururawat, 2020



Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM

RUMUSAN

Pandemik COVID-19 telah mengubah kelaziman dan memberi impak terhadap amalan norma baharu dalam kehidupan seharian. Cabaran terbesar bagi pihak pengurusan Kejururawatan adalah keperluan mendesak untuk menambah bilangan anggota kejururawatan di hospital dan di fasiliti Kesihatan Awam di mana lantikan jururawat kontrak telah dibuat julung kalinya di Malaysia.

Amalan norma baharu juga telah dipraktiskan dikalangan jururawat di Malaysia. Elakkan 3C (*crowded place, confined space, close conservation*) dan amalkan 3W (*wash, wear, warn*) perlu dilakukan dalam kehidupan seharian bagi mengawal penularan COVID-19.

BAHAGIAN SAINS KESIHATAN BERSEKUTU

Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu (BSKB) bertanggungjawab ke atas penyampaian perkhidmatan dan pembangunan Profesion Kesihatan Bersekutu (PKB) selari dengan aspirasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). BSKB juga menetapkan dan melaksanakan dasar, strategi dan garis panduan berkaitan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan oleh PKB adalah selamat, efektif, cekap serta berkualiti dengan penggunaan sumber dan teknologi yang optimum.

PERSEDIAAN PEWARTAAN PENGUATKUASAAN AKTA PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU 2016 (AKTA 774) DAN PERATURAN-PERATURAN PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU

Beberapa siri mesyuarat dan perbincangan telah diadakan bersama pihak pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU) KKM dan wakil Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara bagi memuktamadkan draf dokumen Peraturan-Peraturan Profesion Kesihatan Bersekutu untuk disyorkan pewartaan bagi penguatkuasaan.

Pada 24 Februari 2020, sesi perbincangan bersama pihak pejabat PUU KKM dan wakil Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara telah memuktamadkan penetapan kadar fi yang dikenakan ke atas pengamal kesihatan bersekutu dalam Peraturan-Peraturan Profesion Kesihatan Bersekutu. Pada 2 Mac 2020, draf dokumen Peraturan-Peraturan Profesion Kesihatan Bersekutu (Fi) 2020 telah diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara (AGC) untuk diwartakan.

Satu sesi mesyuarat bersama YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr Noor Hisham bin Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan KKM telah diadakan pada 18 Mei 2020 bagi menyampaikan taklimat berhubung Peraturan-Peraturan Profesion Kesihatan Bersekutu (Fi) 2020 yang telah diluluskan oleh AGC.

Pada 10 Jun 2020, Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, Menteri Kesihatan Malaysia telah bersetuju dan menandatangani pewartaan bagi penetapan tarikh permulaan kuatkuasa Akta Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia 2016 (Akta 774) dan Peraturan-Peraturan Profesion Kesihatan Bersekutu (Fi) 2020. Tarikh permulaan kuat kuasa adalah pada 1 Julai 2020.

Imej 5.14

Pembentangan Draf Peraturan Profesion Kesihatan Bersekutu Fi 2020 kepada YB Menteri Kesihatan Malaysia



Sumber: Sekretariat Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia

MAJLIS PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU MALAYSIA (MPKBM) YANG PERTAMA DAN PRO-TEM JAWATANKUASA DI BAWAH MPKBM

Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia (MPKBM) yang pertama telah ditubuhkan pada 9 Julai 2020. Seramai 23 orang wakil Profesion Kesihatan Bersekutu telah dilantik secara rasmi oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan sebagai Anggota Majlis yang mana lantikan berkuatkuasa selama tiga (3) tahun. Setiap Anggota MPKBM perlu menjalankan fungsi sebagai ahli Majlis sepanjang tempoh lantikan sah dengan:

- a. Menentukan tatacara dan panduan pendaftaran, pengeluaran serta pembatalan perakuan pendaftaran, perakuan amalan pengamal (warganegara), dan perakuan amalan sementara pengamal (bukan warganegara).
- b. Menentukan tatacara permohonan dan pendaftaran pengamal berdaftar sebagai pakar dalam bidang yang diiktiraf dan memperakukan sijil pendaftaran kepakaran di bawah seksyen 21 Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 (Akta 774).
- c. Menentukan tatacara pengurusan aduan dan tindakan salahlaku pengamal serta mengawal selia etika, amalan dan tatakelakuan Profesion Kesihatan Bersekutu.

Mesyuarat MPKBM telah diadakan buat pertama kalinya pada 6 Ogos 2020 dan diikuti mesyuarat kedua pada 21 Disember 2020. Beberapa isu telah dibincangkan semasa mesyuarat yang meliputi:

- a. Cadangan meminda Jadual Kedua, Akta 774,
- b. Penetapan polisi dan standard pendaftaran Pengamal Kesihatan Bersekutu,
- c. Penubuhan Sembilan (9) Jawatankuasa Pro Tem yang berkaitan di bawah MPKBM:
 - i. Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTB) MPKBM
 - ii. Jawatankuasa Penilaian Kelayakan Profesion Kesihatan Bersekutu
 - iii. Jawatankuasa Penilaian Kepakaran Profesion Kesihatan Bersekutu
 - iv. Jawatankuasa Etika dan Amalan Profesion Kesihatan Bersekutu
 - v. Jawatankuasa *Fitness to Practice Profesion* Kesihatan Bersekutu
 - vi. Jawatankuasa Semakan Akta dan Peraturan
 - vii. Jawatankuasa Penyiasat
 - viii. Jawatankuasa Pihak Berkuasa Tatatertib
 - ix. Jawatankuasa CPD Profesion Kesihatan Bersekutu
- d. Cadangan bayaran elaun dan kemudahan kepada Anggota MPKBM dan ahli-ahli jawatankuasa berkaitan yang dilantik,
- e. Cadangan tempoh penangguhan permulaan pendaftaran Pengamal Kesihatan Bersekutu ke 1 Julai 2021 dengan mendapatkan pandangan Penasihat Undang-Undang, KKM,
- f. Melantik Anggota Majlis sebagai Pengerusi dan Timbalan Pengerusi pada masa ketiadaan penyandang ini (Perkara 5 [3], Jadual Pertama Akta 774), dan
- g. Mengemas kini dokumen soalan-soalan lazim (frequently asked questions) berhubung Akta 774 dan Pengamal Kesihatan Bersekutu.

Imej 5.15
Mesyuarat Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia Bil. 1/2020



Sumber: Sekretariat Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia

MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL BERSAMA (JTB) PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU MALAYSIA

Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTB) Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia (MPKBM) telah ditubuhkan dengan ahli JTB adalah terdiri daripada Wakil Majlis Dekan Sains Kesihatan, Wakil Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) (awam), Wakil JPT (swasta), wakil IPTA, wakil IPTS, Wakil Ahli Majlis dan Wakil BSKB. Tempoh sah lantikan JTB ini adalah berkuat kuasa dari 16 Oktober 2020 sehingga 15 Oktober 2023.

Mesyuarat pertama JTB MPKBM telah diadakan pada 9 Disember 2020 secara hibrid (bersemuka dan atas talian) yang membincangkan persediaan bagi melaksana dan menguruskan penilaian akreditasi program Kesihatan Bersekutu oleh pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dengan kerjasama MPKBM. Taklimat berkaitan fungsi dan peranan JTB telah disampaikan oleh MQA.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (PERUBATAN) KKM, 2020

Bagi tahun 2020, enam (6) KPI Profesion telah dipilih sebagai KPI Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) dengan sasaran yang berbeza. Pencapaian sebenar bagi enam (6) profesion ini adalah sebagaimana tertera di **Jadual 5.13**.

Jadual 5.13
Pencapaian KPI Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) KKM bagi Perkhidmatan Profesion Sains Kesihatan Bersekutu Pada Tahun 2020

PERKHIDMATAN	NUMERATOR	DENOMERATOR	SASARAN (PERATUS)	PENCAPAIAN (PERATUS)
Dietetik	23,777	25,000	≥ 90	95.11
Optometri	195	197	≥ 85	98.98
Pemulihan Fisioterapi	24,795	25,894	≥ 80	95.76
Pemulihan Carakerja	1,853	1,928	≥ 85	96.11
Pemulihan Pertuturan-Bahasa	1,091	1,122	≥ 85	97.24
Pemulihan Pendengaran	1,243	1,322	≥ 85	94.02

Sumber: Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, KKM

KEMAJUAN KERJAYA LALUAN PAKAR BIDANG KHUSUS (SUBJECT MATTER EXPERT – SME)

Susulan daripada iklan Pelawaan Kemasukan ke Laluan Pakar Bidang Khusus (SME) Siri Kedua di KKM, BSKB telah menerima sejumlah 21 permohonan kemasukan ke Laluan Kerjaya Pakar Bidang Khusus (SME).

Pada 11 Mac 2020, dokumen-dokumen Cadangan Laluan Kerjaya Pakar Bidang Khusus (SME) daripada 13 profesion (Kumpulan Kedua) telah dipanjangkan kepada Bahagian Sumber Manusia KKM (seterusnya kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia) untuk dibawa ke dalam Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam (LKPPA).

13 profesion yang terlibat adalah:

- i. Pegawai Sains (Kaji Serangga),
- ii. Pegawai Sains (Embriologi),
- iii. Pegawai Sains (Forensik),
- iv. Pegawai Sains (Biomedikal),
- v. Pegawai Kesihatan Persekitaran,
- vi. Pegawai Psikologi (Kaunseling),
- vii. Pegawai Psikologi (Klinikal),
- viii. Pegawai Pemulihan Perubatan (Fisioterapi),
- ix. Pegawai Pemulihan Perubatan (Carakerja),
- x. Pegawai Penerangan (Pendidikan Kesihatan),
- xi. Pegawai Penyediaan Makanan,
- xii. Pegawai Teknologi Makanan,
- xiii. Pegawai Sains (Fizik) – tambahan permohonan sub-bidang.

Bagi Kumpulan Pertama yang dilantik secara pemangkuan Pegawai Laluan Pakar Bidang Khusus pada tahun 2019, Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam (LKPPA) dalam mesyuarat Bilangan 10 Tahun 2020 telah bersetuju untuk meluluskan kenaikan pangkat bagi kesemua 19 pegawai SME di Kementerian Kesihatan Malaysia, berkuatkuasa pada 20 Mac 2020.

PENERBITAN DAN MAJLIS PELANCARAN *TECHNICAL REPORT: ALLIED HEALTH PROFESSIONS IN MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA – A CONSULTATION REPORT BY WORLD HEALTH ORGANIZATION (WHO)*.

BSKB telah berjaya menerbit dan melancarkan *Technical Report: Allied Health Professions in Ministry of Health Malaysia – A Consultation Report by World Health Organization (WHO)* pada tahun 2020. Laporan ini ialah hasil daripada projek yang telah dijalankan di bawah WHO Budget Programme 2018 – 2019 bertajuk *Establishment of Workforce Profile for Allied Health Professions in Malaysia*. Laporan ini merupakan profil komprehensif bagi pengamal kesihatan bersekutu di KKM dan merupakan laporan pertama seumpamanya yang dihasilkan oleh BSKB di Malaysia. Harapan agar dokumen ini akan menjadi salah satu bahan rujukan utama dalam perancangan hala tuju berkaitan PKB di dalam dan luar KKM.

Imej 5.16

Majlis Perasmian Technical Report: AHP in MOH oleh YBhg. Datuk Dr Hj Rohaizat bin Hj Yon, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)




Sumber: Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, KKM

PENGIKTIRAFAN *CREDENTIALING* PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU

BSKB telah menguruskan beberapa aktiviti bagi menjayakan Program Pengiktirafan *Credentialing* untuk sembilan (9) profesion Kesihatan Bersekutu yang merangkumi Juru X-Ray (Diagnostik), Juru X-Ray (Terapi), Pegawai Pemulihan Perubatan/Jurupulih Perubatan (Carakerja), Pegawai Pemulihan Perubatan/Jurupulih Perubatan (Fisioterapi), Pegawai Pemulihan Perubatan (Pendengaran), Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan), Pegawai Dietetik, Pegawai Optometri dan Juruteknologi Pergigian. Mesyuarat Jawatankuasa Sub-Kepakaran (SSC), Mesyuarat *Credentialing* Kebangsaan (NCC) serta Mesyuarat Semakan Semula Buku Log *Credentialing* telah diadakan. Seramai 1,237 orang telah mendapat pengiktirafan *Credentialing* pada tahun 2020 seperti dalam [Rajah 5.11](#).

Rajah 5.11

Bilangan PKB yang Menerima Pengiktirafan *Credentialing* Pada Tahun 2020



Sumber: Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, KKM

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)

Dua (2) bengkel pemurnian Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi Profesion Sains Kesihatan Bersekutu telah diadakan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sebanyak 22 jenis buku Prosedur Operasi Standard (POS) dan Pelan Pengurusan Operasi (PPO) telah dimurnikan dan dimuktamadkan untuk kegunaan lima (5) Profesion Kesihatan Bersekutu pada tahun 2020 iaitu Pegawai Psikologi (Klinikal), Pegawai Sains (Embriologi), Pegawai Sains (Fizik), Pegawai Sains (Genetik) dan Pegawai Sains (Kaji Serangga).

BUKU LOG KOMPETENSI PEGAWAI LANTIKAN BAHARU


Sebanyak 10 Buku Log Kompetensi Pegawai Lantikan Baharu telah disemak semula dan dimurnikan untuk kegunaan enam (6) Profesion Kesihatan Bersekutu pada tahun 2020. Profesion tersebut ialah Pegawai Pemulihan Perubatan Fisioterapi & Jurupulih Perubatan Fisioterapi, Pegawai Pemulihan Perubatan (Carakerja) & Jurupulih Perubatan (Carakerja), Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan), Pegawai Optometri, Juru X-Ray (Diagnostik) dan Juru X-Ray (Terapi).

PENGURUSAN PENGGUNAAN FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) UNTUK LATIH AMAL PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT)

Sepanjang tahun 2020 sebanyak 15 permohonan (prinsipal/tambahan) daripada IPT telah diterima dengan maklumat yang lengkap untuk diproses. Kesemua permohonan ini telah dimajukan kepada Jawatankuasa Penggunaan Fasiliti KKM bagi tujuan perakuan dan kelulusan. Jawatankuasa ini telah bersidang sebanyak empat (4) kali sepanjang tahun 2020.

Sebanyak 474 fasiliti telah diluluskan penggunaannya bagi tujuan latih amal pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang meliputi semua negeri di Malaysia ([Rajah 5.12](#)). Bayaran berjumlah RM560,550.00 telah diterima daripada IPT untuk pembayaran penggunaan fasiliti KKM yang melibatkan 3,224 orang pelajar.

Rajah 5.12
Bilangan Fasiliti yang Diluluskan Penggunaannya Bagi Tujuan Latih Amal Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT)



Sumber: Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, KKM

Sebanyak 15 dokumen *Memorandum of Agreement* (MoA) telah berjaya disiapkan pada tahun 2020. Ini melibatkan lima (5) Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan sepuluh (10) Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Daripada jumlah tersebut, sebanyak tiga belas (13) daripadanya adalah untuk Perjanjian Prinsipal manakala selebihnya untuk Perjanjian Tambahan.

Secara keseluruhannya sebanyak 56 Memorandum Perjanjian di antara IPT dan KKM yang masih aktif merangkumi 110 Program Pengajian pelbagai bidang Sains Kesihatan Bersekutu (66 IPTA dan 44 IPTS).

WHO PROGRAMME BUDGET (2020-2021)

BSKB telah berjaya memperolehi peruntukan di bawah *WHO Programme Budget 2020 – 2021* untuk menjalankan dua (2) projek bertajuk *Establishing Effective Regulatory Framework for Allied Health Professional in Malaysia* dan *Developing Criteria for a Profession to be Considered as Profession of Allied Health in Malaysia*.

Objektif utama projek *Establishing Effective Regulatory Framework for Allied Health Professional in Malaysia* ialah untuk membentuk satu kerangka kerja perundangan (*regulatory framework*) bagi pelaksanaan Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 (Akta 774). Projek ini dijalankan bersama Dr. Anne-Louise Carlton Konsultan dilantik oleh WHO daripada RMIT Australia.

Bagi projek bertajuk *Developing Criteria for a Profession to be Considered as Profession of Allied Health in Malaysia* ia bertujuan mengenal pasti pengamal kesihatan yang boleh dikategorikan sebagai pengamal kesihatan bersekutu yang melaksanakan aktiviti berkaitan amalan kesihatan bersekutu di Malaysia.

KOMPILASI ABSTRAK 2016 HINGGA 2020

Sebanyak 18 profesion PKB telah menghantar abstrak kajian yang telah dibentangkan secara oral/poster dan/atau diterbitkan dalam bentuk jurnal serta kajian kes. Keseluruhan abstrak menghampiri 500 buah iaitu 397 buah daripada kumpulan Klinikal, 47 buah daripada kumpulan Makmal dan 53 buah daripada kumpulan Kesihatan Awam. Abstrak akan dimuat naik ke dalam laman sesawang BSKB mengikut profesion. Kompilasi abstrak ini bertujuan memberi manfaat dan panduan kepada pengamal PKB bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan berasaskan bukti (*evidence-based*) serta juga menggalakkan profesion untuk menjalankan lebih banyak penyelidikan pada masa akan datang.

REGULATORI

Bagi persediaan ke arah penguatkuasaan Akta 774, BSKB telah menjalankan beberapa aktiviti seperti menganjurkan kursus-kursus berkaitan penguatkuasaan bagi Pegawai Penguatkuasa Kesihatan Bersekutu iaitu Kursus Penyediaan Kertas Siasatan, Kursus Risikan Lanjutan (Kumpulan II) dan Kursus Pra Perbicaraan dan Teknik Pendakwan bagi Pegawai Penguatkuasaan PKB.

Imej 5.17 Kursus Penyediaan Kertas Siasatan



Sumber: Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, KKM

Lawatan Pendidikan Penguatkuasaan Akta 774 juga telah dilaksanakan ke atas beberapa premis yang memberi perkhidmatan berkaitan kesihatan bersekutu berpandukan Bahagian VI (Kesalahan-kesalahan) dan Bahagian VII (Penguatkuasaan) Akta 774. Selain itu, Latih Amal Risikan juga telah dilaksanakan bagi memberi pendedahan kepada calon Anggota Penguatkuasa negeri dalam menjalankan risikan yang berkualiti. Para peserta diberi tugas latihan amal praktikal di lapangan iaitu di premis-premis komersial yang berkaitan dengan PKB.

Seterusnya, Latih Amal Perbicaraan dan Pendakwaan telah diadakan di Institut Latihan Kehakiman Dan Perundangan (ILKAP) bagi memberi pendedahan kepada calon Anggota Penguatkuasa negeri dengan kaedah prosiding menjalankan perbicaraan dan pendakwaan di mahkamah. Beberapa siri ceramah/taklimat kesedaran berkenaan Akta 774 khususnya berkaitan Bahagian VI (Kesalahan-kesalahan) dan Bahagian VII (Penguatkuasaan) kepada Profesion Kesihatan Bersekutu yang berkaitan.

Di samping itu, sebanyak tujuh (7) garis panduan dan empat (4) tatacara kerja telah dibentuk sebagai panduan dalam melaksanakan penguatkuasaan Akta 774:

- i. Garis Panduan Pengendalian Aduan Kesalahan Dibawah Akta 774,
- ii. Garis Panduan Lawatan Pemeriksaan Berkala,
- iii. Garis Panduan Menjalankan Risikan,
- iv. Garis Panduan Serbuan,
- v. Garis Panduan Pendakwaan di Mahkamah,
- vi. Garis Panduan Penyerahan Saman Kepada Orang Kena Saman (OKS),
- vii. Tatacara Pengendalian Eksibit dan Stor,
- viii. Tatacara Penyampaian Sapina,
- ix. Tatacara Permohonan Pelupusan Barang Kes,
- x. Tatacara Rakaman Percakapan.

LATIHAN PROFESIONAL PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU

Sebanyak sembilan (9) kursus orientasi telah dijalankan untuk pegawai lantikan baharu bagi memberi nilai tambah kepada perkembangan perkhidmatan PKB. Seramai 682 orang pegawai telah dilatih.

Akibat pandemik COVID-19, KKM telah menghadkan pelbagai aktiviti termasuk aktiviti latihan. Oleh itu pada tahun 2020, BSKB hanya berjaya menyelaras sebanyak 13 kursus sahaja, di mana hanya melibatkan 348 pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional, dan 256 orang pegawai dari Kumpulan Pelaksana. Keseluruhan peruntukan modal insan yang telah dibelanjakan adalah sebanyak RM38,920.00.

HALA TUJU

BSKB tidak terkecuali dalam berhadapan dengan isu pandemik COVID-19. Penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada pesakit perlu dikaji semula dan diperhalusi dengan memberi fokus kepada inovasi, penggunaan teknologi digital dan kaedah alternatif. Berpandukan *Strategic Framework of the Medical Program*, BSKB telah membangunkan Pelan Strategik BSKB 2021 – 2025 yang meliputi perancangan di peringkat BSKB dan semua Profesion Kesihatan Bersekutu. Satu pelan tindakan akan dibangunkan untuk memantau dan menilai semua aktiviti yang telah dirancang untuk 5 tahun. Adalah diharapkan agar pelan ini dapat dihayati dan diterjemahkan melalui tindakan oleh seluruh warga BSKB dan PKB dan tempoh RMK 12.

Pendaftaran sebagai pengamal kesihatan bersekutu yang berkelayakan akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Ini bagi memastikan perkhidmatan yang disampaikan kepada pesakit adalah berkualiti, profesional, beretika, dan selamat. Adalah disarankan supaya, kajian dan penambahbaikan berterusan dilaksanakan agar Akta 774 dapat dikuatkuasakan dengan berkesan.

BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL & KOMPLEMENTARI

Sejak ditubuhkan pada tahun 2004, Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berperanan dalam merancang, membangun dan mengawal selia Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) di Malaysia. BPTK terdiri daripada:

- i. Cawangan Dasar dan Perkembangan
- ii. Cawangan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari
- iii. Cawangan Inspektorat dan Penguatkuasaan
- iv. Cawangan Pembangunan Profesion
- v. Cawangan Amalan Perubatan Tradisional dan Komplementari
- vi. Unit Pentadbiran dan Kewangan

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

PENGIKTIRAFAN BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (BPTK) SEBAGAI PUSAT KOLABORASI PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA (WHO) BAGI PERUBATAN TRADISIONAL, KOMPLEMENTARI DAN INTEGRATIF

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) secara rasminya telah melantik BPTK sebagai Pusat Kolaborasi WHO bagi Perubatan Tradisional, Komplementari dan Integratif untuk tempoh empat (4) tahun bermula pada 29 Jun 2020. Sebanyak 23 Pusat Kolaborasi WHO yang khusus dalam bidang perubatan tradisional dan komplementari di seluruh dunia di mana 16 institusi tersebut mewakili rantau pasifik barat. Pusat-pusat ini akan menyokong WHO dalam kegiatan pendidikan dan peningkatan kapasiti, memberikan bantuan teknikal kepada negara anggota, dan bekerjasama dengan WHO mengenai peraturan dan dasar yang berkaitan dengan amalan PT&K.

KERJASAMA ANTARABANGSA

Kerjasama Dengan ASEAN

Sebanyak tiga (3) mesyuarat secara atas talian telah diadakan sepanjang tahun 2020 bersama focal points PT&K bagi negara-negara anggota ASEAN dan Sekretariat ASEAN iaitu pada 28 Mei, 25 Jun dan 8 Julai. Di pihak BPTK, mesyuarat ini dihadiri oleh Pengarah BPTK dan Ketua Cawangan Dasar dan Perkembangan. Tujuan mesyuarat ini adalah untuk membincangkan dan memuktamadkan laporan tinjauan awal mengenai PT&K di ASEAN yang dibangunkan oleh negara Thailand.

Mesyuarat memutuskan bahawa satu “Laporan Teknikal Bersama Analisis Situasi Penjagaan Kesihatan Berkualiti ASEAN untuk Penjagaan Kesihatan Primer (PHC) dan PT&K mengenai Sumber Manusia, Kemudahan Kesihatan dan Pakej Perkhidmatan” akan diterbitkan pada tahun 2021 setelah ia dimuktamadkan dan disahkan. Laporan bersama ini akan merangkumi komponen PT&K yang dibangunkan oleh Thailand dan komponen PHC (fokus kepada perubatan moden sahaja) yang dibangunkan oleh Malaysia.

6th China-ASEAN Forum On Traditional Medicine

6th China-ASEAN Forum on Traditional Medicine telah diadakan secara maya dan fizikal dari 24 hingga 26 November 2020 di Guilin, China dengan tema “*The Development of Traditional Medicine and Building a Community with a Shared Future for Mankind*”. Ia dianjurkan oleh pihak sekretariat China-ASEAN Forum on Traditional Medicine dan ditaja bersama oleh *National Health Commission of China, the National Administration of Traditional Chinese Medicine (NATCM) of China and the People’s Government of Guangxi Zhuang Autonomous Region of China*. Forum ini adalah penting untuk pihak Kerajaan China mempromosikan Belt and Road Initiative (BRI) dan menjalin hubungan kerjasama antara negara-negara China dan ASEAN dalam bidang perubatan tradisional.

Imej 5.18

Majlis Perasmian 6th China-ASEAN Forum on Traditional Medicine pada 24 November 2020



Sumber: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, KKM

Lebih daripada 120 peserta yang terdiri daripada pemimpin dari China dan wakil dari Kementerian Kesihatan di negara-negara ASEAN, serta wakil bidang perubatan tradisional telah menghadiri forum ini. Dr. Goh Cheng Soon, Pengarah BPTK, KKM telah dijemput untuk menghadiri majlis perasmian secara maya dan menyampaikan ucapan pada 24 November 2020.

Mesyuarat Antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Bersama Pasukan Pakar Perubatan Dari Negara *People’s Republic of China* (PRC) Berknaan Penggunaan Perubatan Tradisional Cina (PTC) Dalam COVID-19

Di negara China, PTC digunakan secara meluas dalam pengurusan COVID-19. KKM beranggapan bahawa perkhidmatan PTC yang tersedia ada dalam Malaysia berpotensi untuk dimanfaatkan dalam pengendalian wabak COVID-19 dalam negara. Sehubungan itu, satu mesyuarat antara wakil KKM, iaitu BPTK, Bahagian Regulatori Farmasi Negara dan Institut Penyelidikan Perubatan bersama pasukan pakar perubatan daripada Wilayah Guangdong, China telah diadakan pada 24 April 2020 secara maya.

Imej 5.19

Mesyuarat bersama Pasukan Pakar Perubatan dari China



Sumber: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, KKM

Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk memahami pengendalian kes COVID-19 di China menggunakan PTC, terutamanya kerjasama strategik antara pengamal perubatan moden dan pengamal PTC serta penyelidikan yang dijalankan. Mesyuarat mengambil maklum bahawa integrasi amalan PTC dalam pengurusan COVID-19 adalah bergantung kepada sistem penjagaan kesihatan dan peraturan yang sedia ada di sesebuah negara. Pasukan pakar perubatan dari China juga menyarankan pendekatan PTC harus disesuaikan dengan keadaan pesakit serta faktor-faktor seperti lokasi geografi, iklim tempatan, perubahan musim cuaca, dan juga kebiasaan hidup masyarakat setempat. Oleh itu, kajian klinikal berkualiti tinggi di bawah sistem penjagaan kesihatan tempatan perlu dilaksanakan untuk memastikan bahawa perkhidmatan PTC dapat digunakan dengan selamat dan berkesan di Malaysia. Selain itu, pihak delegasi China berminat untuk berkolaborasi dengan KKM di masa hadapan.

Sesi Dialog (Secara Live) Bersama Pasukan Pakar Perubatan Dari *People's Republic of China* (PRC) Berkenaan Penggunaan Perubatan Tradisional Cina (PTC) Dalam COVID-19

BPTK telah mengadakan satu sesi dialog secara live melalui Facebook bersama pasukan pakar perubatan daripada Guangdong, China pada 24 April 2020. Sesi dialog ini dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Dr. Hj. Rohaizat Bin Hj. Yon, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) (TKPK[P]), KKM. Pasukan pakar perubatan tersebut diketuai oleh Profesor Dr. Li Jun, *Chief Physician of TCM Internal Medicine, Guangdong Provincial Hospital of TCM*. Sesi ini bertujuan untuk menerangkan kepada orang awam berkenaan peranan PTC dalam pengurusan kes COVID-19 di China. Sehingga 10 Disember 2020, sesi ini telah mendapat sambutan yang baik dan mencapai 30.4 ribu tontonan.

Imej 5.20

Sesi Dialog (Secara Live) Bersama Pasukan Pakar Perubatan Dari *People's Republic of China* (PRC)



Sesi bergambar: Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) (barisan depan, tengah), Pengarah Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (barisan depan, empat dari kiri), dan pasukan pakar perubatan dari China.

Sumber: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, KKM

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN LATIHAN ELEKTIF JANGKA PENDEK DI HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) YANG MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (PT&K) [EDISI PERTAMA 2020]

Garis Panduan ini telah diterbitkan oleh BPTK dan dilancarkan oleh YBhg. Datuk Dr. Hj. Rohaizat Bin Hj. Yon, TKPK(P), KKM pada 2 Jun 2020.

Pelaksanaan latihan elektif PT&K ini dapat memberi peluang kepada pelajar dan pelatih dalam program pengajian PT&K untuk mendapatkan pendedahan berkenaan perkhidmatan PT&K yang ditawarkan di 15 buah hospital KKM serta prosedur kerja yang terlibat dalam penyampaian perkhidmatan ini.

Objektif garis panduan ini adalah untuk:

- i. Memberi peluang kepada pelajar/pelatih untuk menjalani latihan elektif PT&K di hospital KKM bagi melahirkan generasi pengamal PT&K yang selamat dan berkualiti;
- ii. Memastikan pelaksanaan latihan elektif tidak menjejaskan perkhidmatan PT&K yang diberikan kepada pesakit serta peraturan-peraturan yang sedia ada dipatuhi oleh pihak Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di hospital KKM; dan
- iii. Menjadi rujukan kepada KKM dan IPT yang menawarkan program pengajian PT&K dalam pelaksanaan latihan elektif PT&K untuk pelajar/pelatih di hospital KKM.



Imej 5.21

Majlis Pelancaran Garis Panduan Pelaksanaan Latihan Elektif Jangka Pendek di Hospital KKM yang menyediakan Perkhidmatan PT&K oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Datuk Dr. Hj. Rohaizat bin Hj. Yon



Sumber: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, KKM

PELAKSANAAN MEKANISME KOMUNIKASI DUA HALA DI ANTARA PENGAMAL PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (PT&K) DAN PENGAMAL PERUBATAN BERDAFTAR DI FASILITI KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

Mekanisme komunikasi dua hala di antara pengamal PT&K dan Pegawai Perubatan Berdaftar telah diperkenalkan di fasiliti kesihatan KKM pada Jun 2020 untuk menambah baik sistem penawaran perkhidmatan PT&K di hospital KKM serta meningkatkan integrasi PT&K ke dalam sistem penjagaan kesihatan kebangsaan. Hal ini adalah untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada rakyat Malaysia.

Objektif mekanisme ini adalah untuk:

- i. Membolehkan komunikasi yang berkesan antara pengamal PT&K dan pegawai perubatan berdaftar bagi pesakit yang menerima perkhidmatan PT&K di hospital KKM dengan membangunkan laluan komunikasi; dan
- ii. Meneliti dan menyeragamkan proses kerja dan borang-borang yang digunakan, iaitu penilaian (a) semasa melanjutkan perkhidmatan PT&K kepada pesakit; dan (b) selepas pesakit menerima perkhidmatan PT&K yang ditetapkan.

Pelaksanaan mekanisme ini dapat meningkatkan persefahaman antara pengamal PT&K dan pengamal perubatan berdaftar dalam menyampaikan perkhidmatan kepada pesakit secara holistik.

GARIS PANDUAN PENGENDALIAN PERKHIDMATAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (PT&K) BAGI SEKTOR SWASTA DALAM PENCEGAHAN PENULARAN WABAK COVID-19

Garis panduan ini dibangunkan untuk memberikan panduan berkenaan pengendalian perkhidmatan PT&K bagi sektor swasta dalam pencegahan penularan wabak COVID-19. Selain itu, ia turut bertujuan untuk memastikan penularan wabak COVID-19 dapat dibendung dengan mengamalkan perjarakan sosial, menghadkan pergerakan dan mengurangkan interaksi di antara individu yang terlibat.

Semua pengusaha premis PT&K, pengamal PT&K atau orang awam yang ingin menyediakan atau menerima perkhidmatan PT&K adalah dinasihatkan untuk mengikuti langkah-langkah pencegahan seperti mana yang disarankan dalam garis panduan ini, termasuk sebelum, semasa, dan selepas memberi atau menerima perkhidmatan PT&K.

PROJEK RINTIS KERJASAMA AWAM-SWASTA PENAWARAN PERKHIDMATAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (PT&K) OLEH PERSATUAN HOLISTIK DAN HERBAL MALAYSIA (MHMO) DI KLINIK KESIHATAN JINJANG (KKJ)

MHMO adalah sebuah badan amal bukan kerajaan yang menyediakan perkhidmatan PT&K di KKJ sejak 2007. Aktiviti ini dikendalikan oleh Kelab Warga Emas (KWE), KKJ di mana persatuan MHMO akan memberikan perkhidmatan PT&K secara percuma kepada ahli KWE, KKJ sekali dalam seminggu.

Kolaborasi antara MHMO dan KKJ didapati mempunyai potensi dan peluang dalam membangunkan satu model kerjasama awam-swasta bagi mengintegrasikan PT&K di peringkat penjagaan kesihatan primer. Justeru itu, KKM telah membangunkan Projek Rintis Kerjasama Awam-Swasta Penawaran Perkhidmatan PT&K oleh MHMO di KKJ. Projek rintis ini merangkumi pembangunan, pelaksanaan serta penilaian model yang telah dicadangkan. Sekiranya hasil projek rintis terbukti memanfaatkan rakyat, maka model ini akan dirujuk dan diguna pakai untuk kerjasama yang seumpama pada masa akan datang.

Satu Task Force telah ditubuhkan pada 5 Ogos 2020, dan dianggotai oleh BPTK, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Pejabat Kesihatan Daerah Kepong dan KKJ. *Task Force* ini berperanan untuk memantau dan menilai pelaksanaan projek rintis ini, dan seterusnya memberi syor kepada pihak pengurusan tertinggi untuk tujuan membuat keputusan dasar. Antara perkara yang dimuktamadkan oleh *Task Force* adalah *Memorandum of Agreement* (MoA), garis panduan projek rintis, serta prosedur operasi piawai.

Pada 28 November 2020, satu Majlis Menandatangani MoA bagi projek rintis ini telah diadakan dan telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Dr. Chong Chee Kheong, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), KKM. BPTK (mewakili KKM) dan MHMO telah menandatangani MoA tersebut bagi pelaksanaan projek rintis selama 2 tahun, iaitu dari Januari 2021 hingga Disember 2022.

Satu bengkel secara maya telah diadakan pada 23 Disember 2020 bagi tujuan melatih semua anggota yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memastikan pelaksanaan projek rintis ini berjalan dengan lancar. Latihan ini adalah berkenaan penerangan proses kerja, cara dokumentasi dan penyimpanan rekod, kawalan jangkitan dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan penawaran perkhidmatan PT&K di KKJ.

Imej 5.22

Majlis Menandatangani MoA antara KKM dan MHHO



Dari kiri: Dr. Goh Cheng Soon, Pengarah Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, KKM; Dato' Dr. Chong Chee Kheong, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), KKM; Puan Wendy Tan Gan Gan, Pengerusi MHHO.




Sumber: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, KKM

HALA TUJU

Hala tuju BPTK adalah untuk terus membantu dalam perkembangan PT&K di Malaysia supaya perkhidmatan ini dapat memberikan sumbangan yang optimum kepada Sistem Penjagaan Kesihatan Kebangsaan, mencapai *Universal Health Coverage*, dan meningkatkan kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia.

Hala tuju ini adalah berpandukan Dasar PT&K Kebangsaan 2001 (Semakan 2007) dan T&CM Blueprint 2018-2027 (Penjagaan Kesihatan). Ia akan disesuaikan untuk memenuhi keperluan penjagaan kesihatan yang baru dari semasa ke semasa dan menangani isu dan cabaran dalam industri PT&K di Malaysia.



06

PENYELIDIKAN & SOKONGAN TEKNIKAL



PENYELIDIKAN & SOKONGAN TEKNIKAL

PENGENALAN

Program Penyelidikan dan Sokongan Teknikal (P&ST) bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan teknikal dan sokongan kepada program-program lain dalam Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Program ini terdiri daripada Bahagian Perancangan, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan dan enam (6) buah institut penyelidikan di bawah Institut Kesihatan Negara (NIH).

BAHAGIAN PERANCANGAN

Bahagian Perancangan memberi tumpuan kepada aktiviti-aktiviti penting seperti formulasi Pelan Transformasi Sektor Kesihatan, memperbaiki kualiti data kesihatan, menyelaras dan melaksanakan standard informatik kesihatan di Malaysia, serta membuat perancangan, pembangunan dan penilaian program dan projek seperti yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12). Bahagian Perancangan terdiri daripada enam (6) seksyen iaitu:

- i. Perancangan Dasar dan Pelan Kesihatan (PDPK)
- ii. *National Health Financing* (NHF)
- iii. *Malaysia National Health Accounts* (MNHA)
- iv. Pusat Informatik Kesihatan (PIK)
- v. Perancangan Fasiliti Kesihatan (PFK)
- vi. Perancangan eHealth

SEKSYEN PERANCANGAN DASAR DAN PELAN KESIHATAN (PDPK)

RANCANGAN MALAYSIA KE-12 (RMK-12)

Seksyen PDPK terlibat dalam merangka dan penambahbaikan pelan tindakan dan strategi berkaitan kesihatan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMK-12) yang melibatkan 'focal points' dari setiap bahagian dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi (EPU).

Sesi Libat Urus YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) bersama YB Menteri Kesihatan telah diadakan pada 30 November 2020 untuk membincangkan lebih lanjut mengenai dokumen RMK-12 dan dijangka akan dibentangkan untuk kelulusan daripada pihak kerajaan pada bulan April 2021.

PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK KKM 2021-2025

Pembangunan Pelan Strategik KKM 2021-2025 telah dimulakan pada awal tahun 2020 berdasarkan input Kertas Strategi Kumpulan Kerja Teknikal Kesihatan dalam penyediaan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12). Ahli jawatankuasa teknikal mewakili program utama di Kementerian Kesihatan telah dilantik pada bulan Mei 2020 sebagai persiapan awal sementara menunggu dokumen Rancangan Malaysia ke-12 diluluskan. Namun, susulan pandemik COVID-19, pembentangan Rancangan Malaysia ke-12 yang dijadualkan pada Ogos 2020 telah ditangguhkan kepada awal tahun 2021.

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bil 1/2020 diteruskan pada 17 November 2020 bagi membincangkan pencapaian, isu dan cabaran Pelan Strategik KKM 2016-2020 serta cadangan rangka inisiatif Pelan Strategik KKM 2021-2025. Ini disusuli dengan Pembentangan Rangka Pelan Strategik KKM 2021-2025 dalam Jawatankuasa Dasar Perancangan Kementerian Kesihatan Malaysia (JPPKK) pada 4 Disember 2020, sejourus pembentangan dokumen Rancangan Malaysia ke-12 pada sesi Libat Urus YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) bersama YB Menteri Kesihatan pada 30 November 2020 diadakan. Pembangunan Pelan Strategik KKM 2021-2025 akan diteruskan dan dijangka siap edar pada suku kedua tahun 2021 tertakluk pada kelulusan dokumen RMK-12.

PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK PROGRAM PENYELIDIKAN DAN SOKONGAN TEKNIKAL (P&ST) 2021-2025

Pada Jun 2020, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Program Penyelidikan dan Sokongan Teknikal (P&ST) telah mencadangkan agar dibangunkan Pelan Strategik 5 tahun bagi Program P&ST. Satu jawatankuasa yang diwakili setiap bahagian di bawah program P&ST yang diterajui oleh Bahagian Perancangan telah ditubuhkan bagi menjayakan inisiatif ini.

Beberapa siri sesi libat urus telah diadakan bagi membangunkan dokumen ini. Antaranya ialah Bengkel Pelan Strategik P&ST 2021-2025 yang telah diadakan pada 1 hingga 3 Oktober 2020 bertempat di Hotel Lexis Port Dickson, Negeri Sembilan. Bengkel ini dirasmikan oleh TKPK (P&ST) dan dihadiri seramai 58 orang peserta mewakili setiap bahagian dan institut di bawah program P&ST.

Imej 6.1

Bengkel Pelan Strategik Program P&ST 2021-2025 pada 1-3 Oktober 2020 di Hotel Lexis Port Dickson, Negeri Sembilan



Sumber: Bahagian Perancangan, KKM


PEMANTAUAN KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS (RMK-11)

Pemantauan Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) bertujuan untuk mengkaji dan menilai pencapaian serta membuat penyesuaian ke atas dasar, strategi dan pelan tindakan RMK-11. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertindak sebagai penyelaras inisiatif dan pelaksana Pelan Pelaksanaan Dasar (PPD) dalam Tonggak II, III, V dan VI yang merangkumi 30 inisiatif dan 52 PPD serta turut menyokong tiga (3) sasaran terpilih (KPI Nasional) iaitu:

- i. Nisbah 2 katil hospital bagi setiap 1,000 penduduk
- ii. Peningkatan nisbah doktor kepada penduduk kepada 1:450
- iii. Pengoptimuman masa respons kecemasan kepada lapan (8) minit

Pencapaian KKM bagi tahun 2020, sebanyak 67% indikator telah berjaya dicapai ([Rajah 6.1](#)).

Rajah 6.1
Pencapaian Keseluruhan KKM Bagi Tahun 2020



Sumber: Bahagian Perancangan, KKM

JAWATANKUASA PEMANDU PERANCANGAN KEMENTERIAN KESIHATAN (JPPKK)

Jawatankuasa Pemandu Perancangan Kementerian Kesihatan (JPPKK) merupakan sebuah badan tertinggi di Kementerian Kesihatan Malaysia dalam membuat keputusan dasar utama, perancangan dan pembangunan di KKM secara holistik dan selaras dengan dasar-dasar dan wawasan negara.

PPKK telah bermesyuarat sebanyak dua (2) kali sepanjang tahun 2020 dan sebanyak tujuh (7) kertas kerja telah dibentangkan seperti di [Jadual 6.1](#). Mesyuarat JPPKK Bil.2 telah diadakan secara maya memandangkan Putrajaya masih di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) akibat penularan pandemik COVID-19. Pada mesyuarat tersebut juga, JPPKK telah dijenamakan semula menjadi Jawatankuasa Dasar Perancangan Kementerian Kesihatan (JDPKK) dengan penambahbaikan pada terma rujukan.

Jadual 6.1
Mesyuarat JPPKK Bagi Tahun 2020

Bil	Kertas Kerja	Status	Program/ Bahagian
1.	JPPKK BIL 1/2020 (26 Februari 2020)		
1.1.	Cadangan Pelaksanaan Centralized Nuclear Pharmacy Di Fasiliti Perubatan Nuklear, KKM	Diluluskan	Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi
1.2.	"Health in The Sustainable Development Goals and Universal Health Coverage: Progress Report for Malaysia"	Diluluskan dengan sedikit pembetulan	Bahagian Perancangan
1.3.	Cadangan Penyediaan Pelan Pembangunan Pasca 2020 (Rancangan Malaysia Ke-12)	Diluluskan	Bahagian Perancangan
2.	JPPKK BIL 2/2020 (4 Disember 2020)		
2.1.	Pelan Strategik Kebangsaan Kesihatan Mental 2020-2025	Diluluskan	Bahagian Kawalan Penyakit
2.2.	Regulatory Framework for Private Online Healthcare Services in Malaysia	Diluluskan	Bahagian Perancangan
2.3.	Pelan Strategik KKM 2021-2025	Diluluskan	Bahagian Perancangan
2.4.	Hala Tuju Bagi Mengaktifkan Jawatankuasa Dasar Kementerian Kesihatan (JDKK)	Dijenamakan semula menjadi Jawatankuasa Dasar Perancangan Kementerian Kesihatan (JDPKK)	Bahagian Perancangan

Sumber: Bahagian Perancangan, KKM

MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI 2030 (2030)

Pada tahun 2020, Malaysia telah mencapai 71.8 skor indeks SDG berbanding 69.6 pada tahun 2019. Bahagian Perancangan merupakan Urusetia SDG UHC bagi peringkat sektor kesihatan di Malaysia. Pada tanggal 11 Ogos 2020, seminar bertajuk *Health in the SDG & UHC* telah berjaya diadakan di Institut Kesihatan Negara, Setia Alam. Objektif seminar adalah untuk mengumpul input daripada agensi serta badan luar kerajaan mengenai status pencapaian terkini SDG UHC Kesihatan di Malaysia bagi tahun 2015 hingga 2019. Seramai 115 orang peserta daripada pelbagai agensi termasuk WHO, World Bank, dan kementerian serta agensi lain turut hadir ke seminar berkenaan. Seminar ini juga telah berjaya dibukukan sebagai laporan prosiding.

Bahagian Perancangan juga bertindak sebagai penyelaras bagi mengumpul data bagi indikator berkaitan kesihatan daripada semua bahagian yang terlibat dalam KKM. Bahagian ini telah melaporkan data kepada Jabatan Perangkaan Malaysia secara berkala dan *World Health Organization* (WHO) melalui platform *District Health Information Software* (DHIS 2) pada Jun 2020. Di samping itu, pihak urusetia bersama bahagian juga terlibat dalam aktiviti country consultation bagi indikator terpilih dan aktiviti ini merupakan kolaborasi antara WHO, UNICEF dan World Bank.

SUMBER MANUSIA UNTUK KESIHATAN

Pada tahun 2020, Bahagian Perancangan telah menerbitkan satu lagi laporan *Human Resources for Health Country Profiles Malaysia* (2015-2018). Penerbitan kali ini melaporkan taburan sumber manusia untuk kesihatan sehingga tahun 2018 melibatkan sektor awam dan swasta terutama bagi yang berdaftar dengan majlis/lembaga yang berkaitan. Turut dilaporkan adalah maklumat pengajian bagi beberapa profesion yang diperolehi dari Kementerian Pengajian Tinggi dan bahagian yang berkaitan. Penerbitan ini bertujuan untuk menjadi sumber rujukan dalam perancangan dan pemantauan status sumber manusia untuk sektor kesihatan di Malaysia.

Perbincangan dalam Mesyuarat Khas Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 4/2020 menetapkan bahawa definisi jumlah doktor di Malaysia akan merujuk kepada pengamal perubatan dengan Perakuan Amalan Tahunan, Pendaftaran Penuh baharu dan bilangan Pegawai Perubatan Siswazah pada tahun semasa. Definisi ini akan mula diguna pakai mulai tahun 2021.

SEKSYEN NATIONAL HEALTH FINANCING

National Health Financing (NHF) merupakan seksyen di bawah Bahagian Perancangan yang memainkan fungsi mengkaji, merancang, membangunkan dan memantau transformasi sistem kesihatan Malaysia khususnya aspek pembiayaan sistem kesihatan. Pada tahun 2020, pelbagai aktiviti dijalankan oleh NHF secara maya termasuk menyertai beberapa siri webinar mengenai pembiayaan kesihatan serta mengadakan kolaborasi bersama *Joint Learning Network* (JLN). Di samping itu, NHF turut memantau pelaksanaan skim Peduli Kesihatan B40 (PeKa B40) yang dikendalikan oleh ProtectHealth Corporation Sdn Bhd (PHCorp) melalui Jawatankuasa Governans, Pemantauan & Penilaian (GMEC).

JAWATANKUASA GOVERNANS, PEMANTAUAN & PENILAIAN (GMEC)

Governance, Monitoring & Evaluation Committee (GMEC) telah ditubuhkan oleh KKM pada tahun 2019 bertujuan memantau dan menilai prestasi ProtectHealth Malaysia (PHM) dan anak syarikatnya PHCorp serta pelaksanaan PeKa B40.

GMEC dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan daripada Program Penyelidikan & Sokongan Teknikal KKM. Keahlian jawatankuasa ini terdiri daripada Timbalan Akauntan Negara, Ahli Akademik, Penasihat Undang-Undang, Ketua Unit Integriti KKM dan wakil Pejabat Menteri Kesihatan. Seksyen NHF selaku urusetia jawatankuasa GMEC telah menyelaraskan tiga (3) mesyuarat iaitu pada 13 Januari 2020, 16 Jun 2020 dan 1 Oktober 2020 bagi memastikan tadbir urus PHCorp-PeKa B40 dilaksanakan mengikut fokus dan objektif yang disasarkan. Antara syor yang telah dicadangkan melalui GMEC adalah penurunan had minima umur penerima manfaat, penambahbaikan operasi dalaman dan peningkatan kesedaran awam tentang PeKa B40.

KERJASAMA DENGAN RANGKAIAN PEMBELAJARAN BERSAMA (JLN)

JLN merupakan sebuah rangkaian pembelajaran bersama di peringkat antarabangsa yang disertai oleh 34 buah negara anggota (22 buah negara ahli penuh termasuk Malaysia dan 12 negara ahli bersekutu). Dalam pelbagai aktiviti JLN, pegawai-pegawai teknikal dan pengurusan dari pelbagai negara anggota bersama-sama berkongsi pengalaman dan maklumat praktikal, seterusnya menghasilkan *knowledge products/tools* yang boleh diguna pakai bersama.

Malaysia mula terlibat dalam aktiviti-aktiviti JLN semenjak tahun 2010. Bahagian Perancangan melalui Seksyen NHF menyelaraskan JLN Country-Core Group (CCG) untuk Malaysia. JLN CCG ini dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Perancangan. Penyertaan pegawai-pegawai daripada kerajaan dan bukan kerajaan diselenggarakan melalui JLN CCG Malaysia.

Antara aktiviti yang disertai adalah *Domestic Resource Mobilization*, *Private Sector Engagement*, *Efficiency Collaborative* dan *Provider Payment Mechanism* yang turut menghasilkan beberapa produk yang membantu dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan.

Pegawai NHF juga terlibat dalam aktiviti JLN antarabangsa yang lain, antaranya:

- i. JLN *Efficiency Collaborative Phase 2 Launch Meeting* pada 8 September dan 3 Disember 2020;
- ii. JLN *Ghana- Country Pairing* pada 18 November 2020; dan
- iii. JLN *Private Sector Engagement* pada 17, 19 September 2020 dan 28 Oktober 2020.

Pada 10 Disember 2020, pengamal dari pelbagai negara bergabung dengan organisasi JLN dalam meraikan 10 tahun pencapaian dan kemajuan JLN. Dr. Rozita Halina binti Tun Hussein, Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Perancangan merupakan ahli pengasas JLN Steering Group dan kemudian berkhidmat sebagai *Convener* dari 2016 hingga 2018, telah dijemput ke sesi maya tersebut. Beliau telah menyampaikan perspektifnya mengenai evolusi dan pertumbuhan rangkaian JLN, serta kemajuan yang dicapai oleh Malaysia ke arah liputan kesihatan sejagat dan sistem kesihatan yang lebih kukuh.

Imej 6.2

Sesi Pencapaian 10 Tahun Joint Learning Network (JLN)



Sumber: Bahagian Perancangan, KKM

SEKSYEN MALAYSIA NATIONAL HEALTH ACCOUNTS (MNHA)

Malaysia National Health Accounts (MNHA) bermula sebagai satu projek di bawah Kementerian Kesihatan (KKM) dengan sokongan dari Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri. Pada tahun 2005, Seksyen MNHA telah ditubuhkan di bawah Bahagian Perancangan & Pembangunan, KKM. Seksyen ini bertanggungjawab dalam menjana dan melaporkan Data Makro Anggaran Jumlah Perbelanjaan Kesihatan Negara dengan menggunakan metodologi yang diterima dan diguna pakai di peringkat antarabangsa. Data siri masa anggaran perbelanjaan kesihatan dihasilkan setiap tahun berdasarkan kerangka kerja nasional iaitu klasifikasi MNHA dan kerangka kerja antarabangsa iaitu *System of Health Accounts* (SHA) 2011. Terdapat pelbagai jenis sumber pembiayaan dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan iaitu agensi dalam sektor awam dan swasta di mana jumlah perbelanjaan ini turut merangkumi perbelanjaan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai salah satu agensi sektor awam.

Sejak ditubuhkan, seksyen ini telah banyak menganalisa dan menyediakan data serta maklumat seperti jumlah perbelanjaan kesihatan negara, perbelanjaan kesihatan negara sebagai peratusan daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), beban perbelanjaan *out-of pocket* (OOP) untuk kesihatan dan pelbagai data berkaitan perbelanjaan kesihatan yang lain. Data-data ini dihasilkan bukan sahaja untuk membantu penggubalan dasar, bahkan untuk kegunaan para penyelidik dan pihak berkepentingan yang lain. Setiap tahun, MNHA turut menerbitkan laporan perbelanjaan kesihatan dalam usaha untuk membantu meningkatkan pemahaman trend perbelanjaan kesihatan negara. Laporan ini dapat memberi gambaran yang lebih jelas mengenai perbelanjaan kesihatan negara bermula dari sumber dana perbelanjaan kesihatan, kepada perbelanjaan berdasarkan fasiliti kesihatan dan akhirnya jenis perkhidmatan yang diperolehi (**Rajah 6.2**).

Rajah 6.2
Aliran Perbelanjaan Kesihatan




Sumber: Bahagian Perancangan, KKM

PERBELANJAAN KESIHATAN 1997-2019

Pada tahun 2020, akibat pandemik COVID-19, Seksyen MNHA menghadapi pelbagai cabaran dalam mendapatkan maklum balas semasa pengumpulan data daripada agensi-agensi awam dan swasta. Namun begitu, seksyen ini telah berjaya menjana data siri masa Perbelanjaan Kesihatan Malaysia bagi tahun 1997 hingga 2019 (data 23 tahun) dengan kadar maklum balas sebanyak 85 peratus. Ini dapat dilaksanakan dengan memanjangkan jangka masa untuk penerimaan maklum balas dan juga dengan menghantar peringatan mesra kepada semua agensi terlibat.


Data siri masa terkini ini menunjukkan bahawa jumlah perbelanjaan kesihatan Malaysia (TEH) pada tahun 2019 adalah sebanyak RM64,306 juta iaitu peningkatan sebanyak 6.6 peratus berbanding dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM60,339 juta pada tahun 2018. Jumlah perbelanjaan kesihatan ini sebagai peratusan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2019 adalah hampir 4.3 peratus (**Rajah 6.3**). Pelbagai sumber kewangan untuk perkhidmatan kesihatan dikenal pasti dan dikategorikan sebagai sumber kewangan dari sektor awam atau sektor swasta. Sepanjang siri masa tahun 1997 hingga 2019, perbelanjaan di kedua-dua sektor awam dan swasta menunjukkan trend menaik di mana perbelanjaan kesihatan oleh sektor awam tetap lebih tinggi daripada swasta (**Rajah 6.4**). Pada tahun 2019, pembiayaan perbelanjaan kesihatan oleh agensi-agensi sektor awam adalah sebanyak RM33,731 juta atau 52.5 peratus dari TEH, manakala perbelanjaan kesihatan oleh agensi-agensi swasta adalah sebanyak RM30,575 juta atau 47.5 peratus dari TEH.

Rajah 6.3
Jumlah Perbelanjaan Kesihatan Negara 1997-2019



Sumber: Seksyen MNHA, Bahagian Perancangan, KKM

Rajah 6.4
Jumlah Perbelanjaan Kesihatan Negara 1997-2019 Berdasarkan Sumber Pembiayaan



Sumber: Seksyen MNHA, Bahagian Perancangan, KKM

Pada tahun 2019, RM35,544 juta atau 55 peratus daripada TEH adalah perbelanjaan untuk perkhidmatan di semua hospital awam dan swasta. Sebanyak RM13,678 juta atau 21 peratus pula dibelanjakan untuk perkhidmatan *Ambulatory Healthcare Providers*. Pada tahun yang sama, perbelanjaan berdasarkan fungsi perkhidmatan menunjukkan bahawa perbelanjaan untuk perkhidmatan rawatan kuratif adalah sebanyak RM43,553 juta iaitu peningkatan sebanyak 6 peratus berbanding dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM41,072 juta untuk perkhidmatan yang sama pada tahun 2018. Di antara fungsi perkhidmatan lain yang menunjukkan peningkatan perbelanjaan berbanding dengan tahun 2018 adalah perbelanjaan untuk perkhidmatan *prevention and public health services* yang menunjukkan peningkatan sebanyak 19 peratus.

MNHA menganalisa dan menghasilkan pelbagai aspek data perbelanjaan kesihatan negara untuk membantu dalam pengeluaran projek kebangsaan seperti *Health Facts*, permintaan data semasa penyediaan atau aktiviti Transformasi Sektor Perkhidmatan Kesihatan. Data turut dikeluarkan untuk permohonan ad hoc daripada agensi nasional serta universiti tempatan dan semasa penyediaan teks ucapan ahli pengurusan tertinggi. Seksyen MNHA turut terlibat dalam usaha kerjasama dan kolaborasi bersama agensi-agensi antarabangsa seperti WHO Geneva untuk *World Health Statistics*, *Global Health Expenditure Database* (GHED) and *Health at a Glance* (HAG). Ianya merangkumi aktiviti perkongsian data anggaran perbelanjaan kesihatan negara berdasarkan permintaan daripada agensi-agensi tersebut. Hasil-hasil kerja Seksyen MNHA adalah *evidence-based data* atau maklumat yang bernilai dalam penghasilan dasar kesihatan negara.

MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU MNHA

Jawatankuasa Pemandu MNHA terdiri daripada wakil-wakil pengurusan tertinggi yang melibatkan pelbagai agensi sektor awam dan swasta. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu MNHA akan diadakan sekurang-kurangnya sekali pada setiap tahun. Mesyuarat ini dipengerusikan bersama oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia dan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia. Tujuan jawatankuasa ini ditubuhkan adalah untuk mengesahkan data perbelanjaan kesihatan negara yang telah dijana oleh Seksyen MNHA. Data siri masa perbelanjaan kesihatan negara bagi tahun 1997-2019 telah dibentangkan dan disahkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu MNHA yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan pada 8 Disember 2020. Mesyuarat tersebut dilaksanakan secara bersemuka dan secara atas talian. Data yang dibentangkan telahpun dimuat naik di laman sesawang rasmi KKM untuk makluman semua *stakeholders* dan pengguna yang lain.

Imej 6.3

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu MNHA 2020



Sumber: Seksyen MNHA, Bahagian Perancangan, KKM

Imej 6.4 Mesyuarat MNHA Bersama PERKESO



Sumber: Seksyen MNHA, Bahagian Perancangan, KKM

SEKSYEN PUSAT INFORMATIK KESIHATAN

BENGKEL PENGENALAN DAN LATIHAN *INTERNATIONAL CLASSIFICATION OF DISEASES 11TH VERSION (ICD-11)*

Sesi ini telah dianjurkan secara maya hasil kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia dan pasukan *Classifications, Terminologies and Standards World Health Organization (WHO)*, Geneva pada 10 hingga 11 November 2020. Pihak *WHO Western Pacific Region (WHO WPRO)* dan *WHO Representative Office* di Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam telah memudahkan cara penganjuran bengkel ini dengan menyediakan platform aplikasi Zoom dan menjadi fasilitator bengkel.


Objektif bengkel ini adalah untuk mendapatkan pengenalan dan latihan dari WHO bagi memulakan implementasi standard ICD-11. Meningkatkan pemahaman death certification dalam ICD-11 yang terdapat banyak perubahan berbanding ICD-10 dan memberi pengenalan awal kepada peserta berkenaan ICD-11 dan sebagai persediaan untuk menjadi sumber rujukan di peringkat negeri atau hospital.

Bengkel ini telah dihadiri oleh ahli-ahli Jawatankuasa Implementasi ICD-11 yang terdiri daripada Pakar/Pegawai Perubatan, Pegawai/Penolong Pegawai Rekod Perubatan, Pegawai Farmasi di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri, hospital dan IPKKM. Selain itu, turut hadir adalah Pegawai Teknologi Maklumat daripada Bahagian Pengurusan Maklumat, KKM dan wakil vendor IT yang terlibat dalam pembangunan sistem EMR di fasiliti-fasiliti kesihatan KKM.

Matlamat bengkel ini tercapai apabila peserta telah diberikan pengenalan yang menyeluruh tentang ICD-11 serta pandangan berkenaan keperluan dari segi teknikal, polisi, dan pembangunan modal insan telah dikenal pasti untuk menjayakan usaha implementasi ICD-11 ini.

Imej 6.5

Bengkel ICD-11 Bersama WHO WPRO



Sumber: Seksyen PIK, Bahagian Perancangan, KKM

SEKSYEN PERANCANGAN FASILITI KESIHATAN

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa komited untuk memastikan dan menambah baik kemudahan kesihatan di seluruh negara agar dapat menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti dan selamat kepada penduduk Malaysia. Seksyen Perancangan Fasiliti Kesihatan (SPFK), Bahagian Perancangan memainkan peranan yang penting dalam perancangan keperluan pembangunan fasiliti kesihatan bagi memastikan hala tuju perancangan, pelan, dasar kerajaan dapat diselaraskan. Ini termasuklah perancangan dan pengenalpastian projek yang diperlukan bagi tujuan meningkatkan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan selari dengan keperluan penduduk Malaysia. Selain itu, SPFK juga bertanggungjawab dalam perancangan sistem, peralatan perubatan dan bukan perubatan dengan mengambil kira kesesuaian fungsi dan tahap perkhidmatan fasiliti kesihatan agar reka bentuk dan kemudahan yang disediakan adalah selamat, berkesan dan kos efektif. Ini termasuk memastikan keperluan ICT yang bersesuaian di dalam fasiliti kesihatan selaras dengan hala tuju Kementerian bagi mewujudkan rekod perubatan elektronik (EMR) di semua fasiliti kesihatan di Malaysia.

PROJEK SIAP TAHUN 2020

Pada tahun 2020, sebanyak 15 buah projek, iaitu enam (6) projek naik taraf sistem kejuruteraan dan infrastruktur hospital, lapan (8) projek klinik kesihatan dan satu (1) projek blok psikiatri telah berjaya dilaksanakan dan selamat diserahkan kepada pengguna. Antara projek-projek tersebut adalah:

- i. Naik taraf Dewan Bedah dan Hemodialisis Hospital Papar, Sabah
- ii. Pembinaan Blok Psikiatrik Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu
- iii. Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 3) dengan Kuarters Kuala Kangsar, Perak
- iv. Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 3) Bukit Indah, Johor

PROJEK YANG DILULUSKAN UNTUK PELAKSANAAN PADA TAHUN 2020

Pada tahun 2020, sebanyak 39 buah projek, iaitu lapan (8) projek hospital dan blok tambahan, Sembilan (9) projek naik taraf sistem kejuruteraan dan infrastruktur hospital, satu (1) projek pejabat kesihatan, satu (1) projek makmal, 20 projek klinik kesihatan telah diluluskan untuk pelaksanaan. Antara projek-projek tersebut adalah:

- i. Hospital Kapar
- ii. Hospital Maran
- iii. Blok Wanita dan Kanak-Kanak, Hospital Melaka
- iv. Blok Patologi Tambahan Hospital Raja Perempuan Zainab II
- v. Blok Sajian Hospital Bahagia Ulu Kinta
- vi. Makmal Sarawak (Keselamatan dan Kualiti Makanan bersekali dengan Kesihatan Awam)
- vii. Kompleks Farmasi Hospital Tuanku Jaafar
- viii. Membina Blok Baharu Kompleks Farmasi Steril (Bilik Bersih), Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang

PENGUBAHSUAIAN FASILITI KESIHATAN DAN PEMBANGUNAN PUSAT KUARANTIN DAN RAWATAN COVID-19 BERISIKO RENDAH (PKRC)

Dalam menghadapi gelombang COVID-19, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengenal pasti beberapa hospital khusus di seluruh negara untuk merawat pesakit COVID-19. Peruntukan khas telah diberikan bagi melaksanakan beberapa pengubahsuaian wad-wad, unit rawatan rapi dan jabatan kecemasan bagi tujuan merawat pesakit COVID-19. Kerja-kerja yang dilaksanakan termasuk pengubahsuaian ruang, sistem ventilasi serta beberapa sistem kejuruteraan yang lain serta pembelian peralatan tambahan khusus bagi merawat pesakit COVID-19. Pengubahsuaian juga dilakukan di bangunan-bangunan hospital yang lain termasuk bangunan kolej dan asrama jururawat, bagi membantu menampung beban pesakit COVID-19 yang stabil/berisiko rendah. Kemudahan-kemudahan ini pernah digunakan KKM bagi merawat pesakit dalam gelombang COVID-19 sebelum ini. Kemudahan-kemudahan yang telah tersedia ini akan dibuka semula secara berperingkat pada bila-bila masa sekiranya diperlukan bagi menghadapi gelombang ketiga.

Selain itu, KKM dengan kerjasama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) juga telah berjaya mengubah suai pusat atau dewan pameran di MAEPS Serdang untuk dijadikan pusat rawatan pesakit COVID-19 berisiko rendah berkapasiti 600 katil dalam tempoh empat (4) hari. Kerjasama yang sama boleh dilaksanakan bagi membangunkan pusat-pusat rawatan pesakit COVID-19 berisiko rendah di seluruh negara sekiranya diperlukan bagi menampung beban pesakit semasa gelombang ketiga.

Rajah 6.5 Hala Tuju Seksyen PFK



Sumber: Seksyen PFK, Bahagian Perancangan, KKM

SEKSYEN PERANCANGAN eHEALTH

PROJEK PELAKSANAAN ELECTRONIC MEDICAL RECORD (EMR) DI HOSPITAL DAN KLINIK KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA DI NEGERI SEMBILAN

Bagi memastikan penjagaan kesihatan dan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang lebih cekap, cepat dan telus kepada rakyat, KKM sentiasa berusaha ke arah pengurusan maklumat kesihatan secara bersepadu melalui inisiatif EMR Kebangsaan yang bakal dilaksanakan secara berfasa di semua fasiliti KKM. Sehingga kini, sebanyak 37 daripada 146 buah hospital (25%), 96 daripada 1,090 buah klinik kesihatan (9%) dan 31 daripada 642 buah klinik pergigian (5%) telah disediakan dengan Sistem Rekod Kesihatan Elektronik atau *Electronic Medical Record* (EMR).

Sebanyak empat (4) siri bengkel telah dilaksanakan bagi Penyediaan Dokumen Bersepadu Permulaan Projek *Electronic Medical Record* (EMR) Kebangsaan diakhiri dengan Mesyuarat Memuktamadkan Skop & Kos dalam Pengecualian Makmal yang telah diadakan pada 12 hingga 15 Oktober 2020. Dalam mesyuarat tersebut, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah meluluskan peruntukan sejumlah RM140 juta bagi Projek Pelaksanaan *Electronic Medical Record* (EMR) di Hospital dan Klinik Kementerian Kesihatan Malaysia di Negeri Sembilan dengan tempoh pelaksanaan projek selama 36 bulan mulai 1 September 2021 sehingga 31 Ogos 2024 termasuk satu tahun tempoh jaminan.

Objektif projek adalah:

- Mewujudkan sistem rekod kesihatan secara bersepadu untuk memudahkan akses kepada maklumat di mana-mana fasiliti kesihatan dikunjungi (*point of care*) di Negeri Sembilan;
- Menambah baik kesinambungan rawatan dan kualiti rawatan (*continuity and quality of care*) di semua fasiliti Kesihatan di Negeri Sembilan; dan
- Menaik taraf data kesihatan populasi (*population health*) supaya dapat dipantau secara menyeluruh bagi membantu perancangan sistem kesihatan yang teratur.

Imej 6.6

Sesi Perbincangan dengan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU)



Sumber: Seksyen eHealth, Bahagian Perancangan, KKM

PROJEK PEMBANGUNAN RANGKA KERJA KAWALSELIA PERKHIDMATAN KESIHATAN ATAS TALIAN SWASTA DI MALAYSIA

Terdapat pelbagai syarikat swasta yang menawarkan perkhidmatan seperti teleperubatan dan *mobile medicine* menerusi platform digital atas talian. Memandangkan perkhidmatan sebegini masih belum mempunyai mekanisme pendaftaran dan kawalselia yang spesifik, KKM telah mengambil inisiatif untuk membangunkan rangka kerja kawalselia Perkhidmatan Kesihatan Atas Talian (*Online Healthcare Services*, OHS) swasta untuk memastikan ianya selamat dan berkualiti.

Bahagian Perancangan bersama Alpha Catalyst Consulting Sdn. Bhd. telah melaksanakan satu kajian berkenaan Pembangunan Rangka Kerja Kawalselia Perkhidmatan Kesihatan Atas Talian Swasta di Malaysia dari 6 Mac 2020 hingga 5 Januari 2021. Hasil kajian tersebut, dicadangkan *Regulatory Lab* diwujudkan agar pihak KKM dapat menguji perkhidmatan kesihatan atas talian dalam persekitaran yang terkawal di bawah pemantauan KKM. Seterusnya, instrumen kawalselia yang sesuai dapat dikenal pasti dan keperluan pembangunan undang-undang baharu atau penambahbaikan undang-undang dan peraturan sedia ada dapat ditentukan.

Voluntary Registration for Private OHS dalam *National Regulatory Sandbox* (NRS) akan dilaksanakan bermula suku tahun ketiga 2021 secara kolaborasi dengan Futurise Sdn. Bhd.

Imej 6.7

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Rangka Kerja Kawalselia Perkhidmatan Kesihatan atas Talian Swasta di Malaysia



Sumber: Seksyen eHealth, Bahagian Perancangan, KKM

KURSUS PEMANTAPAN PENGGUNAAN SISTEM MALAYSIA HEALTH INFORMATION EXCHANGE (MyHIX) 2.0 UNTUK FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Kursus Pemantapan Penggunaan Sistem *Malaysia Health Information Exchange* (MyHIX) 2.0 untuk Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia telah dilaksanakan di Hospital Shah Alam pada 22 hingga 23 Julai 2020 dan di Hospital Tunku Azizah pada 18 hingga 19 Ogos 2020. Kursus ini merupakan salah satu sesi Pengurusan Perubahan (*Change Management*) yang diadakan bersama wakil fasiliti KKM iaitu *change agents* yang telah dilantik dan bertanggungjawab bagi fasiliti masing-masing.

Objektif kursus ini adalah untuk:

- Meningkatkan kesedaran dan pengetahuan warga hospital tentang pelaksanaan sistem MyHIX 2.0 di fasiliti tersebut.
- Memantapkan kemahiran penggunaan sistem MyHIX 2.0 dalam kalangan warga hospital.
- Memperkukuhkan perancangan Program Pengurusan Perubahan bagi sistem MyHIX 2.0 di peringkat Jabatan/Unit dalam meningkatkan penggunaan sistem tersebut di fasiliti.

Imej 6.8

Kursus Pemantapan Penggunaan Sistem Malaysia Health Information Exchange (MyHIX) 2.0 untuk Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia



Sumber: Seksyen eHealth, Bahagian Perancangan, KKM

BAHAGIAN PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN

Perkhidmatan Kejuruteraan Kesihatan merupakan salah satu asas yang perlu ke arah mewujudkan fasiliti kesihatan berkualiti yang seterusnya dijangka akan dapat memperkenalkan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan penjagaan pesakit, membangunkan bisnes modal untuk kejuruteraan kesihatan, berkeupayaan meningkatkan pengetahuan, berinovasi dan memupuk minda kelas pertama dalam kejuruteraan kesihatan melalui pengaplikasian teknologi baru. Oleh itu, memperkasakan Kejuruteraan Kesihatan adalah strategi yang paling relevan dan transformatif dalam meningkatkan perkhidmatan kesihatan secara berterusan.

Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan (BPKj) terdiri daripada:

- i. Cawangan Perkhidmatan (Sektor Implementasi Projek, Sektor Kawalselia Perkhidmatan Sokongan Hospital, Sektor Operasi Klinik dan Sektor Program Lestari)
- ii. Cawangan Regulatori (Sektor Kejuruteraan Sanitasi dan Air, Sektor Risiko Alam Sekitar dan Sektor Sisa & *Hygiene*)
- iii. Cawangan Perancangan (Sektor Perkembangan Kejuruteraan & Pengurusan Aset Tak Alih (PATA) dan Sektor Teknikal dan Korporat)
- iv. Sektor Biomedikal

AKTIVITI KAWALAN DAN PENCEGAHAN SEMASA PANDEMIK COVID-19

1. Merancang, memantau dan mengkoordinasi pelan tindakan perkhidmatan kejuruteraan dan turut serta dalam Mesyuarat Koordinasi CPRC Kebangsaan serta Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan COVID-19.
2. Terlibat dalam pengurusan data pandemik COVID-19 di Bilik Gerakan CPRC Kebangsaan.
3. Menguruskan penyediaan fasiliti dan sistem-sistem isolasi pesakit, kawalan infeksi melalui pemantauan *Indoor Air Quality* (IAQ), kemudahan khemah khas, bekalan air, sanitasi dan perkhidmatan kejuruteraan lain di semua fasiliti kesihatan KKM, termasuk PKRC MAEPS 2.0.
4. Membangunkan garis panduan dan proses kerja bagi membantu pihak negeri, fasiliti kesihatan, agensi lain dan syarikat konsesi/kontraktor.
5. Melaksanakan penilaian teknikal serta memberikan khidmat nasihat teknikal dan kepakaran melibatkan peralatan perubatan, perkhidmatan kejuruteraan dan sokongan kepada fasiliti kesihatan KKM, agensi lain dan syarikat konsesi/kontraktor.
6. Mengawal selia Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) di stesen kuarantin (SK) dan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) – HSC AKEPT dan HSC AAN semasa Misi Bantuan Kemanusiaan & Bencana (HADR), SK Malbatt Village, PKRC MAEPS 1.0 dan PKRC Bersepadu MAEPS 2.0 (*Imej 6.9*).

Imej 6.9

Khidmat Nasihat Teknikal Kejuruteraan dan Kawalselia PSH




Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

7. Kerjasama dengan Universiti dan Industri dalam Penyelidikan & Pembangunan (R&D) serta perkongsian teknologi berkaitan COVID-19 seperti Field Hybrid Intensive Care Unit (FHICU), Ventilator teknologi 3D, Splitter kit, PAPR dan banyak lagi. (Imej 6.10)

Imej 6.10

Kerjasama Dengan Agensi Lain dalam Projek R&D Berkaitan COVID-19




Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

SEKTOR IMPLEMENTASI PROJEK

Projek yang dilaksanakan di bawah RMK-10 dan RMK-11 melibatkan pembinaan fasiliti baru (hospital, klinik dan kuarters), naik taraf, pengubahsuaian, pembaikan dan penggantian sistem kejuruteraan dan bangunan di fasiliti kesihatan. Pada tahun 2020, sebanyak 230 projek telah dilaksanakan dengan 16 daripadanya merupakan projek baru. 160 projek telah siap. 51 projek dalam fasa perancangan manakala 19 projek lagi dalam fasa pembinaan. **Rajah 6.6** menunjukkan projek yang telah siap dan juga diuruskan oleh BPKj.

Rajah 6.6
Projek Siap Tahun 2020



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

Beberapa projek khas juga telah disiapkan oleh BPKj iaitu Klinik Kesihatan Kuala Lumpur (KKKL), Institut Kesihatan Negara (NIH) dan Kuarters Jalan Bangsar. Sementara Klinik Kesihatan Bangsar, Anjung Kasih Hospital Kuala Lumpur dan Pembangunan Semula Klinik Kesihatan Dato' Keramat sedang dalam fasa perancangan.

BPKj melalui 212 firma perunding daripada pelbagai bidang kejuruteraan, arkitek dan juruukur telah merekabentuk dan membuat penyeliaan di tapak. Sebanyak RM2.764 bilion telah dibelanjakan dalam melaksanakan projek-projek di bawah RMK-10 dan RMK-11. **Imej 6.10** menunjukkan lawatan oleh Pengurusan Tertinggi KKM ke projek-projek yang diuruskan oleh BPKj dan projek yang disiapkan dalam tahun 2020.

Imej 6.10
Projek yang Dilaksanakan dan Siap Tahun 2020



Modular OT
Hospital Sultanah
Fatimah, Muar



Chiller Room
Hospital Tengku Ampuan
Rahimah, Klang



Hospital Semporna
Quarters, Sabah



Jalan Bangsar Quarters,
Kuala Lumpur (Land
Swap)

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

SEKTOR KAWALSELIA PERKHIDMATAN SOKONGAN HOSPITAL (PSH)

PERKHIDMATAN SOKONGAN HOSPITAL (PSH)

Sektor ini bertanggungjawab dalam mengawal selia pelaksanaan Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) oleh lima (5) syarikat konsesi dan enam (6) syarikat bukan konsesi supaya mematuhi keperluan perjanjian konsesi yang telah ditandatangani. Skop kontrak konsesi adalah seperti di **Jadual 6.2**.


Jadual 6.2
Skop Kontrak Konsesi

Perkhidmatan Pengurusan Fasiliti (FMS)	Koordinasi pengurusan lima perkhidmatan yang lain bagi memastikan hospital/institusi dapat beroperasi dengan baik dan selamat.
Perkhidmatan Pengurusan Kejuruteraan Fasiliti (FEMS)	Penyelenggaraan dan pengoperasian semua loji dan sistem, penyelenggaraan semua aset (bukan peralatan biomedikal), aktiviti kawalan serangga dan penyelenggaraan tanah dan lanskap.
Perkhidmatan Pengurusan Sisa Kesihatan (HWMS)	Pengumpulan, penyimpanan, pengangkutan, rawatan dan pelupusan sisa kesihatan yang dihasilkan oleh Hospital/ Insitutsi Kontrak
Perkhidmatan Pembersihan (CLS)	Memberikan Perkhidmatan Pembersihan di lokasi perubatan, khusus dan juga am mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
Perkhidmatan Linen dan Dobi (LLS)	Penghantaran linen bersih yang mencukupi ke Hospital/ Institusi Kontrak, pengutipan linen kotor dan juga perkhidmatan pendobian.

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

Pada tahun 2020, bilangan hospital dan institusi yang terlibat dengan kontrak perjanjian PSH adalah sebanyak 145 bernilai RM143 juta. **Rajah 6.7** menunjukkan kontrak perjanjian yang terkini. **Jadual 6.3** menunjukkan bilangan aset yang terlibat dengan PSH pada tahun 2018 hingga 2020.

Rajah 6.7
Bilangan Hospital/Institusi Mengikut Syarikat Konsesi



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

Jadual 6.3
Bilangan Aset PSH Tahun 2018 hingga 2020


Item	2018	2019	2020
Bilangan Hospital/ Institusi	148	148	145
Luas Lantai (m2)	18,278,987	17,400,388	20,905,892
Aset FEMS	701,841	831,666	573,366

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

JAWATANKUASA PEMANTAUAN PROJEK (PMC) PSH


Mesyuarat PMC PSH yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia merupakan satu platform bagi membincangkan hal-hal polisi, isu PSH dan penilaian prestasi syarikat dalam pelaksanaan perkhidmatan yang diberikan. Penilaian prestasi ini akan mendorong syarikat dalam memberi perkhidmatan yang lebih baik. Prestasi Penilaian Syarikat (CPA) adalah seperti [Rajah 6.8](#) dan [Rajah 6.9](#).

Rajah 6.8
Markah CPA (Syarikat Konsesi)



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

Rajah 6.9
Markah CPA (Syarikat Non Konsesi)



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI)

Sektor ini juga membangunkan KPI yang merujuk kepada pencapaian peratusan uptime peralatan dan sistem bagi Perkhidmatan Kejuruteraan Fasilitas (FEMS) dengan penanda aras (*target*) yang telah ditetapkan adalah 93.00 peratus. Bagi tahun 2020, pencapaian uptime peralatan dan sistem bagi FEMS adalah sebanyak 99.41 peratus di mana ianya melebihi KPI penanda aras (*target*) yang ditetapkan iaitu 93.00 peratus. **Rajah 6.10** menunjukkan Pencapaian KPI bagi Tahun 2018 hingga 2020.

Rajah 6.10
Pencapaian KPI bagi tahun 2018 hingga 2020



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

KERJA-KERJA KECEMASAN DI HOSPITAL DAN FASILITI TERLIBAT BAGI PERSEDIAAN ISU JANGKITAN COVID-19 DI MALAYSIA

Sektor ini juga terlibat dengan kerja-kerja kecemasan di hospital dan fasiliti yang terlibat bagi persediaan isu jangkitan Covid-19. Antara kerja-kerja tersebut adalah seperti kerja-kerja sewaan sebanyak lapan (8) unit *Mobile UV Disinfection Tower* di hospital COVID-19 terpilih (Sungai Buloh, Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu, Enche' Besar Hajjah Khalsom Kluang, Sultanah Aminah Johor Bahru, Umum Sarawak Kuching, Sibul, Queen Elizabeth I Kota Kinabalu dan Tawau) seperti di **Imej 6.11**. Selain itu, terdapat juga kerja-kerja menaik taraf lima (5) buah hospital (Sultanah Maliha Langkawi, Sungai Buloh, Permai, Umum Sarawak Kuching dan Bintulu) seperti di **Imej 6.12** dan pembelian 299 unit *Portable & Mobile Disinfection* (e.g., *Portable UVGI and Portable Air Decontamination and Cleanliness*) seperti di **Imej 6.13**.

Imej 6.11
Mobile UV Disinfection Tower



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

Imej 6.12
Kerja-Kerja Naiktaraf Bilik Isolasi



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

Imej 6.13
Pembekalan Portable & Mobile Disinfection



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

SEKTOR OPERASI KLINIK

PERKHIDMATAN SOKONGAN KLINIK (PSK)

Sektor ini memantau dan mengawasi pelaksanaan program PSK di 228 klinik kesihatan terpilih di seluruh negara dengan kos tahunan sebanyak RM137 juta, melibatkan empat (4) perkhidmatan iaitu Penyelenggaraan Kejuruteraan Fasiliti, Penyelenggaraan Kejuruteraan Biomedikal, Perkhidmatan Pembersihan (CLS) dan Pengurusan Sisa Klinikal. Aktiviti utama melibatkan kerja-kerja Penyelenggaraan Pencegahan Berjadual (PPM) dan Penyelenggaraan Pembaikan (CM) oleh pihak kontraktor. Prestasi kontraktor dinilai melalui Penilaian Prestasi Kontraktor (CPA) setiap enam bulan.

KERJA-KERJA NAIK TARAF DAN PEMBAIKAN SISTEM KEJURUTERAAN DAN KUARTERS DI KLINIK KESIHATAN KKM

Aktiviti ini dilaksanakan di seluruh negara melibatkan kos berjumlah RM20 juta bertujuan memastikan tahap keselamatan dan kefungsi klinik kesihatan pada tahap yang baik memandangkan klinik telah berusia dan memastikan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik kepada orang ramai. Di samping itu, sejumlah RM10 juta diperuntukkan untuk membaiki 895 unit kuarters kakitangan yang telah usang ([Imej 6.14](#)).

Imej 6.14

Pembaikan dan Penyelenggaraan Kuarters Staf



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

SEKTOR PROGRAM LESTARI (SP)

Sektor ini bertanggungjawab untuk melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mencapai status bangunan hijau ke arah fasiliti kesihatan yang lestari. Bagi mengurangkan pelepasan karbon dan mengawal impak perubahan iklim, Kementerian telah melaksanakan pelbagai aktiviti yang komprehensif merangkumi pengurusan tenaga, air, sisa pepejal dan kualiti udara dalaman melalui amalan hijau di semua fasiliti kesihatan. Inisiatif ini juga sebagai menyokong usaha kerajaan untuk mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 45 peratus menjelang tahun 2030.

PENCAPAIAN 2020

KKM telah menjadi contoh terbaik kepada agensi kerajaan dan swasta ke arah pembangunan lestari di dalam dan luar negara melalui kerjasama rapat dengan pelbagai agensi seperti KETSA, SEDA, KASA, ST dan syarikat konsesi. Inisiatif yang telah dilaksanakan berupaya menambahbaik penggunaan tenaga, mengurangkan kos utiliti dan meningkatkan kecekapan operasi melalui penggantian aset yang telah berusia melalui penggunaan teknologi hijau dan produk mesra alam. Ini bagi memastikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik dapat diberikan kepada rakyat dan negara.

PENGIKTIRAFAN HOSPITAL HIJAU PERINGKAT GLOBAL

Sebagai contoh terbaik, Hospital Sultanah Maliha, Langkawi telah dianugerahkan pensijilan antarabangsa *Leadership in Energy and Environmental Design* (LEED) (Imej 6.15). Hospital ini merupakan hospital pertama di dunia dan juga bangunan kerajaan pertama di Malaysia yang telah diperakukan dengan status Emas di bawah kategori *Existing Building Operation & Maintenance Version 4*.

Imej 6.15

Pencapaian Hospital Sultanah Maliha, Langkawi



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

ANUGERAH TENAGA PERINGKAT ASEAN & KEBANGSAAN

Hospital Sungai Buloh telah dinobatkan sebagai naib juara *National Energy Award* (NEA) bagi kategori tenaga boleh baharu (termal) manakala Hospital Jelebu telah merangkul anugerah tempat kedua di *ASEAN Energy Awards 2020* bagi kategori bangunan (Bangunan Kecil & Sederhana) (Imej 6.16).

Imej 6.16 Pengiktirafan Anugerah Tenaga Hospital-Hospital KKM




Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

PENJIMATAN TENAGA

Bermula tahun 2015 sehingga Disember 2020, KKM telah berjaya mencapai penjimatan tenaga sebanyak 360 GigaWatt-Jam (GWj) bersamaan dengan penjimatan kos utiliti sebanyak RM150 juta berbanding tanda aras tahun 2015 dan 2016 serta pengurangan pelepasan karbon melebihi 280 ribu tan. Selain itu, sebanyak 64 buah hospital dan institusi telah mendapat pengiktirafan 2-bintang dan 3-bintang dalam pensijilan *Energy Management Gold Standard* (EMGS) di bawah *ASEAN Energy Management Scheme* (AEMAS) ([Rajah 6.11](#)).

Rajah 6.11 Bilangan Hospital Mendapat Pensijilan AEMAS

	1-star	2-star	3-star
			
	43	60	4

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

PROJEK TENAGA BERIMPAK TINGGI

KKM telah berjaya melaksanakan projek berimpak tinggi melalui kaedah konvensional dan *Energy Performance Contracting* (EPC). Projek ini melibatkan penggantian chiller, lampu LED dan pemasangan sistem solar termal air panas bagi mengurangkan penggunaan tenaga secara berterusan ([Imej 6.17](#)).

Imej 6.17

Projek Tenaga Berimpak Tinggi yang telah Dilaksanakan oleh KKM



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

SEKTOR BIOMEDIKAL

Sektor Biomedikal berperanan untuk melaksanakan koordinasi, pemantauan dan kawalselia ke atas perkhidmatan penyelenggaraan kejuruteraan biomedikal (BEMS) di fasiliti kesihatan KKM di bawah Perjanjian Konsesi Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH), *Program Medical Equipment Enhancement Tenure* (MEET) dan kontrak lain-lain (*non-concession* dan PFI). **Jadual 6.4** merumuskan maklumat berkaitan perkhidmatan BEMS.

Jadual 6.4

Ringkasan Maklumat Perkhidmatan BEMS

Perkara	Konsesi PSH	Bukan Konsesi PSH	Program MEET
Bilangan Fasiliti	148 Hospital/Institusi	7 Hospital/Institusi	3,190 Klinik
Bilangan Peralatan	201,153	6,990	79,611

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

Kontrak MEET yang telah ditandatangani oleh Syarikat Quantum Medical Solutions Sdn. Bhd. pada 17 April 2014 adalah bagi tempoh 13 tahun. Antara skop yang terlibat ialah: -

- Pelaksanaan penyelenggaraan komprehensif bagi peralatan biomedikal di 2,071 Klinik Kesihatan dan 1,119 Klinik Pergigian yang terlibat (Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Perak, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, WP Labuan dan ILPKM Georgetown).
- Pembekalan peralatan biomedikal yang baru di bawah GAP.
- Pelaksanaan kerja-kerja pembinaan dan pengubahsuaian (KKPP) bagi pembekalan peralatan yang terlibat.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang dipantau bagi perkhidmatan BEMS adalah peratusan *uptime* peralatan biomedikal. Pencapaian tahun 2020 adalah seperti di **Jadual 6.5**.


Jadual 6.5
Pencapaian KPI Uptime Tahun 2020

Indikator	Bil. Peralatan		Pencapaian (peratus)	Sasaran (peratus)
	Dipantau	Mencapai uptime		
Uptime bagi jumlah peralatan BEMS di bawah perjanjian konsesi PSH	136,360	132,632	97.27	≥ 93.0
Uptime bagi jumlah peralatan biomedikal di bawah program MEET	79,611	78,522	98.63	≥ 92.0

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

Sektor Biomedikal juga melaksanakan pembekalan, naik taraf, modernization dan penggantian peralatan perubatan untuk fasiliti KKM melalui kaedah Pembekalan & Pemasangan, Perkhidmatan Secara Sewaan dan *Program Replacement Through Maintenance* (RTM). Aktiviti yang dilaksanakan adalah berkaitan penyediaan spesifikasi teknikal serta mengawal selia dan menyelaras pelaksanaan kerja-kerja tapak. Rumusan projek peralatan biomedikal yang dilaksanakan pada tahun 2020 adalah seperti [Rajah 6.12](#).

Rajah 6.12
Projek Peralatan Biomedikal Tahun 2020



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

Program RTM telah diperkenalkan sebagai alternatif baharu dalam pengurusan peralatan perubatan yang telah melebihi life span dan masih digunakan di hospital/institusi ([Imej 6.18](#)). Melalui program ini, kos keseluruhan perolehan peralatan perubatan tersebut adalah ditanggung oleh pihak syarikat konsesi dan pihak Kerajaan tidak dibebankan dengan kos capital expenditure. Pada tahun 2020, dianggarkan RM22.5 juta penjimatan kos telah dicapai.

Imej 6.18

Pelancaran Projek RTM di Hospital Sultanah Bahiyah




Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

Sektor Biomedikal bertanggungjawab untuk menyediakan garis panduan KKM, khidmat nasihat teknikal & teknologi dan melaksanakan penyiasatan insiden & forensik berkaitan kejuruteraan biomedikal. Pada tahun 2020, sektor ini telah mengaplikasikan teknologi pencetakan 3D di dalam dua projek inovasi R&D berkaitan pembangunan ventilator dan penggunaan ventilator splitter bagi kegunaan ventilator untuk dua pesakit (Imej 6.19).

Imej 6.19

Sesi Pengujian Ventilator Splitter



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

SEKTOR KEJURUTERAAN AIR DAN SANITASI

BEKALAN AIR DAN KEBERSIHAN ALAM SEKELILING (BAKAS)

Pelaksanaan Program BAKAS ini berdasarkan Rancangan Lima Tahun Malaysia dengan peruntukan tahunan sebanyak RM9.5 juta bagi tahun 2020. Jenis kemudahan asas yang disediakan di bawah program ini adalah sistem bekalan air bersih seperti sistem paip graviti, telaga terkawal dengan atau tanpa sambungan ke rumah, sistem tadahan air hujan, sambungan ke paip pihak berkuasa air (sekiranya ada) di kawasan luar bandar. Bagi kemudahan sanitasi asas pula, ianya melibatkan tandas sanitari, sistem pengurusan sisa pepejal dan sistem pelupusan air limbah (Imej 6.20).

Imej 6.20


Bekalan Air Melalui Sistem Paip Graviti



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

Rajah 6.13

Liputan Program BAKAS Mengikut Bilangan Rumah Bagi Tahun 2020



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

Pada tahun 2020, sejumlah 955 sistem bekalan air telah dibina membekalkan air bersih kepada 2,925 rumah. Manakala bagi kemudahan sanitasi sebanyak 1,023 buah rumah telah disediakan tandas sanitari, 743 buah rumah telah disediakan sistem pengurusan sisa pepejal (SPSP) dan 463 buah rumah telah disediakan sistem pelupusan air limbah (SPAL) ([Rajah 6.13](#)).

PROGRAM KAWALAN MUTU AIR MINUM (KMAM)

Objektif utama KMAM adalah untuk meningkatkan taraf kesihatan awam dengan memastikan air minum yang dibekalkan adalah selamat dan boleh diterima oleh pengguna. Ianya dapat dicapai melalui program pengawalan yang berkesan. Program ini dapat mengurangkan berlakunya penyakit bawaan air atau keracunan yang berkaitan dengan bekalan air awam yang tidak memuaskan. Jabatan kerajaan dan syarikat pembekal air berkaitan akan dimaklumkan segera jika kualiti air minuman semakin merosot bagi membolehkan tindakan pencegahan atau pemulihan diambil sebelum sebarang wabak penyakit atau keracunan boleh berlaku.

Ini melibatkan pengambilan sampel air daripada lebih 469 loji rawatan air dan 563 rangkaian bekalan air seluruh negara. Sejumlah 190,228 sampel air telah diambil untuk diuji. Ianya merangkumi parameter fizikal, mikrobiologikal, kimia, logam berat dan pestisid serta racun rumpai pada tahun 2020 ([Imej 6.2.14](#)). Disamping itu, KMAM telah melaksanakan Program Jaminan Kualiti (QAP) di seluruh negara sejak tahun 1993 bagi meningkatkan keberkesanan program ini.

Imej 6.21

Aktiviti Persampelan Air



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

PEMANTAUAN SANITASI PUSAT PELANCONGAN

Pemantauan sanitasi di pusat pelancongan ini adalah berdasarkan kepada empat (4) skop kemudahan sanitasi yang disediakan oleh pengusaha pusat pelancongan berkenaan iaitu kemudahan pengurusan sisa pepejal, saliran air, pengurusan air kumbahan dan kebersihan bilik air/tandas. Pengredan diberikan kepada kemudahan tersebut berdasarkan syarat dan keperluan seperti yang telah ditetapkan oleh pihak KKM. Pada tahun 2020, pemantauan telah berjaya dilaksanakan ke atas 196 buah pusat pelancongan seluruh negara. Terdapat penurunan pemantauan bilangan pusat pelancongan berbanding pada tahun sebelumnya kerana penutupan pusat pelancongan akibat pandemik COVID-19 dan kerja-kerja penyelenggaraan.

SEKTOR RISIKO KESIHATAN ALAM SEKITAR

NATIONAL ENVIRONMENTAL HEALTH ACTION PLAN (NEHAP)

Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan (ESD) sebagai Sekretariat NEHAP memantau Pelan Tindakan NEHAP oleh 11 Kumpulan Kerja Tematik (TWG) sebagai strategi menangani masalah dan isu kesihatan alam sekitar di peringkat kebangsaan. Pada tahun 2020, mesyuarat Jawatankuasa Pemandu NEHAP Malaysia No.1/2020 yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia telah diadakan pada 10 Disember 2020. Manakala Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal NEHAP Malaysia yang dipengerusikan oleh Pengarah ESD, KKM telah diadakan pada bulan Mac dan Ogos 2020. Pencapaian NEHAP Malaysia pada tahun 2020 adalah seperti yang ditunjukkan dalam [Rajah 6.14](#).

Rajah 6.14

Pencapaian NEHAP Tahun 2020

Garis Panduan Pengurusan Pembuangan Sisa Pepejal Tidak Sempurna Di Negeri-Negeri yang Tidak Menerima Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672) oleh TWG 3: Sisa Pepejal
A Quick Reference Databases of Toxic Chemicals oleh Jawatankuasa Pakar Kesihatan Alam Sekitar - Pasir Gudang.
Kompilasi Pelan Tindakan TWG NEHAP Malaysia 2016-2020 oleh Sekretariat NEHAP.

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

Persidangan NEHAP Malaysia 2020 telah diadakan pada 24 September 2020 bertemakan “*Water and Health: Collaborative Efforts on Health and the Environment*” yang dirasmikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. Empat pembentangan lisan telah dibentangkan oleh wakil dari Akademi Sains Malaysia, Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd., ALS Technichem (M) Sdn. Bhd. dan Universiti Sains Malaysia (Imej 6.22).

Imej 6.22
Persidangan NEHAP 2020



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

ENVIRONMENTAL HEALTH PROTECTION UNIT (PEKA)

Sepanjang tahun 2020, aktiviti PEKA tertumpu pada pembangunan aplikasi Sistem EHRI, *Train of Trainers* (TOT) dan pelaksanaan Penilaian EHRI untuk Lembangan Cameron Highlands dan Lembangan Sungai Semenyih (Rajah 6.15).

Rajah 6.15
Status Pembangunan Aplikasi Sistem EHRI pada 2020

Lapan (8) siri Mesyuarat & Perbincangan Teknikal dan Internal Test mengenai Modul 1 & 2 telah dilaksanakan – 100 peratus siap	
Enam (6) siri Mesyuarat & Perbincangan Teknikal telah dijalankan untuk Pembangunan Modul 3 – 85 peratus siap	

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

Dua (2) sesi Taklimat *Train of Trainers* (TOT) telah diadakan untuk memberi pemahaman mengenai kaedah menggunakan Sistem EHRI, Modul 1 & 2 dengan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) yang terpilih pada bulan Julai. Laporan penilaian EHRI Lembangan Sungai Cameron dan Lembangan Sungai Semenyih telah berjaya disiapkan untuk tindakan selanjutnya oleh Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) yang berkaitan. Beberapa Mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal telah diadakan berkaitan Nota Kerjasama Antara BPKj & MYSA (Imej 6.23)

Imej 6.23

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Teknikal



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM


23 laporan EIA telah diterima oleh PEKA untuk ulasan teknikal mengikut keperluan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) EIA, 2015 dan diserahkan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk kelulusan.

UNIT KUALITI UDARA (UKU)

Aktiviti pengawasan dan pemantauan Kualiti Udara Dalam (IAQ) di 18 premis Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dilaksanakan sejak 2014. Ini termasuk bangunan Ibu Pejabat KKM dan pejabat Jabatan Kesihatan Negeri (JKN). Aktiviti IAQ adalah untuk memastikan bahawa parameter IAQ di 18 premis KKM yang dipilih mematuhi Tata Amalan Industri Kualiti Udara Dalam (IAQ), 2010 di bawah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Malaysia. Pada tahun 2020, aktiviti ini telah dilaksanakan di 3 blok Ibu Pejabat KKM dan 9 di Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) (Imej 6.24).

Imej 6.24

Aktiviti Pemantauan & Pengawasan IAQ di Premis KKM



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

Selain itu, aktiviti khidmat nasihat dan penilaian teknikal produk-produk berkaitan COVID-19 untuk digunakan semula menggunakan *Ultraviolet Germicidal Irradiation* (UVGI) dan *Hydrogen* telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020.

SEKTOR SISA DAN *HYGIENE*

Melalui Resolusi WHA72.7 mengenai “Air, sanitasi dan kebersihan di fasiliti penjagaan kesihatan”, Program Pemantauan Bersama WHO/UNICEF untuk Bekalan Air, Sanitasi dan Kebersihan telah mengkategorikan indikator WASH untuk fasiliti penjagaan kesihatan kepada lima (5) peruntukan iaitu air, sanitasi, kebersihan, pengurusan sisa penjagaan kesihatan dan pembersihan alam sekitar dan selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 3 mengenai kesihatan dan SDG 6 mengenai air dan sanitasi yang diuruskan dengan selamat).

Aktiviti Sektor Sisa dan *Hygiene* (SH) fokus kepada pengukuhan pemantauan dan pengawasan WASH di fasiliti penjagaan kesihatan melalui formulasi Pelan Perancangan Strategik Kebangsaan untuk WASH di Fasiliti Penjagaan Kesihatan KKM dalam membangunkan roadmap kebangsaan dan menetapkan sasaran, memperbaiki infrastruktur dan sumber manusia untuk program WASH yang mampan. Program WASH akan menjadi aktiviti penting di dalam RMK-12.

Borang Maklumat Asas Fasiliti Penjagaan Kesihatan di Bawah Kementerian Kesihatan telah diformulasi, bertujuan untuk memperoleh maklumat asas WASH di lokasi-lokasi trial run di Negeri Pahang dan Negeri Johor berdasarkan kriteria dan sub-kriteria seperti di **Jadual 6.6** sebelum upscaling dan pelaksanaan di seluruh negara. Hasil analisis akan dijana berdasarkan tangga perkhidmatan bagi setiap peruntukan WASH di fasiliti penjagaan kesihatan dalam konteks SDGs. Oleh kerana COVID-19, aktiviti yang dirancang terpaksa ditangguhkan atau aktiviti dikurangkan. Aktiviti perolehan maklumat asas di fasiliti penjagaan kesihatan akan dirancang semula pada awal tahun 2021.

Jadual 6.6
Kriteria dan Sub-Kriteria Perolehan Maklumat Asas WASH di Fasiliti Penjagaan Kesihatan di bawah KKM

Kriteria	Sub-Kriteria
Lokasi	i) Bandar; ii) Luar bandar; iii) Terpencil
Jenis Fasiliti	i) Hospital Negeri; ii) Hospital Pakar Major; iii) Hospital Pakar Minor; iv) Hospital Bukan Pakar; v) Hospital dan Institusi Khusus; vi) Klinik Kesihatan (meliputi KK Jenis 1-7, Klinik Kesihatan Ibu dan Anak, Klinik Komuniti dan Klinik Desa) ; vii) Klinik Pergigian Stand Alone
Status Penswastan	i) Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) – Konsesi; ii) PSH – Kontrak; iii) PSH – Private Finance Initiative (PFI) ; iv) Perkhidmatan Sokongan Klinik (PSK) – Kontrak; v) Bukan PSK

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

Selain itu, Sektor SH juga terlibat dengan kolaborasi inter dan intra-agensi sepanjang tahun 2020 seperti di **Jadual 6.7**.

Jadual 6.7
Penglibatan Sektor SH dengan Kolaborasi Inter dan Intra-Agensi

Bil.	Projek	Keterangan Projek
1.	SOP Pencegahan dan Pengawasan Penyakit COVID-19	SOP dibangunkan sebagai panduan dalam melaksanakan perkhidmatan sokongan di Stesen Kuarantin.
2.	Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT)	Pengemukaan borang soal selidik (questionnaire) mengenai pengurusan sisa COVID-19.
3.	The National Sustainable Consumption and Production Blueprint 2020-2030 (SCP) and Development of GGP guideline.	Memberikan input kepada Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenaan pengurusan sisa secara holistik.
4.	AIPA-ERIA (Economic Research Institute for ASEAN and East Asia) Online Joint Dialogue to Support on Waste Management in the Context of COVID-19 Pandemic	Online joint dialogue pada 16 Julai 2020, mengenai pengurusan sisa di dalam konteks pandemik COVID-19.
5.	Pembangunan Malaysian Standards (MS) bagi Good Healthcare Waste Management	Mesyuarat Kumpulan Kerja dipengerusikan oleh Ketua Sektor.

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

CAWANGAN PERANCANGAN

SEKTOR TEKNIKAL DAN KORPORAT

Unit Teknikal dan Teknologi Kejuruteraan (UTTK) terlibat dalam memberikan khidmat nasihat teknikal berkaitan teknologi kejuruteraan dan pemantauan projek-projek di bawah Kerjasama Awam Swasta (PPP)/Inisiatif Kewangan Swasta (PFI). Antara projek semasa ialah Cadangan Pembinaan Hospital Cyberjaya 288 Katil (Reka dan Bina). Pemantauan kerja-kerja fizikal pembinaan Hospital Cyberjaya sedang dilaksanakan dan tarikh jangka siap adalah pada 15 Jun 2021.


Imej 6.25
Blok Utama Hospital Cyberjaya (9 tingkat) dan Mesin CT Scanner



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

Unit Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Swasta memberikan kepakaran teknikal kejuruteraan kepada CKAPS dalam memeriksa pelan dan melakukan pemeriksaan ke atas kemudahan kesihatan swasta untuk mematuhi Akta Perkhidmatan Kemudahan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586) dan peraturannya. Oleh kerana pandemik COVID-19, tahun 2020 telah menyaksikan penurunan dari segi jumlah permohonan. Sebanyak 371 pelan teknikal telah diterima untuk permohonan lesen baru dan pembaharuan berbanding 408 pelan teknikal pada tahun 2019. Selain itu, 72 pemeriksaan pengesahan telah dilakukan setelah pembinaan dan pengubahsuaian kemudahan kesihatan swasta siap ([Rajah 6.16](#)).

Rajah 6.16
Jumlah Pelan Teknikal yang diterima dan Lawatan Pemeriksaan 2018 hingga 2020



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

SEKTOR PERKEMBANGAN KEJURUTERAAN & PENGURUSAN ASET TAK ALIH

Unit Pengurusan Aset Tak Alih (PATA) berperanan untuk melaksanakan semua pengurusan kitar hayat aset tak alih bagi Kementerian Kesihatan Malaysia selaras dengan Pekeliling Am Bil.2 Tahun 2012: Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan.

Antara aktiviti utama unit ini adalah pendaftaran premis dan aset (DPA), pelupusan dan kehilangan/hapus kira aset. DPA adalah pendaftaran identiti untuk premis sedia ada atau premis baru. Untuk premis baru, pendaftaran premis aset (DPA) didaftarkan selepas Sijil Praktikal Siap (CPC) diluluskan. [Jadual 6.8](#) aktiviti pengurusan aset pada tahun 2020.

Melalui strategi pengurusan aset ini, banyak manfaat yang diperolehi KKM iaitu dalam memastikan kepatuhan kepada pekeliling dan juga membantu dalam merancang peruntukan untuk perolehan yang akan datang.

Jadual 6.8
Aktiviti PATA Tahun 2020

Bil.	Aktiviti	Bilangan Aktiviti
1.	Pendaftaran Daftar Premis Aset (DPA)	6 DPA
2.	Pelaporan Penilaian Keadaan	142 Laporan
3.	Pelaporan Pelupusan	131 Laporan
4.	Pelaporan Kehilangan / Hapus Kira	12 Laporan

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

HALA TUJU

Peranan Jurutera di Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan bersama-sama dengan pasukan perubatan, saintis-saintis dan pakar-pakar adalah untuk mencapai visi Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu untuk memberikan perkhidmatan kesihatan kepada pesakit dan melindungi orang awam. Terdapat keperluan komitmen jangka panjang untuk terus melatih kakitangan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan mereka selaras dengan amalan dan standard. Satu sistem pemprosesan yang cepat, cekap dan berkesan adalah perlu untuk penyampaian maklumat dan perkhidmatan bagi memastikan Bahagian ini dapat mengoptimumkan penggunaan infrastruktur, peralatan dan teknologi dalam proses kerja harian.

Sebagai Perkhidmatan Kejuruteraan dan Teknikal kepada Program Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan (BPKj) akan terus merancang, melaksanakan, memantau dan menyelaras program pencegahan kejuruteraan kesihatan menerusi prinsip dan kaedah kejuruteraan kesihatan awam. BPKj komited untuk memberikan sokongan kejuruteraan bagi memastikan fungsi yang berkesan dan tepat bagi bangunan, peralatan dan sistem kejuruteraan, memastikan kebolehpercayaan dan kecekapan pemasangan sistem kejuruteraan dan juga memastikan semua fasiliti kesihatan diselenggara dengan baik pada standard yang telah ditetapkan.

Selaras dengan pandemik COVID-19, Unit Penyelidikan & Pembangunan telah ditubuhkan di BPKj dan ditempatkan di Institut Kesihatan Negara (NIH). Jawatankuasa Khas Pemandu dan Teknikal telah ditubuhkan bagi mengenal pasti isu hospital usang di KKM yang berusia melebihi 50 tahun di mana peruntukan khas telah diluluskan untuk melaksanakan penilaian keadaan di 21 hospital pada tahun 2021 dan 26 hospital yang dirancang pada tahun 2022. Pelaksanaan penilaian ini juga akan menentukan pelan induk untuk membaik pulih atau menggantikan hospital tersebut dan juga memastikan keselamatan dan pengoperasian yang berterusan di fasiliti yang terlibat.

BAHAGIAN KAWALSELIA RADIASI PERUBATAN (BKRP)

Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan (BKRP) dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan kuasa-kuasa yang diperuntukkan kepada Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) bagi mengawal aktiviti penggunaan sinaran mengion dalam perubatan di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304). Peranan utama BKRP melibatkan pelbagai aktiviti kawalselia termasuk perlesenan, pemantauan, penguatkuasaan dan pembangunan kod dan standard. BKRP turut melaksanakan kerja-kerja sekretariat bagi Jawatankuasa Penasihat Radiologi (RAC) yang dipengerusikan oleh KPK. Di samping itu, BKRP juga memainkan peranan dalam menyediakan khidmat nasihat teknikal dalam fizik perubatan terutama kepada hospital dan klinik di bawah KKM. Beberapa program keselamatan sinaran di bawah pengendalian BKRP adalah Program Perlindungan Sinaran (RPP), Program Jaminan Kualiti (QAP) dan Pengurusan Audit Kualiti Radiasi dalam perkhidmatan radiologi, radioterapi dan perubatan nuklear di peringkat kebangsaan. BKRP juga terlibat dalam menangani isu-isu kesihatan awam akibat daripada penggunaan sinaran tak mengion dalam sistem telekomunikasi, kabel bervoltan tinggi dan perkakasan di rumah.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN


PERLESENAN DI BAWAH AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984 (AKTA 304)

Sebanyak 917 lesen telah dikeluarkan kepada institusi perubatan swasta pada tahun 2020., termasuk 290 lesen baru dan 627 lesen membaharui. Secara keseluruhan, terdapat 4,921 institusi perubatan kerajaan dan swasta yang terdiri daripada 1,048 buah hospital/klinik kerajaan dan 3,873 buah institusi perubatan swasta seperti dalam [Rajah 6.17](#).

Sementara itu, sebanyak 9,382 radas penyinaran berdaftar atau berlesen di kedua-dua sektor kerajaan dan swasta seperti dalam **Rajah 6.18**. Selain radas penyinaran, sebanyak 817 punca bahan radioaktif terdiri daripada 647 punca terkedap dan 170 punca tak terkedap didaftarkan atau dilesenkan di institusi perubatan kerajaan dan swasta seperti dalam **Jadual 6.9**.

Rajah 6.17


Bilangan Institusi Perubatan Berdaftar/Berlesen yang Mempunyai Radas Penyinaran Perubatan



Sumber: Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan, KKM

Rajah 6.18

Bilangan Radas Penyinaran Berdaftar /Berlesen



Sumber: Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan, KKM

Jadual 6.9
Bilangan Bahan Radioaktif yang Berdaftar /Berlesen

Jenis Punca	Perkhidmatan	Bilangan Bahan		Jumlah	
		Kerajaan	Swasta		
Punca Terkedap	Radioterapi	25	59	84	647
	Perubatan Nuklear	221	330	551	
	Penyinaran Darah	7	5	12	
Punca Tidak Terkedap	Perubatan Nuklear	42	128	170	170
JUMLAH		295	522	817	

Sumber: Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan, KKM

AKTIVITI PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN DI BAWAH AKTA 304

Sebanyak 1,187 buah institusi perubatan telah diperiksa yang merangkumi 263 buah klinik/hospital kerajaan manakala 907 buah premis swasta pada tahun 2020. Hasil pemeriksaan mendapati 91.74 peratus institusi perubatan mematuhi keperluan regulatori manakala 8.26 peratus institusi perubatan tidak mematuhi semasa lawatan pemeriksaan dijalankan seperti yang dinyatakan pada **Jadual 6.10**. Tindakan susulan telah diambil untuk memastikan semua institusi perubatan mematuhi keperluan regulatori yang telah ditetapkan.

Jadual 6.10
Statistik Lawatan Pemeriksaan Bagi Tahun 2020

Kategori	Bilangan Lawatan	Status Pemuatan	
		Mematuhi	Tidak Mematuhi
KERAJAAN : Pemuatan Kehendak Pendaftaran	280	263	17
SWASTA : Pemuatan Kehendak Perlesenan	907	826	81
Jumlah	1,187	1,089	98
Peratus Pemuatan (%)		91.74	8.26

Sumber: Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan, KKM

Di samping itu, sebanyak 12 lawatan audit telah dilakukan ke atas Syarikat Juruperunding Fizik Perubatan yang melakukan ujian kawalan kualiti di premis-premis swasta. Semua pengujian yang dilakukan mematuhi prosedur pengujian yang telah diluluskan. Sepanjang tahun 2020, tiada sebarang tindakan undang-undang dilakukan. Walau bagaimanapun, terdapat satu (1) tindakan serbuan yang telah dilakukan pada tahun 2019 ke atas Klinik Pergigian Swasta kerana memiliki radas penyinaran tanpa mempunyai lesen yang sah di bawah Akta 304 dan kes ini masih dalam siasatan untuk tindakan pendakwaan.

PERKHIDMATAN FIZIK PERUBATAN

Pada tahun 2020, sebanyak 398 khidmat nasihat teknikal yang berkaitan dengan Sinaran Mengion (IR) dan Sinaran Tak Mengion (NIR) telah diberikan kepada hospital dan klinik di bawah KKM. Maklumat terperinci adalah seperti yang disenaraikan dalam **Jadual 6.11**.

Jadual 6.11

Khidmat Nasihat Teknikal Berkaitan Sinaran Mengion (IR) dan Sinaran Tak Mengion (NIR)

Jenis Aktiviti	Jumlah
Penyediaan dan penilaian spesifikasi modaliti IR dan kemudahan berkaitan	84
Lawatan tapak, khidmat nasihat dan pengujian & pentauliahan (T&C) – • Lawatan T&C, TSA • Kemajuan projek/ lawatan tapak • Pengesahan perisaian ketebalan keselamatan sinaran	119
Lawatan pemeriksaan ke atas fasiliti kerajaan bagi mengesahkan sijil QC radas penyinaran	151
Verifikasi laporan QC radas penyinaran	17
Pengesahan tahap kawalan sekuriti penggunaan bahan radioaktif di bawah kategori 1	4
Khidmat nasihat teknikal berkaitan sinaran tak mengion (NIR) • Penyediaan spesifikasi peralatan MRI • Penilaian spesifikasi peralatan MRI • Penyemakan pelan keselamatan MRI • Pengujian, sesi T&C, ulasan bilik MRI dan telekomunikasi • Taklimat/ dialog NIR	23
JUMLAH	398

Sumber: Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan, KKM

Sepanjang tahun 2020, beberapa dokumen dan kajian berkaitan keselamatan sinaran telah disediakan/ dijilankan seperti berikut:

- Garis Panduan Pemantauan Perkhidmatan Saringan Mamografi
- Laporan Awal Kajian *Scattered Radiation Behind Chest-Stand*
- Draf Buku Log Pengendali Baru Radas Mamografi
- Draf Buku Log Pengendali Baru Radas CT-Scan
- Draf Garis Panduan Penyediaan *Site Security Plan*
- Draf Pelan Kecemasan Radiologikal KKM-CPRC
- Draf Manual Peperiksaan Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran (Perubatan)
- Draf Kriteria Pusat Latihan Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran (Perubatan)

KERJASAMA TEKNIKAL ANTARA AGENSI DAN PEMBANGUNAN LATIHAN

1. Pada 2 hingga 6 Disember 2019, KKM telah menerima kunjungan daripada *Director General of Afghanistan Atomic Energy High Commission and Head of Regulatory Body* melalui *International Atomic Energy Agency (IAEA) Scientific Visit: Governmental and Regulatory Infrastructure for Radiation Safety*.
2. BKRP telah mengiktiraf 150 sesi latihan *continuous medical education (CME)* di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984).
3. Sejumlah 140 jam ceramah telah diberi oleh pegawai-pegawai di BKRP kepada personel yang terlibat dalam aktiviti sinaran perubatan bagi memberi hebahan keselamatan sinaran.

HALA TUJU

Keselamatan sinaran perubatan menjadi semakin penting kerana ia akan menjadi salah satu faktor penyumbang untuk meningkatkan kualiti penggunaan radas penyinaran dan bahan radioaktif. BKRP akan menyediakan kepakaran, keupayaan teknikal dan teknologi maklumat berkaitan sinaran mengion dan sinaran tak mengion untuk perlindungan sinaran yang lebih baik kepada pesakit, pekerja dan orang awam.

Penubuhan BKRP adalah untuk memperkukuh dan memperluaskan aktiviti keselamatan sinaran perubatan sedia ada bagi mematuhi semua standard dan keperluan peraturan semasa berkaitan dengan keselamatan, sekuriti dan kawalseliaan untuk keperluan perkhidmatan KKM. BKRP akan terus menyediakan kawalan yang berkesan dan cekap ke atas penggunaan sinaran mengion dalam bidang perubatan untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pesakit, pekerja dan orang awam terjamin melalui pendekatan transformasi, teknologi, inovasi dan kualiti.

Di samping itu, aktiviti dan program yang sedia ada akan diperluaskan sejajar dengan perkembangan teknologi yang melibatkan penggunaan modaliti sinaran untuk memenuhi keperluan perubatan yang kompleks di samping mematuhi standard dan peraturan semasa yang ditetapkan. Ini termasuk usaha-usaha untuk memperluaskan skop aktiviti berkaitan kawalan sekuriti bahan radioaktif dan sebaran maklumat kepada orang awam. Usaha-usaha ini adalah sejajar dengan visi dan misi yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.


INSTITUT KESIHATAN NEGARA (NIH)

Sepanjang tahun 2020, kakitangan NIH terus berusaha melaksanakan penyelidikan, latihan dan perundingan berkaitan kesihatan yang berkesan dan berimpak tinggi bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat walaupun menghadapi wabak COVID-19 yang sangat mencabar.

Salah satu usaha utama di NIH sepanjang pandemik ini adalah kerjasama antara Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan agensi-agensi lain dalam membina model ramalan *susceptible-exposed-infectious-recovered* (SEIR) bagi membantu pembuat dasar dalam pengurusan wabak COVID-19 dengan lebih berkesan. Institut Penyelidikan Tingkah laku Kesihatan (IPTK) juga telah menjalankan kajian berkaitan pemahaman komuniti tentang penjarakan fizikal bagi mengawal jangkitan COVID-19.

Pada tahun 2020, sebanyak 389 artikel saintifik berjaya diterbitkan dalam jurnal indeks ([Rajah 6.19](#)). Sejumlah 364 penerbitan telah diedarkan dalam pelbagai bentuk format. Oleh kerana amalan norma baharu dalam kehidupan seharian kita, 278 latihan teknikal telah dijalankan sepanjang tahun 2020 dan kebanyakannya menggunakan medium dalam talian.

Rajah 6.19
Pencapaian Tahunan NIH 2020



Sumber: NIH, KKM


INSTITUT PENYELIDIKAN PERUBATAN (IMR)

MAKMAL COVID-19

Sejak Januari 2020, Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) telah bersiap siaga dalam menghadapi penularan penyakit COVID-19 di Malaysia, berikutan penularan wabak tersebut di Wuhan, China. Susulan perkongsian maklumat jujukan genom penuh (*full genome sequence*) coronavirus ini oleh para saintis China pada 11 Januari 2020, para penyelidik IMR telah berjaya menyiapkan protokol ujian diagnostik *reverse transcriptase-polymerase chain reaction* (RT-PCR) seminggu sebelum ianya dibangunkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Proses optimisasi ujian RT-PCR telah dijalankan dan bahan-bahan reagen telah dibekalkan kepada Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK), Sungai Buloh bagi memulakan ujian diagnostik COVID-19 di Malaysia mulai 24 Januari 2020. Pada 25 Januari 2020, kes COVID-19 pertama yang disahkan melalui ujian makmal telah dilaporkan di Malaysia. Makmal COVID-19 di IMR, Kuala Lumpur telah dipindahkan ke IMR Setia Alam, yang mempunyai kapasiti diagnostik yang lebih besar dan telah beroperasi secara rasminya pada 5 Mei 2020.

Imej 6.26

Lawatan Makmal COVID-19, IMR oleh Menteri Kesihatan Malaysia, YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, bersama Timbalan Menteri Kesihatan I & II dan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)



Sumber: IMR

Imej 6.27

Penyediaan Penimbal (Buffer) dan Pengisian Sampel Sebelum Pengeskrakan Asid Nukleik dengan AMTK High-Throughput Liquid Handler di Makmal Bio-Keselamatan Tahap 3



Sumber: IMR

WAKSIN COVID-19

IMR dengan kolaborasi bersama *Malaysian Vaccines and Pharmaceutical Sdn Bhd* (MVP) dan *Tropical Infectious Diseases Research and Education Centre* (TIDREC) di Universiti Malaya, telah menjalankan ujian ke atas vaksin-vaksin yang mempunyai potensi melawan SARS-CoV-2 dari Mac 2020. Dua vaksin yang berpotensi telah digunakan untuk penyelidikan iaitu vaksin *Infectious Bronchitis virus* (IBV) dan avian coronavirus. Usaha kolaboratif ini adalah berdasarkan penyelidikan yang telah dijalankan oleh para saintis di negara-negara lain yang melaporkan IBV dalam burung mempunyai persamaan genetik yang tinggi dengan coronavirus manusia.

Imej 6.28

Makmal Pembangunan Vaksin di Makmal Bio-Keselamatan Tahap 3



Sumber: IMR

MODEL RAMALAN STATISTIK UNTUK KAWALAN WABAK COVID-19

Pasukan penyelidik model ramalan statistik dari Pusat Sumber Khas (SRC), IMR di bawah Institut Kesihatan Negara (NIH) adalah diketuai oleh Dr. Balvinder Singh Gill (Ketua Pusat SRC) dan dianggotai oleh pegawai dari Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan Cepat Krisis (CPRC) Kebangsaan, KKM, Institut Penyelidikan Klinikal (ICR), Sektor Biostatistik dan Data Repositori NIH, universiti awam (Universiti Malaya, Universiti Malaysia Sarawak) dan universiti swasta (Universiti Heriot-Watt Malaysia dan Universiti Perubatan Antarabangsa). Pasukan ini ditubuhkan pada Mac 2020 untuk menyediakan model ramalan statistik wabak COVID-19 di Malaysia untuk menentukan keberkesanan


intervensi kawalan wabak, terutamanya dalam kepatuhan kepada langkah-langkah pencegahan dan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Model tersebut bertujuan memberi ramalan kes harian, aktif dan kumulatif COVID-19 di Malaysia dan dibentangkan secara mingguan di Bilik Gerakan COVID-19, CPRC Kebangsaan KKM. Pemodelan statistik memainkan peranan penting dalam membantu kerajaan menggubal polisi dalam menangani wabak COVID-19.

Imej 6.29

Perbincangan Mengenai Kepelbagaian Konsep Model Ramalan



Sumber: IMR



MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) DAFTAR SEL STEM MALAYSIA (MSCR) ANTARA IMR DAN MAJLIS KANSER NASIONAL (MAKNA)

Daftar Sel Stem Malaysia (MSCR) ditubuhkan pada tahun 2000 sebagai projek bersama antara KKM, Majlis Kanser Nasional (MAKNA) dan IMR. MSCR merupakan daftar yang menyenaraikan maklumat penderma sel stem darah yang terdiri daripada sukarelawan Malaysia bagi membantu pesakit yang menghidap penyakit kronik darah seperti leukaemia. Pada masa ini, terdapat 33,800 penderma sel stem yang berdaftar. Sehingga kini, terdapat sebanyak 16 pemindahan sel stem darah yang sepadan kepada pesakit leukaemia di Malaysia. Pada 10 Februari 2020, satu memorandum persefahaman baharu telah ditandatangani antara Dr. Hj Tahir bin Aris (Pengarah IMR) dan Puan Farahida binti Mohd Farid (Pengurus Besar MAKNA) di IMR, Setia Alam. Majlis telah dihadiri oleh Encik Vemanna Appanah (Timbalan Pengurus Besar MAKNA), Dr. Feisul Idzwan bin Mustapha, Timbalan Pengarah (Penyakit Tidak Berjangkit), Dr. Masita binti Arip (Ketua MSCR) serta pegawai-pegawai Pusat Penyelidikan Alergi dan Imunologi. Memorandum persefahaman baharu ini merupakan kesinambungan daripada memorandum yang telah ditandatangani pada 1999 dan bertujuan meningkatkan kolaborasi projek MSCR dalam meningkatkan penderma stem sel berdaftar.

Imej 6.30

Memorandum Persefahaman antara IMR dan MAKNA



Sumber: IMR

DANA RM3.1 JUTA DARIPADA PERMODALAN NASIONAL BERHAD

Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah menyumbangkan dana sebanyak RM3.1 juta kepada IMR pada 13 Februari 2020 sebagai usaha menyokong agensi kerajaan yang layak untuk pembelian peralatan kesihatan semasa wabak COVID-19. Sejak tahun 2016, PNB telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) berkaitan dana zakat bagi membantu agensi kerajaan yang memerlukan. Dana ini disalurkan ke fasiliti kesihatan untuk pembelian peralatan dialisis, endoskopi dan radiologi bagi membantu perawatan penyakit kronik.

Cadangan kerjasama CSR PNB-IMR telah disediakan oleh Dr. Masita binti Arip dan pasukan kerja Unit Transplantasi Imunologi IMR bagi menaik taraf makmal ujian transplantasi organ dan sel stem darah serta ujian virologi. Cadangan ini diperluaskan ke unit lain di Pusat Penyelidikan Alergi dan Imunologi (AIRC) dan juga Unit Virologi, Pusat Penyelidikan Penyakit Berjangkit (IDRC). Cadangan CSR PNB-IMR turut disokong di peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia dan telah dipersetujui oleh pihak atasan PNB. Pada 13 Februari 2020, surat tawaran Kerjasama CSR PNB-IMR bernilai RM3.1 juta telah disampaikan oleh Encik Aziz bin Anuar (Timbalan Presiden PNB) kepada Dr. Hj Tahir bin Aris (Pengarah IMR). Dana ini adalah untuk pembelian 40 peralatan makmal seperti *fluorescent microscope*, *water purification system*, *thermal cyclers*, *centrifuge concentrator*, *automated cell separator*, *biosafety cabinet* dan lain-lain bagi meningkatkan kualiti dan prestasi perkhidmatan makmal IMR.

Upacara terima surat tawaran daripada PNB dirasmikan oleh Dr. Hj Tahir bin Aris (Pengarah IMR) dan dihadiri oleh pegawai IMR iaitu Dr. Norazah binti Ahmad (Ketua Pusat Penyelidikan Penyakit Berjangkit), Dr. Masita binti Arip (Ketua Pusat Penyelidikan Alergi dan Imunologi), Dr. Norhazlin Mustafa (Ketua Unit Transplantasi Imunologi), Dr. Adiratna binti Mat Ripen (Ketua Unit Immunodefisiensi Primer), Dr. Rozainanee binti Mat Zain (Pakar Perunding Patologi, Unit Virologi). Manakala wakil PNB diketuai oleh Encik Aziz Anuar (Timbalan Presiden Kanan PNB) yang memberikan penerangan berkenaan CSR dan memperkenalkan pegawai PNB yang hadir sama iaitu Encik Zamani Abdullah, Encik Mohamad Rizal, Encik Muhammad Rashidan dan Encik Faizal. Upacara penyampaian sijil penghargaan oleh Dr. Hj Tahir bin Aris (Pengarah IMR) kepada Encik Mohd Razaleigh Zainal (Ketua Perhubungan Awam PNB) telah diadakan pada 15 Mei 2020 bertempat di IMR Kuala Lumpur sebagai menghargai sumbangan pihak PNB kepada IMR.

Imej 6.31

Penyampaian Surat Tawaran oleh En Aziz Anuar, Timbalan Presiden Kanan PNB Kepada Pengarah IMR



Sumber: IMR

Imej 6.32
Lawatan PNB di Makmal IMR



Sumber: IMR

KAJIAN EPIDEMIOLOGI MOLEKULAR MALARIA ASIMPTOMATIK SUBMIKROSKOPIK

Kajian ini diterajui oleh Unit Parasitologi, IMR yang diketuai oleh Cik Adela Ida anak Jiram sebagai ketua penyelidik dengan kerjasama Sektor Kawalan Penyakit Bawaan Vektor KKM dan Jabatan-jabatan Kesihatan Negeri Sabah, Johor, Perak dan Kelantan. Tujuan kajian ini adalah untuk mengesan jangkitan malaria dalam kalangan individu yang tidak bergejala supaya mereka tidak akan menjadi sumber wabak malaria pada masa hadapan. Kajian dijalankan dari tahun 2019 hingga 2022.

Imej 6.33
Aktiviti Mengumpul Sampel Kajian di Lapangan Termasuk Pengambilan Darah Vena, Calitan Darah di atas Slaid Kaca dan Tompokan Darah Kering



Sumber: IMR

Di lapangan, persiapan bahan-bahan untuk pengambilan sampel dibuat bersama-sama. Sampel kajian diambil sama ada di tempat berkumpul orang ramai atau bergerak secara berpasukan dari rumah ke rumah.

Imej 6.34

Penglibatan Dr Hj Tahir bin Aris (Pengarah IMR) dalam Kajian Epidemiologi Molekular Malaria Asimptomatik Submikroskopik



Sumber: IMR

PROGRAM SEAMEO TROPMED NETWORK MALAYSIA

Kursus *Diploma in Medical Microbiology* 2020 telah diadakan pada 13 Januari hingga 21 Jun 2020 di IMR, Institut Kesihatan Negara (NIH), Setia Alam, Selangor. Seramai tujuh (7) peserta yang menyertai kursus tersebut iaitu satu (1) peserta dari setiap negara Myanmar dan Vietnam, manakala lima (5) peserta lagi dari negara Malaysia. Kursus ini mengandungi modul-modul termasuklah modul Bakteriologi, Virologi, Immunologi, Mikologi, Biostatistik dan Epidemiologi dan Biologi Molekul. Kebanyakan pensyarah dan pengajar makmal adalah dari IMR. Terdapat juga pensyarah-pensyarah yang dijemput dari KKM dan universiti-universiti tempatan. Bermula 18 Mac 2020, kelas DMM 2020 diteruskan secara atas talian sebagai kaedah e-pembelajaran untuk kelas kuliah dan demonstrasi sahaja. Keadaan ini adalah disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana penularan wabak COVID-19. Kelas makmal praktikal bagi kursus ditunda dan dijalankan pada bulan Jun 2020 semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dilaksanakan.

Peperiksaan akhir DMM 2020 dijalankan pada 10 Jun 2020 hingga 18 Jun 2020. Peperiksaan ini dijalankan dengan kehadiran pemeriksa luar, iaitu Prof. Dr. Ngeow Yun Foong dari Fakulti Perubatan, Universiti Tunku Abd Rahman dan Prof. Madya Dr. Nazlina Ibrahim dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kesemua tujuh (7) peserta lulus dalam peperiksaan DMM 2020 dan telah dianugerahkan sijil *Diploma in Medical Microbiology* (DMM). Majlis Konvokesyen ke-42 dilaksanakan pada 18 Jun 2020. Majlis ini disempurnakan oleh YBhg. Dr. Haji Tahir bin Aris, Pengarah IMR dan Pengarah SEAMEO TROPMED Network Malaysia. Kursus *Diploma in Applied Parasitology and Entomology* (DAP&E) 2020 yang telah dijadualkan pada bulan Julai 2020 telah ditunda disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Imej 6.35
Program SEAMEO TROPMED Network Malaysia



Sumber: IMR

KERJASAMA ANTARABANGSA DALAM PENYELIDIKAN OPERASI PENGURUSAN VEKTOR BERSEPADU (IVM) BAGI KAWALAN WABAK DENGGI (PROJEK IDEM)

Unit Entomologi Perubatan bersama-sama dengan beberapa agensi luar telah menterai satu perjanjian bersama bagi menjalankan kajian operasi yang melibatkan Pengurusan Vektor Bersepadu (IVM) bagi kawalan wabak denggi. Kerjasama ini adalah sebahagian daripada inisiatif kerjasama antara pihak kerajaan dan swasta. Kajian ini bertajuk *“Effectiveness of novel tools for integrated vector control management on the incidence of dengue in Malaysia: A Cluster Randomized Controlled Trial”* atau *“Projek iDEM”*, yang diketuai oleh Dr. Nurulhusna Ab Hamid. Agensi-agensi yang terlibat dalam kolaborasi ini adalah IMR, London School of Hygiene & Tropical Medicine, Hospices of Lyon, Innovative Vector Control Consortium, Bayer France (Bayer SAS) dan In2Care, The Netherlands.

Tempoh kajian adalah selama tiga (3) tahun bermula dari November 2019 hingga November 2022. Objektif utama adalah untuk menilai keberkesanan IVM yang menggunakan gabungan dua kaedah kawalan vektor baru iaitu *Outdoor Residual Spray* (ORS) dan *Auto Dissemination Device* (ADD) dalam mengurangkan kes denggi di 140 kawasan perumahan jenis strata di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Sehingga Disember 2020, dua (2) kitaran aktiviti ORS berjaya dijalankan dan sebanyak 7005 ADD telah dipasang di semua kawasan kajian.

Imej 6.36
Aktiviti Penglibatan Awam dan Aktiviti Projek iDEM



Sumber: IMR

INSTITUT KESIHATAN UMUM (IKU)

Kajian Kesihatan dan Morbiditi Nasional (NHMS) adalah tinjauan kesihatan nasional di Malaysia sejak tahun 1986. NHMS dilakukan setiap empat (4) tahun sekali sejak 2011. Pada tahun 2020, tema penyakit berjangkit dipilih sebagai fokus utama dalam tinjauan ini.

Imej 6.37

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2020 – Penyakit Berjangkit



Sumber: IKU

NHMS 2020 bertujuan untuk memperolehi maklumat berkaitan dengan penyakit-penyakit berjangkit di Malaysia. Antara modul-modul yang terlibat dalam tinjauan ini adalah:

- Antibodi COVID -19 (Kajian seroprevalens)
- Hepatitis B dan C (Kajian seroprevalens)
- Faktor Risiko Peribadi (*Self-Administered Question*)
- HIV Stigma (*Self-Administered Question*)
- Pencegahan denggi (*Self-Administered Question*)
- Penyakit berkaitan haiwan peliharaan di rumah (*Self-Administered Question*)
- Tuberkulosis (*Computer-Assisted Telephone Interview*)
- Penggunaan antibiotik (*Computer-Assisted Telephone Interview*)
- Kesedaran penyakit malaria (*Computer-Assisted Telephone Interview*)

Buat pertama kalinya, NHMS 2020 menggunakan tiga (3) pendekatan berbeza bagi meminimalkan temuramah bersemuka secara fizikal:

- Pengambilan sampel darah di fasiliti kesihatan di kawasan terpilih;
- Menjawab soalan sendiri (*Self-Administered Question*) yang kemudian diposkan ke Bilik Operasi NHMS di Institut Kesihatan Umum
- Menjawab soalan melalui telefon melalui *Computer-Assisted Telephone Interview* (CATI).

Kesemua sampel darah untuk ujian COVID-19 dihantar ke IMR, manakala ujian makmal Hepatitis B dan C pula dihantar ke makmal swasta yang bertauliah.

Tinjauan ini adalah usaha kolektif yang melibatkan tiga (3) institusi penyelidikan iaitu Institut Kesihatan Umum (IKU), Institut Penyelidikan Tingkah Laku Kesihatan (IPTK), dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) di bawah seliaan Dr. Noor Ani Binti Ahmad yang merupakan Pengarah IKU dan juga Penasihat NHMS 2020. Penyelidik Utama tinjauan ini ialah En. Mohd Hatta Bin Abdul Mutalip bersama Penyelidik Bersama Dr. Noor Aliza Binti Lodz dan Dr. Chong Zhou Lin daripada IKU serta En. Albeny Josling Panting daripada IPTK.

Imej 6.38

Kaedah Utama Pengumpulan Data NHMS 2020: A) Pengambilan Sampel Darah dan B) CATI



Sumber: IKU

Imej 6.39

Pengumpulan Data NHMS 2020



Sumber: IKU

Tinjauan ini telah dijalankan dengan kerjasama dari kakitangan Jabatan Kesihatan Negeri dengan penglibatan jururawat dan penolong pegawai perubatan dari seluruh Malaysia. Seramai 56 Pegawai Sambilan Harian telah dilantik sepanjang tempoh tinjauan untuk pengumpulan data. Bermula dari 2 Ogos hingga 7 Oktober 2020, lebih daripada 20 orang pegawai daripada IPH, IHBR dan Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak dilantik sebagai penyelia lapangan untuk menguruskan pengumpulan data di lapangan.

Secara keseluruhannya, sebanyak 2,104 buah rumah yang layak dengan 1,876 (89.16%) rumah telah berjaya menyertai tinjauan ini di seluruh Malaysia. Seramai 5,957 (87.37%) daripada 6,818 orang responden yang layak telah berjaya menyertai tinjauan ini semasa fasa I di lapangan. Bagi modul kognitif, keberkesanan dan tingkah laku (CAB), seramai 4,588 orang (82.64%) telah menjawab dan menghantar borang jawapan daripada sejumlah responden yang layak. Bagi modul CATI, secara keseluruhannya, seramai 3,194 (57.40%) responden telah berjaya ditemuramah.

Hasil dapatan daripada tinjauan ini memberikan maklumat berkaitan beban penyakit-berjangkit berkenaan yang amat diperlukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Hasil dapatan seroprevalens antibodi SARS-CoV-2 memberi maklumat jangkitan COVID-19 berkaitan prevalens antibody SARS-Cov-2 selepas fasa gelombang kedua pandemik COVID-19 di Malaysia. Selain itu responden juga dimaklumkan status jangkitan Hepatitis B dan C. Bagi memastikan mereka yang tidak bergejala dapat mendapatkan rawatan awal bagi mencegah sekuel penyakit yang lebih kronik. Maklumat lain seperti stigma HIV, pengetahuan berkaitan jangkitan HIV, kesedaran berkaitan kerintangan antibiotik, Malaria, pencegahan denggi dan penyakit Rabies daripada anjing dapat memberikan maklumat berkaitan kognitif, afektif dan sikap rakyat Malaysia bagi aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit berjangkit di negara ini. Hasil kajian ini sangat penting kepada Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mengatur strategi dan inisiatif berpandukan bukti-bukti yang tepat untuk pengendalian dan pencegahan penyakit berjangkit. Terkini, NHMS 2020 telah mengadakan pembentangan hasil tinjauan kepada anggota Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu NHMS 2020 yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia.

INSTITUT PENYELIDIKAN KLINIKAL (ICR)

Pada tahun 2020, Institut Penyelidikan Klinikal (ICR) meraikan 21 tahun dengan jumlah 36 pusat (Pusat Percubaan Klinikal, Pusat Epidemiologi Klinikal, Pusat Penyelidikan Jagaan dan Keberhasilan Klinikal, Pusat Koordinasi Rangkaian Penyelidikan Klinikal dan 36 Pusat Penyelidikan Klinikal di seluruh Malaysia) dan satu unit yang baru ditubuhkan. Institut Penyelidikan Klinikal (ICR) telah berkembang maju sepanjang tahun penubuhan.

13TH NATIONAL CONFERENCE FOR CLINICAL RESEARCH

National Conference for Clinical Research ke-13 berjaya dianjurkan oleh Institut Penyelidikan Klinikal (ICR) pada 24 hingga 26 Ogos 2020 di Kompleks Institut Kesihatan Nasional (NIH), Setia Alam, Selangor dan julung kalinya dianjurkan secara maya. Seajar dengan keadaan semasa dan pandemik global, tema bagi persidangan tahun ini ialah '*Conference of Very Importance Disease (COVID 19)*' yang dirasmikan oleh Menteri Kesihatan Malaysia, YB. Dato' Sri Dr. Adham bin Baba. Seramai 24 orang ahli panel tempatan dan enam (6) ahli panel antarabangsa daripada pelbagai disiplin berkongsi pengalaman mereka, mempertingkatkan penyelidikan klinikal dan amalan terbaik. Persidangan ini mendapat sambutan yang menggalakkan dengan pendaftaran seramai 567 peserta dan 194 pembentangan e-poster. Selain itu, pemenang dianugerahkan Wu Lien-Teh's Young Investigators Award dan Anugerah Poster Terbaik. Anugerah ini disampaikan oleh YB Menteri Kesihatan Malaysia. Wu Lien-Teh's Young Investigators Award telah dimenangi oleh Dr. Git Kim Ann dengan tajuk kajian, *Multi-centre Optimization and Validation of an Open Deep Learning Model For Covid-19 Detection on Chest Radiographs*. Manakala Anugerah Poster Terbaik dimenangi oleh Calvin Wong Ke Wen dengan tajuk kajian, *Effects of High Dose Vitamin C Supplementation on Severe COVID-19 Patients in The ICU: A Retrospective Analysis*.

Imej 6.40

Perasmian National Conference for Clinical Research ke-13 oleh Y.B. Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, Menteri Kesihatan Malaysia



Sumber: ICR

Imej 6.41

National Conference for Clinical Research ke-13



Sumber: ICR

PELANCARAN E-BUKU: *MEDICAL RESEARCH CONSULTATION*

Perundingan dalam penyelidikan perubatan merupakan salah satu perkhidmatan penting yang disediakan oleh ICR, e-buku bertajuk '*Medical Research Consultation: Recommendation for Biostatistic in Managing and Conducting Medical Research Consultation*' yang ditulis oleh Dr. Mohamad Adam bin Bujang, beliau adalah pakar dalam menjalankan khidmat rundingan penyelidikan perubatan. E-buku ini telah dilancarkan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal), Datuk Dr. Hishamshah bin Mohd Ibrahim pada 9 Disember 2020. Pelancaran ini juga sempena mesyuarat CRC Rangkaian ke-3. E-buku ini boleh didapati secara percuma di kebanyakan kedai e-buku seluruh dunia dan ia menekankan pentingnya biostatistik dalam menjalankan rundingan penyelidikan.

Imej 6.42

e-book of Medical Research Consultation: Recommendation for Biostatistic in Managing and Conducting Medical Research Consultation



Sumber: ICR

MESYUARAT CRC RANGKAIAN

Mesyuarat CRC rangkaian telah dijalankan sebanyak tiga (3) kali. Mesyuarat CRC rangkaian yang pertama dan kedua telah dipengerusikan oleh mantan Pengarah ICR, Dato' Dr. Goh Pik Pin manakala mesyuarat yang ketiga telah dipengerusikan oleh Pengarah ICR yang baru dilantik iaitu Dr. Kalaiarasu a/l Peariasamy. Pengarah ICR mengucapkan tahniah dan menzahirkan penghargaan kepada semua rangkaian CRC atas pencapaian dan komitmen yang diberikan dalam penyelidikan klinikal, khidmat rundingan dan latihan berkaitan penyelidikan.

PENUBUHAN UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI KESIHATAN DIGITAL (DHRI)

Sebuah Unit Penyelidikan dan Inovasi Kesihatan Digital telah ditubuhkan di ICR selaras dengan perancangan RMK-12 yang memberi penekanan kepada IR4.0 dan kepentingan *niche areas* khususnya *Precision Medicine*, *Digital Health* dan *Clinical Trial Hubs*. DHRI yang akan terus berkembang bagi mencapai visi, misi serta objektif ICR ini telah ditubuhkan secara rasmi pada 8 Disember 2020 dengan lima (5) orang pegawai.

LAWATAN PASUKAN PAKAR PERUBATAN DARI REPUBLIK CHINA KE MALAYSIA

Satu pasukan pakar perubatan dari Republik China telah melawat Malaysia dari 18 April hingga 2 Mei 2020 bagi berkongsi pengalaman dalam aspek klinikal, makmal dan kesihatan awam dalam menangani wabak COVID-19. Pasukan ini terdiri daripada lapan (8) orang pakar daripada berbagai bidang seperti pulmonari, rawatan rapi, psikiatri, penyakit berjangkit, data analisis, virologi dan perubatan tradisional Cina. Mereka telah turut serta dalam merawat COVID-19 di wilayah Hubei. Beberapa aktiviti telah dijalankan sepanjang lawatan ini termasuk sesi telepersidangan bersama doktor-doktor yang merawat COVID-19 di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia dan universiti-universiti, sesi dialog bersama penyelidik dan juga lawatan ke Institut Kesihatan Nasional (NIH), Setia Alam, Selangor dan Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan. Perbincangan adalah berfokuskan kepada percubaan klinikal, percubaan vaksin, penyelidikan bioperubatan, kecerdasan buatan, aplikasi mudah alih, sistem kesihatan dan penyelidikan tingkah laku.

Imej 6.43

Lawatan Pasukan Pakar Perubatan dari Republik China ke Malaysia



Sumber: ICR

CLINICAL UPDATES IN COVID-19

ICR serta Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai penganjur bersama mengambil inisiatif dalam menganjurkan webinar secara langsung setiap minggu bagi membincangkan isu COVID-19. Objektif utama webinar ini adalah untuk perkongsian pengalaman dalam kalangan doktor dan penyebaran maklumat yang berkesan berkenaan pengurusan COVID-19 di Malaysia. Pasukan pendidikan COVID-19 Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) mengiktiraf siri webinar mingguan ini dan telah menyenaraikannya di laman sesawang WHO. Setiap hari Khamis, siri webinar ini telah disiarkan di pelbagai laman sesawang media sosial secara langsung. Maklumat daripada webinar dikongsi dan boleh didapati dalam pelbagai bentuk seperti video webinar, persembahan slaid, penerbitan e-buku dan audio podcast. Sambutan dan sokongan yang diterima amat menggalakkan daripada pihak doktor-doktor, barisan hadapan, penyelidik-penyelidik dan semua yang berkaitan.

PENYELIDIKAN

ICR berkerjasama dengan rangkaian CRC, pakar-pakar perubatan, universiti dan institusi lain bagi menjalankan penyelidikan berkaitan COVID-19 yang memberi kesan dan berkualiti tinggi. Kerjasama ini meliputi pelbagai bidang penyelidikan termasuk epidemiologi, percubaan klinikal, pemodelan, bioperubatan dan kesihatan mental. Salah satu kajian klinikal melibatkan WHO dengan tajuk kajian '*An International Randomised Trial of Additional Treatments for COVID-19 in Hospitalised Patients Who are All Receiving the Local Standard Of Care (Solidarity Trial)*' merupakan sebuah kajian yang melibatkan pelbagai pusat iaitu Hospital Tuanku Fauziah Perlis, Hospital Sultanah Bahiyah Kedah, Hospital Pulau Pinang, Hospital Kuala Lumpur, Hospital Sungai Buloh, Hospital Melaka, Hospital Tengku Ampuan Afzan Pahang, Hospital Umum Sarawak dan Hospital Queen Elizabeth Sabah.

INSTITUT PENGURUSAN KESIHATAN (IPK)


PEMBANGUNAN MODUL ACTION RESEARCH SECARA ATAS TALIAN

Modul Action Research pertama kali dibangunkan dan diperkenalkan oleh IPK pada tahun 2003. Modul Action Research ini telah digunakan untuk menganalisis dan mengurus masalah di tempat kerja terutamanya dalam persekitaran penjagaan kesihatan. Sejak diperkenalkan, ramai pekerja kesihatan telah diberi pendedahan dan latihan berkenaan kaedah Action Research serta aplikasinya oleh personel dari IPK. Bermula 2012, konsep Action Research ini telah diterapkan dalam merancang strategi dan pelaksanaan Hospital Kluster di seluruh negara. Konsep ini kemudiannya diguna pakai

bagi meningkatkan perkhidmatan Full-Paying Patient Service di sepuluh (10) hospital yang terlibat. Bermula 6 November 2020, modul Action Research ini dapat diakses secara atas talian di laman web E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA), menjadikannya modul pertama dalam talian di platform pembelajaran sektor awam yang diterbitkan oleh program Penyelidikan dan Sokongan Teknikal. Pautan boleh diakses di: <https://www.epsa.gov.my>.

Imej 6.44

Laman Web EPSA Memaparkan Modul Action Research



Sumber: IPK

TALENT GROOMING PROGRAMME (TGP) MELALUI MyTGP

Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar bagi TGP terutamanya dalam penganjurkan latihan bagi talent dan mesyuarat bersama panel. Pelbagai cara dan penambahbaikan telah dilakukan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti yang dirancang serta memenuhi sasaran tahunan TGP. MyTGP, sistem TGP dalam talian telah dilancarkan pada tahun 2019. Fungsi aplikasi MyTGP bagi pengurusan permohonan penyertaan TGP dan penilaian oleh Panel Pemilihan TGP telah diguna pakai sepenuhnya pada tahun ini. Mesyuarat Pemilihan bagi Kohot 12 telah diadakan secara hibrid di mana saringan awal dilakukan oleh setiap panel dari program masing-masing melalui MyTGP. Seterusnya, perbincangan bagi pemilihan akhir Kohot 12 pada 25 November 2020 hanya dijalankan dengan dihadiri oleh satu wakil panel dari enam (6) program untuk mematuhi COVID-19 SOP.

Seramai 28 orang Talent telah dipilih bagi kohot 12 mengikut program iaitu:

- a) sepuluh (10) dari Program Perubatan
- b) lima (5) dari Program Kesihatan Awam
- c) tiga (3) dari Program Penyelidikan dan Sokongan Teknikal
- d) lima (5) dari Program Kesihatan Pergigian
- e) empat (4) dari Program Perkhidmatan Farmasi
- f) satu (1) dari Program Keselamatan dan Kualiti Makanan

Mesyuarat Penilaian bagi Calon Tamat Program telah diadakan julung kalinya secara atas talian. Sebanyak lima (5) sesi telah dijalankan sepanjang bulan Disember 2020. Seramai 20 orang Talent daripada kohot 4 hingga kohot 7 telah menjalani sesi penilaian tersebut. Walaupun pelbagai kekangan dihadapi semasa pandemik COVID-19 ini, sebanyak tiga (3) kursus wajib untuk Talent telah berjaya dijalankan iaitu kursus *Power of Delegation for Leadership Success*, *Leading Change* dan *Financial and Integrity Based Leadership*.

Di samping itu, IPK sedang menjalankan penyelidikan kualitatif yang berkaitan dengan isu dan cabaran serta penambahbaikan bagi TGP bertajuk *Exploring the issues and challenges in completion of talent grooming programme: A Qualitative Study*.

Imej 6.45

Mesyuarat Penilaian bagi Calon Tamat Program



Sumber: IPK

SUMBANGAN IPK DALAM MEMERANGI PANDEMIK COVID-19

Seramai sembilan anggota yang terdiri daripada pegawai perubatan, penyelia jururawat dan pembantu tadbir telah dimobilisasikan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Pejabat Kesihatan Daerah sekitar Selangor dan CPRC Kebangsaan, Putrajaya.

Satu kajian kolaborasi bersama Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan bertajuk *Malaysia Health System Response in COVID-19* telah dijalankan dengan jayanya. Kajian ini bertujuan untuk meninjau perspektif orang awam dan pekerja kesihatan berkaitan sistem kesihatan semasa fasa awal wabak COVID-19. Hasil kajian telah mengenal pasti jurang tindak balas sistem kesihatan ketika fasa awal wabak COVID-19 di mana strategi bagi memperkukuhkan sistem kesihatan dapat diambil oleh KKM sebagai langkah-langkah kesiapsiagaan ketika wabak dan juga wabak lain di masa hadapan.

Selain itu, dua (2) kajian berkaitan COVID-19 sedang dijalankan. Kajian bertajuk *Perceived Effects of COVID-19 Pandemic on Diabetic Care of Patients in Selangor Public Primary Health Clinics* dijalankan bertujuan untuk menilai kesan pandemik COVID-19 terhadap rawatan diabetes di klinik kesihatan Primer Awam Selangor dari segi kualiti penjagaan dan hasil kesihatan. Kajian bertajuk *Cost Analysis of Public Health Measures for COVID-19 at District Health Office from Provider's Perspective* pula bertujuan untuk menyediakan input yang diperlukan kepada pembuat dasar berkaitan kos yang terlibat dalam melaksanakan langkah-langkah kesihatan awam untuk membendung pandemik COVID-19 diperingkat Pejabat Kesihatan Daerah dari perspektif KKM sebagai penyedia perkhidmatan kesihatan.

INSTITUT PENYELIDIKAN SISTEM KESIHATAN (IPSK)

PELANCARAN “THE COVID-19 CHRONICLES OF MALAYSIA” OLEH PERDANA MENTERI

Pencapaian utama bagi Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan (IPSK) adalah pelancaran buku ‘*The Covid-19 Chronicles of Malaysia: in the Face of a Pandemic*’ oleh Perdana Menteri YAB Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin yang diadakan di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya pada 23 September 2020.

YAB Perdana Menteri telah menandatangani poster peringatan di majlis pelancaran buku ini, yang disaksikan oleh YB Menteri Kesihatan, YB Dato’ Sri Dr. Adham Baba; Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah; Penolong Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal), Dr. Hishamshah Mohd Ibrahim; beserta Pengarah NIH, Dr. S Asmaliza Ismail dan Pengarah IPSK, Dr. Nor Izzah Haji Ahmad Shauki.

Pada mulanya cadangan Penolong Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal), Dr. Hishamshah Mohd Ibrahim, buku *“The Covid-19 Chronicles of Malaysia”* telah berjaya diterbitkan hasil kolaborasi di antara pasukan *Malaysian Alliance for Embedding Rapid Reviews in Health Systems Decision-Making (MAera)* dari IPSK dan Institut Penyelidikan Klinikal (ICR). *“The Covid-19 Chronicles of Malaysia”* mendokumentasikan strategi yang diambil oleh sistem kesihatan Malaysia terutamanya di sektor kesihatan awam untuk menangani krisis COVID-19 dalam negara dengan menggunakan metodologi rapid evidence synthesis. Penerbitan ini memaparkan kesiapsiagaan dan tindak balas sistem kesihatan negara dalam menangani pandemik dari 31 Disember 2019 sehingga 30 Jun 2020.

Imej 6.46

Pelancaran “Malaysia Health Sector Response to Covid-19 Pandemic” oleh Y.B. Menteri Kesihatan



Sumber: IPSK

PELANCARAN ‘MALAYSIA HEALTH SECTOR RESPONSE TO COVID-19 PANDEMIC’

“Malaysia Health Sector Response to COVID-19 Pandemic” adalah laporan yang ditujukan kepada negara Malaysia semasa krisis kesihatan. Pelancaran laporan ini telah dijalankan atas talian oleh YB Menteri Kesihatan, YB Dato’ Sri Adham Baba pada 5 November 2020. Laporan yang diterbitkan oleh IPSK ini merakamkan response atau usaha KKM yang telah berjaya memutuskan rangkaian jangkitan sejak coronavirus bermula dalam negara sehingga Jun 2020. Pelbagai langkah telah diambil oleh KKM di semua peringkat dan sektor kesihatan seperti pengurusan krisis dan bencana, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan langkah-langkah pencegahan dan kesihatan awam yang lain, kesiapsiagaan di peringkat kesihatan primer dan hospital, sokongan operasi di fasiliti Kesihatan, kerjasama KKM dengan organisasi dan kementerian lain serta agensi-agensi serantau dan antarabangsa, pengawalan wabak di pintu masuk negara dan usaha untuk meningkatkan penglibatan masyarakat dalam pengurusan COVID-19.

Pandemik COVID-19 telah menunjukkan betapa pentingnya perpaduan dalam sebuah negara dan penglibatan serta kerjasama rakyat Malaysia dalam menangani krisis kesihatan ini. Walau bagaimanapun, perjuangan menentang COVID-19 belum selesai. Pengalaman dan pelajaran yang diperolehi setakat ini sangat berharga untuk pengurusan krisis kesihatan pada masa depan.

Imej 6.47

Pelancaran 'Malaysia Health Sector Response to COVID-19 Pandemic' oleh YB Menteri Kesihatan



Sumber: IPSK

ANUGERAH WITSA GLOBAL EXCELLENCE ICT – NAIB JOHAN

"*Malaysia's Pandemic Response Systems*" yang telah dibangunkan oleh KKM telah dianugerahkan sebagai naib johan atau *runner-up* dalam kategori Penyelesaian Teknologi (*Tech Solutions*) bagi COVID-19 untuk Negara dan Serantau di Anugerah Kecemerlangan ICT Global atau *World Information Technology and Services Alliance* (WITSA) Awards pada 19 November 2020.

Anugerah WITSA ini memberi penghargaan kepada organisasi dari seluruh dunia yang telah mencipta aplikasi atau penyelesaian ICT yang memberi manfaat kepada masyarakat, menyediakan perkhidmatan awam, meningkatkan keuntungan atau memperbaiki komunikasi.

Pasukan MAera telah diberi penghormatan di atas sumbangan dalam membangunkan Papan Pemuka Tindak balas Sistem Kesihatan (*Health Systems Response Dashboard*) COVID-19, sebahagian daripada "*Malaysia's Pandemic Response Systems*" yang bertujuan untuk merakamkan respons sistem kesihatan Malaysia terhadap wabak COVID-19 dengan mengumpulkan maklumat daripada sumber yang sedia ada untuk orang ramai dan juga pangkalan data penyelidikan.

Imej 6.48

Anugerah WITSA Global Excellence ICT



Sumber: IPSK

INSTITUT PENYELIDIKAN TINGKAH LAKU KESIHATAN (IPTK)

Institut Penyelidikan Tingkah Laku Kesihatan (IHBR) ditubuhkan pada tahun 2006. Fungsi utama institut ini adalah menjalankan penyelidikan, latihan dan perundingan dalam bidang tingkah laku kesihatan. Kajian dan konsultasi institusi ini adalah untuk mengkaji dan menilai penentu tingkah laku, tingkah laku risiko kesihatan, penilaian program, pengembangan instrumen dan komunikasi kesihatan.

PENYELIDIKAN TINGKAH LAKU KESIHATAN BERKAITAN PANDEMIK COVID-19

Pada 16 Mac 2020, Perintah Kawalan Pergerakan Pencegahan yang baru di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, dan Akta Polis 1967 dikenakan kepada masyarakat Malaysia. Pengumuman itu memberikan kesan paling dramatik dan meluas kerana ia mempengaruhi sebahagian besar institusi kerajaan, swasta dan masyarakat. IPTK telah membuat inisiatif untuk menjalankan beberapa penyelidikan mengenai tingkah laku yang berkaitan dengan pandemik COVID-19 seperti yang disenaraikan dalam jadual di bawah:

Jadual 6.12
Kajian Tingkah laku Kesihatan Berkaitan COVID-19

Bil.	Tajuk Kajian
1.	Survey on Knowledge, Attitude, Practice, Belief, and Health Seeking Behaviour on COVID-19 Among Malaysian Who Travel Frequently to Singapore
2.	The COVID-19 Social Media: Dissemination of Information in Facebook and Twitter and The Public Sentiment on It
3.	Discourse Analysis on Media Reports and How It Affects Human Behaviour During the Corona Virus (COVID-19) Outbreak
4.	Health & Social Behaviour During Movement Control Order (MCO) Following COVID-19: An Online Survey Among Adult Internet Users in Malaysia
5.	Adherence Toward Preventive Measure Among Malaysian Public During COVID19 Pandemic - Using Theory of Planned Behaviour (TPB): An Online Survey
6.	Psychological Effects of Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) Amongst Healthcare Workers
7.	Online Survey on Public's Understanding, Attitude and Practice Related to Physical Distancing
8.	An Analysis of Public Inquiries Received by CPRC During COVID-19 Pandemic
9.	Kepatuhan Terhadap SOP Pencegahan COVID-19 dalam Kalangan Masyarakat di Malaysia
10.	Preventive Behaviour During COVID-19 Pandemic Among School Children in Malaysia
11.	Outbreak Investigation on the COVID-19 Infections among Healthcare Workers in Sabah
12.	Research collaboration with IKU entitle: Knowledge and Practice of Infection Control Among Malaysian During COVID-19 Outbreak

Sumber: IPTK

Jadual 6.13**Artikel yang Diterbitkan Pada Tahun 2020 oleh Penyelidik IPTK Sebagai Pengarang Pertama**

Bil.	Tajuk Artikel	Penerbitan/Journal
1.	Information, motivation and behavioural factors in influencing diabetes self-care: A conceptual paper	Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)
2.	High Risk Behavior Among Malaysian Adolescents: A Comparison Between Gender.	Global Journal of Health Science
3.	Can patients make heads or tails of enhanced primary health care (EnPHC)? Experience through their own journey	BioMed Central Family Practice
4.	Usage of The Internet for Health Information Seeking Among Elderly in Malaysia	International Journal of Multidisciplinary Research 2020
5.	Exploring Knowledge on Herbal Medicine (HM) Usage in Disease Management among people with Type 2 Diabetes Mellitus (TD2M) in Negeri Sembilan	Malaysian Journal of Social Sciences & Humanity
6.	Information, Motivation & Behavioural Factors in influencing Diabetes Self-care: A Conceptual Paper	Malaysian Journal of Social Sciences & Humanities 2020
7.	The Effectiveness of Kelab Doktor Muda as Peer Educator towards the Knowledge, Attitude and Health Practices of Primary School Children	Global Journal of Health Science
8.	Maximum Isokinetic Familiarization of the Knee: Implication on Bilateral Assessment.	Human Movement Science
9.	Perception of Conventional Medicine and Herbal Medicine Usage Amongst Diabetic Patients: A Qualitative Study in Negeri Sembilan, Malaysia.	Global Journal of Health Science

Sumber: IPTK, NIH

KAJIAN BAGI MEMBANGUN DAN MENGESAHKAN INSTRUMEN KAJIAN KESIHATAN MORBIDITI NASIONAL (NHMS) BAGI MENGUKUR DOMAIN KOGNITIF, AFEKTIF DAN TINGKAH LAKU (CAB) UNTUK DENGGI DAN PENYAKIT BAWAAN HAIWAN

NHMS telah menghasilkan sejumlah besar data penduduk semenjak tahun 1996, yang memfokuskan pada penyebaran pelbagai penyakit dan masalah kesihatan. Walau bagaimanapun, data di luar prevalen yang berkaitan dengan domain kognitif, afektif, dan tingkah laku (CAB) adalah terhad. Kajian ini dilaksanakan oleh pasukan penyelidikan dari Institut Penyelidikan Tingkah Laku Kesihatan memfokuskan pada pembangunan dan pengesahan instrumen untuk mengukur domain CAB bagi pencegahan denggi dan penyakit bawaan haiwan. Objektif utama kajian ini adalah untuk membangunkan dan mengesahkan instrumen kajian yang dapat mengukur domain CAB bagi pencegahan Denggi dan penyakit bawaan haiwan terutama untuk orang dewasa dan kanak-kanak. Instrumen yang disahkan akan digunakan dalam NHMS 2020 yang memfokuskan pada penyakit berjangkit.

Image 6.49

Best Field Supervisor, Puan Siti Nur Farhana binti Harun, for National Health Morbidity Survey 2020



Sumber : IPTK

Imej 6.50

Warga Kerja NHMS dari IPTK



Sumber: IPTK

INFORMATION RESEARCH RESOURCES SECTOR SUCCESS FOR COCHRANE LIBRARY NATIONAL ACCESS BY NIH

Pada tahun 2020, NIH melalui Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan buat julung kalinya telah berjaya memperoleh lesen nasional bagi langganan *The Cochrane Library* yang kini boleh diakses secara percuma di seluruh Malaysia. Perkongsian strategik antara Cochrane Malaysia, Wiley dan penyelidik NIH ini memberi akses kepada maklumat evidence-based untuk panduan keputusan kesihatan dan seterusnya meningkatkan mutu sistem kesihatan negara.

Cochrane Library ini telah dilancarkan secara rasmi pada 15 Oktober 2020 semasa sesi webinar bertajuk 'Getting Started with Cochrane Library' yang disampaikan oleh Alejandra Barciela. Sehingga Disember 2020, jumlah pengguna yang mengakses *Cochrane Library* ialah 275,082 pengguna. Jumlah tertinggi pengguna direkodkan pada Oktober 2020 iaitu 125,003 pengguna (**Jadual 6.14**). Berikut adalah statistik penggunaan *Cochrane Library* sepanjang tahun 2020 termasuklah sesi percubaan selama sembilan (9) bulan bermula dari Januari hingga September 2020 (**Rajah 6.20**).


Jadual 6.14
Pengguna Cochrane Library bagi Tahun 2020

Perkara	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun
Jumlah Pengguna	7,480	10,524	14,741	18,702	18,599	8,836

Perkara	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun
Jumlah Pengguna	8,763	13,614	27,950	125,003	80,427	69,652

Sumber: IPTK

Rajah 6.20
Jumlah Pengguna Cochrane Library dari Januari hingga Disember 2020



Sumber: IPTK

HALA TUJU NIH

Penyelidik NIH diseru untuk menggunakan pendekatan yang lebih inovatif bagi menyebarkan hasil penyelidikan mereka agar dapat dimanfaatkan oleh pemegang taruh dan rakyat Malaysia. Sehubungan itu, satu kerjasama strategik dengan agensi luar telah dirancang pada tahun 2021 yang akan diselaras oleh Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan NIH bagi meningkatkan kemahiran warga NIH dalam memantapkan kaedah sebaran hasil penyelidikan.

Dengan adanya pangkalan data Cochrane Library di Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan NIH, warga NIH dapat memantapkan dan meningkatkan lagi hasil penyelidikan yang lebih berkualiti dan efektif dalam membantu meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan kesihatan di Malaysia pada masa akan datang.



07

KESIHATAN PERGIGIAN



KESIHATAN PERGIGIAN

PENGENALAN

Penyakit pergigian boleh memberi kesan buruk yang besar terhadap kesihatan badan dan kualiti hidup. Kegigian yang sihat dan berfungsi dengan baik sepenuhnya penting dalam semua peringkat kehidupan bagi menyokong fungsi penting manusia seperti bercakap, senyum, bersosial dan makan.

Program Kesihatan Pergigian melaksanakan pelbagai program dan aktiviti sepanjang tahun 2020 dengan memberi penekanan kepada kumpulan sasaran yang dikenal pasti termasuklah golongan rentan dan terpinggir bagi memastikan tahap kesihatan pergigian rakyat sentiasa sesuai dengan kemajuan sosioekonomi negara.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN PRIMER

Pada tahun 2020, Malaysia menghadapi cabaran pandemik virus COVID-19 sama seperti di negara-negara lain. Perintah Kawalan Pergerakan telah dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia dan kebanyakan sektor awam dan swasta diarah untuk menghentikan operasi sementara waktu bagi mengekang penularan wabak COVID-19. Perkhidmatan kesihatan pergigian turut menerima impak daripada pandemik ini di mana penyampaian perkhidmatan tidak dapat dijalankan seperti biasa. Namun begitu, program ini komited untuk terus menyampaikan perkhidmatan pergigian dengan mengamalkan norma baharu.

Pelbagai inisiatif diperkenalkan pada tahun 2020, antaranya Perkhidmatan Pergigian Sekolah menggunakan pendekatan risiko tinggi (*high-risk approach*). Selain itu, perkhidmatan kesihatan pergigian untuk kanak-kanak bertatih (*toddler*) telah diperkukuhkan menerusi kolaborasi dengan agensi luar bagi meningkatkan liputan kanak-kanak di taska swasta. Penjagaan kesihatan pergigian inkremental turut diperluas kepada murid-murid prasekolah untuk mengurangkan kejadian karies gigi di peringkat awal pertumbuhan kanak-kanak.

Bermula Mac 2020, klinik pergigian primer hanya memberikan rawatan kecemasan manakala *Aerosol Generating Procedure* (AGP) tidak dapat dilaksanakan bagi mengelakkan risiko jangkitan COVID-19. Walau bagaimanapun, pelbagai usaha telah diambil untuk melengkapkan semua klinik pergigian dengan peralatan sokongan seperti *Extra-oral Suction*, *Air Decontamination Unit* dan *Partition* yang boleh mengurangkan penyebaran virus di bilik rawatan.


Bagi memastikan pengurusan data dan pelaporan perkhidmatan pergigian primer yang lebih efisien, sistem 'Gi-Ret PSY' telah dibangunkan oleh pasukan terdiri daripada anggota Program Kesihatan Pergigian sendiri. Sistem ini membolehkan format laporan prasekolah, sekolah dan dewasa muda dijana dengan bersistematik di lapangan berbanding kaedah pengisian laporan secara manual. Sistem ini telah dijalankan sebagai projek rintis pada tahun 2020 di semua negeri dan akan dilaksanakan sepenuhnya di seluruh Malaysia pada tahun 2021.

PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Pencapaian dipantau setiap suku tahun dan laporan dibentangkan di Mesyuarat Teknikal Program Kesihatan Pergigian dan Mesyuarat Jawatankuasa Dasar dan Perancangan Kesihatan Pergigian sekali setahun. Pada keseluruhannya, terdapat penurunan ketara penggunaan perkhidmatan kesihatan pergigian primer daripada 26.4 peratus pada tahun 2019 kepada 15.0 peratus pada tahun 2020 berikutan penularan pandemik COVID-19 ([Rajah 7.1](#)).

Rajah 7.1

Penggunaan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Primer, 2016 hingga 2020




Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, KKM

LIPUTAN SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH

Pencapaian liputan sekolah rendah dan menengah juga menunjukkan penurunan yang ketara pada tahun 2020 berikutan penutupan sekolah yang kerap semasa pandemik COVID-19 ([Rajah 7.2](#)).

Rajah 7.2

Liputan Sekolah Rendah dan Menengah, 2016 hingga 2020



Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, KKM

PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN KEPAKARAN

Pada tahun 2020, empat (4) perkhidmatan kesihatan pergigian kepakaran telah diperluas dan diwujudkan di 13 buah fasiliti pergigian ([Jadual 7.1](#)).

Jadual 7.1
Perluasan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Kepakaran, 2020

BIDANG KEPAKARAN	FASILITI
Pergigian Keperluan Khas	1. Hospital Umum Sarawak
Ortodontik	2. Klinik Pergigian Bayan Baru, Pulau Pinang
	3. Klinik Pergigian Greentown, Ipoh Perak
	4. Klinik Pergigian Setapak, WPKL & Putrajaya
	5. Klinik Pergigian Petrajaya, Sarawak
Periodontik	6. Klinik Pergigian Mak Mandin, Pulau Pinang
	7. Klinik Pergigian Jalan Perak, Pulau Pinang
	8. Klinik Pergigian Pakar Kota Setar, Kedah
	9. Klinik Pergigian Kuala Kangsar, Perak
Pergigian Restoratif	10. Klinik Pergigian Sandakan, Sabah
	11. Klinik Pergigian Yong Peng, Johor
	12. Klinik Pergigian Seri Iskandar, Perak
	13. Klinik Pergigian Puchong, Selangor

Sumber: Program Kesihatan Pergigian KKM

Terdapat 399 pakar pergigian pada tahun 2020 iaitu peningkatan sebanyak 24.9 peratus berbanding pada tahun 2016. Beban kerja setiap bidang kepakaran diterjemah melalui nisbah pakar kepada bilangan pesakit yang dirawat seperti di [Jadual 7.2](#). Secara keseluruhannya, pandemik COVID-19 telah menjejaskan penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan pergigian kepakaran.

Jadual 7.2
Nisbah Pakar Pergigian kepada Pesakit Mengikut Bidang Kepakaran, 2016 hingga 2020


BIDANG KEPAKARAN PERGIGIAN	2016	2017	2018	2019	2020
Bedah Mulut dan Maksilofasial	1:3,991	1:3,554	1:3,680	1:3,716	1:2,986
Pergigian Pediatrik	1:2,730	1:3,005	1:2,854	1:2,541	1:2,044
Patologi Mulut & Perubatan Mulut	1:878	1:833	1:864	1:951	1:770
Pergigian Keperluan Khas	1:889*	1:1,159*	1:1,297*	1:1,413*	1:819*
Pergigian Forensik	1:108*	1:141*	1:110*	1:88*	1:59*
Ortodontik	1:4,056	1:3,556	1:3,423	1:3,711	1:2,026
Periodontik	1:2,113	1:1,466	1:1,349	1:1,373	1:712
Pergigian Restoratif	1:1,439	1:1,294	1:1,308	1:1,327	1:1,228

Sumber: Pusat Informatik Kesihatan KKM (data preliminari 2020) & *Program Kesihatan Pergigian, KKM

KESIHATAN PERGIGIAN MASYARAKAT

PROGRAM PEMFLUORIDAN AIR

Pada tahun 2020, dianggarkan sebanyak 72.4 peratus daripada populasi menerima bekalan air awam berfluorida. Walau bagaimanapun, liputan pemfluoridaan di Pahang telah menurun daripada 0.8 peratus (2019) kepada 0.0 peratus (2020). Didapati kurang daripada 50 peratus loji rawatan air di Sabah, WP Labuan, Sarawak, Kelantan dan Pahang menghasilkan air berfluorida. Sebanyak 85.4 peratus daripada bacaan paras fluorida yang diambil di poin retikulasi mencapai julat 0.4 hingga 0.6 bpj yang disarankan ([Rajah 7.3](#)).



Sumber: Program Kesihatan Pergigian, KKM

PENCEGAHAN PRIMER DAN PENGESANAN AWAL PRA-KANSER DAN KANSER MULUT

Sejumlah 90 kampung/estet/komuniti berisiko tinggi telah dilawati dan seramai 1,475 penduduk berusia 18 tahun dan ke atas telah disaring untuk lesi mulut. Saringan secara oportunistik ke atas pesakit yang berumur 18 tahun dan ke atas di klinik pergigian dan projek masyarakat telah mengenal pasti sejumlah 48,768 daripada 601,075 pesakit mempunyai tabiat berisiko tinggi dan/atau mempunyai tanda awal lesi mulut.

Data preliminari 2020 menunjukkan seramai 920 pesakit daripada jumlah saringan mempunyai lesi mulut dan daripada jumlah ini, seramai 602 pesakit (65.4%) yang mempunyai lesi juga mengamalkan tabiat berisiko tinggi. Sejumlah 579 pesakit (62.9%) telah dirujuk kepada Pakar Bedah Mulut & Maksilofasial/Pakar Patologi & Perubatan Mulut untuk siasatan lanjut namun hanya 482 pesakit (83.3%) telah hadir temujanji.

Seramai 112 pesakit (23.2%) yang mempunyai lesi malignan telah dikenal pasti dan daripada 102 lesi yang telah mempunyai TNM *staging*, 12.8 peratus lesi adalah di Tahap I manakala 70.6 peratus lesi di peringkat lewat (Tahap III dan IV). Seramai 82,017 peserta telah diberikan pendidikan kesihatan pergigian berkaitan kanser mulut pada tahun 2020.

PROMOSI KESIHATAN PERGIGIAN

HARI KESIHATAN PERGIGIAN SEDUNIA, 2020

Tahun ini menandakan permulaan yang bagus bagi sambutan Hari Kesihatan Pergigian Sedunia. Kemuncak kepada aktiviti termasuk beberapa slot bual bicara kesihatan pergigian di media masa popular seperti Media Prima Berhad (slot Malaysia Hari Ini di TV3), RTM (Selamat Pagi Malaysia di RTM dan ceramah kesihatan pergigian di radio IKIM.fm. Aktiviti lain termasuk program kemasyarakatan seperti pameran dan pemeriksaan pergigian di Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang melibatkan pasukan pergigian bergerak.

Majlis penutup telah dianjurkan oleh Persatuan Pergigian Malaysia pada 19 September 2020 yang dihadiri oleh semua rakan kolaborasi. Pertandingan fotografi yang turut diadakan bersempena tema Hari Kesihatan Pergigian pada tahun ini, *Say Ahh, Unite for Mouth Health* telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

Imej 7.1

Aktiviti Hari Kesihatan Pergigian Sedunia, 2020



Sumber: Program Kesihatan Pergigian, KKM

MINGGU PROMOSI KESIHATAN PERGIGIAN (MPKP) 2020

Minggu Promosi Kesihatan Pergigian tahun 2020 dengan tema 'Norma Baharu, Senyuman Baharu' telah berjaya mencipta sejarah tersendiri apabila buat kali pertama ianya diadakan secara maya di Facebook *live* pada 19 Ogos 2020. Majlis ini merupakan usahasama antara Program Kesihatan Pergigian dan Bahagian Kesihatan Pergigian, Terengganu. Aktiviti promosi seperti instavideo dan pertandingan infografik mendapat sambutan yang cukup hangat daripada pelbagai lapisan masyarakat. Program ini tetap diteruskan di peringkat negeri walaupun dalam suasana norma baharu.

Imej 7.2

Sambutan Minggu Promosi Kesihatan Pergigian, 2020



Sumber: Program Kesihatan Pergigian, KKM

PEMANTAPAN AKTIVITI PENYAMPAIAN PENDIDIKAN DAN MAKLUMAT KESIHATAN PERGIGIAN MELALUI MEDIA SOSIAL

Semasa fasa awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac 2020, satu pasukan khas infografik telah ditubuhkan untuk membangunkan bahan-bahan infografik berkaitan pengendalian isu-isu berhubung wabak COVID-19 di perkhidmatan kesihatan pergigian. Sumber rujukan adalah garis panduan dan maklumat daripada Program Kesihatan Pergigian dan Pertubuhan Kesihatan Dunia. Infografik ini telah dimuat turun di media sosial rasmi Program Kesihatan Pergigian seperti Facebook, Instagram dan Twitter serta mendapat perkongsian yang tinggi dan disebar dengan meluas dalam kalangan masyarakat dan pelbagai agensi sepanjang tempoh PKP. Tambahan lagi, penubuhan pasukan rasmi yang terdiri daripada pentadbir dan pembangun kandungan telah membantu memantapkan lagi pengendalian media sosial rasmi Program Kesihatan Pergigian, KKM. Kemuncak pada tahun ini adalah terciptanya laman Twitter rasmi Program Kesihatan Pergigian dengan objektif untuk memperluas dan mempelbagai medium penyampaian maklumat dan pendidikan kesihatan pergigian kepada masyarakat.

Imej 7.3

Bahan Infografik berkaitan Penjagaan Kesihatan Pergigian di Media Sosial



Sumber: Program Kesihatan Pergigian, KKM

TRIAL-RUN BAGI PENDIDIKAN KESIHATAN PERGIGIAN DALAM TALIAN (PKPDT)

Pandemik COVID-19 telah mengubah landskap pendidikan di Malaysia. Maka, pembelajaran secara dalam talian telah menjadi kaedah paling sesuai bagi pengajaran dan pembelajaran semasa pandemik. Program Kesihatan Pergigian telah mengambil peluang meneroka PKPDT sebagai medium penyampaian pendidikan kesihatan pergigian pada masa hadapan bagi memastikan pendidikan kesihatan pergigian boleh disampaikan kepada murid-murid walaupun sekolah ditutup. Satu sesi *trial-run* mengandungi silibus pendidikan kesihatan pergigian telah dijalankan di sekolah-sekolah terpilih di empat (4) buah negeri iaitu Pulau Pinang, Perak, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sepanjang bulan Disember 2020.

KUALITI KESIHATAN PERGIGIAN

NATIONAL INDICATOR APPROACH (NIA)

Pada tahun 2020, empat (4) petunjuk telah dipantau untuk mengukur pencapaian perkhidmatan penjagaan kesihatan pergigian primer dan masyarakat (Jadual 7.3).

Jadual 7.3

Petunjuk Program Kesihatan Pergigian Di Bawah NIA, Januari hingga Disember 2020

BIL.	PETUNJUK	SASARAN (%)	PENCAPAIAN (%)	SIQ (YA/TIDAK)
1	Peratus murid sekolah rendah mengekalkan status orally-fit	≥65	60.1	Ya
2	Peratus murid sekolah menengah mengekalkan status orally-fit	≥70	67.6	Ya
3	Peratus ketidakpatuhan paras fluorida optimum di retikulasi (Paras < 0.4bpj)	≤25	14.3	Tidak
4	Peratus ketidakpatuhan paras fluorida optimum di retikulasi (Paras >0.6bpj)	≤7	0.4	Tidak

Sumber: Program Kesihatan Pergigian, KKM

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) 2020

Sebanyak 25 KPI dipantau oleh Program Kesihatan Pergigian pada tahun 2020. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 11 KPI dipantau setiap tiga (3) bulan, 11 KPI dipantau setiap enam (6) bulan dan dua (2) KPI dipantau secara tahunan. Secara keseluruhan, 11 KPI mencapai sasaran manakala 14 KPI tidak mencapai sasaran (Jadual 7.4).

PEMBANGUNAN AWAL DASAR KESIHATAN PERGIGIAN KEBANGSAAN

Program Kesihatan Pergigian telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Dasar Kesihatan Pergigian Kebangsaan. Inisiatif ini dibangunkan tepat pada masanya kerana sehingga kini masih tiada lagi dasar mengenai kesihatan pergigian diwujudkan. Untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan pergigian terbaik kepada rakyat, Dasar Kesihatan Pergigian Kebangsaan akan menjadi dokumen rujukan untuk merancang, melaksana strategi, menilai dan memantau program dan aktiviti yang dijalankan.

Ringkasnya, objektif Dasar Kesihatan Pergigian Kebangsaan adalah untuk:

- Menyediakan asas dalam perancangan, pembangunan strategi, pelaksanaan, penilaian dan pemantauan program dan aktiviti kesihatan pergigian untuk meningkatkan kesihatan pergigian seluruh rakyat.
- Menambah baik penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan pergigian bagi kumpulan sasaran yang dikenal pasti berisiko untuk mengalami masalah kesihatan pergigian.
- Menambah baik pendekatan penyampaian penjagaan kesihatan pergigian secara holistik yang melibatkan pihak berkepentingan dan agensi yang berkaitan.

Jadual 7.4
Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Program Kesihatan Pergigian, 2020

KPI	INDIKATOR	SASARAN (%)	PENCAPAIAN (%)
Akses kepada perkhidmatan kesihatan pergigian	Peratus klinik pergigian yang menyediakan perkhidmatan pesakit luar setiap hari	≥84	86.0
	Peratus Klinik Kesihatan yang mempunyai komponen fasiliti pergigian	≥75	66.9
	Peratus liputan ibu mengandung	≥60	44.0
	Peratus murid sekolah rendah mencapai status orally-fit	≥96	36.2
Taraf kesihatan pergigian murid sekolah	Peratus murid sekolah menengah mencapai status orally-fit	≥85	39.0
	Peratus murid sekolah rendah mengekalkan status orally-fit	≥65	60.1
	Peratus murid sekolah menengah mengekalkan status orally-fit	≥70	67.6
	Peratus murid 6 tahun bebas penyakit karies gigi	≥50	35.1
Taraf kesihatan pergigian ibu mengandung	Peratus murid 12 tahun bebas penyakit karies gigi	≥70	69.7
	Peratus murid 16 tahun bebas penyakit karies gigi	≥50	55.4
	Peratus murid sekolah rendah yang perlu sealan fisur mendapat rawatan sealan fisur	≥96	76.0
	Peratus murid sekolah yang dikenal pasti sebagai perokok semasa, menjalani sekurang-kurangnya 3 kali sesi intervensi di bawah program KOTAK	≥58	39.1
Taraf kesihatan pergigian ibu mengandung	Peratus ibu mengandung dengan status orally-fit	≥45	31.3
	Peratus warga emas berumur 60 tahun yang mempunyai 20 batang gigi atau lebih yang berfungsi	≥60	41.6
	Peratus pesakit mendapat dentur dalam tempoh 3 bulan	≥64	70.1
	Peratus pesakit berumur 60 tahun ke atas mendapat dentur dalam tempoh 8 minggu	≥50	56.2
Kecekapan dan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan	Peratus ikon gigi (iGG) yang menjalankan aktiviti sekurang-kurangnya 1 kali sebulan	≥40	45.2
	Peratus peruntukan tahunan latihan dalam perkhidmatan (LDP) program kesihatan pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia selesai dibelanjakan pada minggu pertama Disember tahun semasa	100	100.0
	Peratus Klinik Pergigian dengan persijilan MS ISO 9001:2015	≥85	88.2
	Peratus fasiliti pergigian KKM yang mencapai ≥ 80% pematuhan semasa audit keselamatan dan kesihatan	≥95	84.5
Perkhidmatan Pergigian Berkualiti dan Persijilan MS ISO	Pemantauan ke atas Klinik Pergigian Swasta	100	89.5
	Indeks Pematuhan Piagam Pelanggan	≥86	93.9
	Indeks Kepuasan Pelanggan	≥95	98.0
	Indeks Pembudayaan Inovasi KKM	≥80	95.7
Indeks Penyelesaian Aduan	Pencapaian Penyelesaian Aduan dalam tempoh ditetapkan	≥85	98.6

Sumber: Program Kesihatan Pergigian, KKM

PEMBANGUNAN AWAL PELAN KESIHATAN PERGIGIAN KEBANGSAAN (NOHP) 2021 - 2030

Pembangunan Pelan Kesihatan Pergigian Kebangsaan untuk Malaysia 2021-2030 telah dimulakan pada akhir tahun 2019. Pelan 10 tahun ini telah dibentuk sejak tahun 2002 dengan pembangunan NOHP 2002-2010, diikuti oleh pelan kedua iaitu NOHP 2011-2020. Dokumen ini merupakan dokumen rujukan yang menetapkan matlamat dan strategi kesihatan pergigian negara untuk menangani isu-isu utama berkaitan pergigian dengan tujuan untuk meningkatkan kesihatan mulut rakyat Malaysia.

Wakil dari pihak-pihak berkepentingan dalam bidang pergigian dijemput untuk turut sama terlibat dalam memberi input dalam pembangunan dokumen bagi memastikan perancangan yang lebih holistik. Di samping itu, pencapaian jangka panjang NOHP 2011-2020 pada akhir tahun 2019 juga dipertimbangkan dalam pembangunan dokumen ini. NOHP 2021-2030 dirumuskan merangkumi bidang fokus ini; peningkatan beban penyakit kesihatan pergigian utama, menangani faktor risiko umum dalam kesihatan, meningkatkan akses dan kesetaraan, memastikan penyampaian penjagaan kesihatan pergigian dan rekod perubatan elektronik yang berkualiti dan selamat.

PENGURUSAN MAKLUMAT KESIHATAN PERGIGIAN

PROJEK *ELECTRONIC MEDICAL RECORD (EMR)* KEBANGSAAN

Kementerian Kesihatan dengan dipimpin oleh Seksyen Perancangan eHealth, Bahagian Perancangan telah melaksanakan fasa pertama Projek Rekod Perubatan Elektronik Kebangsaan (EMR) Fasa Satu di tujuh (7) hospital, 42 klinik kesihatan dan 11 klinik pergigian di Negeri Sembilan. Sebagai aktiviti pra-pelaksanaan, lawatan ke lokasi bersama pasukan EMR ke klinik pergigian yang terlibat telah selesai diadakan untuk menilai jumlah bahan dan anggaran kos projek. Sebagai persediaan dokumentasi projek oleh setiap pemilik projek, penganjuran bengkel dan perbincangan telah diadakan.

INISIATIF *TELEDENTISTRY*

Menyedari kemungkinan wabak COVID-19 masih jauh dari berakhir, beberapa perbincangan melibatkan pelbagai bahagian di KKM iaitu Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Bahagian Pengurusan Maklumat, Pejabat Undang-Undang, Majlis Pergigian Malaysia (MDC) dengan pihak MAMPU telah diadakan untuk membincangkan pelaksanaan inisiatif *teledentistry* iaitu Sistem Temujanji Atas Talian dan Klinik Pergigian Maya yang bertujuan untuk meningkatkan penyampaian kesihatan pergigian seperti mengurangkan kesesakan di klinik pergigian KKM semasa wabak penyakit.

Imej 7.4

Mesyuarat Klinik Pergigian Maya, 9 Julai 2020



Sumber: Program Kesihatan Pergigian, KKM

Imej 7.5
Mesyuarat Sistem Temujanji Atas Talian, Mei 2020



Sumber: Program Kesihatan Pergigian, KKM

MYHDW E-REPORTING (ORAL HEALTH)

The Oral Health Source System and Reporting System telah dibangunkan di bawah projek *Malaysian Health Data Warehouse (MyHDW)* Fasa 2 pada tahun 2017 untuk mendokumentasikan data penyampaian perkhidmatan kesihatan pergigian, KKM yang dikenali sebagai *e-Reporting V2.0 Oral Health*. Pra-bengkel dan bengkel dijalankan untuk menyeragamkan dokumentasi Kerangka Informatik Kesihatan Malaysia (MyHIF) dan memetakan proses pergigian dengan prosedur untuk memenuhi keperluan Laporan Tetap Format dan Pertanyaan Adhoc.

HALA TUJU

Beberapa masalah dan cabaran utama dikenal pasti pada akhir tahun 2020 termasuk tren penurunan kejadian karies yang perlahan, peningkatan tren penyakit periodontal dan pengesanan kanser mulut di tahap yang lewat. Ini membawa kepada peningkatan keperluan penjagaan kesihatan pergigian dalam kalangan penduduk. Walau bagaimanapun, Kajian Morbiditi Kesihatan Kebangsaan terbaharu, 2019 menunjukkan sedikit penurunan penggunaan perkhidmatan penjagaan kesihatan pergigian di mana hanya 23.7 peratus telah membuat lawatan ke klinik pergigian dalam 12 bulan terakhir. Kecenderungan menggunakan perkhidmatan ini lebih terjejas dengan sekatan pergerakan dan amalan norma baru di fasiliti pergigian disebabkan oleh pandemik COVID-19.

Penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan pergigian perlu dijalankan dengan mematuhi norma-norma baharu dan anggota kesihatan serta pesakit perlu dipastikan sentiasa selamat sepanjang masa. Semua prosedur penjaan aerosol (*Aerosol Generating Procedures, AGP*) semasa rawatan pergigian seperti tampalan dan penskaleran gigi dianggap sebagai prosedur berisiko tinggi. Bagi menangani situasi ini, Program Kesihatan Pergigian telah membangunkan beberapa prosedur dan garis panduan dalam menguruskan COVID-19 dan mengurangkan risiko penularannya di semua fasiliti kesihatan pergigian KKM. Prosedur dan garis panduan ini menekankan kepentingan pelaksanaan *triaging* pesakit di poin kemasukan dan pematuhan ketat terhadap langkah-langkah kawalan pencegahan jangkitan setiap masa oleh semua anggota kesihatan pergigian.

Pada awal pandemik, rawatan yang ditawarkan hanya terhad kepada rawatan pergigian kecemasan sahaja. Tetapi dengan adanya lebih banyak bukti mengenai pengurusan COVID-19 dalam senario pergigian, perkhidmatan kesihatan pergigian kini beransur-ansur kembali dengan norma dan penyesuaian baharu. Pendekatan kreatif juga digariskan untuk memastikan orang ramai terus diberi pemerkasaan dalam penjagaan kesihatan mulut sendiri. Pandemik ini juga telah menekankan kepentingan keperluan sistem digital pergigian seperti sistem temu janji atas talian, *teledentistry* dan rekod perubatan elektronik.

Pandemik ini juga memberi peluang kepada anggota kesihatan pergigian untuk sama-sama bergandingan bahu dengan semua personel kesihatan di KKM dan badan-badan lain dalam memerangi penyakit berjangkit ini. Ini termasuk penglibatan aktif dalam saringan secara besar-besaran (*mass screening*) dan ujian swab, memantau arahan kuarantin dan juga sebagai responden hotline di Pusat Persediaan dan Respons Krisis (CPRC).

Tahun 2021 akan ditunggu-tunggu sebagai tahun yang mencabar bagi penyampaian perkhidmatan kesihatan yang sangat dipengaruhi oleh wabak COVID-19. Perkhidmatan ini akan terus berkhidmat untuk rakyat Malaysia dengan kemampuan terbaik tanpa menjejaskan langkah-langkah keselamatan untuk mengurangkan jangkitan COVID-19.




08

FARMASI

PENGENALAN

Program Perkhidmatan Farmasi bertanggungjawab memastikan keluaran farmaseutikal yang digunakan dalam negara adalah mematuhi piawai, berkualiti, selamat dan berkesan, melindungi kepentingan rakyat dengan menguatkuasakan undang-undang dan peraturan berkaitan farmaseutikal dan memastikan ubat-ubatan digunakan secara rasional oleh profesional kesihatan dan juga pengguna. Program ini terdiri daripada lima (5) Bahagian utama yang diketuai oleh Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi dengan matlamat untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat ([Rajah 8.1](#)).

Rajah 8.1
Program Perkhidmatan Farmasi



Sumber: *Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi, KKM*

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

AHLI FARMASI BERDAFTAR DI MALAYSIA


Jumlah keseluruhan Ahli Farmasi yang memperbaharui Sijil Tahunan bagi tahun 2020 (berdaftar) adalah seramai 17,225 orang ([Rajah 8.2](#)).

PEROLEHAN DAN PERBELANJAAN UBAT-UBATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Nilai perolehan ubat-ubatan di semua hospital, institusi dan klinik kesihatan KKM ialah RM 2,526.58 juta. Nilai perbelanjaan bagi tahun 2020, 9.8 peratus lebih rendah berbanding tahun 2019. Ubat-ubatan yang diperolehi melalui syarikat konsesi (*Approved Product Purchase List* (APPL)) adalah sebanyak RM 883.71 juta (34.98%), Kontrak Pusat KKM sebanyak RM 1,163.73 juta (46.06%) serta pembelian terus dan sebut harga sebanyak RM 479.14 juta (18.96%).

Rajah 8.2

Pecahan Ahli Farmasi Berdaftar Mengikut Sektor Amalan berdasarkan Sijil Tahunan 2020




Sumber: Bahagian Lembaga Farmasi Malaysia

PENDISPENSAN UBAT DI HOSPITAL DAN KLINIK KESIHATAN KKM

Pada tahun 2020, terdapat penurunan sebanyak 18.2 peratus bagi jumlah preskripsi pesakit luar yang diterima di hospital dan klinik kesihatan berbanding tahun sebelumnya. Jumlah preskripsi yang diterima di fasiliti-fasiliti kesihatan awam ialah 49.8 juta di mana 32.0 juta preskripsi diterima di klinik kesihatan (KK) dan 17.8 juta preskripsi diterima di hospital ([Rajah 8.3](#)). Terdapat penurunan sebanyak 12.9 peratus bagi jumlah preskripsi pesakit dalam yang diterima di hospital di mana jumlah keseluruhannya ialah 14.3 juta preskripsi ([Rajah 8.4](#)).


Rajah 8.3

Bilangan Preskripsi Pesakit Luar yang Diterima bagi 2016 hingga 2020



Sumber: Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi KKM

Rajah 8.4
Bilangan Preskripsi Pesakit Dalam yang Diterima bagi 2016 hingga 2020



Sumber: Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi KKM

PENDAFTARAN PRODUK

Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) di bawah Program Perkhidmatan Farmasi bertanggungjawab untuk memproses permohonan pendaftaran untuk produk entiti baru kimia/ubat-ubatan baru, biologik, preskripsi, bukan preskripsi, suplemen kesihatan, produk tradisional dan juga veterinar. Sepanjang 2020, sebanyak 1,421 permohonan pendaftaran produk baru telah diterima dan 1,447 produk telah didaftarkan, termasuk permohonan yang diterima pada tahun sebelum ([Jadual 8.1](#)). Produk-produk ini terdiri daripada 53.84 peratus produk tempatan dan 46.16 peratus produk yang diimport. Kumulatif produk yang berdaftar sehingga Disember 2020 adalah 23,827 produk.

Jadual 8.1
Bilangan Produk Baru yang Didaftarkan bagi 2016 hingga 2020


Product Category	2016	2017	2018	2019	2020
Produk Preskripsi	263	325	354	187	291
Produk Bukan Preskripsi	40	61	79	66	64
Produk Tradisional	648	651	738	679	645
Suplemen Kesihatan	238	242	322	315	378
Produk Veterinar	79	68	73	77	69
Jumlah	1,268	1,347	1,566	1,324	1,447

Sumber: Bahagian Regulatori Farmasi Negara

PASCA PENDAFTARAN PRODUK

NPRA menjalankan pemantauan secara berterusan ke atas produk berdaftar di pasaran tempatan bagi memastikan produk tersebut menepati keperluan keselamatan, keberkesanan dan kualiti. Pada tahun 2020, Program Pemantauan Kesan Advers Ubat (ADR) Kebangsaan telah menerima sebanyak 32,241 laporan, peningkatan sebanyak 7.53 peratus berbanding tahun sebelumnya ([Rajah 8.5](#)).

Rajah 8.5
Bilangan Laporan ADR yang Diterima bagi 2016 hingga 2020




Sumber: Bahagian Regulatori Farmasi Negara

PENYENARAIAAN ATAU PINDAAN KEPADA FORMULARI UBAT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Formulari Ubat Kementerian Kesihatan Malaysia (FUKKM) merupakan senarai ubat-ubatan yang telah diluluskan untuk digunakan di semua fasiliti KKM. Ia berfungsi sebagai panduan kepada anggota kesihatan KKM dalam menentukan ubat-ubatan yang diperlukan untuk rawatan pesakit. Permohonan penyenaraian/pindaan kepada FUKKM diputuskan dalam Mesyuarat Panel Kaji Semula Senarai Ubat-ubatan KKM yang bersidang sebanyak tiga (3) kali setahun. Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi bertanggungjawab untuk memproses dan menilai permohonan penyenaraian/pindaan terhadap FUKKM.

Sehingga Disember 2020, terdapat sebanyak 1,639 persediaan yang merangkumi 850 entiti kimia telah disenaraikan dalam FUKKM. Bilangan ubat-ubatan yang tersenarai dalam FUKKM dari tahun 2016 hingga 2020 diringkaskan dalam [Rajah 8.6](#).

Rajah 8.6
Ubat-ubatan yang Tersenarai dalam FUKKM bagi 2016 hingga 2020




Sumber: Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi KKM

UBAT KELULUSAN KHAS

Kelulusan khas daripada Ketua Pengarah Kesihatan/Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi diperlukan untuk memperoleh dan menggunakan ubat yang tidak tersenarai dalam FUKKM termasuk ubat berdaftar atau ubat tidak berdaftar. Permohonan bagi kelulusan khas ini dipertimbangkan untuk rawatan alternatif dengan memberi keutamaan kepada penggunaan ubat-ubatan yang terdapat dalam FUKKM. Sepanjang tahun 2020, terdapat 8,776 permohonan telah diterima daripada fasiliti-fasiliti KKM dengan peningkatan sebanyak 7.8 peratus berbanding tahun 2019 (8,141 permohonan). Secara keseluruhan, 94.4 peratus (8,284 permohonan) telah diluluskan dengan anggaran kos sebanyak RM194.2 juta. Bilangan dan kos kelulusan permohonan ubat khas fasiliti KKM dari tahun 2016 hingga 2020 diringkaskan seperti di (Rajah 8.7).

Rajah 8.7

Bilangan dan Kos Kelulusan Permohonan Ubat Khas Fasiliti KKM bagi 2016 hingga 2020




Sumber: Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi KKM

HARGA PANDUAN PENGGUNA UBAT-UBATAN

Pada tahun 2020 sebanyak 1036 Harga Panduan Pengguna melibatkan ubat terkawal dan *over the counter* (OTC) telah dikemas kini pada laman sesawang Perkhidmatan Farmasi (Rajah 8.8). Harga Panduan Pengguna bertujuan memberi panduan ketersediaan ubat dan harga pasaran kepada orang awam untuk membuat pilihan pembelian ubat di sektor swasta. Namun, maklumat yang dikongsikan masih rendah dan terhad kepada ubat tertentu sahaja disebabkan pelaporan pada masa ini adalah secara sukarela oleh syarikat farmaseutikal.

Rajah 8.8

Perkongsian Harga Panduan Pengguna dari Tahun 2016 -2020




Sumber: Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi KKM

SERBUAN KE ATAS PREMIS YANG DIDAPATI TIDAK MEMATUHI PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

Bahagian Penguatkuasaan Farmasi berperanan untuk memastikan semua produk farmaseutikal, tradisional dan kosmetik dalam pasaran adalah sah dari segi pendaftaran dan notifikasi. Antara usaha yang dilakukan bagi memastikan bahawa pengendalian rangkaian bekalan dan pemasaran produk-produk ini mematuhi peruntukan undang-undang yang terlibat adalah termasuk melalui aktiviti serbuan ke atas premis yang menjual, membekal, menyimpan atau mengilang produk-produk tidak berdaftar, kosmetik tidak bernotifikasi. Serbuan turut dijalankan ke atas premis-premis yang menjual, membekal, menyimpan atau mengilang racun, bahan psikotropik, bahan kimia dan ubat-ubat terkawal yang beroperasi tanpa lesen yang sah. Pada tahun 2020, sebanyak 1,210 premis telah diserbu di seluruh Negara (Rajah 8.9).

Rajah 8.9
Jenis dan Bilangan Premis Diserbu pada tahun 2020



Sumber: Bahagian Penguatkuasaan Farmasi KKM

Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015



Program Perkhidmatan Farmasi di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM) telah mendapat pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 sejak tahun 2018. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan dan diselaraskan oleh Jawatankuasa Kerja ISO Program Perkhidmatan Farmasi IPKKM sepanjang tahun 2020.

Pada 24 hingga 26 Februari 2020, audit pensijilan semula MS ISO 9001:2015 Ibu Pejabat Program Perkhidmatan Farmasi telah dilaksanakan oleh pihak SIRIM QAS Sdn. Bhd. Barisan juruaudit terdiri dari Puan Evelyn Liew Yuen Chun dan Puan Leong Foong Khuan. Sebanyak lapan (8) peluang penambahbaikan telah ditemui sepanjang sesi audit. Ibu Pejabat Program Perkhidmatan Farmasi telah berjaya memperbaharui pensijilan MS ISO 9001:2015 bagi tempoh 2021-2023.

HARI FARMASI SEDUNIA 2020

Seperti tahun-tahun yang lepas, Program Perkhidmatan Farmasi turut menyambut Hari Farmasi Sedunia pada tahun 2020. Sambutan tahun ini merupakan Hari Farmasi Sedunia Ke-Sepuluh dengan tema sambutan '*Transforming Global Health*' yang menggalakkan promosi peranan farmasi dalam meningkatkan tahap kesihatan rakyat. Peranan farmasi diperlihatkan dalam pelbagai bidang dari pelbagai segi. Sebagai contoh, ahli farmasi mampu memperbaiki tahap kesihatan melalui perkhidmatan farmasi yang disalurkan ke dalam komuniti. Ahli saintis farmaseutikal mampu mengubah dan meningkatkan jangka hayat manusia melalui pembangunan ubat dan vaksin yang selamat dan berkesan. Ahli pengajar farmasi memastikan penghasilan ahli farmasi yang berkelayakan dan kompeten untuk menyumbang kepada masyarakat.

Sambutan hari tersebut dilaksanakan secara atas talian bersama Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri dengan ucapan Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi dan persembahan video berkenaan '*Pharmacist's Role during COVID-19 Pandemic*'. Majlis perasmian juga dianjurkan di peringkat ibu pejabat.

MESYUARAT BILATERAL NPRA-PMDA 2020

Pharmaceutical and Medical Devices Agency (PMDA) Jepun telah menganjurkan Mesyuarat Dua Hala Malaysia-Jepun untuk tahun 2020. Mesyuarat dua hala di antara kedua-dua agensi biasanya diadakan secara bersemuka sama ada di Jepun atau di Malaysia. Mesyuarat bilateral telah dirancang pada awal April 2020 di Tokyo tetapi mesyuarat tersebut terpaksa dibatalkan kerana situasi pandemik COVID-19. Oleh itu, mesyuarat bilateral diadakan secara virtual pada 17 November 2020.

Pegawai dari PMDA yang telah menghadiri mesyuarat tersebut termasuk Dr. Fujiwara Yasuhiro (Chief Executive), En. Uzu Shinobu (*Senior Executive Director*), Dr. Nakashima Nobumasa (*Associate Executive Director for International Programs*) dan Dr. Sato Junko (*Director of Office of International Programs*). Wakil dari *Ministry of Health, Labour and Welfare* (MHLW), Dr. Yasuda Naoyuki (*Director of Office of International Regulatory Affairs*) turut mengambil bahagian.

Pegawai dari Malaysia termasuk Datin Dr. Faridah Aryani Md Yusof (Pengarah Kanan Program Perkhidmatan Farmasi) dan Dr. Hasenah Ali (Pengarah NPRA), Timbalan-timbalan Pengarah - Puan Rosilawati Ahmad, Puan Basariah Naina dan Dr. Roshayati Mohd Sani, termasuk ketua seksyen yang berkaitan. Dalam mesyuarat tersebut, Datin Dr. Faridah dan Dr. Fujiwara membuat ucapan pembukaan yang merumuskan kerjasama antara PMDA dan NPRA setakat ini. Walaupun dalam keadaan pandemik, kedua-dua pihak berpuas hati kerana dapat meneruskan perbincangan secara maya berkaitan bidang yang berkepentingan kepada kedua-dua pihak.


Agenda mesyuarat merangkumi pembentangan dari kedua-dua agensi berkenaan langkah-langkah regulatori yang diambil semasa pandemik COVID-19. Topik perbincangan lain termasuk peluang latihan dan peningkatan kapasiti organisasi. Pihak PMDA juga turut membentangkan mekanisme regulatori yang digunakan oleh PMDA untuk mempercepatkan pendaftaran produk berkaitan COVID-19, termasuklah vaksin.

Imej 8.1

Aktiviti-Aktiviti yang Dilaksanakan Semasa Hari Farmasi Sedunia 2020



Majlis Perasmian Hari Farmasi Sedunia 2020



Rakaman ucapan Pengarah Kanan
Perkhidmatan Farmasi



Cenderahati Hari Farmasi
Sedunia 2020

Sumber: Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi, KKM

MESYUARAT COVID-19 OLEH TAIWAN FOOD AND DRUG ADMINISTRATION (TFDA)

Pada 16 Jun 2020, *Taiwan Food and Drug Administration* (TFDA) mengadakan mesyuarat maya dengan badan regulatori terpilih dari rantau Asia Pasifik untuk membincangkan dan berkongsi pengalaman menangani dan menghadapi pandemik COVID-19.

Badan regulatori yang mengambil bahagian termasuk *European Medicines Agency* (EMA), *United States Food and Drug Administration* (USFDA), Thailand (*Food and Drug Administration* (Thai FDA), *Pharmaceutical and Medical Devices Agency* Japan (PMDA) dan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA).

Peserta dari NPRA termasuk Pengarah NPRA - Dr. Hasenah Ali berserta dua orang Timbalan Pengarah - Puan Rosilawati Ahmad dan Dr. Roshayati Mohd Sani.

Dalam keadaan pandemik yang tidak dijangka ini, badan-badan regulatori harus membuat penambahbaikan kepada prosedur regulatori dengan mengambil kira kebarangkalian terjadinya gangguan kepada sektor ekonomi dan sosial ekoran peningkatan kes positif COVID-19.

Objektif utama mesyuarat ini adalah untuk menyediakan platform bagi badan-badan regulatori untuk berkongsi pengalaman dalam menangani isu-isu seperti kekurangan ubat atau gangguan bekalan ubat serta langkah yang diambil untuk memenuhi permintaan yang meningkat untuk produk sanitiser alkohol, disinfektan dan PPE semasa fasa awal COVID-19. Mesyuarat juga membincangkan potensi kolaborasi untuk membolehkan perkongsian maklumat regulatori terkini berkaitan dengan COVID-19.

OPERASI PANGEA XIII



Operasi Pangea XIII yang bermula pada 3 Mac sehingga 10 Mac 2020 yang lalu merupakan penyertaan Malaysia kali ke-8 sejak Operasi Pangea ini dimulakan. Operasi Pangea XIII yang diselenggarakan oleh INTERPOL ini memberi tumpuan kepada laman sesawang dan media sosial yang menawarkan ubat-ubatan yang berbahaya termasuk peranti perubatan. Pada tahun ini, tumpuan diberikan terhadap penjualan ubat-ubatan dan peranti perubatan yang disalahgunakan bagi tujuan rawatan COVID-19.

Dalam operasi tersebut, sebanyak 347 laman web peribadi, 360 akaun di laman sosial dan 585 pautan di platform e-marketplace yang didapati menjual produk Farmaseutikal yang menyalahi peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan telah dipantau, disiasat dan diambil tindakan.

Selain itu, sebanyak 853 bungkusan pos telah diperiksa. Darpada jumlah tersebut, 79 bungkusan pos yag didapati mengandungi produk Farmaseutikal yang tidak berdaftar dirampas. Pemeriksaan turut dijalankan di semua pintu masuk utama di seluruh negara melibatkan kargo udara, lapangan terbang, pos sempadan dan terminal feri. Sebanyak 1,026,857 unit ubat-ubatan tidak berdaftar dirampas dengan nilai rampasan sebanyak RM 2,554,456.00.

Serbuan turut dijalankan ke atas 50 premis tidak berlesen dimana 23,278 produk Farmaseutikal yang menyalahi peruntukan undang-undang telah dirampas untuk tindakan lanjut.

Selain itu, sepanjang tempoh Operasi Pangea XIII penekanan turut diberikan ke atas aktiviti meningkatkan kesedaran pengguna tentang risiko dan bahaya pembelian ubat-ubatan secara dalam talian. Sebanyak 196 kempen kesedaran pengguna telah diadakan sepanjang tempoh Operasi Pangea XIII.

Aktiviti Kempen Waspada Pembelian Ubat atas Talian diperkemaskan dan ditambah baik sepanjang tahun 2020 namun masih mengekalkan tagline sedia ada iaitu #biarbetuliklanni!. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020. Aktiviti-aktiviti ini dijalankan selari dengan Objektif 1 Pelan Tindakan Penguatkuasaan Farmasi 2020 iaitu untuk mengurangkan penjualan dan pengiklanan produk farmaseutikal tidak berdaftar dan racun dalam media baharu atau dalam talian. Antara usaha yang dijalankan adalah mengadakan sesi temuramah di radio dan televisyen serta hebahan tentang bahaya pembelian ubat-ubatan dalam talian melalui Facebook Ads, penulisan artikel, YouTube, skrin digital dan lain-lain.

Imej 8.2 Pemeriksaan Bungkusan Pos



Sumber: Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, KKM

HALA TUJU

Sebagai sebahagian daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, Program Perkhidmatan Farmasi berharap untuk mencapai matlamat dan aspirasi Kementerian dari masa ke semasa. Sementara itu, bagi memenuhi keperluan penjagaan kesihatan yang meningkat, Program ini telah menghasilkan pelan strategik dengan inisiatif dan sasaran untuk lima (5) tahun yang akan datang.

Sebagai organisasi yang terdiri daripada lima (5) Bahagian, Program ini telah membangunkan dasar asas dalam pelbagai prospek dari customer engagement, innovation driven, sustaining operational excellence ke enhancing capability building dengan perkongsian nilai serta amalan kepimpinan bersama. Program ini telah merancang strategi dari pelbagai aspek seperti:

- Libat urus dengan pelbagai sektor untuk ubat dan kesedaran kesihatan
- Nilai dan peranan perkhidmatan Farmasi
- Inovasi perkhidmatan berasaskan ICT
- Hasil penyelidikan dalam pembangunan dasar dan amalan
- Pentadbiran dan kawalan regulatori
- Pemantauan jualan dan pengiklanan produk
- Kebolehcapaian produk farmaseutikal
- Sumber farmasi
- Kecekapan dan keupayaan organisasi

KESIMPULAN

Pandemik COVID-19 telah membawa rintangan kepada beberapa inisiatif dan aktiviti yang dirancang untuk tahun 2020. Walaupun terpaksa memerangi COVID-19 dan banyak cabaran yang perlu diharungi, Program ini tetap terus melaksanakan tanggungjawab dan kekal komited kepada objektif Program dalam memastikan ubat-ubatan dan perkhidmatan farmasi yang disediakan adalah mengikut standard dan boleh dicapai oleh rakyat.



09

KESELAMATAN & KUALITI MAKANAN



KESELAMATAN & KUALITI MAKANAN

PENGENALAN

Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) bertanggungjawab melindungi orang ramai terhadap bahaya dari segi kesihatan dan penipuan pada penyimpanan, penyediaan, pemprosesan pembungkusan, pengangkutan, penjualan dan penggunaan makanan serta memudahkan perdagangan makanan melalui pelbagai aktiviti di bawah program jaminan keselamatan makanan. Mandat untuk kawalan ini diperuntukkan di bawah Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN


PEMATUHAN DOMESTIK

PENDAFTARAN PREMIS MAKANAN

Di bawah Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 (PPKM 2009), semua premis makanan wajib berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Sehingga 31 Disember 2020, sejumlah 26,619 premis makanan telah didaftarkan oleh pemilik premis melalui aplikasi atas talian <http://fosimdomestic.moh.gov.my/>. Jumlah tersebut terdiri daripada 1,207 (4.53%) kilang makanan (P1), 2,700 (10.14%) premis makanan yang terlibat dalam katering makanan (P2), 22,334 (83.90%) premis outlet makanan (P3), 63 (0.24%) kenderaan menjual makanan (P4) dan 315 (1.18%) lain-lain premis makanan ([Rajah 9.1](#)).

Rajah 9.1

Pecahan Premis Berdaftar Mengikut Kategori Bagi Tahun 2020 (Januari Hingga Disember)



Sumber : Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

PEMERIKSAAN KEBERSIHAN PREMIS MAKANAN

Pemeriksaan kebersihan premis makanan merupakan satu aktiviti rutin bagi memastikan kebersihan premis berada pada tahap yang baik serta mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009. Pada tahun 2020, sejumlah 67,976 premis makanan telah diperiksa dengan 1,751 (2.58%) daripadanya telah ditutup di bawah Seksyen 11, Akta Makanan 1983. [Rajah 9.2](#) menunjukkan bilangan premis yang diperiksa dan peratus penutupan premis makanan mengikut negeri bagi tahun 2020.

Rajah 9.2
Bilangan Premis Makanan Yang Diperiksa Dan Peratus Penutupan Premis Makanan Mengikut Negeri Bagi Tahun 2020




Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

PENSAMPELAN MAKANAN

Pensampelan makanan dijalankan bagi memastikan makanan yang disediakan atau dijual di Malaysia adalah mematuhi kehendak Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Pada tahun 2020, sebanyak 23,949 sampel telah diambil dan dianalisis oleh Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan (MKKM) termasuk makmal-makmal lain yang diwartakan di bawah KKM. Daripada analisis tersebut, sebanyak 1,144 (4.78%) sampel didapati melanggar Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya. [Rajah 9.3](#) menunjukkan bilangan sampel yang diambil bagi tahun 2015 hingga 2020 yang menunjukkan tren pengurangan bagi tahun 2020 berbanding 2019. [Rajah 9.4](#) menunjukkan pencapaian berdasarkan negeri dengan dua (2) negeri dikesan mempunyai kadar pelanggaran melebihi 10 peratus iaitu Terengganu (14.0%) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Wilayah Persekutuan Putrajaya (12.0%).

Rajah 9.3


Bilangan Sampel Diambil Dan Peratus Sampel Melanggar Bagi Tahun 2015 Hingga 2020



Sumber : Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

Rajah 9.4

Bilangan Sampel Diambil Dan Peratus Sampel Melanggar Mengikut Negeri Bagi Tahun 2020



Sumber : Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

OPERASI KHAS (BERTEMA)


Pada tahun 2020, sebanyak tiga (3) Operasi Khas telah dijalankan pada 2020 sebagai langkah proaktif bagi menangani isu-isu keselamatan makanan iaitu Ops Air Zam Zam, Ops Pelabelan Produk Import dan Ops Lesen bagi Mesin Jual Air (MJA), Air Minuman Berbungkus dan Air Mineral Semulajadi (AMBAMS) dan Ais (Imej 9.1 dan Rajah 9.5).

Imej 9.1 Ops Khas 2020



Sumber : Bahagian Keselamatan & Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri

Rajah 9.5 Ringkasan Laporan bagi Tiga Operasi Khas Bagi Tahun 2020



Sumber : Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

KAWALAN MAKANAN IMPORT

Aktiviti kawalan makanan import meliputi 56 lokasi pintu masuk seluruh negara di bawah seliaan PKKM, KKM. Pada tahun 2020, sejumlah 219,053 konsainan makanan telah diimport ke Malaysia berbanding 321,828 konsainan makanan pada tahun 2019. Penurunan jumlah konsainan makanan pada tahun ini adalah kesan daripada pandemik Covid-19 yang menjejaskan perdagangan antarabangsa khususnya di peringkat awal penularan penyakit tersebut. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 118,997 (54%) konsainan telah diperiksa dan 3,740 (3.1%) disampel untuk dianalisis pelbagai jenis parameter. Daripada pensampelan yang telah dibuat, 39 (1%) sampel makanan didapati telah melanggar Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Manakala bagi pemeriksaan pematuan pelabelan produk makanan import, sebanyak 260 (0.81%) dari 32,102 tidak mematuhi peruntukan pelabelan makanan di bawah Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Daripada ketidakpatuhan tersebut, sebanyak 225 (94.5%) dari 238 permohonan pelabelan semula telah diluluskan.

KAWALAN MAKANAN EKSPORT

PROGRAM PEMANTAUAN EKSPORT

Program pemantauan eksport adalah aktiviti di bawah kawalan rasmi KKM yang dibangunkan secara spesifik mengikut komoditi dan keperluan negara pengimport. Berikutan pandemik COVID-19, kekerapan pensampelan bagi semua program pemantauan ini telah diselaraskan semula bagi membolehkan pelaksanaan secara menyeluruh ke atas semua premis yang disenaraikan. Jumlah pensampelan bagi program pemantauan eksport adalah seperti di [Imej 9.2](#).

Imej 9.2
Pensampelan Bagi Program Pemantauan Eksport Tahun 2020




Sumber : Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

PENGELUARAN SIJIL EKSPORT

Pengeluaran sijil eksport kepada pengeksport adalah bagi mematuhi keperluan yang ditetapkan oleh negara pengimport. Pada tahun 2020, sebanyak 66,005 sijil eksport telah dikeluarkan kepada pengeksport ([Imej 9.3](#)).


Imej 9.3
Pengeluaran Sijil Eksport Bagi Tahun 2020



Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

NOTIFIKASI PENOLAKAN MAKANAN

Notifikasi penolakan makanan eksport merujuk kepada maklumat penolakan/pelanggaran/penarikan balik produk makanan yang dieksport kerana tidak mematuhi keperluan negara pengimport. Pada tahun 2020, Malaysia telah menerima 49 notifikasi dan 61 kes penolakan makanan. Ringkasan notifikasi penolakan makanan bagi tahun 2020 seperti di [Imej 9.4](#).



Sumber : Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

LAWATAN AUDIT VERIFIKASI LUAR NEGARA TAHUN 2020

Lawatan audit verifikasi daripada negara pengimport iaitu Dominican Republic, Korea Selatan dan China telah dijalankan untuk menilai sistem keselamatan makanan yang dilaksanakan oleh Malaysia di sepanjang rantai pengeluaran eksport di sepanjang tahun 2020 ([Jadual 9.1](#)).

Jadual 9.1
Lawatan Audit Verifikasi Luar Negara

Negara	Agensi	Komoditi	Tarikh Audit	Kaedah Audit
Dominican Republic	<i>Ministry of Agriculture</i>	Susu dan Hasil Susu	20 – 22 Januari 2020	Audit Lapangan
Korea Selatan	<i>Ministry of Food and Drug Safety (MFDS)</i>	Pelbagai	1 Mei 2020 – 31 Julai 2020	Audit Dokumen
China	<i>General Administration of Customs, People's Republic of China (GACC)</i>	Ikan dan Hasil Ikan	13 Oktober 2020	Video Inspection
		Durian sejuk beku (Pulpa, Pes dan Whole Fruit)	20-22 October 2020	Video Inspection

Sumber : Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

SKIM PENSIJILAN DAN PENGIKTIRAFAN MAKANAN

Skim Pensijilan *Hazard Analysis Critical Control Points* (HACCP) dan *Good Manufacturing Practice* (GMP) merupakan salah satu Program Jaminan Keselamatan Makanan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam memastikan premis pemprosesan menghasilkan makanan yang selamat untuk dimakan. Manakala, Skim Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) pula adalah satu skim pensijilan yang memberi fokus kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk memenuhi keperluan yang diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

Selain memberikan perkhidmatan pensijilan kepada industri pengilangan makanan, pengiktirafan “Bersih, Selamat dan Sihat” atau “BeSS” turut ditawarkan kepada premis outlet makanan seperti restoran, gerai makan, kafeteria mahupun kenderaan bergerak seperti *food truck*. Ringkasan pencapaian skim pensijilan dan pengiktirafan makanan secara kumulatif sehingga tahun 2020 adalah seperti [Jadual 9.2](#).

Jadual 9.2

Bilangan Pensijilan Dan Pengiktirafan Makanan Yang Dikeluarkan Sehingga Tahun 2020

			
1,106	1,133	5,044	8,184

Sumber : Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

AKTIVITI PELESENAN

Di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985, semua premis pemprosesan bagi maksud perdagangan atau perniagaan iaitu air mineral semulajadi, air minuman berbungkus, ais dan air dari mesin jual air perlu mendapatkan lesen daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Kelulusan pelesenan air mineral semulajadi, air minuman berbungkus, penyediaan ais dan mesin jual air pada tahun 2020 adalah seperti [Jadual 9.3](#).

Jadual 9.3

Kelulusan Pelesenan Air Mineral Semulajadi, Air Minuman Berbungkus, Mesin Jual Air Dan Penyediaan Ais Pada Tahun 2020

Air Mineral Semulajadi	Air Minuman Berbungkus	Ais	Mesin Jual Air
2	14	146	1,892

Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

LAIN-LAIN AKTIVITI

PENGHASILAN BAHAN PENDIDIKAN COVID-19

Pandemik COVID-19 yang melanda negara telah menyebabkan berlakunya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020. Semasa berlakunya pandemik ini, PKKM telah mengambil inisiatif dalam menghasilkan bahan pendidikan seperti infografik, garis panduan dan video berkaitan COVID-19 untuk makluman dan panduan kepada orang awam. Antara bahan pendidikan yang dihasilkan adalah seperti di [Imej 9.5](#).

Imej 9.5
Garis Panduan Dan Infografik



Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

PELANCARAN SAMBUTAN HARI KESELAMATAN MAKANAN SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2020 BERSAMA PELANCARAN GARIS PANDUAN PENGIKLAMAN MAKANAN

PKKM dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) seluruh negara telah melaksanakan pelancaran Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia 2020 secara serentak menerusi lintas langsung (*virtual online*) di lapangan menggunakan aplikasi Zoom dan dipancarkan terus di FB Live pada 3 September 2020. Garis Panduan Pengiklanan Makanan turut dilancarkan semasa majlis ini. Aktiviti ini merupakan yang pertama dilaksanakan di dalam KKM selaras dengan amalan norma baru ([Imej 9.6](#)).

Imej 9.6

Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia Peringkat Kebangsaan 2020 Bersama Pelancaran Garis Panduan Pengiklanan Makanan



Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

MESYUARAT KLUSTER KESELAMATAN MAKANAN DAN PEMAKANAN

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah diberi tanggungjawab untuk menerajui Kluster Keselamatan Makanan dan Pemakanan dengan dibantu oleh Sekretariat Majlis Keselamatan Makanan dan Pemakanan Kebangsaan (MKMPK). Aktiviti di bawah Kluster Keselamatan Makanan dan Pemakanan adalah berfokuskan *utilization* merentasi sepanjang rantai nilai makanan (*value chain*).

Mesyuarat Kluster Keselamatan Makanan kali pertama yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia telah diadakan secara *hybrid* pada 21 Disember 2020 (Imej 9.7). Mesyuarat ini dihadiri oleh pegawai kanan daripada pelbagai agensi-agensi di bawah Kementerian, akademik dan badan bukan kerajaan.

Imej 9.7

Mesyuarat Kluster Keselamatan Makanan Dan Pemakanan Pada 21 Disember 2020



Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

MUTUAL RECOGNITION ARRANGEMENT FOR INSPECTION AND CERTIFICATION SYSTEM ON FOOD HYGIENE FOR PREPARED FOODSTUFF PRODUCTS (MRA ON PF)

ASEAN MRA on PF dibangunkan untuk membolehkan saling pengiktirafan (*mutual recognition*) pada sistem pemeriksaan dan pensijilan kebersihan makanan bagi produk di bawah kod HS 16-22 untuk memudahkan aliran perdagangan di ASEAN dan melindungi kesihatan pengguna. Pada tahun 2020, seramai 29 juruaudit dari ASEAN telah diluluskan sebagai Panel Pakar termasuk 4 pakar dari Malaysia untuk turut serta dalam pelaksanaan audit MRA on PF di ASEAN.

PEMBANGUNAN PERJANJIAN ASEAN FOOD SAFETY REGULATORY FRAMEWORK

Draf Perjanjian ASEAN Food Safety Regulatory Framework (AFSRF) dibangunkan untuk memberikan pendekatan yang koheren serta bersepadu dalam keselamatan makanan yang menghubungkan inisiatif keselamatan makanan ASEAN dalam kerangka perundangan, menutup jurang dan memastikan keselamatan makanan dilaksanakan di seluruh rantai makanan. Draf Perjanjian telah dimuktamadkan oleh Pasukan Petugas AFSRF (TF AFSRF) ke-6 dan dijangka untuk ditandatangani secara edaran pada separuh tahun pertama 2021, berikutan situasi pandemik Covid-19 (Imej 9.8).

Imej 9.8

Mesyuarat Pasukan Petugas ke-6 mengenai Pembangunan Perjanjian ASEAN Food Safety Regulatory Framework, 4 hingga 6 Mac 2020



Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

KESIMPULAN

PKKM sebagai peneraju kawalan keselamatan dan kualiti makanan negara akan sentiasa komited untuk memperkasakan kawalan keselamatan dan kualiti makanan di sepanjang rantai bekalan makanan melalui akauntabiliti bersama pemegang taruh bagi memastikan rakyat disegenap lapisan mendapat makanan yang selamat dan berkualiti selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.



10

**PIHAK BERKUASA
PERANTI
PERUBATAN**



PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN

PENGENALAN

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (PBPP) merupakan sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2012 (Akta 738) pada 15 Mac 2012.

Penubuhan ini bertujuan untuk mengawal selia peranti perubatan, industri peranti perubatan dan aktivitiinya melalui penguatkuasaan Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737). Fungsi PBPP adalah:

- Pendaftaran peranti perubatan, badan penilaian pematuhan, pengeluaran lesen establismen, pemantauan dan pengawasan pasca pasaran dan iklan, dan penguatkuasaan.
- Melaksanakan, menguatkuasakan, menimbangkan dan mengesyorkan pembaharuan kepada undang-undang peranti perubatan.
- Mengawal selia semua perkara yang berhubungan dengan peranti perubatan, industri peranti perubatan dan aktivitiinya.
- Untuk menggalakkan dan mempromosi pembangunan peranti perubatan, industri peranti perubatan dan aktivitiinya termasuklah dalam bidang penyelidikan dan latihan.
- Untuk memberikan khidmat rundingan, nasihat dan apa-apa perkhidmatan lain berhubung dengan peranti perubatan, industri peranti perubatan dan aktivitiinya.
- Untuk mengenakan fi atau caj bagi perkhidmatan yang diberikan oleh pihak berkuasa.

PBPP diterajui oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr Noor Hisham bin Abdullah yang bertindak sebagai Pengerusi Pihak Berkuasa bersama dengan lapan (8) anggota yang lain yang terdiri daripada Ketua Eksekutif PBPP, wakil dari Kementerian Kewangan Malaysia, wakil dari Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga wakil-wakil dari industri peranti perubatan di Malaysia.

Pengurusan dan pentadbiran PBPP pula diketuai oleh Ketua Eksekutif dan dibantu oleh tiga (3) Pengarah Bahagian. Struktur organisasi PBPP terdiri daripada tiga (3) bahagian iaitu Bahagian Pendaftaran, Perlesenan dan Penguatkuasaan, Bahagian Dasar Kod dan Standard, dan Bahagian Penilaian Teknikal. Ia turut dibantu dua (2) unit iaitu Unit Khidmat Pengurusan serta Unit Komunikasi Korporat. PBPP juga disokong oleh Penasihat Undang-Undang dan Pegawai Integriti.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

PENDAFTARAN PERANTI PERUBATAN

Sepanjang tahun 2020, PBPP telah meluluskan sebanyak 4,852 permohonan pendaftaran peranti perubatan yang diterima dan sebanyak 3,742 permohonan '*change notification*' bagi peranti perubatan yang telah berdaftar. Data adalah seperti di [Jadual 10.1](#).

Jadual 10.1
Jumlah Kelulusan Permohonan Pendaftaran Peranti Perubahan dan Permohonan *Change Notification* Mengikut Kelas Bagi Tahun 2020

Bil.	Kelas	Jumlah Permohonan Pendaftaran	Jumlah Permohonan <i>Change Notification</i> (Peranti Perubahan Yang Telah Berdaftar)
1.	Kelas A	2,404	722
2.	Kelas B	1,276	1,320
3.	Kelas C	907	1,087
4.	Kelas D	234	613
5.	Kombinasi	4	-
6.	Produk <i>Ancillary</i>	27	-
Jumlah		4,852	3,742

Sumber: Unit Pendaftaran Peranti Perubahan, PBPP

PERLESENAN ESTABLISMEN

Sepanjang tahun 2020, PBPP telah meluluskan sebanyak 361 permohonan lesen establismen baharu dan sebanyak 449 lesen establismen yang telah diperbaharui. Permohonan pindaan lesen establismen serta pertukaran hak milik masing-masing mencatatkan sebanyak 286 permohonan dan 532 permohonan. Data adalah seperti **Jadual 10.2** di bawah:

Jadual 10.2
Jumlah Kelulusan Permohonan Lesen Establismen Bagi Tahun 2020

Bil.	Jenis Permohonan	Jumlah Permohonan Yang Diluluskan
1.	Permohonan lesen establismen baharu	361 Lesen
2.	Permohonan lesen establismen yang diperbaharui (<i>Renewal</i>)	449 Lesen
3.	Permohonan pindaan lesen establismen	286 Lesen
4.	Pertukaran hak milik	532 Lesen

Sumber: Unit Perlesenan Establismen, PBPP

PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN

Pencapaian bagi aktiviti pemantauan pematuhan dan penguatkuasaan pula adalah seperti di **Jadual 10.3**.

Jadual 10.3
Jumlah Pemantauan Pematuhan dan Penguatkuasaan Bagi Tahun 2020

Bil.	Aktiviti	Bilangan
1.	Aduan yang diterima	114
2.	Pemeriksaan dan risikan dijalankan	148
3.	Pengeluaran surat amaran penguatkuasaan	31
4.	Pengeluaran surat amaran iklan	96
5.	Serbuan dan rampasan	2
6.	Pautan peranti perubatan yang digugurkan daripada platform <i>e-Commerce</i>	20,295
7.	Pemeriksaan pendidikan pelitup muka	49
8.	Aduan yang selesai	35
9.	Pemeriksaan pra-pendaftaran CAB	2
10.	Pemeriksaan Surveilans CAB	5
11.	Pemeriksaan “ <i>witness</i> ” ke atas auditor CAB	4
12.	Menjalankan pemeriksaan surveilans ke atas <i>establishment</i>	19

Sumber: Unit Penguatkuasaan dan Bahagian Dasar, Kod dan Standard, PBPP

PERMOHONAN SIJIL *CERTIFICATE OF FREE SALES (CFS)/MANUFACTURING CERTIFICATE (MC)/CFS FOR EXPORT ONLY* DAN NOTIFIKASI PENGECEUALIAN (*EXPORT ONLY* DAN *IMPORT FOR RE-EXPORT*)

Pencapaian bagi permohonan CFS dan aktiviti notifikasi pengecualian *export only* dan *import for re-export* adalah seperti di **Jadual 10.4**.

Jadual 10.4
Jumlah Permohonan CFS Dan Notifikasi Pengecualian *Export Only* dan *Import For Re-Export* Bagi Tahun 2020

Bil	Aktiviti	Bilangan
1.	Penyemakan permohonan CFS	678
2.	Penyemakan permohonan CFS for <i>Export Only</i>	120
3.	Penyemakan permohonan MC	30
4.	Pengeluaran surat notifikasi <i>export only</i>	95
5.	Pengeluaran surat notifikasi <i>import for re-export</i>	11

Sumber: Bahagian Dasar, Kod dan Standard, PBPP

NOTIFIKASI PENGECEUALIAN, PERMOHONAN *SPECIAL ACCESS*, DAN PENGKELASAN PRODUK

Pencapaian bagi aktiviti notifikasi pengecualian dan *special access* adalah seperti berikut:

Jadual 10.5

Jumlah Notifikasi Pengecualian, Permohonan *Special Access* dan Pengkelasan Produk Bagi Tahun 2020

Bil.	Aktiviti	Bilangan
1.	Penilaian permohonan Notifikasi bagi Peranti Perubatan Aktif (<i>ventilator, PT Monitor, SPO2, RO</i>)	Bilangan Permohonan Diterima: 15 Bilangan Surat Notifikasi Dikeluarkan: 12
2.	Penilaian permohonan Notifikasi bagi <i>X-ray</i>	Bilangan Permohonan Diterima: 2 Bilangan Surat Notifikasi Dikeluarkan: 2
3.	Penilaian permohonan Notifikasi bagi Kit Pengujian IVD COVID 19	Bilangan Permohonan Diterima: 536 Bilangan Surat Notifikasi Dikeluarkan: 295
4.	Penilaian permohonan Notifikasi bagi prosedur normal	Bilangan Permohonan Diterima: 100 Bilangan Surat Notifikasi Dikeluarkan: 77
5.	Penilaian permohonan Notifikasi bagi lain-lain : i. <i>PPE (Personal Protective Equipment)</i> ii. <i>Non-contact infrared thermometers - NCITs</i>	Bilangan Permohonan Diterima: i. <i>PPE (Personal Protective Equipment)</i> : 87 ii. <i>Non-contact infrared thermometers - NCITs</i> : 45 Bilangan Surat Notifikasi Dikeluarkan: i. <i>PPE (Personal Protective Equipment)</i> : 16 ii. <i>Non-contact infrared thermometers - NCITs</i> : 39
6.	Jumlah Pengeluaran Surat Pengkelasan Produk	411

Sumber: Bahagian Penilaian Teknikal, PBPP

HALA TUJU

PBPP akan terus memainkan peranan serta fungsinya dalam merealisasikan pencapaian visi untuk menjadi badan kawal selia peranti perubatan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa yang menyediakan perkhidmatan kelas dunia, peneraju hab peranti perubatan untuk persekitaran penjagaan kesihatan yang selamat dan berkesan bagi negara pada tahun 2023. Beberapa misi juga telah dikenal pasti dalam memastikan visi ini tercapai seperti yang telah ditetapkan di dalam Pelan Strategik PBPP bagi tahun 2019 hingga 2023.

Misi pertama adalah kawalan dan penguatkuasaan akta yang efektif. Penyediaan kawalan perundangan ke atas industri peranti perubatan di Malaysia melalui pematuhan kepada Akta dan peraturan di bawahnya bagi memastikan prestasi keselamatan dan perlindungan orang awam yang menjurus ke arah kepuasan pelanggan.

Misi kedua, didorong oleh teknologi dan kompetensi sumber manusia. Pembangunan kompetensi sumber manusia secara berterusan bagi memastikan kelestarian keberkesanan organisasi. Pembangunan proses penyampaian secara berterusan melalui teknologi maklumat dan komunikasi "*state of the art*".

Misi ketiga, keterlibatan (*engagement*) pelanggan dan pemegang taruh. Perhubungan kolaboratif dan konsultatif yang dapat memenuhi keperluan pelanggan, pemegang taruh dan kakitangan.

Misi keempat, untuk mewujudkan serta mengukuhkan hubungan antarabangsa melalui pengharmonian dan pengiktirafan (MOU/MRA).



11

PEMBANGUNAN



PEMBANGUNAN

PENDAHULUAN

Bahagian Pembangunan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertanggungjawab untuk menguruskan aktiviti berkaitan dengan pengurusan, perancangan, pelaksanaan, pengawalan, pemantauan serta penilaian program dan projek pembangunan fasiliti kesihatan KKM yang dilaksanakan di bawah Pelan Rancangan Malaysia (RMK). Terdahulu, bahagian ini dikenali sebagai Bahagian Perancangan dan Pembangunan namun penstrukturan semula organisasi pada 1 September 2012 telah memisahkan bahagian tersebut kepada dua (2) entiti iaitu Bahagian Perancangan dan Bahagian Pembangunan yang berbeza fungsi masing-masing. Seterusnya pada 27 September 2018, bahagian ini telah dijenamakan semula melalui penyusunan semula tanggungjawab dan fungsi setiap unit yang dibahagikan kepada tiga (3) cawangan utama yang disokong oleh 12 unit seperti berikut:

- A. Cawangan Pengurusan Projek I:
 - 1. Unit Projek 1 (Zon Utara)
 - 2. Unit Projek 2 (Zon Tengah)
 - 3. Unit Projek 3 (Zon Timur)
 - 4. Unit *Public, Private and Partnership*
- B. Cawangan Pengurusan Projek II:
 - 5. Unit Projek 4 (Zon Selatan)
 - 6. Unit Projek 5 (Sabah dan Sarawak)
 - 7. Unit Bajet RMK
 - 8. Unit Teknikal dan Perolehan
- C. Cawangan Pengurusan Sumber:
 - 9. Unit Tanah
 - 10. Unit Kewangan dan Pentadbiran
 - 11. Unit Penyelarasan (Lawatan/Parlimen)
 - 12. Unit Penyelarasan (Urusetia Mesyuarat)

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN TAHUN 2020

Dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RP4) Tahun 2020, KKM telah diluluskan peruntukan pembangunan (DE) sebanyak RM2.661 bilion untuk melaksanakan 363 projek pembangunan fasiliti kesihatan yang melibatkan 65 buah projek baharu dan 298 projek sambungan. KKM telah menerima sebanyak dua (2) Notis Penyekatan Peruntukan Waran secara berturut-turut pada 5 Julai 2020 dan 2 September 2020 yang keseluruhannya berjumlah sebanyak RM350,000. Ini menjadikan peruntukan DE sebenar yang diluluskan bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM2.311 bilion.

Pencapaian prestasi perbelanjaan DE bagi projek-projek pembangunan KKM sehingga 31 Disember 2020 adalah sebanyak RM3.858 bilion iaitu 166.98 peratus daripada peruntukan tahunan yang diluluskan. Butiran terperinci mengikut Program adalah seperti [Jadual 11.1](#).

Jadual 11.1
Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan KKM Tahun 2020

Projek	Peruntukan Terkini 2020 (RM)	Tanggungan 2020 (RM)	Perbelanjaan 2020 (RM)	Tanggungan + Belanja 2020 (RM)	%
BP 100 – Latihan	19,577,200	3,912	18,789,470	18,793,382	96.00
102 Naiktaraf Projek- Projek Latihan	4,351,300	0	4,340,560	4,340,560	99.75
105 Latihan Dalam Perkhidmatan	15,225,900	3,912	14,448,910	14,452,822	94.92
BP 200 – Kesihatan Awam	315,774,630	4,962,375	305,138,213	310,100,588	98.20
201 Per. Kesihatan Luar Bandar	105,302,070	101,000	99,382,078	99,483,078	94.47
202 Bekalan Air dan Kesihatan Alam Sekeliling (BAKAS)	9,156,000	0	9,096,309	9,096,309	99.35
203 Perkhidmatan Kesihatan Bandar	200,416,560	4,861,375	195,759,826	200,621,201	100.10
204 Klinik Bergerak	900,000	0	900,000	900,000	100.00
BP 300 – Kemudahan Hospital	797,768,640	6,252,461	2,365,102,808	2,371,355,270	297.25
BP 400 – Hospital	215,684,600	249,867	215,236,867	215,486,734	99.91
BP 500 – Pembangunan & Penyelidikan (R&D)	13,965,500	0	13,733,808	13,733,808	98.34
BP 600 – Perolehan dan Pengurusan	115,273,700	3,426,228	108,020,928	111,447,157	96.68
BP 700 – Tanah, Naiktaraf, Ubahsuai dan Pembaikan	28,699,000	207,831	28,480,016	28,687,848	99.96
BP 800 – Informasi Dan Teknologi (ICT)	28,929,500	0	24,370,763	28,928,952	84.24
BP 900 – Penyelenggaraan Kuarters KKM	14,890,100	0	14,852,693	14,852,693	99.75
BP 900 – Kemudahan Anggota	77,648,520	22,490	76,983,129	77,005,619	99.17
901 Kuarters Luar Bandar	14,461,710	0	14,460,112	14,460,112	99.99
902 Kuarters Bandar	7,080,000	0	6,442,903	6,442,903	91.00
904 Pejabat & Jabatan Kesihatan	56,106,810	22,490	56,080,113	56,102,603	99.99
BP1100 – Peralatan dan Kenderaan	682,338,610	8,289,247	664,018,475	672,307,722	98.53
Jumlah	2,310,550,000	23,414,412	3,834,727,082	3,858,141,494	166.98

Sumber: Bahagian Pembangunan, KKM

PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN TANAH

Bahagian Pembangunan juga bertanggungjawab untuk mentadbir pengurusan dan perolehan tanah dan bangunan mengikut Kanun Tanah Negara 1965, Akta Pengambilan Tanah 1960 dan Pekeliling Perbendaharaan berkaitan untuk pembangunan fasiliti kesihatan. Semua proses pengambilan tanah di seluruh negara bagi tujuan pembangunan fasiliti kesihatan KKM adalah melalui kelulusan Jawatankuasa Pengurusan dan Pemantauan Tanah (JKPPT) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KKM. Sejumlah 75 kertas permohonan untuk perolehan tanah telah dikemukakan oleh pelbagai agensi di bawah KKM dan dibentangkan dalam JKPPT. **Jadual 11.2** menunjukkan senarai mesyuarat JKPPT yang diadakan pada tahun 2020.

Jadual 11.2
Pelaksanaan Mesyuarat JKPPT Tahun 2020

Bil.	Mesyuarat	Tarikh	Jumlah kertas
1.	MJKPPT Bil. 1/2020	24 Februari 2020	9
2.	MJKPPT Bil. 2/2020	30 Jun 2020	17
3.	MJKPPT Bil. 3/2020	27 Ogos 2020	17
4.	MJKPPT Bil. 4/2020	19 Oktober 2020	17
5.	MJKPPT Bil. 5/2020	16 Disember 2020	15
Jumlah Keseluruhan			75

Sumber: Unit Tanah, Bahagian Pembangunan, KKM

PEMBANGUNAN LATIHAN BAGI MENINGKATKAN KOMPETENSI PEGAWAI

Bahagian Pembangunan turut merangka, merancang dan melaksanakan Pelan Operasi Latihan bagi meningkatkan kompetensi pegawai-pegawai di Bahagian ini dalam mengurus dan melaksanakan tugas terutamanya dalam pengurusan projek serta mengemas kini maklumat dalam sistem SPPII. Berikut merupakan aktiviti latihan pembangunan yang telah diadakan sepanjang tahun 2020 seperti **Jadual 11.3** di bawah.

Jadual 11.3
Senarai Aktiviti Latihan Pembangunan Kompetensi bagi Tahun 2020

Bil.	Aktiviti	Tarikh
1.	Sesi Latihan Penggunaan Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) (Siri 1) di Bilik Latihan BPM, Aras 5, Blok E7	2 Jun 2020
2.	Sesi Latihan Penggunaan Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) (Siri 2) di Bilik Gerakan, Aras 3, Blok E3	3 Julai 2020
3.	Sesi Latihan Penggunaan Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) (Siri 3) di Bilik Latihan BPM, Aras 5, Blok E7	6 Julai 2020
4.	Bengkel Semakan Proses Pelaksanaan Projek Pembangunan Fasiliti Kesihatan, KKM di Avilion Port Dickson, Negeri Sembilan	9 hingga 10 Ogos 2020

Sumber: Unit Penyelarasan, Bahagian Pembangunan, KKM

Imej 11.1

Sesi Latihan Penggunaan Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) (Siri 2) di Bilik Gerakan, Aras 3, Blok E3 pada 3 Julai 2020



Imej 11.2

Sesi Latihan Penggunaan Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) (Siri 3) di Bilik Latihan BPM, Aras 5, Blok E7 pada 6 Julai 2020



Imej 11.3

Bengkel Semakan Proses Pelaksanaan Projek Pembangunan Fasiliti Kesihatan, KKM di Avilion Port Dickson, Negeri Sembilan pada 9 -10 Ogos 2020



Sumber: Unit Penyelarasan, Bahagian Pembangunan, KKM

PENYERAHAN PROJEK PEMBANGUNAN FASILITI KESIHATAN KKM

Proses penyerahan projek pembangunan fasiliti kesihatan yang siap dilaksanakan melalui pemeriksaan bersama-sama dengan pihak *end user*, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pihak kontraktor yang terlibat. Sebaik sahaja bangunan fasiliti kesihatan siap dibina dan segala proses berkaitan selesai dilaksanakan dengan sempurna, kunci akan diserahkan kepada pihak *end user* iaitu Jabatan Kesihatan Negeri atau institut kesihatan. Dalam tahun 2020, sebanyak 10 buah projek siap telah diserahkan kepada *end user* seperti **Jadual 11.4** di bawah.

Jadual 11.4

Senarai Projek Pembangunan Fasiliti Kesihatan KKM Yang Siap dan Diserahkan pada 2020

Bil.	Projek Siap dan Diserah	Tarikh
1.	Dewan Bedah Dan Hemodialisis Hospital Papar, Sabah	8 Jan 2020
2.	Klinik Kesihatan (Jenis 3) Dengan Kuarters Kuala Kangsar, Perak	18 Julai 2020
3.	Klinik Kesihatan (Jenis 2) Dengan Kuarters Batu Berendam, Melaka	8 Ogos 2020
4.	Klinik Kesihatan (Jenis 3) Kampung Gial, Perlis	25 Ogos 2020
5.	Klinik Kesihatan (Jenis 2) Batu Muda, W.P. Kuala Lumpur	5 Sept 2020
6.	Jabatan Perubatan Transfusi, Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu, Kelantan	12 Sept 2020
7.	Klinik Kesihatan (Jenis 3) Bukit Indah, Johor	8 Nov 2020
8.	Klinik Kesihatan (Jenis 3) Benut, Pontian, Johor	8 Nov 2020
9.	Kuarters Klinik Kesihatan Kuala Tahan, Jerantut, Pahang	7 Dis 2020
10.	Klinik Kesihatan (Jenis 7) Chuping, Perlis	23 Dis 2020

Sumber: Bahagian Pembangunan, KKM



12

AUDIT DALAM



AUDIT DALAM

PENGENALAN

Cawangan Audit Dalam (CAD) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah ditubuhkan pada tahun 1980 selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1979. Peranan dan tanggungjawab CAD telah dimantapkan lagi melalui Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1/2013 iaitu Pelaksanaan Unit Audit Dalam di Kementerian atau Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. CAD yang diketuai oleh Ketua Audit Dalam merupakan sebahagian daripada komponen kawalan dalaman Kementerian dan berperanan untuk memberi kepastian kepada pihak Pengurusan berkenaan proses kawalan serta impaknya terhadap tadbir urus.


AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Selaras dengan PS 3.1 serta standard pengauditan iaitu *The International Organization of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI) dan *The Chartered Institutes of Internal Auditors*, CAD telah melaksanakan tiga (3) program pengauditan sepanjang tahun 2020 melibatkan Pengauditan Kewangan, Pengauditan Prestasi serta Verifikasi Data Baki Awal Aset dan Liabiliti (Perakaunan Akruan).

PENGAUDITAN KEWANGAN

Pengauditan Kewangan meliputi pelbagai bentuk kaedah yang merangkumi pengauditan terhadap kawalan dalaman, pematuhan terhadap peraturan kewangan/perundangan termasuk rekod kewangan serta sistem kewangan yang diwujudkan di Pusat Tanggungjawab (PTJ). Pada tahun 2020, CAD telah melaksanakan enam (6) jenis aktiviti di bawah Pengauditan Kewangan merangkumi Pengauditan Pengurusan Kewangan, Audit Pematuhan, Arahan Pembayaran, Susulan Audit, Pemeriksaan Mengejut dan Khas/Siasatan ([Rajah 12.1](#)).

Rajah 12.1
Peratusan Pengauditan Kewangan yang dilaksanakan pada tahun 2020



Sumber: Cawangan Audit Dalam, KKM

PENGAUDITAN PRESTASI

CAD juga telah menjalankan pengauditan prestasi untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti/program Kerajaan Persekutuan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Pada tahun 2020, sebanyak sembilan (9) pengauditan prestasi telah dilaksanakan melibatkan pengurusan perolehan, pengurusan program/aktiviti dan projek ICT (**Jadual 12.1**).

Jadual 12.1
Senarai Tajuk Pengauditan Prestasi

Bil.	Tajuk Kajian
1.	Pengurusan Perkhidmatan Pengimejan dan Diagnostik (Radiologi)
2.	Pengurusan Aktiviti Rawatan Rehabilitasi di Hospital KKM
3.	Pengurusan Barangan Rampasan
4.	Pengurusan Kuarters di Klinik Kesihatan
5.	Pengurusan Perkhidmatan Penyediaan Makanan Secara (<i>In-House</i>) di Hospital KKM
6.	Pengurusan Pelupusan Aset Alih (Peralatan Perubatan) di Hospital KKM
7.	Pengurusan Bot Ambulans di KKM
8.	Pengurusan Sistem TPC-OHCIS di Klinik-klinik KKM
9.	Pengurusan Perkhidmatan Radioterapi dan Onkologi di Institut Kanser Negara

Sumber: Cawangan Audit Dalam, KKM

Hasil pengauditan dan penemuan yang dibangkitkan dalam laporan audit telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan PS 3.2. Hasil pembentangan tersebut menghasilkan dua (2) saranan iaitu tindakan penambahbaikan terhadap proses dan prosedur bagi memperkukuhkan kawalan dalaman dan tindakan punitif oleh Unit Integriti untuk kes-kes yang telah dikenal pasti memerlukan tindakan selanjutnya.

VERIFIKASI DATA BAKI AWAL ASET DAN LIABILITI (PERAKAUNAN AKRUAN)

Sebagaimana yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Akruan, CAD perlu melaksanakan pengesahan terhadap baki awal aset dan liabiliti bagi penyata kewangan Kementerian iaitu item kunci kira-kira. Dalam tahun 2020, CAD telah melaksanakan empat (4) aktiviti verifikasi baki aset dan liabiliti terhadap item-item penyata kewangan sejajar dengan pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan. Audit verifikasi yang dilaksanakan melibatkan pengesahan data baki awal Aset dan Liabiliti (Tambahan – Tanah dan Bangunan), Aset Tak Alih, Aset Tak Ketara dan Akaun Belum Terima (Caj Rawatan Hospital).

KESIMPULAN

Peranan dan fungsi audit dalaman yang dijalankan oleh CAD dapat dicapai dengan sokongan daripada pelbagai peringkat Pengurusan di KKM dan PTJ yang dilawati. Segala usaha yang diambil oleh warga KKM untuk menangani kelemahan dan menambah baik proses dan prosedur serta memantapkan tadbir urus telah membantu KKM memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada orang ramai.



13

KOMUNIKASI KORPORAT



KOMUNIKASI KORPORAT

PENGENALAN

Unit Komunikasi Korporat (UKK) di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ditubuhkan dengan objektif untuk meningkatkan imej kementerian, mempromosi dasar dan program kementerian melalui strategi perhubungan awam yang teratur dan berkesan. Di samping itu, UKK bertindak sebagai barisan hadapan dalam menguruskan perkhidmatan pelanggan dan aduan awam kementerian. UKK KKM terbahagi kepada lima seksyen iaitu:

- i. Seksyen Media
- ii. Seksyen Komunikasi Strategik
- iii. Seksyen Hal Ehwal Korporat
- iv. Seksyen Pengurusan Respons Awam
- v. Seksyen Khidmat Pelanggan

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

SEKSYEN MEDIA

Jadual 13.1
Aktiviti Seksyen Media bagi Tahun 2020

BIL.	AKTIVITI
1.	Sesi Taklimat Media mengenai Proses dan Prosedur Ujian Pengesanan COVID-19 oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) Kementerian Kesihatan Malaysia pada 26 Februari 2020.
2.	Lawatan Khas Media ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah di Malaysia Agro Exhibition Centre (MAEPS) Serdang pada 3 April 2020.
3.	Majlis Malam Ramah Mesra Media Bersama Timbalan Menteri Kesihatan I pada 9 Julai 2020.
4.	Sesi Libat Urus Media Bersama Ketua Pengarah Kesihatan: Kesiapsiagaan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam Menangani Pandemik COVID-19 pada 29 Julai 2020.
5.	Sebanyak 260 sesi temubual bersama pengurusan tertinggi dan pakar bidang daripada Kementerian Kesihatan Malaysia diadakan di media elektronik (TV dan radio) serta media cetak (akhbar dan majalah) sepanjang tahun 2020.
6.	Sebanyak 105 Sidang Media Khas telah dijalankan sepanjang tahun 2020 berkenaan situasi semasa COVID-19 bermula 29 Januari 2020.
7.	Kementerian Kesihatan Malaysia menandatangani perjanjian pembelian awal dengan syarikat farmaseutikal Pfizer pada 24 November 2020 untuk mendapatkan bekalan vaksin.

Sumber: Seksyen Media, Unit Komunikasi Korporat, KKM

SESI TAKLIMAT MEDIA MENGENAI PROSES DAN PROSEDUR UJIAN PENGESANAN COVID-19 OLEH INSTITUT PENYELIDIKAN PERUBATAN (IMR), KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Seramai 27 wartawan dan jurufoto daripada media cetak dan elektronik melawat Makmal Perubatan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di Kuala Lumpur pada 26 Februari 2020. Program ini bertujuan untuk memperkenalkan kepada semua petugas media mengenai cara sampel COVID-19 diproses bermula daripada Unit Penerimaan Sampel sehingga keputusan makmal diperolehi.

Imej 13.1

Sesi Taklimat Media Mengenai Proses dan Prosedur Ujian Pengesanan COVID-19



Sumber: Seksyen Media, Unit Komunikasi Korporat, KKM

LAWATAN KHAS MEDIA KE PUSAT KUARANTIN DAN RAWATAN COVID-19 (PKRC) BERISIKO RENDAH DI MALAYSIA AGRO EXHIBITION CENTRE (MAEPS) SERDANG

Lawatan Khas Media ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) Berisiko Rendah di MAEPS, Serdang diadakan pada 3 April 2020. PKRC dibangunkan sebagai salah satu usaha proaktif Kerajaan untuk mempersiapkan kemudahan kesihatan bagi menghadapi penularan wabak COVID-19. Kemampuan pusat ini menampung kapasiti adalah seramai 604 pesakit COVID-19 yang stabil, tidak mempunyai gejala atau gejala yang ringan.

Imej 13.2

Lawatan Khas Media ke PKRC di MAEPS, Serdang



Sumber: Seksyen Media, Unit Komunikasi Korporat, KKM

MAJLIS MALAM RAMAH MESRA MEDIA BERSAMA TIMBALAN MENTERI KESIHATAN I

YB Dato' Dr. Noor Azmi Ghazali, Timbalan Menteri Kesihatan I telah menghadiri Majlis Malam Ramah Mesra Media di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur pada 9 Julai 2020. Seramai 60 wakil media hadir pada majlis tersebut.

Imej 13.3

Majlis Malam Ramah Mesra Media bersama Timbalan Menteri Kesihatan I



Sumber: Seksyen Media, Unit Komunikasi Korporat, KKM

SESI LIBAT URUS MEDIA BERSAMA KETUA PENGARAH KESIHATAN: KESIAPSIAGAAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA DALAM MENANGANI PANDEMIK COVID-19

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan hadir memberi penerangan kepada media mengenai kesiapsiagaan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam menangani pandemik COVID-19 semasa Sesi Libat Urus Media di Ibu Pejabat KKM pada 29 Julai 2020. Seramai 80 orang wakil daripada 30 agensi media hadir ke sesi ini.

Imej 13.4

Sesi Libat Urus Media bersama Ketua Pengarah Kesihatan



Sumber: Seksyen Media, Unit Komunikasi Korporat, KKM

SESI TEMUBUAL BERSAMA MEDIA

Sebanyak 260 sesi temubual bersama pengurusan tertinggi dan pakar bidang daripada KKM diadakan di media elektronik (TV dan radio) dan media cetak (akhbar dan majalah) sepanjang tahun 2020. Antaranya, sesi temubual YB Dato' Sri Adham bin Baba, Menteri Kesihatan Malaysia bersama Astro Awani pada 16 Mac 2020 membincangkan topik Virus COVID-19.

Imej 13.5

Sesi Temubual Menteri Kesihatan YB Dato' Sri Adham bin Baba Bersama Media



Sumber: Seksyen Media, Unit Komunikasi Korporat, KKM

SIDANG MEDIA BERHUBUNG SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT COVID-19

Sebanyak 105 Sidang Media Khas telah dijalankan berkenaan situasi semasa COVID-19 sepanjang tahun 2020 bermula 29 Januari 2020 oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan. Pada 1 Julai 2020, Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan angka harian terendah iaitu sifar kes jangkitan baharu COVID-19 membabitkan penularan dalam negara dengan satu kes import.

Imej 13.6

Sidang Media COVID-19



Sumber: Seksyen Media, Unit Komunikasi Korporat, KKM

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA MENANDATANGANI PERJANJIAN BEKALAN VAKSIN COVID-19 DENGAN SYARIKAT FARMASEUTIKAL PFIZER

Pada 24 November 2020, Kementerian Kesihatan Malaysia melalui YB Dato' Sri Dr. Adham Bin Baba, Menteri Kesihatan telah menandatangani perjanjian pembelian awal dengan syarikat farmaseutikal Pfizer untuk mendapatkan bekalan 12.8 juta dos vaksin COVID-19 bagi menampung keperluan imunisasi sebanyak 20 peratus atau 6.4 juta rakyat Malaysia pada tahun 2021.

Imej 13.7

Sesi Menandatangani Perjanjian Bekalan Vaksin COVID-19 dengan Syarikat Pfizer



Sumber: Seksyen Media, Unit Komunikasi Korporat, KKM

SEKSYEN KOMUNIKASI STRATEGIK

Sejak wabak COVID-19, KKM mula mendapat liputan antarabangsa pada tahun 2020. Seksyen Komunikasi Strategik memberi tumpuan kepada perkembangan semasa mengenai pandemik COVID-19. Seksyen ini banyak menyediakan material berbentuk infografik serta poster berkaitan dengan wabak COVID-19 selain daripada siaran langsung menerusi *Facebook* (FB) rasmi KKM dan juga video pendek. Oleh kerana wabak COVID-19 adalah isu pandemik global, terdapat peningkatan ketara dari segi jumlah penonton dan pengikut di media sosial KKM, iaitu di *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* dan *Youtube* yang ingin mendapatkan perkembangan terkini COVID-19 di Malaysia.

Jadual 13.2

Sasaran Pengikut Laman Media Rasmi KKM (Sehingga 25 Disember 2020)

BIL.	LAMAN MEDIA KKM	SASARAN PENGIKUT / PELANGGAN	PENGIKUT DICAPAI
1	<i>Facebook</i>	2 juta	4 juta
2	<i>Twitter</i>	800,000	1 juta
3	<i>Instagram</i>	800,000	1 juta
4	<i>Youtube</i>	5,000	10,000

Nota: Data adalah sehingga 25 Disember 2020

Sumber: Seksyen Komunikasi Strategik, UKK, KKM

Penyediaan dan hebahan infografik serta siaran langsung melalui FB rasmi KKM dilakukan secara konsisten setiap hari agar pengikut media sosial KKM sentiasa mendapat perkembangan terkini mengenai jumlah kes baharu, jumlah kes sembuh, jumlah kes kematian dan jumlah kes yang masih aktif.

Rajah 13.1
Infografik Kes Harian COVID-19



Sumber: Seksyen Komunikasi Strategik, UKK, KKM

Dalam usaha untuk memastikan maklumat terkini mengenai COVID-19 sampai ke pengetahuan orang ramai, seksyen ini perlu menyediakan siaran langsung melalui Facebook KKM. Antaranya:

- (i) Siaran langsung ketibaan pesawat yang membawa penumpang Malaysia dari Wuhan, China pada Februari 2020.

Imej 13.8
Sesi Facebook Live KKM Ketibaan Penumpang Malaysia dari Wuhan, China



Sumber: Seksyen Komunikasi Strategik, UKK, KKM

- (ii) Siaran langsung proses penghantaran aset KKM bersama anggota kesihatan ke Sabah melalui kerjasama dengan Tentera Udara Diraja Malaysia pada Oktober 2020.

Imej 13.9

Sesi Facebook Live Penghantaran Aset dan Anggota Kesihatan KKM Ke Sabah




Sumber: Seksyen Komunikasi Strategik, UKK, KKM

- (iii) Siaran langsung sidang media bagi perkembangan terkini COVID-19 di Malaysia di kediaman YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan.

Imej 13.10

Sidang Media Perkembangan Terkini COVID-19 oleh Ketua Pengarah Kesihatan



Sumber: Seksyen Komunikasi Strategik, UKK, KKM

- (iv) Siaran langsung menerusi Program Khas FB Live: Kenali COVID-19 (6 episod)

Imej 13.11

Sesi Facebook Live KKM Program Kenali COVID-19



Sumber: Seksyen Komunikasi Strategik, UKK, KKM

SEKSYEN HAL EHWAL KORPORAT

PENERBITAN E-BULETIN KKM 2020

E-Buletin KKM merupakan hasil penerbitan bulanan Unit Komunikasi Korporat (UKK) dan bertujuan untuk merekod aktiviti-aktiviti Pengurusan Tertinggi KKM sepanjang tahun 2020. Selain itu, ianya juga bertindak sebagai dokumentasi perkhidmatan kesihatan di Malaysia selain menjadi sumber rujukan bagi penjawat awam dan orang awam.

Imej 13.12
e-Buletin KKM 2020



Sumber: Seksyen Hal Ehwal Korporat, Unit Komunikasi Korporat, KKM

MAJLIS SUMBANGAN COVID-19 KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Program Majlis Penyerahan Sumbangan COVID-19 merupakan sumbangan prihatin orang awam kepada KKM sama ada dalam bentuk kewangan kepada Tabung Perubatan COVID-19 atau sumbangan dalam bentuk peralatan seperti topeng muka, peralatan pelindung diri (PPE) serta alat-alat kesihatan. Sumbangan tersebut bertujuan untuk membantu KKM dalam menangani penularan wabak COVID-19 yang berlaku bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia. Pihak KKM amat menghargai segala sumbangan dan sokongan daripada semua penyumbang yang terlibat dalam menangani penularan wabak COVID-19 di negara ini.

Imej 13.13

Majlis Sumbangan COVID-19



Sumber: Seksyen Hal Ehwal Korporat, Unit Komunikasi Korporat, KKM

SEKSYEN PENGURUSAN RESPONS AWAM

Sepanjang tahun 2020, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menerima 19,065 maklum balas awam yang didaftarkan dalam Sistem Pengurusan Aduan Awam (SiSPAA) mengikut kategori seperti di [Jadual 13.3](#).

Secara keseluruhannya, KKM telah mencapai 95.5 peratus (7,663) penyelesaian aduan daripada jumlah aduan yang diterima. Maklumat lanjut berkenaan penerimaan dan penyelesaian aduan adalah seperti pada [Jadual 13.4](#).

Mulai tahun 2020, KKM menganalisis aduan mengikut kategori isu aduan yang baharu yang ditetapkan dalam SiSPAA (Sistem Aduan Pengurusan Aduan Awam) seperti di [Jadual 13.5](#).

Jadual 13.3
Bilangan Penerimaan Maklum Balas Awam Tahun 2020

BIL.	JENIS MAKLUM BALAS	KATEGORI	TERIMA
1	Aduan	Biasa	6,649
		Kompleks	1,375
2	Bukan Aduan	Pelaporan	2,742
		Penghargaan	4,827
		Pertanyaan	2,117
		Cadangan	688
		Permohonan	667
Jumlah Keseluruhan Maklum Balas Awam			19,065

Sumber: Seksyen Pengurusan Responds Awam, UKK, KKM

Jadual 13.4
Bilangan Penerimaan dan Penyelesaian Aduan Tahun 2020

BIL.	KATEGORI	TEMPOH PENYELESAIAN	TERIMA	SELESAI (%)	SELESAI 15 HARI (KPI) (%)
1	Biasa	15 Hari Berkerja	6,649	6,615 (99.4%)	6,238 (93.8%)
2	Kompleks	>16 – 365 Hari	1,375	1,048 (76.2%)	-
Jumlah			8,024	7,663 (95.5%)	

Sumber: Seksyen Pengurusan Responds Awam, UKK, KKM

Jadual 13.5
Peratusan Aduan Mengikut Kategori Isu Tahun 2020

BIL.	KATEGORI ISU	PERATUSAN (%)
1.	Pengurusan Pesakit	49.5
2.	Kesihatan Awam	10.4
3.	Kualiti Perkhidmatan Tadbir Urus	11.5
4.	Pengurusan Pentadbiran	21.6
5.	Kemudahan Awam	3.2
6.	Kemudahan Klinik	1.5
7.	Perkhidmatan Farmasi	1.7
8.	Perkhidmatan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan	0.6

Sumber: Seksyen Pengurusan Responds Awam, UKK, KKM

KKM telah melepasi sasaran prestasi petunjuk utama (KPI) bagi tahun 2020. Bagi KPI pertama iaitu kadar penyelesaian maklum balas aduan kategori Biasa, KKM telah mencapai 93.8 peratus berbanding sasaran 85 peratus. Manakala bagi KPI kedua iaitu kadar penyelesaian maklum balas bukan aduan, KKM telah mencapai 92.3 peratus berbanding sasaran 90 peratus. Pencapaian ini diperincikan dalam **Jadual 13.6** di bawah:

Jadual 13.6
Prestasi Petunjuk Utama (KPI) Tahun 2020

PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN	PENCAPAIAN
Kadar Penyelesaian Aduan Kategori Biasa dalam tempoh 15 hari bekerja	85%	93.8%
Kadar Penyelesaian Bukan Aduan (kecuali Pelaporan) dalam tempoh 15 hari bekerja	90%	92.3%

Sumber: Seksyen Pengurusan Responds Awam, UKK, KKM

SEKSYEN KHIDMAT PELANGGAN

Seksyen Khidmat Pelanggan bertanggungjawab mengurus panggilan masuk ke Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia. **Jadual 13.7** memaparkan penurunan jumlah panggilan masuk sebanyak 24,064 atau sebanyak 32.9 peratus pada tahun 2020 berbanding tahun 2019.

Jadual 13.7
Bilangan Panggilan Telefon Diterima oleh Seksyen Khidmat Pelanggan

BIL.	AKTIVITI	2019	2020
1.	Januari	5,686	5,567
2.	Februari	5,327	6,270
3.	Mac	6,465	3,736
4.	April	6,505	1,904
5.	Mei	6,961	2,169
6.	Jun	5,224	4,828
7.	Julai	6,634	5,265
8.	Ogos	6,023	4,247
9.	September	6,110	5,072
10.	Oktober	7,405	5,265
11.	November	5,465	4,247
12.	Disember	5,247	4,665
	Jumlah	73,052	48,988

Sumber: Seksyen Khidmat Pelanggan, Unit Komunikasi Korporat, KKM



14

INTEGRITI

PENGUKUHAN INTEGRITI

Seksyen Pengukuhan Integriti telah melaksanakan dua (2) siri program Bicara Integriti, satu siri Kursus SMART INTEGRITI dan telah menerbitkan tujuh (7) postmaster serta lima (5) risalah berkaitan pembudayaan integriti.

Program Bicara Integriti adalah sebuah program interaksi bual bicara dengan jemputan penceramah pilihan yang memberi penjelasan integriti secara dinamik supaya dapat memberi kesedaran kepada penjawat awam untuk menghayati dan mengamalkan nilai-nilai yang baik dalam menjalankan tugas seharian. Kursus SMART INTEGRITI telah melibatkan seramai 22 orang peserta terdiri daripada Kumpulan Sokongan KKM. Kursus ini bermatlamatkan prinsip pengukuhan daya kepimpinan dan pementapan nilai-nilai positif dalam menjalankan tugas dengan penuh dedikasi.

Program-program yang dianjurkan oleh Seksyen Pengukuhan Integriti diharap dapat memberi kesedaran kepada warga KKM dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan serta memperkukuhkan integriti mereka agar dapat menghayati dan membudayakan integriti dalam menjalankan tugas seharian.

Imej 14.1

Program Pengukuhan Integriti 2020



Program Bicara Integriti



Kursus SMART INTEGRITI

Sumber: Unit Integriti KKM

TADBIR URUS

Seksyen Tadbir Urus telah melaksanakan dua (2) Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada tahun 2020. Mesyuarat ini telah membincangkan pelbagai isu berkaitan governans, integriti dan antirasuah di KKM seperti pengurusan hasil penjualan bahan guna habis.

Fasa pertama pembangunan Pelan Antirasuah Kementerian Kesihatan Malaysia telah selesai pada tahun 2020 dengan pelaksanaan Bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah dan Pengurusan Risiko Rasuah KKM yang telah diadakan pada 7 – 11 September 2020 di Melaka.

Pelbagai risiko rasuah, governans dan integriti dalam sembilan (9) program utama KKM telah dibangkit dan dibincangkan dalam bengkel tersebut. Unit Integriti sedang menyediakan draf Pelan Antirasuah Kementerian Kesihatan Malaysia 2021-2025 dan pelan ini akan dilancarkan pada tahun 2021.

Imej 14.2

Bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah dan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah Kementerian Kesihatan Malaysia



Sumber: Unit Integriti KKM

PENGESANAN DAN PENGESAHAN

Satu sesi Libat Urus telah diadakan di antara KPKPj Nurahim bin Abd. Rahim, Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke atas YBhg. Dato' Seri Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah diadakan pada 5 Ogos 2020. Hadir sama dalam sesi libat urus adalah YBhg. Dato' Wan Ramli bin Wan Abdullah, Ketua Unit Integriti KKM.

PEMATUHAN

Kejayaan KKM sebagai Kementerian pertama yang memperoleh pensijilan MS ISO 37001: 2016 *Anti-Bribery Management System* (ABMS) diteruskan dengan kerjasama rapat dengan beberapa JKN/ Institusi untuk memberikan ceramah pematuhan ABMS. Unit Integriti juga dijemput oleh agensi luar bagi berkongsi pengalaman dalam melaksanakan ABMS dan polisi-polisi antirasuah. Antara ceramah pematuhan ABMS yang melibatkan Unit Integriti adalah seperti taklimat kepada JKN Pahang, JKN Kelantan, Institut Pengurusan Kesihatan (NIH) dan agensi luar seperti PERKESO.

Bengkel Jawatankuasa Audit MS ISO 37001: 2016 ABMS telah diadakan pada 11 hingga 13 Ogos 2020 di Ibu Pejabat KKM dan melibatkan lebih 20 peserta. Bengkel bertujuan untuk memberi panduan dan kefahaman kepada semua juruaudit dalam yang dilantik berhubung standard MS ISO 37001: 2016 ABMS serta tatacara pelaksanaan audit dalam di peringkat ibu pejabat.

Sepanjang tahun 2020, Unit Integriti telah memberikan lebih 44 konsultansi dalam pelbagai isu melibatkan pematuhan integriti dan antirasuah di KKM. Selain itu, satu naziran pematuhan terhadap insiden kebakaran ambulans di Hospital Melaka telah diadakan pada bulan Januari 2020.

Imej 14.3

Bengkel Jawatankuasa Audit MS ISO 37001: 2016 ABMS



Sumber: Unit Integriti KKM

TATATERTIB

Unit Integriti telah membangunkan Buku Panduan Mengurus dan Melaporkan Tindakan Tatatertib KKM Edisi Kedua dan telah dilancarkan pada Oktober 2020 dengan kandungan yang lebih komprehensif untuk membantu PTj menambah baik kelemahan yang telah dikenal pasti dan mengambil tindakan selaras Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Naskah Panduan Mengurus dan Melaporkan Tindakan Tatatertib KKM Edisi kedua telah dimuat naik di Portal Kementerian Kesihatan.

Seksyen Tatatertib telah terlibat dalam enam (6) program kesedaran dan percambahan ilmu seperti taklimat dan bengkel yang berkaitan peraturan dan polisi yang berkuat kuasa. Tujuan program adalah untuk meningkatkan kesedaran dan mengurangkan tindakan berbentuk punitif dalam jangka masa panjang.

Seksyen tatatertib telah menyelesaikan sebanyak 726 kes tindakan tatatertib di bawah Lembaga Tatatertib Kementerian Kesihatan bagi tahun 2020 bagi kumpulan Pengurusan dan Kumpulan Sokongan yang melibatkan pelbagai jenis kesalahan tatatertib yang telah dilaporkan.



15

DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA



DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA

PENGENALAN

Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa (BDHA) terdiri daripada dua (2) cawangan iaitu Cawangan Dasar dan Pentadbiran & Cawangan Antarabangsa dan Industri. Bahagian ini bertanggungjawab menguruskan perkara-perkara penting dalam hal-hal berikut:

- (i) Penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar semasa;
- (ii) Sebagai focal point dalam hal ehwal hubungan antarabangsa dan pembangunan industri kesihatan;
- (iii) Menyelaras isu-isu perdagangan antarabangsa dan liberalisasi;
- (iv) Memastikan kepentingan berkaitan kesihatan Malaysia disuarakan dan dilindungi secara diplomasi melalui mekanisme instrumen undang-undang antarabangsa dan pelbagai Perjanjian Perdagangan yang berkaitan;
- (v) Penyelarasan Kertas Jemaah Menteri; dan
- (vi) Urus setia Mesyuarat Peringkat Tertinggi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) termasuk Mesyuarat Pasca Kabinet Kementerian.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Sepanjang tahun 2020, BDHA telah melaksana dan menyelaras pelbagai aktiviti berimpak tinggi di pelbagai peringkat termasuk pengurusan COVID-19. Antara aktiviti dan pencapaian tersebut adalah:

PENYELARASAN DASAR DAN KERJASAMA STRATEGIK


HAL EHWAL KABINET

Bahagian ini telah menyediakan dan menyelaras 14 Nota Jemaah Menteri, dua (2) Nota Bersama dan 12 Memorandum KKM untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri. Bahagian ini juga telah memberi input dan menyelaras penyediaan 60 ulasan untuk memorandum yang diterima daripada Kementerian lain, dan 73 maklum balas ke atas keputusan yang dibuat oleh Jemaah Menteri sepanjang tahun 2020.

MESYUARAT PERINGKAT TERTINGGI KEMENTERIAN KESIHATAN

BDHA telah mengurus setia Mesyuarat Peringkat Tertinggi Kementerian seperti [Rajah 15.1](#).

Rajah 15.1
Bilangan Mesyuarat Peringkat Tertinggi Kementerian



Sumber: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM

MESYUARAT PERINGKAT TERTINGGI BERSAMA KEMENTERIAN/AGensi LAIN

Selain Mesyuarat Peringkat Tertinggi KKM, Bahagian ini turut bertanggungjawab sebagai urus setia kepada Mesyuarat Tertinggi di KKM bersama kementerian dan agensi lain seperti [Imej 15.1](#).

Imej 15.1
Mesyuarat YB Menteri Kesihatan Bersama Ahli Majlis Kerajaan Negeri (Portfolio Kesihatan) dan Pengarah Kesihatan Negeri

10 JAN	Kunjungan Hormat dan Sesi Perbincangan antara Ketua Setiausaha KKM dan Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan (MAMPU) Berhubung Pelaksanaan Kajian Memperkasa Penyampaian Perkhidmatan Kesihatan	✓
17 MAC	Mesyuarat YB Menteri Kesihatan Bersama Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Portfolio Kesihatan) dan Pengarah Kesihatan Negeri	✓
08 SEPT	Sesi Taklimat kepada YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara	✓



Sumber: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM

AKTIVITI-AKTIVITI PENINGKATAN PRODUKTIVITI DAN AMALAN PERATURAN BAIK

BDHA sebagai focal point sentiasa meneruskan kesinambungan dalam peningkatan produktiviti dan amalan peraturan baik (good regulatory practice) bersama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) seperti [Imej 15.2](#).

Imej 15.2 Program Pembangunan Kepada Pegawai-Pegawai Penyelaras Peraturan

01	Kajian Behavioural Insights
02	Penyelarasan Garis Panduan Pelesenan Perniagaan
03	Kajian Pengukuran Produktiviti Perkhidmatan Awam
04	Program Pembangunan Kepada Pegawai-Pegawai Penyelaras Peraturan (<i>Regulatory Coordinator</i>)



Sumber: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM

BUDAYA KORPORAT KKM

BDHA merupakan penyelaras bagi aktiviti Budaya Korporat KKM. Selain daripada itu, BDHA menganggotai Ahli Jawatankuasa Kecil Pengurusan Pelanggan (Penerapan Budaya Korporat). Pada tahun 2020, aktiviti yang telah dilaksanakan di peringkat Ibu Pejabat KKM dan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) adalah seperti [Rajah 15.2](#).

Rajah 15.2 Aktiviti Budaya Korporat KKM



KURSUS TELAH DIANJURKAN
DI PERINGKAT IPKKM
DAN JKN



PESERTA TELAH TERLIBAT DI
PERINGKAT IPKKM DAN JKN



POSTER TELAH DIBUAT
MELALUI PORTAL KKM
DAN MEDIA SOSIAL

Sumber: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM

KERJASAMA ANTARABANGSA

KERJASAMA EKONOMI ASIA-PASIFIK (APEC) 2020

APEC telah memainkan peranan yang penting dalam pertumbuhan ekonomi Malaysia yang berganda melalui kerjasama dengan 21 buah negara anggota yang lain. Malaysia telah menjadi tuan rumah kepada persidangan APEC buat kali kedua pada tahun 2020 selepas tahun 1998. KKM merupakan focal point bagi Kumpulan Kerja Kesihatan APEC (HWG) dan Forum Inovasi Sains Hayat (LSIF). Selain itu, Malaysia yang diwakili oleh YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) telah memegang jawatan sebagai Pengerusi Bersama HWG bersama Mr. Michael Pearson dari Agensi Kesihatan Awam Kanada. Sepanjang tahun 2020, BDHA selaku Sekretariat APEC KKM dengan kerjasama Sekretariat Kebangsaan APEC, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah menyelaras beberapa siri mesyuarat dan program peningkatan kapasiti seperti [Imej 15.3](#).

Imej 15.3 Penyertaan KKM dalam APEC 2020



Sumber: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM

LAWATAN KERJA/MESYUARAT TENTANG KERJASAMA/SEMINAR/FORUM

BDHA telah menyelaras penyertaan KKM di peringkat antarabangsa secara fizikal dan maya seperti [Rajah 15.3](#).

Rajah 15.3
Penyertaan KKM di peringkat Antarabangsa



Sumber: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM

KUNJUNGAN HORMAT

BDHA bertanggungjawab untuk menyelaras kunjungan hormat daripada pelbagai delegasi luar negara ke atas YB Menteri Kesihatan dan Pengurusan Tertinggi KKM. Sebanyak 12 sesi kunjungan hormat daripada perwakilan sembilan (9) buah negara telah dilaksanakan seperti **Jadual 15.1**.

Jadual 15.1
Kunjungan Hormat Delegasi Luar Negara

	TYT HIROSHI OKA Duta Besar Jepun ke Malaysia	13 Januari & 3 Julai 2020
	TYT LEE CHI BEOM Duta Besar Republik Korea ke Malaysia	19 Jun & 9 Oktober 2020
	TYT Mauricio Gonzalez Lopez Duta Besar Colombia ke Malaysia	23 Jun 2020
	TYT ABU WALID Duta Besar Palestin ke Malaysia	26 Jun 2020
	TYT ANDREW GOLEDZINOWSKI Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia	2 Julai 2020
	TYT MAHMOUD QATTAN Duta Besar Arab Saudi ke Malaysia	17 Julai 2020
	PYT PAM CHONG DUNN Pesuruhjaya Tinggi New Zealand ke Malaysia	22 Julai 2020
	TYT GUIDO LOAYZA DEVÉSCovi Duta Besar Peru ke Malaysia	14 Ogos 2020
	TYT VANU GOPALA MENON Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia LOY HUI CHEN Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia	14 & 17 September 2020


Sumber: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM

Selain daripada itu, BDHA turut menyelaras kunjungan hormat daripada wakil industri ke atas YB Menteri Kesihatan seperti berikut:

- i. Sesi Kunjungan Hormat oleh *Malaysian Organisation of Pharmaceuticals Industries* (MOPI) ke atas YB Menteri Kesihatan pada 24 Jun 2020; dan
- ii. Sesi Kunjungan Hormat oleh *Pharmaceutical Association of Malaysia* (PhAMA) ke atas YB Menteri Kesihatan pada 19 Ogos 2020.

Imej 15.4

Penyertaan KKM dalam Persidangan/ Seminar/ Forum Antarabangsa



Sumber: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM

Imej 15.5

Kunjungan Hormat ke atas YB Menteri Kesihatan dan Pengurusan Tertinggi KKM



Sumber: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM

KNOWLEDGE SHARING PROGRAMME (KSP) DENGAN KERJASAMA KOREA DEVELOPMENT INSTITUTE (KDI) DAN ASIAN DEVELOPMENT BANK (ADB)

KKM sedang bekerjasama dengan *Korea Development Institute (KDI)* dan *Asian Development Bank (ADB)* untuk *Knowledge Sharing Programme (KSP)*. KSP adalah program perkongsian yang dilancarkan pada tahun 2004 oleh *Ministry of Economy and Finance of Korea (MOEF)* sebagai program penyelidikan dan perundingan dasar yang komprehensif, berprinsipkan perkongsian pengetahuan dan pengalaman untuk pembangunan. Pada tahun 2020, dua (2) program KSP telah dilaksanakan seperti berikut:

- i. *Knowledge Sharing Program Launching Seminar Between Ministry of Health Malaysia, Asian Development Bank and Korea Development Institute, 1 September 2020; dan*
- ii. *Video Conference in Conjunction with Knowledge Sharing Program Interim Reporting Workshop Between Ministry of Health Malaysia, Asian Development Bank and Korea Development Institute, 3 Disember 2020.*

LAWATAN RASMI/LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

BDHA telah menyelaras lawatan rasmi dan lawatan sambil belajar daripada pegawai-pegawai dan delegasi luar negara ke KKM dan fasiliti-fasiliti Kesihatan di bawah KKM. Butirannya adalah seperti [Jadual 15.2](#).

Jadual 15.2

Jumlah Pelawat Lawatan Rasmi dan Lawatan Sambil Belajar Diterima Tahun 2020

Bil.	Negara	Jumlah Pelawat
i.	China	8
ii.	Taiwan	3
Jumlah		11

Sumber: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM

PENYELARASAN INPUT

BDHA turut terlibat dalam penyelarasan lebih daripada 657 input berhubung pernyataan pemimpin di peringkat ASEAN/APEC/OIC/WHO/UN, laporan, projek dan maklum balas rasmi terhadap organisasi pelbagai hala dan juga input antara Kementerian.

PENGURUSAN PANDEMIK COVID-19

KERJASAMA STRATEGIK BAGI MENGAWAL PENULARAN WABAK COVID-19

Kerjasama strategik antara KKM-MOSTI-KKMM telah dilaksanakan melalui satu (1) mesyuarat yang diadakan di KKM pada 22 Mac 2020. Mesyuarat tersebut adalah bertujuan untuk membincangkan kerjasama yang boleh diberikan oleh MOSTI dan KKMM dalam membantu KKM mengawal penularan COVID-19 di Malaysia.

Imej 15.6

Mesyuarat Kerjasama Strategik KKM-MOSTI-KKMM Bagi Mengawal Penularan Wabak COVID-19



Sumber: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM

KERJASAMA BAGI PELAKSANAAN RENTAS SEMPADAN SEWAKTU WABAK COVID-19 MELALUI LALUAN HIJAU (*GREEN LANE*)/PENGATURAN PERGERAKAN (*COMMUTING ARRANGEMENT*)

Kerajaan Malaysia telah melaksanakan sekatan di semua Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) bermula pada 23 Mac 2020 bagi mengekang pertambahan kes import COVID-19. Pada masa yang sama, BDHA bersama beberapa Bahagian Teknikal KKM telah berbincang untuk mewujudkan kerjasama rentas sempadan melalui aturan *Green Lane* dan *Commuting Arrangement* bersama negara-negara asing apabila keadaan kembali stabil. Sehingga kini, Kerajaan Malaysia hanya mempunyai aturan rentas sempadan bersama negara Singapura melalui 17 sesi mesyuarat dan perbincangan yang telah dijalankan.


JAWATANKUASA STRATEGIK PENGURUSAN PANDEMIK (JSPP)

BDHA merupakan urus setia bagi Kumpulan Kerja 1: Sekuriti Kesihatan, Jawatankuasa Strategik Pengurusan Pandemik (JSPP) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Kesihatan. Kumpulan Kerja ini bertanggungjawab menggubal, merancang, melaksana, memantau dan menambah baik setiap strategi, program dan inisiatif sekuriti kesihatan serta perihal berkaitan bagi tujuan memastikan keselamatan rakyat sentiasa dipelihara dari ancaman pandemik. Sebanyak lapan (8) strategi, 34 program dan 136 inisiatif telah dikenal pasti melalui sesi libat urus bersama pihak-pihak berkepentingan yang akan dilaksanakan dalam tempoh satu (1) bulan hingga lima (5) tahun.

JAWATANKUASA KHAS JAMINAN AKSES BEKALAN VAKSIN COVID-19 (JKJAV)

Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) telah ditubuhkan selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Oktober 2020 bertujuan memastikan bekalan vaksin COVID-19 dapat diperolehi dengan cepat, selamat dan sempurna. Jawatankuasa ini dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri Kesihatan dan YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi. JKJAV terdiri daripada empat (4) jawatankuasa kerja yang dianggotai oleh pelbagai agensi Kerajaan. Sebanyak lima (5) siri mesyuarat JKJAV telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020 dan BDHA bertindak sebagai Urus Setia Induk bersama MOSTI.

Imej 15.7 Mesyuarat JSPP dan JKAV



Sumber: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM

SUMBANGAN COVID-19 DARIPADA KERAJAAN ASING/AGENSI/PERTUBUHAN

BDHA telah menyelaraskan penerimaan sumbangan dari Kerajaan Asing/Agensi/Pertubuhan Luar sebagai usaha untuk membantu Malaysia dalam menangani penularan wabak COVID-19 seperti [Rajah 15.4](#).

Rajah 15.4 Sumbangan COVID-19 Diterima Tahun 2020



Sumber: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM

PEMBANGUNAN INDUSTRI KESIHATAN

PELAN STRATEGIK EKONOMI KEBANGSAAN

Bahagian ini telah terlibat dengan penyediaan beberapa pelan strategik kebangsaan yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti ekonomi yang dipelopori oleh kementerian-kementerian lain. BDHA menjadi ahli Jawatankuasa Teknikal bagi penyediaan *New Services Sector Blueprint* dan *National Trade Blueprint* di bawah MITI.

PENYERTAAN EKUITI ASING DALAM PERKHIDMATAN KESIHATAN SWASTA

BDHA telah mengkaji Dasar Penyertaan Ekuiti Asing Dalam Perkhidmatan Kesihatan Swasta yang berkuatkuasa sejak 2015 supaya selari dengan perkembangan semasa sektor perkhidmatan kesihatan swasta bagi memastikan industri tersebut dapat terus berkembang. Pada 17 Julai 2020, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju agar dasar tersebut dibekukan, dan sebarang permohonan yang berkaitan dengan penyertaan ekuiti asing dalam kemudahan penjagaan kesihatan swasta pada masa akan datang dipertimbang dan diluluskan oleh sebuah Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan oleh YB Menteri Kesihatan dan dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan KKM serta wakil daripada kementerian dan agensi berkaitan.

MALAYSIA HEALTHCARE TRAVEL COUNCIL (MHTC)

Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC) secara rasminya telah ditempatkan semula di bawah KKM berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 Mac 2020 dan menjadi rakan strategik BDHA. BDHA sentiasa bekerjasama erat dengan MHTC dalam pelbagai aktiviti termasuk untuk membangunkan SOP Pelancongan Kesihatan ketika menghadapi wabak COVID-19.

Imej 15.8

Penyertaan KKM dalam Industri Perkhidmatan Kesihatan Swasta



Sumber: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM

KESIMPULAN

BDHA telah melaksanakan fungsi-fungsi yang dipertanggungjawabkan sepanjang tahun 2020 dengan jayanya. Bagi meneruskan kelangsungan perkhidmatan yang berkualiti dan sebagai sebuah organisasi yang dinamik, BDHA akan memantapkan lagi pelaksanaan fungsi dan perancangan pada tahun 2021 untuk terus relevan dan cemerlang di KKM.



16

PROTECTTHEALTH

PENGENALAN

ProtectHealth Corporation Sdn Bhd (ProtectHealth) diperbadankan sebagai anak syarikat milik penuh ProtectHealth Malaysia (PHM), yang ditubuhkan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Sebagai sebuah syarikat yang tidak berasaskan keuntungan, ProtectHealth menyelaras, mentadbir dan menguruskan inisiatif yang berkaitan dengan pembiayaan perkhidmatan penjagaan kesihatan sepertimana diamanahkan oleh KKM. ProtectHealth ditubuhkan pada bulan Disember 2016 dengan dua (2) mandat sebagaimana yang dipersetujui oleh Jemaah Menteri iaitu mengendalikan Insurans Kesihatan Sukarela (VHI) dan sebagai Pembeli Strategik dalam mengurangkan kos rawatan kesihatan dan meningkatkan perkhidmatan kesihatan primer.

Hari ini, ProtectHealth dikenali sebagai game-changer dalam industri kesihatan kerana perkhidmatan utama sebagai pentadbir Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40) sebagaimana yang telah diberikan mandat oleh Kerajaan. PeKa B40 bertujuan untuk memenuhi keperluan kesihatan golongan berpendapatan rendah, dengan memberi fokus kepada penyakit tidak berjangkit (NCD). PeKa B40 ditawarkan kepada rakyat Malaysia yang berada dalam lingkungan pendapatan isi rumah 40 peratus terendah, yang dikenali sebagai kumpulan B40. Penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan pasangan mereka, yang berumur 40 tahun dan ke atas, secara automatik layak menyertai PeKa B40. Tiada pendaftaran khusus diperlukan untuk menyertai PeKa B40. Melalui PeKa B40, penerima layak menerima empat (4) manfaat berkaitan kesihatan.

Manfaat tersebut adalah:

- i. Saringan Kesihatan
- ii. Bantuan Alat Perubatan (HA)
- iii. Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser (CCTI)
- iv. Insentif Tambang Pengangkutan (TI)

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

PENYEDIA PERKHIDMATAN PeKa B40

ProtectHealth adalah pembeli perkhidmatan pertama di negara ini yang telah berjaya membeli perkhidmatan daripada penyedia perkhidmatan awam dan swasta. Ini adalah sebahagian daripada memenuhi mandat pembelian strategik. Sehingga 31 Disember 2020, manfaat PeKa B40 diberikan melalui 1,876 Klinik Perubatan Am Swasta (GP), 181 rakan makmal, 891 Klinik Kesihatan (KK) dan 145 Hospital KKM.

PENCAPAIAN MANFAAT PeKa B40

Walaupun pandemik COVID-19 banyak mempengaruhi jumlah penerima yang melakukan saringan kesihatan pada tahun 2020, terutamanya melalui *Program Outreach* PeKa B40, namun saringan kesihatan masih dijalankan di klinik-klinik yang berdaftar dengan PeKa B40. Sehingga 31 Disember 2020, sejumlah 460,672 penerima telah melakukan saringan kesihatan.

Jadual 16.1 menunjukkan jumlah penerima yang disaring di KK dan GP dan dirujuk sehingga 31 Disember 2020 sementara **Jadual 16.2** menunjukkan jumlah permohonan yang diluluskan untuk setiap manfaat PeKa B40. Jumlah kos untuk semua permohonan yang telah diluluskan pula adalah seperti dalam **Jadual 16.3**. ProtectHealth juga telah menjimatkan kos lebih daripada RM9.9 juta melalui rundingan harga bagi *Drug Eluting Stent* (DES) untuk jantung yang merupakan sebahagian daripada Manfaat ke dua (2), PeKa B40.

Jadual 16.1
Saringan Kesihatan PeKa B40 dan Kes Rujukan

	Jumlah Penerima (Lawatan Pertama)			Jumlah Penerima (Lawatan Kedua)			Rujukan Dari Klinik Swasta Ke Klinik Kesihatan	Rujukan Dari Klinik Kesihatan/ Swasta Ke Hospital KKM
	KK/ Hospital KKM	GP	Total	KK/ Hospital KKM	GP	Total		
Jumlah	174,220	286,452	460,672	149,552	273,624	423,176	65,719	51,878

Sumber: ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd.

Jadual 16.2
Jumlah Permohonan yang Diluluskan Bagi Setiap Manfaat PeKa B40

Manfaat	Jumlah Permohonan (Keseluruhan)	Jumlah Permohonan (Diluluskan)	Peratusan Jumlah Permohonan (Diluluskan)	Jumlah Penerima Manfaat (Diluluskan)
Saringan Kesihatan	460,672	-	-	460,672
Bantuan Alat Perubatan	22,418	18,229	81.3%	16,813
Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser	5,333	4,199	78.7%	3,350
Insentif Tambang Pengangkutan	15,794	13,949	88.3%	7,711

Sumber: ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd.

Jadual 16.3
Jumlah Kos yang Diluluskan Bagi Manfaat PeKa B40


Manfaat	Jumlah Kos Keseluruhan (RM)	Jumlah Kos Diluluskan (RM)
Saringan Kesihatan	40,806,326.00	40,806,326.00
Bantuan Alat Perubatan	74,587,097.34	57,998,818.28
Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser	1,995,400.00	1,585,900.00
Insentif Tambang Pengangkutan	1,741,370.00	1,494,240.00
Jumlah	119,130,193.34	101,885,284.28

Sumber: ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd.

PENGESANAN KES BARU PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT

Antara penemuan utama saringan kesihatan PeKa B40 adalah pengesanan kes baru NCD. Merujuk kepada [Rajah 16.1](#), peratusan kes NCD yang baru dikesan (data sehingga 30 September 2020) dari saringan kesihatan PeKa B40 adalah hampir sama dengan hasil Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019.

Walau bagaimanapun, peratusan kes yang telah didiagnosis (sudah mempunyai NCD) untuk saringan PeKa B40 adalah lebih tinggi daripada hasil NHMS. Ini kerana PeKa B40 cenderung mendapat sambutan daripada mereka yang telah menghidap NCD dan mereka yang memerlukan manfaat PeKa B40 lain seperti Bantuan Alat Perubatan dan Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser.



Sumber: ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd.

HALA TUJU

Kesimpulannya, PeKa B40 telah menyaring seramai 460,672 penerima dan berjaya mengesan kes NCD yang baru didiagnosis (151,729 kes pada Disember 2020). Ini merupakan penjimatan yang besar kepada Kerajaan melalui rawatan awal dan pencegahan komplikasi penyakit. ProtectHealth akan terus berusaha untuk membangun kemampuan, melaksanakan mandat yang diberikan dan mengoptimumkan penggunaan teknologi digital dalam pelaksanaan PeKa B40 dan inisiatif lain yang diberikan oleh Kerajaan.



17

**PENYELIDIKAN
KLINIKAL
MALAYSIA**



PENYELIDIKAN KLINIKAL MALAYSIA

PENGENALAN

Penyelidikan Klinikal Malaysia atau *Clinical Research Malaysia* (CRM), merupakan sebuah syarikat pengurusan kajian klinikal beriktiraf ISO 9001:2015, hak milik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Sejak ia ditubuhkan pada 2012, CRM berperanan memudahkan pelancaran dan operasi kajian klinikal ditaja di Malaysia melalui sokongan perkhidmatan *feasibility*, pengurusan bajet kajian klinikal, penilaian kontrak penyelidikan dan perkhidmatan CRM *Study Coordinator*.

Untuk memastikan penyampaian kajian yang berkualiti dan lancar, CRM bekerjasama rapat dengan badan kerajaan dan pihak berkuasa relevan untuk memastikan semua peraturan dan amalan terbaik dipatuhi dengan teliti. Dalam operasi kajian, CRM bekerjasama dengan pihak industri dan penyelidik untuk mendorong penyelidikan klinikal dan mewujudkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi di Malaysia.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Matlamat CRM adalah untuk mewujudkan 1,000 pekerjaan baru berkemahiran tinggi dalam bidang penyelidikan klinikal, menjalankan 1,000 penyelidikan ditaja dan menghasilkan pendapatan kasar negara (PKN) sebanyak 578 juta menjelang tahun 2020. Data dikumpul pada tahun 2020 menunjukkan bahawa CRM telah mencapai semua sasaran yang ditetapkan, dengan dua (2) sasaran telah dicapai sejak tahun 2017 ([Rajah 17.1](#)).


Rajah 17.1
Indikator Petunjuk Prestasi dan Pencapaian Tahunan CRM



Sumber: Clinical Research Malaysia

Pada tahun 2020, sebanyak 191 kajian ditaja telah diluluskan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan & Perubatan (JEPP) dan Lembaga Penilaian Institusi/Jawatankuasa Etika Bebas (IRB/IECs) (**Rajah 17.2**). Angka ini menunjukkan peningkatan signifikan berbanding pencapaian tahun-tahun sebelumnya, dan mengukuhkan posisi Malaysia sebagai destinasi kajian klinikal yang dipercayai. Ini juga menunjukkan kajian penyelidikan ditaja di Malaysia terus berkembang maju walaupun terdapat impak dalam sektor-sektor ekonomi dan sosial yang lain akibat penularan wabak COVID-19. Lebih 60 peratus daripada kajian ditaja yang dijalankan di Malaysia, dijalankan di fasiliti KKM.


Rajah 17.2
Jumlah Kajian yang Ditaja dari tahun 2012 hingga 2020



Sumber: Clinical Research Malaysia

Adalah penting untuk Malaysia dilihat sebagai destinasi pilihan dalam penyelidikan klinikal antarabangsa dan fungsi CRM adalah untuk mempromosikan keupayaan Malaysia dalam penyelidikan klinikal. Pertumbuhan jumlah penaja dan Contract Research Organisation (CRO) yang terlibat dengan CRM membuktikan Malaysia semakin dilihat sebagai lokasi berpotensi dalam landskap kajian klinikal global (**Rajah 17.3**).

Rajah 17.3
Kadar Pertumbuhan Penaja dan CRO dari tahun 2014 hingga 2020



Sumber: Clinical Research Malaysia


Pada tahun 2020, CRM telah mencapai semua KPI yang ditetapkan dan membawa pulang keuntungan kasar RM621,355. CRM telah memperoleh lebih 18.8 juta kunjungan dan tanggapan di laman web dan platform media sosial, yang menunjukkan penjenamaan dan penyebaran maklumat yang cekap dengan perbelanjaan minimum. Kajian dari survei kepuasan pelanggan CRM menunjukkan skor kepuasan 86.87 peratus secara keseluruhan, melepasi sasaran yang ditetapkan. Perkhidmatan CRM *Study Coordinator* mencatat kadar kepuasan pelanggan tertinggi, pada 90.64 peratus dan kadar *patient recruitment* pada 85 peratus dalam kajian klinikal yang diurus.

CRM komited untuk mengusahakan empat (4) strategi utama iaitu mengembangkan bilangan penyelidik utama & kajian yang ditaja, bekerjasama dengan pihak berkepentingan dalam kajian klinikal, menambahkan kesedaran awam berkenaan kajian klinikal dan membangunkan modal insan di CRM dengan membina kerjaya *Study Coordinator*. Kebanyakan aktiviti-aktiviti CRM bawah strategi-strategi ini dijalankan secara maya pada tahun 2020 sebagai langkah pencegahan penularan COVID-19.

Pandemik COVID-19 memberi peluang kepada negara untuk terlibat dalam penyelidikan berkaitan wabak ini dan CRM memainkan peranan penting dalam perbincangan vaksin COVID-19 melalui diplomasi sains dan penglibatan antara kementerian. Walaupun kesan pandemik dari segi *patient recruitment* adalah serupa di seluruh Asia, Eropah dan Amerika Syarikat, kadar *patient recruitment* pulih dengan lebih cepat dan banyak kajian klinikal diteruskan. Walaupun wabak COVID-19 memberi kesan kepada ekonomi, sosial dan kesihatan awam, namun jaminan perkerjaan di CRM tidak terkesan dan stabil sepanjang krisis.

Imej 17.1

Penganugerahan Biasiswa Pendidikan kepada Dr Voon Pei Jye



Sumber: Clinical Research Malaysia

Kementerian Kesihatan (KKM) melalui CRM telah menaja Dr. Voon Pei Jye, Pakar Onkologi Perubatan di Hospital Umum Sarawak, untuk Latihan Fellowship Klinikal di *Princess Margaret Cancer Centre* yang berafiliasi dengan *University of Toronto*, Kanada. Inisiatif ini adalah sebahagian dari *Phase 1 Realisation Project* (P1RP) yang dimulakan oleh CRM pada tahun 2016 dan dilaksanakan secara berperingkat untuk mengembangkan kemampuan kajian klinikal fasa awal Malaysia.

Clinical Research Malaysia telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan *National Cancer Center Hospital*, Japan untuk mengembangkan keupayaan Malaysia dalam penyelidikan klinikal onkologi. Melalui kerjasama ini, Malaysia akan mendapat manfaat daripada pembangunan kajian onkologi fasa awal, ubatan genomik barah dan akses kepada ubatan baru.

Imej 17.2

MoU antara CRM dan National Cancer Center Hospital Japan



Sumber: Clinical Research Malaysia

HALA TUJU

Pada tahun 2021, CRM akan terus berusaha menuju Kecemerlangan Operasi di semua jabatan melalui kerja berpasukan, pemerkasaan dan komunikasi untuk meningkatkan usaha dalam empat (4) strategi utama. CRM akan meneroka peluang perniagaan baru yang dapat menambah baik operasi kajian klinikal di negara, termasuk *home study visit*, pelupusan bahan kajian dan pengiklanan kajian klinikal. Dalam hala tuju ke arah menjadi Organisasi Pengurusan Penyelidikan yang dipercayai global, CRM akan memulakan pensijilan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah ISO 37001:2016. CRM juga akan memperbaharui pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 untuk memastikan kualiti dan kebolehpercayaan dalam perkhidmatan CRM adalah mengikut kepiawaian yang ditetapkan.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penyediaan Laporan Tahunan KKM 2020.

Cik Masrina binti Marsono
Cik Norasyikin binti Muhammad Shairi
Cik Teh Li Yin
Cik Teoh Sheh Ki
Datin Rozita binti Aminuddin
Datin Seri Dr. Asmah binti Samat
Datin Shantini Thevendran
Dr. Noor Azura binti Ismail
Dr. Abdul Hamid bin Jaafar
Dr. Ahmad Muzammil bin Abu Bakar
Dr. Ahmad Riadz bin Mazeli
Dr. Anis Salwa binti Kamaruddin
Dr. Arunah a/l Chandran
Dr. Asmah binti Razali
Dr. Dalila binti Roslan
Dr. Duratul 'Ain binti Hussin
Dr. Erwyn Ooi Chin Wei
Dr. Fairuzaman bin Ja'afar
Dr. Feisul Idzwan bin Mustapha
Dr. Goh Cheng Soon
Dr. Haajar binti Mahmood
Dr. Harish Raj a/l Narandran
Dr. Hj. Azmi bin Abdul Rahim
Dr. Izzuna Mudla binti Mohamed Ghazali
Dr. Juanita binti Halili
Dr. Juliana Sharmini Paul a/p A. Paul
Dr. Karen Sharmini a/p Sandanasamy
Dr. Kulvinder Singh a/l Gurcharan Singh
Dr. Lily Syamim binti Ahmad Jamil
Dr. Loo Huai Na
Dr. Muhammad Hairul Nizam bin Abd. Hamid
Dr. Musalnizan binti Mustalkah
Dr. Nesamany a/p Ramasamy
Dr. Nik Khairul Reza bin Md. Yazin
Dr. Nilavu a/p Karuppiyah
Dr. Noor Raihan binti Khamal
Dr. Nor Saleha binti Ibrahim Tamin
Dr. Nor'Aishah binti Abu Bakar
Dr. Noraryana binti Hassan
Dr. Norlen binti Mohamed
Dr. Norli binti Abdul Jabbar
Dr. Norliana binti Ismail
Dr. Normaslina binti Mustaza
Dr. Nur Farizah binti Johari
Dr. Nur Shahadah binti Zakaria
Dr. Nur Suffia binti Sulaiman

Dr. Nurashikin binti Ibrahim
Dr. Priya a/p Ragunath
Dr. Rohani binti Jahis
Dr. Rosnah binti Ramly
Dr. Shahrul binti Ismail
Dr. Sharifah Sarah binti Syed Mohamad Alwi
Dr. Shazimah binti Abdul Samad
Dr. Siti Norhidayah binti MD Almi
Dr. Siti Nurbaya binti Shahrir
Dr. Syazni binti Badrol Hisham
Dr. Synthia Fancis a/p Francis Xavier
Dr. Thahirahtul Asma' binti Zakaria
Dr. Thilaka a/p Chinnayah
Dr. Wafaak binti Esa
Dr. Wan Noraini binti Wan Mohamed Noor
Dr. Zalina binti Libasin
Dr. Zulhizzam bin Hj Abdullah
En. Akmat Zuraini bin Daud
En. Cheah Wei Yan
En. Farquarul Ariffin bin Abdullah
En. Hairul Anuar bin Mat Hussein
En. Hasnainin bin Hassan
En. Hezeri bin Abd. Rani
En. Hj Shahaimy bin Manaf
En. Khairul Arman bin Mahari
En. Khairulazani bin Hassan Sabery
En. Leong Han Yin
En. Mohamed Syakreen bin Razali
En. Mohd Aizat bin Sa'ari
En. Mohd Fikri bin Mohd Jantan
En. Mohd Fikri bin Rahim
En. Mohd Hafizi bin Hassan
En. Mohd Kamaruzaman bin Ali
En. Mohd Mustaza bin Mohamad Zin
En. Mohd Nasir bin Mohamad Mazlan
En. Mohd Sahli bin Ismail
En. Mohd Shah bin Abu Kassim
En. Muhamad Hasbulah bin Wahab
En. Muhammad Adam bin Abdullah
En. Muhammad Firdaus bin Ahmad Mansor
En. Munshi bin Abdullah
En. Norhafizan bin Daud
En. Raja Mohd Zawawi bin Raja Biding
En. Rudiaswady bin Abdul Rahim
En. Shafiurahman bin Hamzah
En. Siva Balan a/l Damodharan

En. Sri Tharan a/l Balakrishnan
 En. Thean Ming Fatt
 En. Wan Fazily bin Wan Mahmod
 En. Wan Khairi bin Wan Hamdan
 En. Wan Mohd Nazmi bin Wan Abu Bakar
 En. Zahirudin bin Yahya
 En. Zairul Afiza bin Hamzah
 En. Zulkifli bin Jantan
 En. Kamarudin bin Abdullah
 Ir. Dr. Khairul Azmy bin Kamaluddin
 Ir. Farhana binti Jamil
 Ir. Noor Muhammad bin Abd Rahman
 Pn. Afiza binti Idris
 Pn. Alia Nadiyah binti Abdul Fatah
 Pn. Arini Hanim binti Datuk Alias
 Pn. Ervinna Marie Donny
 Pn. Ezriyana Huda binti Kamarulzaman
 Pn. Fadwa binti Ali
 Pn. Faridah binti Md Saad
 Pn. Fatimah Zurina binti Mohamad
 Pn. Fazilah binti Ahmat
 Pn. Fazlina Suriyanti binti Fazil
 Pn. Fitri Nurdiana binti Mahmud
 Pn. Gong Jia Ying
 Pn. Hafizah binti Abdul Khanan
 Pn. Hamizah binti Kassim
 Pn. Hazmarizal binti Che Abd. Hamid
 Pn. Intan Hartini binti Ahmad Bidin
 Pn. Irma Hanim binti Abdullah
 Pn. Khairul Shazrina binti Noh
 Pn. Khairulnissa binti Abdul Kadir
 Pn. Kueh Mei Yen
 Pn. Maizatul Akma binti Mat Eil @ Ismail
 Pn. Marlina binti Matsalim
 Pn. Mary Anak Gudup
 Pn. Maslina binti Kamarudin
 Pn. Masniza binti Mansor
 Pn. Mazratul Adzfifi binti Abdul Rashid
 Pn. Mirza Ridiana binti Che Din
 Pn. Najwa binti Ahmad Hamdi
 Pn. Narwani binti Mahmood
 Pn. Noor Faezah binti Abd. Jalil
 Pn. Noorul Elysa binti Naizan
 Pn. Nor Azreen binti Salim
 Pn. Nor Fadzilah binti Sehibi
 Pn. Nor Hanisah binti Zaini
 Pn. Norainun binti Ismail
 Pn. Noreen Fazila binti Abdul Wahab
 Pn. Norfaiezah binti Ahmad

Pn. Norhaida Asma binti Hashim
 Pn. Norhaslin binti Abd Halim
 Pn. Noriza binti Zakaria
 Pn. Norlaily binti Md Nasir
 Pn. Norliza binti Ahmad
 Pn. Normaizan binti Marwan
 Pn. Norsyamlina binti Che Abdul Rahim
 Pn. Norsyila Darlinda binti Che Othman @ Osman
 Pn. Nur Adah Amni binti Menggong
 Pn. Nur Athirah binti Mohamad Zaini
 Pn. Nur Azlina binti Abdul Aziz
 Pn. Nur Dayana binti Shaari
 Pn. Nur Fareeza binti Hj Ngatiman
 Pn. Nur Farrahdilla binti Hassan
 Pn. Nur Hafiza binti Shamsuddin
 Pn. Nur Hidayatun Fadillah binti Mohd Nor
 Pn. Nur Jamiah binti Mohd Taufek
 Pn. Nur Liana binti Abdul Latiff
 Pn. Nurul Adilah binti Abu Husain
 Pn. Nurul Hidayati binti Mohd Nasir
 Pn. Nurul Nadia binti Hamdan
 Pn. Nurul Zaiza binti Zainuddin
 Pn. Nuurdiana binti Mohd Rafien
 Pn. Rahimah binti Haji Ahmad
 Pn. Rashadiba binti Ibrahim @ Rahman
 Pn. Rohaiza binti Manab
 Pn. Rosnita binti Ibrahim
 Pn. Rozalina binti Ismail
 Pn. Salwani binti Abdul Wahab
 Pn. Sarimah binti Husain
 Pn. Shirly Chai Sook Yi
 Pn. Siti Dinie Syazwani binti Azlam
 Pn. Siti Hamidah binti Abd Kader
 Pn. Siti Noorhuda binti Musa
 Pn. Siti Norsafiah binti Mohd Yusoff
 Pn. Siti Nur'hidayah binti Adznam
 Pn. Siti Rolizawati binti Mamat
 Pn. Siti Sara binti Jamil
 Pn. Siti Syahraini binti Mahamed Rusdi
 Pn. Suraiya binti Syed Mohamed
 Pn. Suzana binti Md. Isa
 Pn. Syarmilla binti Yusoff
 Pn. Syazwani binti Yahaya
 Pn. Umadevi a/p Nadarajah
 Pn. Vanitha a/p Subramaniam
 Pn. Wan Noorhidayat binti Wan Jusoh
 Pn. Wirdah binti Mohamed
 Pn. Zumaira binti Zainal
 Ts. Mohd Amirul Fahmi bin Mohd Lazim